

00-599



S.H. ALATTAS

Mahathir

Anwar

Konspirasi

Reformasi

00-599

Mahathir
Anwar
Konspirasi
Reformasi
Kopikasi
Wangkasi
Tak Ada Saksi

C a n t i k...

PAK HABIB
SYED HUSSEIN ALATTAS

Mahathir
Anwar
Konspirasi
Reformasi
Kopikasi
Wangkasi
Tak Ada Saksi

C a n t i k . . .

KOLEKSI NEGARA

241456

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

28 FEB 2000

S.H.ALATTAS
1998

Diaturhuruf Oleh :

Agensi Pekerjaan Abdullah & Rakan-Rakan Sdn. Bhd.

6-3 Wisma Kah Siong,

Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur

Tel : 03-4422700

Fax : 03-4427700

Diterbitkan Oleh :

Jaharah Enterprise

P.O.Box 11753

50756 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama

September 1998

©S.H. ALATTAS

ISBN 983-9438-05-0

Hak Cipta Dilindungi Oleh Allah SWT

Dicetak oleh:

Al-Suhaimi,

Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN

Mukadimah

1. **Konspirasi Reformasi Kopikasi Wangkasi Tak Ada Saksi**
2. **Bukan Setanlah... Syaitan.. Sultan**
3. **Kiai Zahid Merempuh Empire Maha**
4. **Anwar, Mahathir Dan Renaissance**
5. **Masalah Ayam Pun Tak Boleh Selesai**
6. **Nak Ikut Quran Atau Qarun?**
7. **Nerakakah Matlamat Hidup Kita?**
8. **Mahathir Double Standard**
9. **Kenapa Dan Mengapa Kita Jadi Begini?**

Buku-Buku Karya S.H. Alattas

1. Firasat (Rahsia Mengenal Diri) (1969)
2. Melangkah & Berjaya (1969)
3. Rahsia Mimpi Anda (1969)
4. Temanku Pemimpin-Pemimpin (1972)
5. Kenapa Rosli Dhobi & Tiga Hero Sarawak Di Hukum Bunuh (1974)
6. Perang Di Kuala Linggi (1978)
7. Sarawak Pada Siapa Hendak Diserahkan (1979)
8. Bahtera Lama Nahkoda Baru (1979)
9. Siapa Selepas Musa (1981)
10. Pemuda Di Zaman Mahathir (1982)
11. Tuah Nasib Pemimpin Malaysia (1983)
12. Perdana Menteri Yang Ke 5 (1984)
13. Hantu Bukit Cina (1985)
14. Musa Derhaka (1986)
- 15. Musa A Traitor (1986)**
16. Siapa Lawan Siapa (Challenger) (1987)
17. Talqin Untuk UMNO (1988)
18. Politik Serpihan (1989)
19. Revolusi Istana & Rakyat (1989)
20. Wanita, Takhta & Kuasa (1989)
21. Lima Raja Terakhir (1990)
22. Perang Di Parit Raja (1991)
23. Memo Kepada Perdana Menteri (1992)
24. Joker-Joker Politik (1992)
25. Tuanku Mahathir Lawan Sultan Mahmud Iskandar (1993)
26. Ku Yah Lawan Mike Tyson (1993)
27. Pemimpin, Politik & Firasat (1994)
28. Melayu 'The Overseas American' (1995)
29. Surat Khabar Lama (1995)
- 30. The Five Hundred Million Dollarman (1997)**
31. Sunnah Nabi Muhammad SAW Vs Sunnah Mahathir Mohamad D.K. (1998)
32. Mahathir Anwar Konspirasi Reformasi (1998)

لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Untuk mereka yang berfikir

***Ku tuliskan buku ini
Demi Agama, Bangsa & Negara***

Ya Tuhanku!
Jadikanlah negara ini
Sebuah negara aman dan makmur
Anugerahkanlah rakyatnya
Dengan rezeki yang melimpah
Jadikanlah rakyatnya
Orang-orang yang beriman
Kepada-Mu...
Ya Allah!

Doa Nabi Ibrahim a.s.
(Al-Baqarah : 126)

*Dengan Menyebut Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*




Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

(Ar-rad: Ayat 11)

*Baca, Bacalah Dengan Nama Tuhan
Yang Menjadikan Kamu*



Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan koleksi buku-buku kepunyaan beliau kepada masyarakat. Cuba periksa didalamnya ada tak buku '*50 Dalil Kenapa Anwar Tak Boleh Jadi Perdana Menteri?*' Bila pula Brother Anwar hendak hadiahkan buku '*Mahathir Anwar Konspirasi Reformasi*' pada masyarakat? Masyarakat di Malaysia satu tahun cuma baca dua buku saja. Buku yang mana satu yang anda baca? Tulisan Khalid Jefferi atau S.H. Alattas? Dan bila pula anda hendak mendermakan buku-buku yang sudah anda baca kepada mereka yang tidak mampu membeli, tetapi mempunyai minat mahu membaca?



Time, September 14, 1998

Saya jadi mangsa konspirasi beberapa pemimpin yang cemburu dan iri hati, dengki tengok Dr. Mahathir sayangkan saya. Mereka tahu PM akan serahkan jawatan Perdana Menteri pada saya kerana saya adalah "*the blue eye boy*" Dr. Mahathir. Cara yang paling baik untuk menjatuhkan saya ialah dengan cucuk, hantar batu api, adakan fitnah, akhirnya Presiden terpaksa bertindak. Mereka semua bimbang dengan populariti saya di kalangan rakyat kerana saya sentiasa berjuang untuk golongan miskin, menyediakan rumah kos rendah, mencetus idea Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa. Apa yang paling menakutkan pihak berkenaan ialah pindaan Akta Pencegah Rasuah yang saya bantangkan di Parlimen.


Saya menyerahkan kepada peguam saya untuk membela segala tuduhan yang akan dikenakan terhadap saya. Saya dipecat bukan kerana moral tetapi kerana politik. Oleh kerana saya dijatuhkan oleh konspirasi politik, saya akan lawan mereka dengan cara politik juga.



Anwar : Anda berjaya memecat saya sebagai Timbalan Perdana Menteri, sebagai Menteri Kewangan, anda juga berjaya mempengaruhi MT supaya membuang saya dari UMNO kerana anda berkata anda tidak lagi mahu saya dalam UMNO. Saya tidak bermoral, pada hal anda sendiri tahu *moral* itu adalah sesuatu yang *subjektif*. *Moral* ikut kayu ukur siapa, pandangan Islam atau orang bukan Islam? Anda berjaya mematikan karier politik dan jawatan saya yang ada kaitan dengan kuasa yang ada ditangan anda. Itu saja. Anda hendak penjarakan saya, silakan. Saya tahu mahkamah yang akan menjatuhkan hukuman terhadap saya adalah mahkamah *undang-undang*. Saya khuatir sekiranya saya tidak akan mendapat *keadilan*. Saya bimbang dan saya kasihan, tekanan perasaan yang terpaksa anda tanggung kerana saya akan hidup subur di hati rakyat yang akan terus menuntut *keadilan*. Dan secara automatik anda akan mati di hati mereka yang bencikan *kezaliman*, benci *kekejaman* dan benci *keangkuhan*. Itu tanda-tanda seorang pemimpin pasti jatuh kerana itu janji Tuhan. Apa hendak buat persahabatan kita berakhir dengan cara begini. Namun biarkan sejarah yang menjadi hakim menghukum kita.



Anwar Ibrahim : Sepatutnya Datuk Serilah yang mesti berhenti. Bukan pecat saya. Umur Datuk sudah 73 tahun bukan 37. Umur yang tinggal pendek macam ini, '*umur subsidi*' pun Datuk hendak bergaduh dengan semua orang. Dan yang terpenting apakah Datuk tidak memikirkan *kredibiliti* Datuk sepatutnya mengikut *precedent* yang Datuk tetapkan sendiri bahawa '***a man is innocent until proven guilty***'. Kenapa masa saya Datuk '*double standard*'? Belum dibicarakan saya sudah bersalah. Saya Datuk pecat. Saya dan Zahid Hamidi adalah seperti anak-anak Datuk. Membuang dan mengaibkan saya di mata dunia tidak akan menyelesaikan masalah ekonomi, apa lagi masalah politik. Kegawatan akan berpanjangan. Mungkin Datuk tak salah, kerana hak memecat sesiapa saja ada di tangan Datuk, namun rakyat mempersoalkan '***modous oprendiny***'. Caraa... Datuk pernah berkata bahawa ***yang menang tak boleh dapat semuanya dan yang kalah mustahil kehilangan segala-galanya***. Datuk boleh tarik semua MT memihak pada Datuk, cara ini akan menyimpitkan lagi jalan UMNO menghadapi pilihanraya.



Datuk Sri Dr. Mahathir : Tun dulu cakap bahawa Tun seperti orang Semenda, dipanggil datang, datang, di suruh pergi, pergi. *Ibarat melukut di tepi gantang.* Ada pun tak apa, tak ada pun siapa pun tak ambil peduli. Tapi hari ini macam mana kalau saya suruh Tun bercakap pasal ekonomi, boleh?

Tun Ghafar : Nak cakap pasal ekonomi macam mana, kalau tak ada orang tolong. Saya sudah diistihar bankrupsi, kerusi Ahli Parlimen pun hilang. Tapi boss suruh cakap, cakap sajalah. Jalan suruh cakap pasal hal *high politic* nanti saya kena label terlibat dengan konspirasi. Hendak cakap pasal moral tu boleh tapi kalau tanya rakyat Sabah siapa tak kenal Tun Ghafar. '*I Love Sabah*'. Yang ini agak susah. Lagi pun saya sudah tua sepatutnya saya duduk saja di rumah jaga anak isteri sudahlah. Hari ini saya duduk dalam rumah kaca. Kalau saya main-main baling batu, nanti orang pulang balik batu yang kita baling, rumah saya sendiri yang pecah. Ini yang susah.



Ku Li : Dulu kita berdua dilabel sebagai penderhaka kerana kita tentang dan lawan Mahathir. Ahli UMNO dan rakyat memihak pada Anwar-Mahathir. Sekarang Anwar baru tahu, baru kenal siapa Mahathir? Kita tak boleh campur, kita tak boleh memihak, soal moral ini susah sikit nak cakap. You fikir apa macam tahun depan kerusi Timbalan Perdana Menteri sudah kosong? Kita try sekali lagi? Tapi kali ini saya di kerusi Timbalan, you saja lawan Presiden. You berani ke? Ini *last fight*. Kita acah-acah aje. Macam mana kalau kita pelawa Pak Habib dan semua penulis politik masuk geng kita. Saya kalau suruh Zahrin jumpa Pak Habib rasanya 'no problem'.



Datuk Samy Vellu : Minta maaf banyak-banyak, saya tak boleh campur, ini UMNO punya hal. Ini masalah rumahtangga masing-masing. Walau bagaimanapun saya tidak keberatan untuk mendoakan Datuk. Datuk tak perlu susah hati, cuma ada dua kerusi Naib Presiden yang layak dipilih menjadi Perdana Menteri. Kita dalam Barisan Nasional akan taat pada siapa saja yang Datuk Sri Dr. Mahathir pilih jadi Timbalan Perdana Menteri. Biar bagaimanapun saya mahu jumpa Datuk Abdullah Badawi dulu, dia pun saya punya kawan juga.



Zahid Hamidi : Apa nak heran... mula-mula Timbalan Presiden UMNO yang menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kena pecat. Lepas ini mungkin saya Ketua Pemuda pula akan dipecat. Yang memecat pula ahli MT saja. MT bukannya satu *tribunal* yang boleh dihormati kerana Mahathir selaku guru besar awal-awal lagi sudah beritahu dia tidak sukakan Anwar. Sepatutnya keputusan pemecatan Anwar dibuat secara *undi sulit* dan yang penting Mahathir dan Anwar tidak hadir semasa keputusan perbincangan mahu memecat Anwar dilakukan. Nampaknya UMNO ini milik beberapa orang saja, bukan milik orang Melayu, bukan milik rakyat lagi. Waktu memilih Ketua Pemuda, undi datang dari seluruh pelusuk negara. Begitu juga dengan pemilihan Timbalan Presiden UMNO. Apakah sesudah ini ada ahli UMNO yang waras fikirannya mahu bersusah payah mengadakan Perhimpunan Agung memilih pemimpin yang akhirnya ditentukan oleh seorang guru besar saja? Tak mustahil parti UMNO akhirnya akan jadi macam parti 'Tupperware' atau parti 'Amway' atau parti 'direct selling', di mana seorang CEO saja yang mengendalikannya.




Datuk Hishamuddin : Saya bukan bertujuan hendak cekik saudara tapi hendak buat macam mana, keadaan politik hendak hidup menyempitkan cara kita berfikir. Apakah awak fikir saya saja yang hendak hidup? Hari ini dalam Pemuda agenda utama ialah bisnes, politik itu sendiri adalah satu bisnes. Apa yang saudara cakap semuanya betul dan apa boss cakap pun betul juga tapi disuruh pilih ikut saudara atau ikut boss, susah sikit nak fikir. Hari ini tak ada apa lagi yang hendak diperjuangkan.. Ini zaman ekonomi meredum. Yang penting diperjuangkan ialah ekonomi sendiri dulu... Sememangnya ahli politik mesti patriotik tapi **isme**. Politik idelisme ini untuk pembangkang saja. Dalam parti kita tak boleh menentang, yang terpenting bukan *patriotisme* tapi *perutisme*. **Nak hidup brother**. Yang penting dalam perkampungan politik '**nak hidup**'. Kalau **nak hidup** mesti patuh pada apa saja arahan dan perintah boss. Kalau tidak suka cara Mahathir, berhenti saja ikutlah Anwar, di sana boleh cakap pasal *reformasi*.




Seandainya Anwar Ibrahim tidak dipecat tentu dia terlupa bahawa ramai rakyat yang memerlukan pembelaan. Ada hikmah dia jadi mangsa *konspirasi*. Segala rahsia yang disembunyikan oleh geng-geng yang telah lama hidup dengan duit rasuah, menipu, mencuri dan menyamun kekayaan negara terdedah. Mungkin dia hilang kerusi TPM, kerusi Menteri Kewangan dan macam-macam lagi namun rakyat dapat satu orang lagi pembangkang yang sama hebat dengan Lim Kit Siang. Allah Maha Kuasa. Allah sayangkan rakyat yang tak berdosa. Kerajaan tangkap anak Lim Kit Siang. Allah gantikan dengan orang nombor dua dalam kerajaan yang tahu semua rahsia. Ahli UMNO tidak tahu kerugian yang mereka akan alami akibat membuang Anwar bila Anwar duduk bersama pembangkang dalam Parlimen nanti. Tunggu dan lihat, apa akan jadi?



Mungkin di dalam UMNO Anwar tinggal keseorangan, semua kawan-kawannya lari memihak kepada Mahathir. **Nak hiduplah katakan.** Biasalah bila pokok jatuh kura-kura pun boleh panjat tapi berbeza di luar UMNO sambutan yang Anwar terima jauh lebih hebat dari semasa berada di dalam UMNO. Setiap hari, siang dan malam puluhan ribu rakyat, tak kira apa juga keturunan Cina, India atau Melayu, tak kira agama dan kepercayaan, mereka menunjukkan simpati. Mereka datang hendak dengar Anwar berceramah, kenapa? Apakah mereka tak percaya semua tuduhan dan affidavit? Apa juga yang di tuduh kalau sudah berlebih-lebihan, orang ramai tak akan percaya lagi. Mereka tahu media massa milik siapa?



Seandainya Anwar telah meletakkan jawatan seperti yang dikehendaki oleh Mahathir, Anwar akan jadi seperti kambing-kambing yang lain. Beribu-ribu kambing di sembelih setiap hari siapa pun tidak peduli, tapi seekor harimau baru terkena tembakan, belum pun mati, ia menjadi berita muka depan di semua media massa. Maka bermulalah perang Anwar lawan Mahathir, antara mendedahkan *konspirasi* melawan pendedahan 50 dalil yang akhirnya menimbulkan *reformasi*.



Sepatutnya bila sudah kena berhenti siapa pun tak mahu ambil tahu tetapi disebabkan **caraa...** Mahathir yang tak mengikut *precedent* '*modus operandinya*' yang sepatutnya, Anwar menjadi tumpuan media massa dari seluruh dunia.



"Saya seorang Presiden, saya seorang Perdana Menteri, saya juga seorang raja maka selaku rakyat awak semua mesti memberikan kepercayaan pada saya. Kalau selama ini anda semua boleh yakin dan percaya saya **boleh**, maka anda mesti yakin bahawa saya **boleh** salesaikan masalah yang ditimbulkan oleh Anwar Ibrahim yang baru hidup 16 tahun dalam politik, yang cuba nak tunjuk **terror**, begitu juga Zahid Hamidi. Mereka lupa saya sudah 17 tahun jadi Perdana Menteri umur 73 tahun yang cuba nak lawan saya, pasal apa? Tak bolehkah sabar sikit? Memang saya mahu berikan jawatan ini padanya tapi bukan dengan cara mendesak dengan ajak saya berlawan. Saya tak rugi kalau kalah, Anwar kena fikir. Tengok apa sudah jadi pada siapa yang pernah berlawan dengan saya? Perdana Menteri kalau tidak suka pada sesiapa, orang itu mesti susah. Saya Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara mesti ikut arahan saya begitu juga dengan kakitangan kerajaan. Maka fikirkanlah mahu *reformasi* atau *konspirasi*? Mahu *konspirasi*, saya kopikasi, wangkasi, tak ada saksi, semua boleh jadi atau mahu jentik kasi?



Hai Tuah! Kalau kau betul berani, kau juga letak semua jawatan dan kita bertanding dalam pilihanraya dimana saja. Nasib baik yang ditangan ini bukan keris Taming Sari, bukan juga keris UMNO. Aku dapat free dari pasar seni. Kalau keris ini ada sakti, aku sumpah kau jadi burung hantu biar semua burung tiang dan burung kakak tua ikut suaramu.

Kasihlah burung kakak tua yang cuma tahu perkataan "**cantik...**" Apa saja boss cakap. **cantik...** Aku bimbang kau mati nanti pun kakak tua semuanya kata "**cantik..!**"

Menderhakakah Jebat yang menuntut keadilan kerana telah menjadi mangsa fitnah dan *konspirasi* politik? Dan bolehkah Anwar menggunakan keris untuk mengadakan *reformasi*? Setahu saya pena itu lebih berbisa dan berkuasa dari keris Taming Sari.



Datuk Sri Anwar Ibrahim : Apakah mereka yang *mengurat* isteri sendiri saja dinamakan pemimpin yang baik? Berapa ramai diantara mereka yang bercakap pasal *moral* yang sudah ambil isteri orang, menjadikan isterinya sendiri? *Bermoral*kah isteri pembesar yang berada di khalayak ramai tanpa menutup aurat?

Ada pemimpin yang hari-hari mengurat isteri sendiri tapi dalam masa yang sama mengkhianati kawan-kawan sendiri, menabur fitnah, mengupah para pengumpat untuk menjatuhkan manusia yang dimusuhinya, *tepat diluar pipih didalam*. Apa hukumnya terhadap mereka yang terlibat dengan *konspirasi* mengadu dombakan kawan-kawan sendiri, sentiasa dengan sikap hasad dengki, cemburu, iri hati, menjadi pengkhianat pada bangsa, bersembunyi disebalik boss? Mereka sebenarnya pemimpin yang munafik, yang pandai mengampu boss, tetapi menipu rakyat. Cuba menutup pekong kawan-kawan yang jadi penyamun, perasuah tapi bijak meletakkan kesalahan pada orang lain.

Marilah kita sama-sama berfikir, merenung dan mencari jalan secara bersungguh-sungguh, tentang akar sebab masalah ekonomi yang antara puncanya ialah amalan nepotisme dan pilih kasih atau kepada sebab luaran manusia yang bernama Yahudi?



Kalau dulu masa jadi TPM, Brother Anwar ada masa, boleh berehat kini bila sudah dipecat, setiap hari di rumahnya dipenuhi oleh rakyat hingga tak ada masa untuk diri dan keluarga tetapi Anwar beruntung dalam keadaan macam mana sekalipun keluarga tetap bersamanya.



Rakyat lantik Mahathir jadi Perdana Menteri suruh uruskan nasib rakyat yang miskin, bukan suruh sibuk dengan urusan perniagaan. Kalau sibuk berniaga, berhenti sajalah jadi Perdana Menteri. Joint anak beranak, ipar duai dan suku sakat, buat Malaysia Incorporated milik Dynasty Mahathir.



Datuk S. Nallakaruppan (*The good black man*) dalam bahasa urdu, Nallakaruppan ertinya lelaki berkulit hitam yang baik. Nallakaruppan, Magnum Corporation Bhd, Public Affairs Director, menjadi mangsa kerana berbaik dengan Anwar. Apakah tidak mustahil yang benci, dengki dan iri hati pada Datuk Nala adalah orang yang warna kulitnya sama, tapi perangainya tak baik, hatinya hitam macam gagak? Mereka bimbang kalau Anwar yang jadi PM, tak mustahil Nala juga boleh jadi menteri penuh, boleh pimpin orang India maka orang Melayu dijadikan alat.

New Straith Times (4 Sept 1998)



Lim Kit Siang : Apa lagi mau cakap. Dulu saya punya anak kena. Kita beritahu orang, itu mahkamah tidak adil, kita pun jadi susah. Tapi kita tahu apa kita cakap ramai yang percaya. Sekarang bila Anwar Ibrahim kena pecat, you ingat rakyat tak percaya apa pembangkang cakap. Itu Anwar sudah 16 tahun berkerjasama dalam UMNO sikit salah pun Perdana Menteri boleh hukum, mana ada keadilan, itu pasal kita mahu *reformasi*.



Lim Guan Eng : Hari ini awak boleh tangkap saya, badan saya awak boleh penjarakan. Mulut saya dan fikiran saya, awak tak boleh tutup. Awak tak boleh tutup minda rakyat Malaysia yang sudah terbuka. Yang awak boleh buka tutup pintu penjara. Apa yang berlaku keatas saya adalah satu kezaliman, penganiayaan. Tuhan ada tunggu, nanti hukum karma tunggu saja bila Anwar kena macam saya. Sejarah akan buktikan siapa salah dan siapa benar.



Datuk Sri Anwar Ibrahim: "Boss, tengok sini buat apa tengok sana dan cuba jawab pada saya atau pada rakyat apakah yang saya buat selama ini untuk rakyat dan kerajaan, satu perbuatan yang tidak bermoral?"

"Boss, janganlah fikir nak buat projek mega-mega sahaja. Macam mana dengan rakyat miskin?"

Sewaktu masih menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Anwar telah melancarkan program-program untuk rakyat termiskin menerusi peruntukan Belanjawan. Beliau juga menarik sektor swasta agar bekerjasama dengan kerajaan dalam menyediakan rumah bagi golongan yang tidak bernasib baik. Hari ini, inilah antara sebab mengapa rakyat bersimpati dan memberikan sokongan mereka kepada Anwar. Yang pecat Anwar, pasal apa?



Rakyat bukan tidak mahukan pembangunan, tetapi janganlah sampai memusnahkan harta benda dan masa depan mereka.

Siapakah yang mengaut keuntungan setiap kali sesuatu projek dilaksanakan? Kenapa sesuatu projek itu mesti dijalankan juga walaupun ia tidak begitu mendesak? Ada apa-apa ke? Macam mana pula kesannya terhadap politik Melayu?

Sikap tidak amanah dan jujur ketika mengendalikan urusan pentadbiran, pengagihan sumber ekonomi dan pengambilan hak rakyat perlu di hentikan. Kalau tidak, nampaknya rakyat macam membazirkan beras sahaja memberi sokongan kepada parti yang memerintah.



Anwar turut menegaskan sambil menyelar pentadbiran Mahathir yang mengamalkan *nepotisme*, *koluni* dan *kronisme* yang cuba diperangnya sebelum beliau dipecat.

Anwar percaya, jika amalan ini dapat di hapuskan, negara akan lebih cepat keluar dari masalah kegawatan ekonomi.

MUKADIMAH

Sewaktu Pak Habib menerima berita bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah dilucutkan dari jawatan Timbalan Perdana Menteri, dan juga Menteri Kewangan menerusi siaran berita TV yang juga mempamerkan visual kenyataan Jabatan Perdana Menteri yang dihantar kepada Yang DiPertuan Agung, Pak Habib mengucap panjang, kemudian Pak Habib susuli dengan astaghfar sambil bertanya, "Apa dah jadi ni?"

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad selaku **Raja Melayu tanpa mahkota** telah memecat **Tengku Mahkota** secara serta merta sebagai Menteri Kewangan dan semua jawatan yang ada kaitan dengan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 2hb. Sept 1998. Selaku seorang pemikir bangsa, Pak Habib ingin bertanya motif *pemecatan*, *adakah agenda yang tersembunyi di sebalik konspirasi?* Kalau betul, ini adalah satu sejarah yang tragik.

Perbuatan membuang seorang Tengku Mahkota ketika orang Melayu dalam keadaan yang celaru dan haru biru bukanlah satu tindakan yang bijak. Ini kerana pertamanya tidak kena pada masa dan ketika. Kedua pula, tidak kena pada orang dan tempatnya. Malah banyak lagi yang tak kena apabila

kita memikirkan umur UMNO kedua, UMNO Mahathir yang baru setahun jagung. Raja dan Sultan yang sebenarnya tinggal nama saja, tak mempunyai kuasa apa-apa. ***Hidup, mati, dan kehadiran mereka dalam masyarakat majmuk bergantung pada Perlembagaan yang boleh di pinda-pinda menurut kemahuan orang politik.***

Disebabkan ianya satu keputusan yang muktamad dari seorang Datuk Sri Presiden Tuanku Mahathir yang ada kuasa luar biasa, kuasa seorang raja, siapa pun tak berani berkata apa-apa. Apa lagi mahu menyampaikan sembah derhaka.

Saya tersenyum dan saya berkata pada diri saya sendiri, 'astaghfirullah. *Mahathir Oh Mahathir*, apa dah jadi ni? *Cari penyakit betul orang tua ini, dah buang tabiat agaknya*'. Kalau kita kata dia *nyayuk* tentu sekali dia tak boleh terima. Tapi ***tindakan yang drastik serupa ini boleh menimbulkan "social unrest"***. Apakah dia terlupa ramai Tengku Mahkota yang telah melakukan dosa-dosa yang jauh lebih besar. Hendak sebut pun takut dan malu? Raja Melayu sendiri tetap di isytihar sebagai raja. Raja itu penting, bukan saja bagi orang Melayu tapi bagi beruk dan ular, dan semua binatang ada rajanya. Beruk ada raja beruk, Ular Cintamani raja segala ular, dan singa di hutan menjadi raja haiwan.

Hari ini Mahathir adalah Raja Melayu yang sebenarnya. Kuasa eksekutif yang tidak terbatas, yang tidak boleh lagi di imbangi dengan '*check and balance*', berada di tangannya dan seandainya dia tak ada lagi, tentunya Anwar selaku Tengku Mahkota sebagai pengganti dan pemilik kuasa mutlak atau *absolute power* yang telah di asaskan oleh Mahathir untuk kerusi Perdana Menteri dan malah juga kerusi Presiden UMNO

Raja dan Sultan yang ada ini sekadar meneruskan tradisi satu budaya. Untuk berapa lama lagi mereka ini akan dikekalkan? Apakah ia berdasarkan kepada kegawatan ekonomi dan siapa pula Perdana Menteri selepas Mahathir? Ditakdirkan UMNO leka berbunuhan sesama sendiri, UMNO akan mati lagi. Tak mustahil Datuk Sri Ling Liong Sik menjadi Perdana Menteri. Fikirkanlah..! Menungkanlah..! Dulu masa UMNO mati... Tuanku Ling mengorbankan kerusi untuk Mahathir. Kalau ada Tunku Wong dan Raja Brooke sebagai Sultan Sarawak apakah tak mungkin nanti ada Tuanku Samy? Ada Rajaratnam? Rajalingam? Rajamani? Dan entah raja apa lagi. Dan taraf raja-raja Melayu diturunkan kepada taraf penghulu sahaja.

Ingatlah, hari ini apa juga yang ada kena mengena dengan Islam sudah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apa jadi kalau Perdana Menteri bukan lagi orang Melayu? Ingatlah peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bukan muktamad bukan macam peruntukan-peruntukan undang-undang Islam dalam Al-Quran. Itu pun boleh diperlecehkan oleh Mahathir sendiri. Sebagai contoh hukum hudud dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Kalau peruntukan mengenai imuniti dan hak raja-raja Melayu pun boleh di pinda, inikan pula peruntukan mengenai Perdana Menteri yang berketurunan Melayu? Apakah Mahathir tak takut kalau orang Melayu hilang kuasa politik setelah beliau pergi nanti?

Ya Rahmantan lialamin. Wahai Tuhan, raja sekalian alam pada-Mu aku bermohon, berikanlah aku ilham, berilah aku petunjuk, berikanlah aku kekuatan dan kebijaksanaan untuk menjawab segala macam soalan yang ditunjukkan. Pertama bagaimana hendak menyelamatkan penduduk di negeri ini yang berada didalam kebingungan memikirkan apa akan

terjadi pada anak cucu mereka seandainya pergaduhan di dalam UMNO di antara Tengku Mahkota dan Sultan ini berterusan.

Kebetulan waktu itu Pak Habib sedang bercakap seorang diri, tak ada orang lain di sekeliling. Di tengah malam yang sunyi sepi, dalam hutan belantara, mana ada manusia di sekeliling kita. Yang ada mungkin para jin, makhluk halus dan hantu syaitan. Kalau para jin yang mendengarnya, tak apa, tak jadi hal. Kalau jin terkejutpun, mereka tak boleh buat apa-apa.

Bertemankan kerdipan bintang-bintang di langit yang begitu indah sekali, Pak Habib duduk seorang diri di balkoni di luar bilik bacaan, tempat Pak Habib selalu mencari ilham di Muzium Penulis Pak Habib di Wadi Hussein, Janda Baik.

Malam itu cahaya bulan bermain pada air sungai yang mengalir, pada jeram di mana air memutih melompat terjun pada longgokan batu-batu. Desirannya bagaikan simfoni merdu yang membelah keheningan malam. Percikan air yang memecah pada batu-batu tampak bagaikan berlian dan permata yang berkilau di simbah cahaya rambulan. Bayangan purnama juga turut kelihatan di permukaan kolam ikan yang berhampiran dengan rumah yang sedang bermandikan cahaya yang lembut. Suasananya membelai perasaan halus yang cintakan seni dan keindahan ciptaan Tuhan. Sinar purnama begitu lembut menyapa bayangan teratak, menyentuh dedaun-dedaun yang masih dibasahi embun. Indah. Begitu indah. Itulah sahaja yang dapat Pak Habib ungkapkan.

Maha Suci kau wahai Tuhanku '*subhanallah*', segala puji bagimu Ya Rahman, Ya Rahim, Ya Latif, pencipta sekalian alam. Selawat dan salam sejahtera untuk junjungan kekasih-

Mu, habibullah, Muhammad SAW beserta kaum keluarga dan sahabatnya.

Di dalam taman bunga yang mempunyai puluhan bunga-bunga exotic, sesekali terdengar suara burung pungguk mendayu-dayu dan tatkala angin berhembus lembut, diiringi dengan seribu kedinginan malam yang syahdu, maka menjelmalah keharuman bunga yang melalaikan lagi menusuk jiwa. Harumannya mungkin bagaikan bidadari syurga yang bermandikan **bunga kesidang** dengan haruman pewangi semulajadi yang mempercikkan kesegaran serta meresap ke dalam batin. Sesungguhnya ia memberikan kenikmatan luar biasa pada tenaga dalam yang ada kaitan dengan alam kerohanian.

Taman Hana yang Pak Habib cipta ini bukan sebarang taman, **'The Garden Of Eden'**. Ia Pak Habib ilhamkan buat isteri Pak Habib dan para seniman, yang mahu mendapatkan sentuhan ilham. Begitu jugalah buat diri Pak Habib sendiri. Di teratak yang berada jauh di hutan belantara ini, di kaki gunung yang menghijau dan terpisah dari hiruk pikuk manusia inilah Pak Habib mencoretkan pena dan mencurahkan segala pemikiran dan perasaan. Dan di sini jugalah Pak Habib menghasilkan buku ini, sambungan dari buku ***Sunnah Nabi Muhammad SAW vs Sunnah Mahathir Mohamad D.K.***

Buku yang berada di tangan anda ini asalnya diberikan judul ***Mahathir Diambang Senja***. Entah apa sebabnya, sewaktu cuba menulis mukadimahnyanya ketika berada di Melbourne, Pak Habib mengambil keputusan untuk menanggungkan buku tersebut untuk seketika. Tunggu dulu. Dan akhirnya bila Anwar dipecat lahirlah buku ***Anwar Mahathir Konspirasi Reformasi Kopikasi Wangkasi Tak Ada Saksi*** tapi dipendekkan kepada ***Anwar Mahathir***

Konspirasi Reformasi. Buku ini merupakan buku bonus sebenarnya.

Sesudah tiga puluh buah buku Pak Habib hasilkan, namun yang satu ini yang unik sekali. Intipatinya bukan saja berkaitan dengan masalah dalaman parti, dalaman kerajaan tapi juga dalaman manusia itu sendiri yang memerlukan satu *reformasi*, satu revolusi minda dan kerohanian. Sama ada Anwar diterima semula dalam UMNO atau tidak, *trilogi* Pak Habib mesti diteruskan dan pengisytiharan perang terhadap Mahathir mesti diteruskan juga. Perang ini hanya akan dihentikan sekiranya Mahathir berhenti dari membuat kerja-kerja karut-marut dan melalut yang boleh merugikan agama, bangsa dan negara. Mahathir sudah jadi raja cuma tak dipanggil Ke bawah Duli Tuanku saja, hendak apa lagi? Kena ketulah agaknya Mahathir ni, kerana orang yang hendak jadi raja ini mesti dari darah keturunan bangsawan dan mesti mempunyai kekuatan kerohanian dan ada hubungan rapat dengan Tuhan.

Ini buku bukan sebarang buku, bukan calang-calang buku, bukan boleh buat main-main. Ini sebuah buku yang berbahaya. **Buku ini yang akan menentukan hidup matinya kuasa politik yang ada pada orang Melayu. Hanya politik saja satu-satunya 'aset' yang masih ada pada bangsa Melayu. Tanpa politik, tanpa kuasa, orang Melayu akan kehilangan Raja-raja, orang Melayu bakal jadi pengemis dalam negerinya sendiri. Kita sudah tengok nasib orang Melayu di Singapura. Patutkah para pemikir Melayu berpeluk tubuh dan raja-raja serta kerabat mereka tidur lena dalam istana?**

Sebab itu kita perlu menyendiri, perlu berada di tempat yang sunyi dan di waktu malam yang dingin begini perlu lihat dalam diri. Berperanglah dengan diri sendiri dulu, matikanlah

ego, bersihkanlah hati dari hasad dengki, amarah supaya Allah yang berada di dalam diri, dalam mahligai hati, kalau syaitan dibiarkan menguasai diri, binasalah kita dan akhirnya berbunuhan sesama sendiri. Memang sekarang ini ramai yang panas hati dengan Perdana Menteri.

Tak panas macam mana, Mahathir buat kerja yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana Presiden atau Perdana Menteri UMNO sepanjang sejarah 41 tahun merdeka dan 52 tahun penubuhan parti tersebut. Dia *berkerat rotan* dan *berpatah arang* dengan timbalannya. Dia *marahkan nyamuk kelambu dibakar, kerana mahu menang sorak kampung tergadai* akhirnya *yang kalah jadi abu dan yang menang jadi arang*. Apakah ini satu tindakan orang yang bijaksana dan waras atau orang yang mengikutkan nafsu amarah?

Dua Timbalan Perdana Menteri digugurkan dari kerusi, rakyat sekadar boleh cakap sama sendiri. **Mahathir.. Oh Mahathir**, dahsyat sungguh manusia yang bernama Mahathir ini. Ketua Hakim Negara dilucutkan dari jawatan. Beliau juga mengambil *imuniti dari raja-raja Melayu macam mengambil telur ayam dari bawah ibu ayam yang sedang mengeram*. Cerita dan berita gempar yang bermain di dada akhbar tenggelam dan mati begitu sahaja. Media massa berada di dalam gengamannya.

Hebat Mahathir mempermainkan isu, semua orang tahu Mahathir hidup kerana isu tapi ramai yang terlupa bahawa *pawang buaya akhirnya mati di baham oleh buaya juga*. Begitu juga *para pemain silap mata yang menggunakan ular*. Ada di antara mereka yang menemui ajal akibat dipatuk oleh ular sendiri.

Beginilah keadaan hari ini bila Datuk Johan Jaafar

diberhentikan di Utusan Melayu, dan Datuk Nazri Abdullah dipindahkan dari Berita Harian, di TV juga terdapat perubahan. Rakyat mengesyaki sesuatu, tiba-tiba saja rakyat dikejutkan Tengku Mahkota dijadikan banduan. Rakyat hilang kepercayaan pada media massa kerana rakyat mengesyaki ada agenda tersembunyi di sebaliknya.

Di ketika semua tumpuan perhatian rakyat Malaysia ditujukan ke arah diri dan keluarga serta kronies di sekelilingnya, Mahathir bawa senarai nama menteri dan mereka yang turut menerima habuan hasil dari kononnya terciptanya Dasar Ekonomi Baru. Mahathir boleh memindahkan pandangan dan kemarahan orang ramai terhadap dirinya kepada Timbalannya dan Zahid. Kemarahan dan pandangan terhadap beliau dan suku sakatnya habis macam itu sahaja. Tapi Mahathir terlupa, *berpunca dari kronies dan suku sakat maka timbul isu gawat akhirnya ekonomi meredum*. Rakyat sekarang banyak yang lapar, kerja tak ada. ***Mahathir pun lupa pintu dan tingkap kita boleh buka dan tutup semula, begitu juga dengan mulut tempayan tapi tidak dengan mulut dan minda manusia***. Melayu di zamannya sudah bertukar menjadi Melayu IT, Melayu pintar.

Bila tiba-tiba saja orang nombor dua yang sudah sepuluh kali disebut-sebutnya sebagai bakal penggantinya didedahkan dengan segala macam keaiban, keburukan dan kejahatan, dilabelkan sebagai penderhaka terhadap bangsa dan negara dan semua ini disogokkan ke telinga rakyat agar mereka percaya. Dan itulah sebabnya Anwar harus dipecat secara serta merta. Biar bagaimanapun berita macam ini payah orang hendak terima. Orang sudah tahu Mahathir main silap mata. Isu kronies dan suku sakat serta nepotisme masih belum lagi dilupai oleh rakyat begitu sahaja.

'You cannot give a dog a bad name and kill him. You can cheat everybody one time, somebody sometime, not everybody everytime. Every dog has its day'. Masakan seluruh rakyat yang dulunya pernah menjadikan Anwar Ibrahim sebagai idola bangsa, tiba-tiba dipaksa agar membenci tokoh yang sudah sebatu dalam kepemimpinan politik negara itu. Tak kan hendak ikut dan percaya cakap-cakap Mahathir macam itu saja.

"Mahathir ingat rakyat Malaysia ini bodoh sangat ke? Tak kan seorang manusia macam Anwar tiba-tiba saja jadi seolah-olah lebih jahat dari seorang penjenayah serta dijadikan musuh nombor satu negara?".

"Oi.. Perdana Menteri... mentang-mentanglah lu ada kuasa, kalau hendak *chong* pun lu tengok kiri kananlah, janganlah lu *leborg*, lu *gurmah* lebih sangat. Kalau pada mereka yang *pengor*, bolehlah. Rakyat Malaysia bukan semuanya *bangang*.. Boleh belah...lah lu..". Tiba-tiba sahaja kata-kata budak di coffee house yang Pak Habib jumpa pada tengahari itu berputar kembali dalam ingatan

Pak Habib tersenyum. "Kali ini Mahathir yang cuba nak jadi tupai sudah terkena. ***Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga***. Sorry Che Det, kali ini hang yang akan tersungkur ke tanah. Tak kan Hang lupa umur hang 73 bukan 37. Rumah dah kata pergi, kubur dah kata mari".

Pak Habib tak terkejut apabila Ustaz Ashaari yang dijadikan sasaran walaupun ramai umat Islam marah tapi Ashaari bukan orang politik. Ashaari ditonjolkan di TV dan semua media massa. Berita Ashaari jadi sejarah yang sangat menyayat hati.

Dr. Mahathir jangan lupa, Ustaz Ashaari belum mati lagi,

para pengikutnya menunggu hari. Pelanduk boleh lupakan jerat tapi jerat tak pernah lupakan pelanduk. Mahathir juga jangan lupa orang-orang Musa dan Ku Li yang pernah jadi mangsanya. Apakah Mahathir fikir Pak Ghafar boleh lupa macam itu saja apa yang Mahathir sudah buat padanya? Begitu juga dengan Rais Yatim, Shahrir Samad, Marina Yusof dan beberapa orang lain yang pernah menjadi mangsa beliau. Hari ini Marina Yusof ada bersama-sama Anwar Ibrahim.

Mahathir kena ingat orang Melayu adalah bangsa yang tak tunjukkan marah di depan. *Luka sudah sembuh parut tetap kekal* di hati dan pada *bila-bila masa boleh berdarah kembali*. Hari ini Mahathir masih kuat, sokong sahajalah. Namun kejujuran dan keikhlasan belum tentu dan sokong juga akhirnya akan membawa rebah. Meredum... Pak Pong. Pak Pong. Orang pun tepuk tangan.

Mahathir memang seorang jaguh politik dunia. Mungkin tidak akan ada lagi ahli politik yang lebih dahsyat dari Dr. Mahathir di Malaysia. Dia boleh buat apa saja pada siapa saja, apa yang dia suka. Siapa pun tidak berani mempersoalkannya sejak dia jadi Perdana Menteri Malaysia selama 17 tahun. Dia saja yang betul. Siapa yang berlawan dengannya orang itu mesti salah. Dia masih disanjung dan dipuja tapi siapa saja yang dimusuhinya pasti tak boleh bangun menentangnya. Tentu ada sesuatu yang tak kena. Macam mana Mahathir boleh membuat semua rakyat Malaysia boleh tertidur begitu lena.

Tengok apa jadi pada para pemimpin Semangat 46? Apa jadi pada Ku Li dan semua musuh politik beliau? Mereka semua sudah sanggup bersekongkol dengannya.

Apakah kerana dia hebat atau dia simpan semua orang punya fail dalam biliknya, dan dia tahu berapa banyak harta

menteri-menteri dan ahli-ahli politik yang bekerja dengannya serta rahsia-rahsia mereka? Siapa tahu berapa nilai Mahathir yang sebenarnya? Patutlah Anwar mahukan satu reformasi. Kalau tidak pasti ada konspirasi.

Soalannya sekarang sampai berapa lama, mereka semua itu boleh berbaik-baik dan ikut saja perintahnya? Hendak membalas dendam takut dengan *musuh dalam selimut* tapi dengan reformasi tentu boleh mengakibatkan bahaya pada Mahathir kerana Mahathir dimusuhi oleh mereka (Common enemy, Anwar Ibrahim dan geng-gengnya.) Tapi mereka ibarat tikus yang hendak lawan kucing. Tikus mana yang sanggup memberanikan diri untuk menggantung loceng di leher kucing?

Sepatutnya dunia menumpukan pandangan dan perhatian kepada Sukan Komanwel tapi kini tumpuan itu semuanya tertumpu kepada kehebatan Mahathir yang boleh melakukan pukulan T.K.O. pada pencabarnya. Mahathir patut diberi semua pingat emas dan dalam masa yang sama satu oskar sebagai pelakun utama, '*best actor award*' kerana kehebatannya boleh menangis dan Mohd Rahmat sebagai pengarah dan penerbit TV Malaysia yang boleh menyiarkannya dengan baik dan berkesan, dengan menggunakan animasi yang luar biasa. Memang Tok Mat hebat, lebih hebat dari "**Silat Lagenda**".

Bagaimana berita tersebut boleh mengempar dan menakjubkan. Tuah bertukar menjadi Jebat, Jebat bertukar menjadi Tuah. Dua watak satu *character*. Kosmetik yang digunakan, untuk mengubah rupa dengan topeng-topeng drama minggu ini dan kostium serta **make-up** yang digunakan mungkin dipinjam dari HVD. Inilah teknologi di zaman langit terbuka. Hebat Mohd Rahmat. Dulu sokong Pak Ghafar, tukar

taukeh jadi orang Pak Sheikh, hari ini masuk semula dalam kem boss hingga tonto-tonto pun lupa... Tonto hendak kena tukar production house ke?

Macam ini punya besar pengorbanan tak kan tak boleh dua penggal lagi jadi Menteri Penerangan? Kalau Mahathir boleh jadi Perdana Menteri hingga ke akhir hayatnya nanti, siapa tahu Tok Mat yang turut tersenarai dalam buku daftar *kronies* dan *nepotisme* Mahathir dan cerah masa depan untuk mendapat title Tun.

Dr. Mahathir boleh cakap apa dia suka dari pagi sampai malam. TV tunjuk mukanya, semua media massa mengatakan dia saja yang betul. Siapa pun tak peduli, rakyat mahukan jawaban yang terperinci. Betul ke tak ada kronies dan nepotisme? Betul ke tindakan yang dilakukannya tidak bertentangan dengan prinsip yang pernah ditanamkan di hati rakyat Malaysia?

Enam belas tahun kita tanam pohon. Tapi bila pohon sudah berbunga dan berputik dan sedang kita sama-sama menunggu hasilnya, disebabkan ada ulat bulu yang cuba memusnahkan daun-daun, kita tiba-tiba sahaja ambil gergaji berantai, *chain saw* dan tebang pohon tersebut? Begitulah analoginya. Tak cukup di pecat dari jawatan di Kementerian, di pecat dari UMNO. Datuk Mokhtar Hashim yang sudah dijatuhkan hukuman gantung, sudah menjalani hukuman penjara dan mendapat pengampunan Yang Di Pertuan Agung masih tetap menjadi ahli UMNO.

Beliau tak sepatutnya berlaku zalim, angkuh dan sombong. Inilah tanda-tanda orang hendak jatuh. Dia dah sampai ke kemuncak. Sana sini kata-kata yang sama disampaikan oleh mereka yang boleh berfikir dan yang cintakan keadilan. Kalau

kepada orang nombor dua dia boleh buat macam ini, apa lagi rakyat biasa.

Mahathir kena ingat sama ada dia mahu percaya atau tidak. **Tapi masakan dalam setiap 40 orang yang merasakan tidak berpuas hati dan merasakan teraniaya, tak ada seorang pun yang mulutnya masin** dan yang do'anya dimakbulkan Tuhan. Allah mengabulkan doa mereka yang teraniaya dan dizalimi. Ratusan ribu rakyat mengadakan upacara sembahyang hajat supaya diberikan petunjuk dan hidayah dari Allah SWT.

Pak Habib masih bercakap seorang diri. Pak Habib sendiri yang tanya, Pak Habib sendiri yang jawab. Adilkah apa yang telah dilakukan oleh Mahathir terhadap Anwar? Kita tahu Anwar bukan malaikat, dia manusia biasa macam kita juga dan Mahathir pun baik sangat ke, bersih sangat ke? Apa dah jadi dengan slogannya *Bersih, Cekap* dan *Amanah*?

Apakah Dato' Seri Anwar Ibrahim saja yang terlibat dengan *skandal seks* dengan isteri orang? Kalau betul Anwar Ibrahim pernah melakukannya mana saksi di atas tuduhan berzina dan meliwat? Dari segi hukum syariah mesti ada empat orang saksi dan saksi itu melihat dengan mata kepala sendiri. Manusia yang munafik tak boleh jadi saksi, kalau tidak yang menuduh tanpa bukti itu telah melakukan satu dosa yang besar, lebih besar dari dosa membunuh orang atau dosa berzina itu sendiri. Bicarakan dia dulu sebelum Mahathir mahu londeh dan telanjangkan seorang umat Islam di khalayak ramai.

Bagaimana pula dengan pemimpin UMNO yang lain yang bukan saja terlibat dengan *skandal seks* tapi telah merobohkan rumahtangga orang dan ambil terus isteri orang dan jadikan isteri mereka? Pak Habib rasa kalau betul hendak cari mereka

yang tak bermoral, mungkin satu mini bas pun tak muat. Yang sumbang muhrim jangan cakap lagi. Berapa ramai wanita UMNO yang jadi isteri orang yang ke sana ke sini bersendirian dengan lelaki yang bukan muhrim di samping mendedahkan aurat? Bermoralkah perkataan dan tingkah laku macam ini? Kalau dah tahu janganlah sibuk nak cakap pasal moral.

Peliknya manusia yang ramai tahu terlibat dengan isteri orang, terlibat dengan zina dan liwat, tetapi mereka ini juga yang bercakap pasal moral. Manusia yang jadi kaya raya kerana *konspirasi* dan adanya *connection* tetapi tetap mahu buat pengumuman di media massa kononnya Anwar tidak bermoral. ***Cerminlah diri sendiri*** dulu, brother! Orang-orang ini juga yang menuding jari terhadap Anwar. Patutnya mereka kena juga kira berapa banyak jari yang menuding ke arah diri sendiri. Sekarang ini siapa pula yang baling lumpur ke kipas angin yang sedang berpusing?

Apa jadi pada menteri yang terus terlibat dengan rasuah? Kenapa tak buat penyiasatan dan dedahkan mereka yang jadi nomini UMNO yang sudah sapu ratusan milion duit UMNO? Bagaimana dengan cerita Renung dan Halim Saad? Kalau hendak jadikan kes, banyak buku Pak Habib yang boleh didakwa ke mahkamah dan tentu ramai menteri termasuk Perdana Menteri pun boleh disiasat. Sekarang ini sudah ada yang berani buat laporan polis. Siasatlah. Kalau berani siasat yang nombor dua kenapa tidak siasat sama yang nombor satu. Apakah kerana dia Perdana Menteri, kerana Mahathir Menteri Dalam Negeri. **Apakah jawatan-jawatan ini menyebabkan Mahathir ada imuniti? Apa istimewanya Mahathir Mohamad?**

Siapa pun tak boleh marah Mahathir kalau dia hendak buang Anwar tapi kita sekadar bertanya orang hendak buang

pekerja kilang pun kena ikut tata tertib. Bukan suka hati nak buang pekerja macam kita **buang sampah**, macam kita buang buah busuk. Datuk Sri Anwar semasa dibuang adalah bakal Perdana Menteri. Kalau hendak malukan Anwar pun janganlah waktu Sukan Komanwal.

Dr. Mahathir kena fikir implikasinya. Bagaimana hendak menghadapi pilihanraya nanti? Tak bolehkah ini dijadikan bahan oleh parti pembangkang?

Mentang-mentanglah Mahathir ada kuasa tapi janganlah melampau. Jangan **lebihlah**... Bagaimana jika rakyat akan mempersoalkan tentang **modus operandi**, **precedent** dan **prosidur** yang beliau sendiri pernah tetapkan. Yang ini yang kita susah hati. Kita takut rakyat hilang hormat terhadap pemimpin negara yang hilang kredibilitinya sebagai seorang Presiden dan Perdana Menteri kerana sudah tidak lagi mempunyai prinsip. Mahathir kena fikir yang kredibilitinya sedang tercabar dan tercemar, maka rakyat mulai merasa ragu dan hilang hormat terhadap keputusan dan tindakan yang diambil oleh beliau. Harga diri dan nilai seseorang ibarat kaca. Bila kaca sudah tercalar, susah mahu dipadamkan.

Pegawai atau kakitangan kerajaan yang nak dibuang kerja pun kena diambil tindakan tata tertib di bawah peruntukan **Perintah Am Bab D**. Mula-mula di beri **amaran**. Kalau dengan amaran tak jalan, di berikan **memo**. Memo tak jalan diberikan tiga kali **amaran bertulis**. Kalau semua itu pun tak jalan juga, maka satu tribunal akan dibentuk bagi memecat pegawai atau kakitangan berkenaan. Malah pekerja yang merana sakit dan tidak dapat bekerja lagi juga tidak dipecat begitu sahaja tetapi dirujuk kepada sebuah Lembaga Perubatan. Maka jangan marah jika ramai kakitangan kerajaan terutama guru-guru yang terpengaruh dengan reformasi yang dibawa oleh Anwar untuk menentang konspirasi Mahathir.

Nak pecat bukan tak boleh pecat. Dalam dunia ini bukan Anwar seorang sahaja yang dipecat dari jawatannya tetapi ramai lagi. Kita tak pelik, tak hairan, tak juga rasa ajaib. Sudah jadi kebiasaan pemimpin datang dan pergi tetapi yang pergi selalunya yang nombor satu digantikan dengan yang baru. Malah hari ini, kalau nak dipecat dan dibuang kerja, ramai lagi yang patut diambil tindakan demikian oleh Mahathir kerana bersengkokol dengan Anwar. Beribu-ribu rakyat boleh di buang dan di pecat. Pergi sahaja ke rumah Anwar atau ikut ke mana sahaja Anwar pergi, pastikan nama dan tempat kerja mereka dan kemudian buang dan pecat secara beramai-ramai. Lagi pun hari ini mana-mana ahli UMNO yang menyokong Anwar sudah tidak dianggap rasional. Jadi buat apa simpan mereka yang tidak rasional di dalam parti. Cuba baca kenyataan Abu Zahar, Ketua Menteri Melaka:

Beliau berkata, persaingan perlu dilakukan dalam suasana harmoni tanpa sekatan daripada pihak tertentu yang mempunyai agenda sendiri.

Keadaan inilah yang mendukacitakan parti kerana pihak berkenaan tidak mampu menghadapi realiti wujud keadaan pasang surut ketika mengemudikan kepemimpinan," katanya ketika merasmikan kursus reformasi minda di Dewan Japerun Masjid Tanah.

Nak pecat memang boleh pecat. Tapi apa yang dipersoalkan ialah *modus operandi*nya. Betulkah prosidur yang digunakan oleh Mahathir untuk memecat Anwar dengan sekadar buat *statement* dan kemudian rujuk kepada Majlis Tertinggi? Kenapa tak bawa dulu perkara ini untuk dibahaskan di Majlis Tertinggi dan kemudiannya buat keputusan menerusi undi sulit? Bukankah cara ini lebih baik dan lebih

mencerminkan kehendak ramai dan bukannya kehendak Mahathir, seorang yang berlagak macam guru besar.

Siapa dia penasihat Mahathir? Siapa yang jadi tukang cucuk, tukang jadi batu api, tukang kipas? Tentu ada dalang, tentu ada tukang bisik dekat telinga. Siapa agaknya yang tukang atur strategi? Pak Habib yakin dan percaya mesti ada konspirasi politik yang mahu menjatuhkan Anwar. Dan ramai yang percaya bila Anwar berkata yang ada menteri dan pemimpin UMNO yang mahu menjatuhkannya dan tentunya bukan orang Anwar dan sepatutnya apabila Anwar sudah memberi ikrar yang dia tak akan mencabar Mahathir dan mengaku Mahathir adalah seperti bapa dan gurunya, apakah Mahathir masih lagi merasa sangsi? Kalau macam itu saya juga boleh menaruh sangsi dan buruk sangka terhadap Mahathir.

Sana sini orang bercakap, Anwar kalau tak kerja pun, masih dapat elaun sebagai Ahli Parlimen. Cuba fikir berapa ribu orang yang sudah kena buang kerja. Siapa pun tak peduli. Jadi mungkin ada yang sejuk hati dan tak marah Anwar kena berhenti. Yang orang ramai bingung dan hot ialah kerana tak ikut cara yang betul. Anwar sudah kena pecat, habislah. Yang hari-hari bantai dalam media massa pasal apa? Kes belum lagi dibicarakan di Mahkamah, ada orang-orang tertentu yang sudah gunakan masjid, kutbah Jumaat yang dibacakan oleh khatib secara sinis secara sindiran memukul Anwar. Semua orang boleh baca dan orang ramai tahu siapa yang membuat kutbah dan atas arahan siapa. Masjid sepatutnya rumah Allah dan masjid dibuat dari duit rakyat. **Janganlah double standard.**

Caraa... Caraa... Caraa.. Pinjam kata orang-orang Utara. **Caraa.. depa tak kena.** Nanti depa kata kita kurang '*ajak*',

cakap lagu ini pun tak kena. Yang hang duduk buat kat geng-geng depa lagu tu pasai apa? Yang tu yang orang ramai dok tanya? Che Det tak boleh tutup telinga, Che Det kena jawab. Betulkah ada konspirasi, wangkasi, kopikasi sama sendiri ada komunikasi. Ada saksi? Orang lain makan nasi basi.

Rakyat tak peduli walaupun yang duduk buat lagu tu ialah tokoh hebat, bapak segala menteri, tapi orang ramai mesti nak tahu betul ke **caraa..** yang Che Det dok buat kat Anwar? Bolehkah undang-undang membiarkan kita melakukan sesuatu yang diluar semangat dan prinsip undang-undang? Boleh ke bila kita tak suka pada seseorang pekerja itu kita suruh dia berhenti? Kalau dia tak mahu berhenti, kita pecat? **Cuba baca Akta Pekerja.**

Nak kata apa lagi. Hebat Che Det, no! Mahathir Boleh! Mahathir Boleh! Mahathir Boleh! Orang lain semua tak boleh. Kalau Anwar Ibrahim setuju berhenti, diam-diam, tinggalkan kerusi menteri, Anwar o.k. tidak salah, bukan musuh negara, tak ada *affidavit*, *Nallakurapan* tak kena tangkap, tak ada kes terhadap Anwar. Undang-undang apa ni Che Det? Jadi Anwar ini musuh parti, musuh bangsa dan negara atau ***satu ancaman dan bahaya pada peribadi dan kronies?*** Kalau Che Det nak gaduh dengan orang nombor dua, jangan libatkan parti, jangan libatkan jentera kerajaan. Ini tak kena caraa.. Che Det buat rakyat susah.

Saya senyum lagi. Lepas itu saya tengok di sekeliling. Dalam hutan tengah malam tentu tak ada orang yang tengok saya sedang bercakap seorang diri.

Tak kan bercakap dengan diri sendiri pun tak boleh. ***Malaysia Boleh.. Mahathir semua boleh....*** Masakan saya tak boleh. S.H. Alattas pun boleh juga. Pak Habib cuma

kemukakan beberapa soalan pada diri sendiri. Tentu bolehkan? Sendiri tanya, sendiri jawablah. Mesti boleh.. Sendiri gatal sendiri garuklah. Kenapa tak boleh? Anak Cina makan pengat, sendiri punya diri sendiri mahu ingat. Mana tahu cerita-cerita macam ini boleh membuat pembaca seronok? Jangan marah. Acah aje? Penulis adalah telinga rakyat, mulut rakyat. Rakyatkan punya banyak mulut. Cakap... Cakap... Cakap... *Sabar ajelah.*

Suasana malam yang hening dengan suara cengkerik yang sesekali diiringi dengan bunyi suara katak membuatkan ilham datang mencurah-curah seperti desiran air sungai yang mengalir dari gunung. Begitu merdu, begitu enak, makhluk yang sentiasa taat ini berzikir pada Tuhan. Mari kita ucapkan terima kasih pada Tuhan. Bukankah masih ada orang yang macam Pak Habib ini yang masih hidup. Kalau semua jenis ampu sana, ampu sini, fu sana, fu sini, konspirasi sana, konspirasi sini, wangkasi sana, wangkasi sini, kopikasi sana, kopikasi sini, tak kasi, tak kasi, jadi mis-komunikasi, maka beratlah. Berat... Sabar ajelah...

Cakaplah apa lu nak cakap. Saya pujuk hati sendiri. Bukan susah nak bercakap, bukan perlu minta lesen baru boleh bercakap. Cakap.. Cakap.. Cakap.. Pok... Pet... Pok Pet.... Cuma Pok Pet seorang diri. Kalau pok pet pada orang lain, mereka marah, mereka tutup telinga, angkat kaki jalan... Boringlah. Belah. Pi main jauh-jauh. Gua bo layan member macam lu.

Di tengah malam yang sunyi sepi begini kalau kita bermeditasi dan bercakap, Tuhan pasti dengar suara hati kita. Tak perlu cakap kuat-kuat. Berbisik pun tak apa. Cakap... Pak Habib beranikan hati. Pak Habib motivasikan diri. Tetapi... Tiba-tiba Pak Habib tersentak oleh suara hati sendiri.

Betul ke kita boleh bercakap apa yang kita suka? Betul ke bercakap seorang diri tak salah? Apakah masyarakat tak akan labelkan kita orang gila?

Saya pujuk lagi hati saya. Cakap.... Lantak pilah... Bukan kita seorang diri saja yang bercakap sendiri? Pasti ramai lagi. Anda macam mana?

Relaks jangan terkejut, tanya saja.

Cuba tengok kiri kanan, ada tak orang tengok anda sedang berkomunikasi. Oh kopikasi pun boleh. Wang tak kasi, berat sikit. Cuba tanya Che Det. Silap-silap Dr. Mahathir dan ramai lagi menteri yang sedang bercakap seorang diri. Manusia yang merasakan diri di kejar oleh dosa selalu bercakap seorang diri. Manusia yang berada seorang diri bercakap pada dirinya sendiri. Apa lagi kalau dia diburu oleh *consiencenya* sendiri.

Oi.. brother.. cakap jangan sebarang cakap.. kerana *pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa*.. Peribahasa Melayu mengatakan, *terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata buruk padahnya*. Boeng 747 yang sudah terlepas 30,000 kaki ke udara pun boleh disuruh turun semula tanpa pilot. KLIA hebat. Tapi terlajak kata dan terlajak keputusan, sendiri punya diri sendiri mahu ingatlah. Apakah Mahathir tak salah membuat keputusan menghalau Anwar dari pejabatnya macam anjing busuk kepala? Takkanlah kita salah cakap, salah tulis pun dia hendak tangkap. Salah dia pada bangsa, pada agama dan parti lagi besar tapi kalau dia nak tangkap-tangkaplah. Walau bagaimana pun bagi Pak Habib peluang buang gian mesti digunakan dengan sebaik-baiknya. Kasi cakap habis.. habis.. Lepas itu nak buat apa, buatlah.

Melampau orang tua ni, mentang-mentanglah dia ada

kuasa, dia gunakan sampai ke tahap paling maksima. Nanti anti-climax, baru tahu. *Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya*. Pak Habib cakap ini sekadar mengingatkan Mahathir atas segala kesilapan. Itu pun kalau nak dengar. Kalau tak nak dengar, nak buat macam mana. Pak Habib sekadar menjalankan tanggungjawab seorang Islam terhadap saudaranya.

Membazir duit tak apa. Bila duit sudah habis boleh berhutang. Tapi bila kuasa sudah habis, tunggu saja masa hendak meredum... Maka *terjunlah si luncai dengan labu-labunya*. Pak Habib masih bercakap seorang diri, nak tumpang sekaki o.k. *No problem, you story me, you phone me, I talk talklah*.

Semua orang tahu Mahathir ini tunggu masa hendak jatuh saja. Apakah kelak beliau jatuh tersungkur dari kerusinya macam Humpty Dumpty:

*Humpty Dumpty sat on a wall.
Humpty Dumpty had a great fall
The King and all his men
cannot put Humpty Dumpty together again.*

Atau apakah beliau akan jatuh macam Tunku Abdul Rahman, macam Hussein Onn, atau macam Datuk Onn. Semuanya mati di luar UMNO. Semua Presiden UMNO jatuh dengan cara tersendiri. Jatuh mesti jatuh. Itu hukum alam. *What goes up must come down*. Belon kalau dah ditiup besar, kalau tak meletup pun akhirnya kempis juga. Atau dia akan jatuh macam Marcos atau macam Suharto? Kalau ada satu tentu ada dua dan kalau ada dua macam Marcos dan Suharto di Asia takkan tak ada tiga.. tunggu saja masanya.

Saya menung. Saya sedih. Saya kasihan pada Che Det kerana jasanya pada Malaysia cukup besar. Kalau bukan kerana Mahathir, dunia tak akan kenal pada Malaysia. Tapi Che Det mesti ingat, manusia ini kalau nak jatuh bukan susah sangat. Tuhan bodohkan dia sekejap sahaja. Dia buat satu keputusan yang boleh merugikan dirinya sendiri, dan keputusan bodoh yang disebabkan oleh "*caraa..*" yang tak kena. Memberhentikan Anwar secara serta merta, memalu dan mengaibkannya dengan menggunakan seluruh jentera media massa dan media elektronik menunjukkan kelemahan diri sendiri.

Apakah kerana dengan memberhentikan Anwar ini, masalah politik dalaman boleh selesai? Jika Pak Lah Badawi yang dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri, apakah orang-orang Datuk Najib akan tutup mulut. Dan seandainya Zahid dipecat, apakah Hishamuddin akan mendapat laluan yang begitu mudah sekali? Bagaimana dengan Annuar Musa dan Ali Rustam? Pemimpin UMNO kena fikir masalah pilihanraya yang sudah dekat. Bagaimana kalau Anwar bergabung dengan parti pembangkang dan buat satu parti baru? 80 peratus pengikutnya di Sabah akan memihak kepadanya. Dan rakyat di seluruh negara sudah tunjukkan simpati di sebabkan *caraa..* dia diberhentikan.

Dr. Mahathir sudah buang Anwar. Mahathir kata Anwar bersalah dan suruh semua menteri dan pemimpin UMNO beri sokongan pada Mahathir. Apakah kerana satu juta manusia berkata dan menuduh seseorang itu **bersalah** maka dia pun jadi **bersalah**? Sabarlah. Mahkamah belum lagi menghukumnya. Kenapa Mahathir sudah terlebih dahulu **tibai** dan **bantai** dia cukup-cukup? Patutkah Mahathir suruh dia berlawan seorang diri di mahkamah? Mahathir pakai hukum apa ni? Mana boleh Mahathir sendiri nak jadi peguam, nak

jadi hakim dan nak jadi juri. Ini tak bolehlah. Inilah punca rakyat mahukan reformasi. Rakyat mahukan perubahan, rakyat mahu menuntut keadilan. Ia mesti dilakukan secara demokrasi. Kerajaan ini kepunyaan rakyat. Rakyat yang memilih kerajaan.

Mungkin Mahathir boleh jadikan UMNO (Baru) milik kronies dan suku sakatnya, mungkin Mahathir boleh jadikan UMNO macam parti Tupperwear, Amway atau parti makeup yang berniaga secara *direct selling* menggunakan sistem piramid tapi Mahathir tak boleh buat Malaysia macam sistem party Amway, parti Tupperwear dan sebagainya.

Keputusan membuli dan mendera terhadap seorang manusia seperti ini akan hanya menimbulkan lebih banyak simpati. Anwar kini hidup di hati rakyat. Kasih sayang terhadap Anwar sudah mula berputik. Mereka tidak mempersoalkan lagi sama ada Anwar masuk kembali kepangkuan UMNO atau tidak. Mereka mahukan reformasi. Ini hukum imbang, makin kuat kita bantai dia, makin ramai yang kasihan dan bersimpati padanya dan sebaliknya semakin ramai pula orang yang membenci kepada Mahathir. '*Don't over kill*'. Apa pun yang kita nak buat biarlah sederhana.

Apa dah jadi? Rakyat hendak tahu. Adalah menjadi kewajipan Dr. Mahathir mesti menjawab pada rakyat dengan cara jujur dan ikhlas dengan bukti yang sah dan nyata dan bukannya dengan menggunakan mahkamah undang-undang tapi dengan menggunakan keadilan dan kemanusiaan berlandaskan demokrasi.

Ini bukannya soal bergaduh suami isteri. Ini bukan soal rumahtangga. Ini soal negara. Yang awak pecat itu bukan peon, bukan kerani, bukan pegawai. Orang yang awak pecat,

awak aibkan di khalayak ramai, di mata dunia ini ialah orang yang awak bimbing dan awak didik selama 16 tahun. Dan awak telah janjikan kepada 20 juta manusia, yang inilah orangnya yang bakal jadi pemimpin mereka. Tiba-tiba awak ceraikan dia macam orang ceraikan bini dengan talak tiga. Ramai bimbang, takut terjadi gila talak, bila janda menuntut mutaah dan harta sepencarian. Bila sudah ke mahkamah syariah, ini kes sudah jadi kes berat.

Tengoklah bukan rakyat sahaja yang desak Mahathir buat penjelasan, malah orang DAP pun mahu Mahathir jelaskan pemecatan Anwar. Cuba baca laporan akhbar ini:

Petaling Jaya, Wed: Opposition Leader and DAP Secretary-general Lim Kit Siang said Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad owes the country as well as the international community an explanation on the sacking.

Kita semua tahu dan siapa tak kenal pada Datuk Seri Dr. Mahathir, Mr. Mahathir, ***The International Basher***. Okay! Okay! Rakyat seronok, Perdana Menteri kita jadi jaguh, bergaduh dengan Amerika, bergaduh dengan Great Britain, bergaduh dengan Australia, bergaduh dengan foreign press. Tapi bila Mahathir pukul Anwar '*bellow the belt*', Che Det beritahu konon atas dasar isu moral. Yang ini tak masuk akal. Moral adalah sesuatu yang '*subjektif*'. Ia mempunyai definasi yang berbeza-beza. Apakah Che Det sendiri seorang yang bermoral? Pak Habib tak mencadangkan apa-apa, sekadar bertanya sahaja. Tak kan tak boleh kot?

Hari-hari dalam media massa, bantai, bantai gunakan surat pembaca. Pemimpin UMNO dan menteri boleh berucap dengan menggunakan masjid. Tapi Anwar mesti minta permit. Okay! Mahathir termahsyur sebagai ***kaki pukul***

antarabangsa. Lantak pilah. Tapi cara lu pukul Anwar jelas ianya kes dera.

Ini kes dera. Ini kes aniaya. Patutkah Dr. Mahathir Mohamad sahaja yang boleh berkawan dengan Ananda Krishnan dan lain-lain ahli perniagaan India dan segala bangsa tapi Timbalannya tak boleh? Kenapa tak boleh? Kitakan hidup dalam masyarakat majmuk. Apa dosa Anwar maka Anwar tak boleh berkawan dengan Nala? Patut ke Nala kena tahan kerana berkawan dengan Anwar?

Mahathir lupa agaknya, Barisan Nasional itu parti politik berbilang kaum. Semua tolong menolong antara satu sama lain. Masakan semua orang tak boleh tolong Anwar. Diakan orang nombor dua?

Mr Mahathir, kes dera ini kes berat. Kalau sabit kesalahan ada orang yang sanggup buat lapuran pada rakyat. Rakyat yang akan disuruh menjadi hakim. Masa dan sejarah juga yang disuruh menjadi hakim. Mahathir pasti didapati bersalah *membuli* orang yang tak boleh berlawan. Awak boleh ditahan, disimpan dan mesti kena hukum. Tak kan Che Det tak tahu, hukuman atas kes dera yang akhirnya membuat rakyat kecewa. Tunggulah keputusannya sesudah Anwar buat roadshow. Pasti rakyat mahukan *reformasi* kerana bencikan *konspirasi*, *kronies* dan *nepotisme* yang selama ini disembunyi oleh geng-geng sendiri. Tunggu masa bila sudah pecah konsi. Cuba fikir kalau betul Zahid berhenti dan sebahagian besar Pemuda mengikutnya, begitu juga pemimpin yang bersimpati dengannya, macam mana? Apa nak jadi pada Mahathir asyik nak halau orang saja ni?

Betullah Mahathir boleh jawab, "*Yang saya dera anak didik saya yang saya didik selama 16 tahun. Apa salahnya saya*

dera. Anwar bukan milik seorang". Tapi Mahathir kena ingat, Anwar milik rakyat. Rakyat berhak ambil tahu dan Mahathir mesti memberi jawapan yang dapat diterima oleh rakyat. Apa dosa dan kesalahan Anwar yang sebenarnya? Kalau betullah Anwar seorang **penderhaka** kepada bangsa, seorang yang kurang ajar, tak tahu adat, tak tahu bahasa, tak bermoral, tanyalah diri sendiri, siapa gurunya? **Siapa bapa yang mendidiknya?** Cuba sesekali tengok dalam diri, cermin muka tu. Diri tu betul sangat ke? Baik sangat ke? Dan kalau patut berhenti, siapa yang sepatutnya berhenti? Kalau buah nyiuk atau buah kelapa, yang sepatutnya gugur, siapa - buah tua ke atau buah muda? Buah yang tak berpisah dengan tangkainya cuma jering sahaja. Mahathir teringin nak makan jering ke, atau nak jadi jering ke? Jering buah yang makruh. Siapa makan, kencingnya hancing tau. Musim-musim gawat ini ramai *member kaki kencing*. Memanglah siapa yang dah kena kencing, hancing pering.

Tiba-tiba hati berdebar-debar, degup jantung bunyi begitu kuat sekali. Enam belas tahun Mahathir semai dan tanam benih Penerapan Nilai-Nilai Islam. Enam belas tahun satu jangka masa yang sangat panjang. Tiba-tiba bila pohon sudah besar dan menghasilkan buah, pohon di potong dengan 'chain saw'. Meredum, pohon tumbang ke arah penebang pokok.

Sudah berpuluh tahun hidup dalam dunia ... Asyik bercakap aje... Cakap.. Cakap.. Cakap.. Bila banyak sangat bercakap, tengok apa sudah jadi? Banyak cakap boleh menyebabkan banyak *bohong*. Banyak sangat cakap, *cakap sudah tak serupa bikin*.

Sendiri cakap sendiri dengar lagi baik. Tak ada orang yang boleh salahkan kita. Dia tak boleh kata kita sudah merosakkan pemikirannya. Kita pun tak boleh dituduh sebagai *penabur*

fitnah akibat cakap kita sudah masuk dalam kepala orang, cakap kita sudah masuk dalam hati orang kerana kita berkata benar. Kata yang dikeluarkan dari hati pasti akhirnya tersimpan dalam hati.

Bukankah kata-kata hikmat dari otak orang yang bergeliga, akan masuk ke dalam kepala orang yang bijaksana?

'*Alai hai*' brother..., bukan semua cakap kita betul. Mesti ada yang tak betul. Mesti ada yang salah. Maklumlah, berapa ramai yang tahu apa yang mereka cakap? Kebanyakan mereka macam burung *kakak tua*, apa *tuan* cakap dia ulangi saja. Macam juga burung Tiong bukit. Kalau tak sampaikan dan tambah lagi cakap *tuan* dengan cerita yang direka-reka nanti orang tak percaya cakap kita. Rakyat sudah tahu di perkampungan politik hari ini *menfitnah* dan *mengumpat*, adalah satu bisnes, pergi dari satu warong ke satu warong, dari satu coffee house ke satu coffee house, jual product. Barangannya ialah *fitnah* dan jangan terkejut tukang umpat boleh pakai Mercedes, pakai Volvo, ada dreber dan duduk dalam apartment mewah, kondo serta boleh ada dua tiga bini. Itu tak masuk gundek dan perempuan dan pondan yang disimpan.

Peduli apa orang nak kata, yang penting dalam hidup di waktu ekonomi sedang gawat ini, boleh kekalkan status, boleh kekal jawatan, boleh kekalkan kerusi. '*Go to hell*'. Soal dosa pahala jangan cakap. Soal kubur, sendiri masuk, sendiri jawab. Mahathir pun dah kata, orang yang pakai tudung tutup kepala, bermisai, berjanggut, berjubah, berserban pun belum tentu betul, ada yang buat dosa juga. Mahathir pun dah pecat Anwar, orang yang diiktiraf sebagai satu institusi agama. Pun buat dosa macam orang lain juga. Jadi apa nak hairan, kalau orang yang tak bertudung, tak bermisai, tak berjanggut itu buat dosa dan buat salah.

Ramai orang UMNO yang pening kepala, nak ikut sunnah Nabi Muhammad SAW ke nak ikut sunnah Mahathir Mohamad? Nak ikut sunnah Nabi Muhammad? Dr. Mahathir boleh tanya siapa yang pernah tengok janggut Nabi Muhammad panjang macam mana? Sampai ke perut ke? Ada beberapa ulama UMNO yang dengar cakap Mahathir tak membantah sebab, siapa di antara mereka yang pernah tengok gambar Rasulullah atau patung Rasulullah? Mereka berjanggut ketika itu kerana nak cukur janggut di zaman Nabi Muhammad, pisau belit pun tak ada. Sayangnya mungkin ulama UMNO pun tak tahu betapa tajamnya pedang Nabi Muhammad dan pedang Saidina Ali yang dinamakan 'Zulfikar' dan yang mempunyai dua mata. Jangan kata potong janggut atau potong misai, selendang dan cindai itupun boleh putus dengan sekali kilas sahaja. Mungkin inilah sebabnya yang mendorong Anwar mengatakan ulama UMNO sebagai **ulama murahan**. Bila orang ramai mempersoalkan undang-undang yang digubal oleh manusia, Mahathir marah. Tetapi Mahathir sendiri mempersenda-sendakan undang-undang Tuhan, bila orang PAS kemukakan hukum hudud dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Kenapa Pusat Islam tak tangkap Mahathir dan melabelkannya sesat dan terkeluar daripada akidah?

Firman Allah bermaksud:

"Tidakkah mereka berjalan dan mengembara di muka bumi, dengan itu tidakkah mereka memerhatikan bagaimana kesudahan orang terdahulu daripada mereka? Orang itu adalah orang yang lebih baik daripada mereka dari segi kekuatan tenaga dan kesan-kesan usaha pembangunan di muk abumi. Maka sekali pun demikian, Allah membinasakan mereka disebabkan dosa-dosa mereka, dan tiada siapa pun

yang dapat menyelamatkan mereka daripada azab Allah" - (Ghafir/al-Mukmin:21).

Menerusi ayat ini Allah menarik perhatian orang yang mengingkari ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dengan mengarahkan mereka supaya berjalan dan mengembara merata pelosok dunia. Di sana mereka akan dapat menyaksikan sendiri kesan-kesan buruk yang menimpa umat terdahulu disebabkan ingkar dan mendustakan Nabi Allah.

Dengan itu, pasti mereka dapat melihat bagaimana Allah menurunkan azab-Nya ke atas mereka, sedangkan mereka jauh lebih kuat dan hebat berbanding kaum Quraisy di Makkah pada masa itu. Kesan ketamadunan umat terdahulu jelas terbukti sehingga ini melalui peninggalan kubu-kubu, istana dan bandar lama.

Namun begitu, akhirnya Allah memusnahkan mereka dengan sebab dosa-dosa serta kezaliman yang dilakukannya. Tiada siapa pun lagi dapat menghalang daripada azab Allah apabila Dia menghendaknya.

Saya termenung sekejap, sebelum bercakap takut laju sangat bercakap tak sempat berfikir apa yang nak disampaikan pada orang ramai.

Tiba-tiba saya teringat Mufti Besar Selangor, saya teringat dengan Dato' Harun Din, orang yang paling tak disenangi oleh Dr. Mahathir. Mahathir tak percaya dengan *karamah*, kemuliaan yang dianugerah oleh Allah SWT. Mungkin Mahathir pun tidak percaya kehebatan yang ada pada para wali dan aulia Allah. Dan saya bertanya lagi kepada diri saya sendiri, "Apa punya manusia yang bernama Mahathir ini? Takkanlah, orang beri Ustaz Harun Din duit dengan ikhlas

kerana orang yakin dengan doa-doa Ustaz Harun Din, apakah rezeki yang sikit, yang banyak itu pun yang Harun Din dapat, Mahathir nak marah?".

Mahathir boleh baik dengan Fidel Castro, pemimpin Cuba dan juga pemimpin Komunis. Tapi bila Ustaz Haji Hadi baik dengan orang Iran dan mentang-mentanglah Iran itu Syiah, dia sudah boleh timbulkan syak wasangka dan tak mustahil undang-undang Malaysia dipinda secara senyap-senyap supaya setiap orang Islam mesti jadi pengikut Ahlul Sunnah Wal Jamaah sahaja. Haji Hadi dan beberapa orang pemimpin PAS, dan siapa sahaja yang bersimpati dengan Syiah akan menerima nasib yang sama seperti Anwar?

Kita dah tengok bagaimana nasib orang-orang Islam yang kuat berpegang pada agama bermula dengan pembunuhan beramai-ramai di Memali, Ibrahim Libya dan pengikutnya dilabel sebagai penjenayah. Ustaz Ashaari diaibkan di hadapan masyarakat dengan tuduhan membawa *ajaran sesat* dan begitu juga dengan beberapa ramai kumpulan tarikat yang terpaksa menerima nasib yang sama seperti Anwar. Apakah tidak mungkin jika tidak diadakan satu reformasi akhirnya rakyat akan percaya yang **Islam** itu tidak baik? Buktinya, apa sahaja yang berkaitan dengan Islam semuanya tak elok.

Dengar baik-baik apa yang aku cakap ini, tanya pada diri sendiri banyak betul ke, banyak tak betul? Kalau tak betul bererti Pak Habib sudah *berbohong*, cakap Pak Habib tak boleh pakai, baca semula sejarah. Hendak kenal salah satu tanda manusia munafik ialah manusia yang bercakap *bohong*, *bullshit* sana *bullshit* sini, tapi dalam masa yang sama mengaku diri guru yang mursyid, ada madrasah, ada sekolah pondok. Cakap tak bersandarkan ilmu yang benar tapi yang disampaikan cakap tuan bukan cakap Tuhan maka akhirnya

hidup tak ada harga diri, hidup tak punyai nilai. Itulah yang selalu kita kena ingat, jangan cakap banyak, ***jangan banyak cakap***. Banyak cakap banyak ***bohong***. Itulah sebabnya ramai pemimpin politik terpaksa guna semua suku sakat dan anak buahnya supaya mengiyakan apa yang dia cakap dan dia gunakan media massa untuk bercakap. Dan hari ini ulama Pak Lebai, Imam Khatib, ahli jawatan kuasa masjid pun digunakan kerana yang menguasai masjid adalah orang politik bukan wali Allah.

**Siakap senohong,
Gelama ikan duri,
Banyak sangat berbohong,
Satu hari lambat laun mesti hilang kerusi.**

Oi brother.. Aku terkejut, aku bercakap seorang diri lagi. Apalah aku ini, sabar ajelah.. Achah aje. Ada ke orang lain yang dengar? Kalau tak ada yang aku hendak susah hati pasal apa? Kalau siapa hendak dengar dia punya pasallah. Yang penting aku berkata yang ***benar*** dan yang ***benar*** itu pahit. Bukan aku saja yang bercakap seorang diri sekarang ini, ramai orang yang macam aku ini. Ramai... Maklumlah sejak ekonomi meredum... semuanya gawat. Susahlah kalau semua orang punya lidah kena kontrol. Terlalu berat brother.. Berat..

Mempertahankan Anwar, bela Anwar bererti menentang boss. Masakan mereka yang berada di pihak minoriti boleh menang dengan pahlawan yang ada keris Taming Sari di tangan? Kita semua ini mahu mempertahankan kebenaran atau mempertahankan boss. Kita ini hendak menegakkan keadilan atau benang basah? Bagaimana soal prinsip dan maruah? Di mana kita nak sembunyikan maruah kita?

Mentang-mentanglah boss ada keris Taming Sari di tangan

maka dia mesti betul, tapi boss pun manusia biasa juga? Boss bukan malaikat. Takkan sesekali tak boleh berfikir, mentang-mentanglah bila berpolitik tak boleh campur aduk dengan agama, kita boleh buat dosa sebanyak mana tanpa merasakan diri bersalah?

O.k.lah. Sesudah membuat pengumuman bagi pihak tuan, membenarkan apa saja, yang penting kerusi dan kuasa tuan tak tercabar. Kalau boss kekal, kerusi kita semua selamat. Cantik. Apa boss cakap semuanya cantik. Boss buang orang, cantik, ambil orang baru, cantik. Apa pun cantiklah. Burung kakak tua, burung tiong, dia tahu perkataan itu sahajalah. Cantik. *Tapi macam mana kalau tiba-tiba boss mati?* Cantik. Macam mana kalau kena titik dengan boss baru, apakah kita nak kata cantik juga? Atau kita nak jadi itik serati? Kalau boss tak mati, kita yang mati, misalnya, macam mana? Tak kan boss nak jawab dengan Mungkar dan Nangkir bagi pihak kita.

Apakah segala pembohong dan fitnah boss, kita nak tunggu, nak bawa masuk dalam kubur? Balik ke rumah bila berada di atas sejadah, bila wajah dihadapkan kepada Tuhan, nak cakap apa dengan Tuhan? Apakah selama-lamanya hidup, mati, rezeki bergantung pada *tuan* bukan pada *Tuhan*? Apakah akhirnya anda tak macam Pak Habib, bercakap seorang diri. Lama-lama cakap seorang diri, sakit jiwa tahu. Ini tuan bikin gua sakit jiwa.

Kerana tak ada sesiapa yang nak pujuk Pak Habib, Pak Habib cakap sajalah. Bercakap ini macam menulis juga, sebab itu Pak Habib bila tulis tak berhenti. Pak Habib percaya, tidak bergerak sesuatu yang baik untuk tujuan memperbaiki manusia itu kecuali datangnya dari Allah SWT.

Cakap salah tak cakap salah, tapi kena cakap juga. Bila orang bertanya mengenai berita yang mengemparkan dunia terutama cerita mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim seorang tokoh yang dianggap macam sebuah institusi agama dipecat kerana ada *konspirasi*, apa jawapan nak kasi?

Hari ini andainya Anwar dipenjarakan dan Mahkamah mensabitkan kesemua pertuduhan-pertuduhan ke atasnya, Pak Habib tak fikir ramai rakyat akan percaya yang Anwar benar-benar bersalah. Malah apa jadi kepada Anwar sudah tidak penting lagi dan yang akan tinggal menjadi persoalan selamalamanya dalam lipatan sejarah politik Malaysia ialah *modus operandi* pemecatan yang dilakukan ke atas seorang Timbalan Perdana Menteri tanpa sebarang, amaran lisan, memo, amaran bertulis atau dirujukkan kepada sebuah badan yang menimbang segala fakta sebelum sesuatu keputusan diambil. Anda yang terlibat buat apa? Ada yang melihat fikir apa? Ada yang ada mulut cakap apa?

Sejarah politik dunia, terutamanya politik Asia tentu belum lagi melupakan peristiwa pembunuhan Aquino akibat keghairahan Marcos untuk mengekalkan jawatan Presiden sehingga ke akhir hayat. Tetapi, apabila kebenaran akhirnya tersingkap, Marcos yang sudah menjadi diktator yang bertopengkan demokrasi di Filipina untuk sekian lamanya terpaksa melarikan diri dan akhirnya mati dalam buangan. (Sampai hari ini bumi Filipina pun tak mahu terima). Dan siapakah yang menggantikan Marcos kalau bukan Corazon Aquino yang mendapat sokongan bulat daripada rakyat negara tersebut.

Walaupun kebanyakan akhbar Melayu tempatan seolah-olah mahu menyamakan kes Anwar Ibrahim dengan kes Bill Clinton, tapi kenapa tak samakan sahaja kes Mahathir dengan

Suharto? Kenapa Suharto senyap begitu sahaja? **Betulkah akhbar kita pencetus minda rakyat atau menjadi lidah boss?**

Anwar sudah dipecat. Tapi takkanlah tiba-tiba kita nak benci dia. Dia ada buat salah apa dengan kita? Manusia jenis apa kita ni? Bila boss kita benci orang, kita tiba-tiba benci. **Akai ada ke... Otak letak kat mana? Tak kan bubuh kat tempurung lutut?**

Susah hendak cari manusia yang ada maruah, ada prinsip, berpendirian dan adil dalam perkampungan politik sekular. Kaum penulis mesti memperjuangkan yang haq, menentang segala bentuk kemungkaran dan ketidakadilan. Apakah kita juga mesti membenci Mahathir, benci Anwar kerana Mahathir bermusuh dengan Anwar? Betulkah ini satu masalah peribadi? Kalau betul jangan libatkan kita sama. Gua tak mahu campur. Perebutan kerusi dan kuasa, gua pun tak peduli. Siapa yang nak jadi Perdana Menteri gua tetap macam ini. Yang gua susah hati, akhirnya UMNO yang mati. Itu yang gua susah hati. Macam mana dalam masa Mahathir jadi Presiden, dua kali orang ramai hendak baca talqin untuk UMNO? Gua takut kalau-kalau buku ini nanti jadi buku *Talqin Untuk UMNO Baru*. Gua tulis *Talqin Untuk UMNO* tahun 1988, sekarang 1998 sudah sepuluh tahun.

Oi Big Brother, mentang-mentanglah lu hendak mati atas kerusi, yang UMNO mesti mati sama pasal apa?

Sakit brother, sakit. Gua ingat lu dah sakitlah Brother. Pening kepala Pak Habib bila teringat kata-kata Mat Gian yang Pak Habib jumpa pagi tadi. Memang kita semua sedih Mahathir bunuh Anwar, Anwar bunuh Mahathir, dan UMNO terpaksa rebah dalam masa ekonomi, politik, moral orang Melayu sedang parah.

"Beb gua tanya beb, dulu belum Mahathir jadi PM berapa banyak Pusat Serenti? Bila Mahathir jadi Menteri Dalam Negeri lu tengok berapa banyak Pusat? Apa sudah jadi ni? Sebab itu bila Pak Sheikh kena, gua sakit hatilah, brother".

Sekali lagi satu suara keluar dari hati, suara yang memaksa segenap lapisan rakyat berfikir kerana ini menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mendengar suara hati saudara-saudara kita sendiri. Kita bukannya Yahudi yang nak hidup secara individu. Bukankah kita orang Islam. Selain daripada fardhu ain, fardhu kifayah itu sama pentingnya. Di sebabkan kau, kau, aku aku, inilah yang kita menjadi lemah.

Tulis buku politik semasa bukan macam tulis novel, buku teks atau buku akademik mesti cepat siap. Lambat keluar buku tak laku. Jangan marah. Di tempat-tempat tertentu, bahasanya mungkin agak terkasar sikit. Maklumlah buku politik. Kalau lembut sangat bahasanya, ditulis macam buku sastera, berbunga-bunga, orang nak buahnya. Hari ini kena '*straight to the point*', **kena gila-gila bahasa, kalau tidak orang gila kuasa tak faham.**

Sekarang apa salahnya gua cakap apa gua punya suka. Kalau orang macam Anwar, macam Lim Guan Eng boleh jadi mangsa keadaan dan juga mangsa lu, gua apa sangat?

Tentu ada hikmah kenapa Tuhan membiarkan Mahathir lalai membuat satu kesilapan dan diikuti oleh kesilapan yang lain. Dalam satu minit sahaja Mahathir dibodohkan oleh Tuhan. Maka yang lain-lain, janganlah menyombong sangat. Mereka yang hidupnya kaki mengampu, bila boss meredum, yang duduk di bawahnyalah yang paling teruk kena hempap.

Siapa tak tahu Anwar dulu adalah '*the blue eye boy of Mahathir*'. Tapi kini Mahathir sanggup musnahkan dia macam itu saja. Ditakdirkan Anwar tidak terbuang dengan cara macam itu, tentu Anwar tak tahu dan tak merasakan apa yang dialami oleh Lim Guan Eng, Lim Kit Siang dan keluarga mereka. Siapa selain daripada Anwar yang mempunyai keberanian '*do or die*'. Siapa lagi yang berani menentang Mahathir selain daripada Anwar? Ingatlah Melayu kalau sudah marah apa lagi, '**amok**'.

Kalau Anwar dulu tak pernah kena tahan dengan ISA, macam mana dia hendak bawa satu reformasi. Anwar kena jadi seperti watak Sir William Wallace dalam film '*The Brave Heart*'. Keberaniannya menentang Perdana Menteri secara terbuka telah menjadikan dia seorang hero, seorang lagenda selepas Dato' Harun Idris yang pernah menentang Hussien Onn. Dato' Harun Idris pun pernah merengkok di dalam Penjara Pudu akibat konspirasi. Kita masih menunggu-nunggu memo darinya untuk mengetahui siapa dalang dan kisah sebenar yang berlaku di dalam kamar hakim.

Kita hidup dalam negara yang berbilang bangsa. Apa salahnya kalau Anwar berbaik dengan Lim Kit Siang serta memperjuangkan Lim Guan Eng? Mereka itu pun rakyat Malaysia juga. Dan apa salahnya Anwar berbaik dengan Nallakurappan? Nama Nallakurappan dalam bahasa Urdu bermaksud "*the good black man*". **Mahathir pun ada Anakanda Krishnan.**

Semasa Anwar berada dalam kabinet dia tak boleh buat apa-apa kerana ianya satu '*collective responsibility*' atau tanggungjawab bersama. Hari ini lain dan siapa yang tak tahu, buat sementara waktu ini UMNO tak kan terima Anwar semula.

Memang dalam politik, tak ada musuh yang kekal seperti juga tak ada kawan yang setia. Yang ada, cuma kepentingan bersama atau *common interest* yang kekal abadi. Itulah dunia politik namanya. Ku Li dan geng dari team B yang menubuhkan parti Semangat 46 juga terpaksa berkerjasama dengan PBS dan PAS. Mahathir masa kena buang dulu pun biasa naik atas platform PAS.

Pemimpin politik mesti pintar, mesti berkawan dengan musuh. Mereka mesti belajar dari Mahathir yang telah membawa semua musuhnya yang dulu kembali masuk ke dalam UMNO. Bila mereka sudah kembali semula ke dalam UMNO, mudah sahajalah untuk menghancurkan Anwar. Maka janganlah *double standard* dan janganlah taksud sangat kepada pemimpin. Inilah dia '*battle of the galaxie*' yang dinanti-nantikan oleh musuh-musuh politik kedua-duanya. Anwar tak dibenarkan berlawan dalam parti tapi oleh sebab Mahathir suka sangat berlawan, *maka bertemulah buku dengan ruas*. Yang menyesal nanti orang Melayu, *kesal kerana nasi sudah jadi bubur*.

Dunia inikan ibarat mimpi. Kalau ada hati hendak jadi pahlawan maka mesti sanggup gugur di medan perang. Berani mencabar tapi tak sanggup tersungkur, tak sanggup tewas terhumban, jangan bercita-cita hendak jadi jaguh.

Benarkah Anwar mahu berlawan dengan guru dan bapa politiknya? Betul ke Anwar suka melafazkan *sembah derhaka*? Dan benarkah apa yang dilakukan oleh Mahathir ini bukannya lahir dari lubuk hatinya tapi disebabkan terpaksa? Apakah Anwar tidak cekap, tidak lebih cepat dan lebih pantas dari Mahathir? Seandainya Anwar tahu bahawa ada konspirasi dan dia bertindak dari dalam, tak mustahil nasib

Mahathir sama macam Suharto. Tapi masih belum terlewat untuk menyampaikan sembah derhaka. Seorang pahlawan tak boleh hidup bermuka-muka dan tak boleh takut raja derhaka.

Yang hendak kecuh-kecuhan ni apa pasal? Apa halnya ni? Apakah dunia sudah hampir kiamat? Kalau benar, sudahkah anda bersiap sedia untuk menghadapi akhirat? Tapi biar bagaimanapun Pak Habib tak boleh cakap sepanjang malam sehingga subuh menjelang. Pak Habib ada tugas yang lebih penting menjelang matahari pagi. Cerita pada peminat Pak Habib mesti disiapkan dan yang terpenting kalau betul UMNO akan mati, sudahkah ada parti yang bersedia sebagai ganti? Nampaknya pemimpin UMNO ramai yang tak peduli. Cerita konspirasi dan reformasi belum selesai lagi.

Mari kita tanya Tan Sri Musa Hitam. Mungkin dia tahu. Pak Habib berkata begini kerana Musa Hitam pernah menderita dan mengalami nasib yang sedang dialami oleh Anwar hari ini. Tapi Pak Habib tak fikir dia mahu terlibat. Dan kita tidak boleh marah Pak Lah (Abdullah Badawi) kalau dia terpaksa sokong Mahathir. Pak Lah dulu pun pernah menentang Mahathir hingga terkeluar dari kabinet semasa dia berada dalam team B pada pemilihan 1987. Kalau dia lawan sama, bagaimana kalau tiba-tiba saja sesuatu terjadi pada Mahathir? Siapa yang patut jadi Perdana Menteri, kalau bukan Pak Lah?

Datuk Najib pun sama juga. Dia hendak hidup. Dia bukan hendak sangat terlibat dengan Mahathir. Bila sudah duduk dalam kabinet dengan seorang *Headmaster* yang garang, di suruh angkat tangan, angkat tangan sajalah. **Hendak hidup.** Hari ini siapa sahaja tak bantai Anwar susah juga. Hari ini dalam MT semuanya sebulat suara, yang membulatkan suara itu pun Mahathir. Mungkin Mat Bulat yang tambah

membulatkannya lagi. Maka agenda utama perjuangan bukanlah kebenaran tapi kebendaan.

Mungkin Datuk Sanusi Junid berbeza. Sanusi ada pendiriannya sendiri. Sanusi pernah bercakap kepada para pelajar di Universiti Utara, dan menceritakan tentang sebuah sajak W.H. Longfellow. Kemudian dia menterjemahkan sajak itu ke bahasa Melayu. Katanya:

*"Ku panah hala ke langit
Panahku hilang entah ke mana
Ku cari di kebun getah
Ku jumpa panahku
Panah ku tak patah".*

Ada orang pernah meramalkan bahawa Sanusi Junid, anak Acheh satu hari nanti bakal jadi Perdana Menteri. Tanyalah Sanusi Junid sendiri, betul ke?

Tapi bagi Pak Habib siapa pun nak jadi Perdana Menteri jadilah. Cuma apa yang Pak Habib nak ingatkan ialah kalau hendak bunuh kawan pun, janganlah sampai seolah-olah sudah tak ada hari esok. Apakah mereka terlupa berapa ramai dalam UMNO yang bukan saja telah menjilat semula ludah mereka sendiri malah lebih dari itu?

Seperti juga dalam buku-buku politik yang lain, pendirian Pak Habib masih tidak berubah. Apa yang Pak Habib perjuangkan ialah kebenaran. Kalau dulu Pak Habib perjuangkan kebenaran, hari ini kebenaran jugalah yang diperjuangkan.

Pemimpin datang dan pergi. Pemimpin tidak penting, Mahathir tidak penting, Anwar tidak penting, UMNO tidak

penting. *Yang penting adalah mempertahankan keadilan dan memperkatakan yang benar. Itulah dia kebenaran yang haq.*

Kita tak patut mendewa-dewakan Dr. Mahathir hanya kerana dia seorang Perdana Menteri atau kerana dia ada kuasa dan kita tergila-gila hendakkan kerusi itu. Kalau dia betul, kita kata dia betul. Walaupun dia musuh kita, kita kena rasional. Kita tak patut taksud pada pemimpin semata-mata kerana kepentingan peribadi. Kita jangan jadi **tukang ampu** seperti juga kita tak patut pukul, pijak dan henyak orang yang sudah jatuh beramai-ramai. Kita tak patut menghukum seseorang manusia sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman yang orang itu bersalah. Kita kena ingat akan **hukum karma**. Apakah tidak mungkin apa yang sedang berlaku pada Anwar Ibrahim, Lim Guan Eng, dan lain-lain mangsa konspirasi politik tak mungkin berlaku pada kita dan keluarga kita satu hari nanti?




.....
S.H. ALATTAS
Wadi Hussein,
Kampong Janda Baik,
Bentong,
Pahang Darul Makmur.



Sebahagian-daripada para penyokong dan mereka yang bersimpati dengan Anwar. Mereka ini juga adalah sebahagian kecil daripada rakyat yang tidak berpuas hati dengan amalan *nepotisme* dan *kronisme* yang sudah menjadi ciri dan budaya dalam pentadbiran Mahathir.

Unsur *nepotisme* dalam pengagihan peluang perniagaan dan ekonomi bukan sahaja berlaku dalam kerajaan tetapi juga syarikat yang ingin diswastakan. Amalan ini jika tidak dibentaras dan dihapuskan akan menjadi barah yang akan memberi kesan kepada kesinambungan dan kemantapan ekonomi negara untuk jangka panjang.



Almarhum Ayatullah Khomeini pemimpin Islam dari keturunan Rasulullah yang sentiasa mengingatkan umat Islam sama ada Syiah atau Ahlul Sunnah supaya bersatu padu. Tidak ramai manusia yang *sehebat* dan *seberani* beliau, *disegani* dan *dihormati* oleh musuh dan kawan. Inilah pemimpin ahlul bait yang mempunyai *karamah* yang luar biasa. Keberaniannya menegakkan hukum Allah yang terdapat di dalam Al-Quran patut dicontohi oleh umat Islam diseluruh dunia yang sanggup menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.


Al-Fatehah untuk Almarhum Ayatullah Khomeini yang telah menumbangkan **raja segala raja** dan membangunkan sebuah negara Islam di dunia, biarpun menjadi musuh besar kepada '*the super power*'.

YOUR 10 SEN CHANGE,
MR. PRIME MINISTER...





Yang mana satu Sultan, yang mana satu Agung, yang mana satu Tuanku, Tuankau dan yang mana satu Raja. Di dunia tak perlu pakai mahkota, pakai songkok pun boleh. Yang penting berkuasa memerintah negara.



Mahathir : Sultan sekarang bukan macam ketika ayahanda Tuanku dulu. Tuanku kena pandai agama. Kita tak boleh beri kuasa agama pada manusia. Apa lagi yang tidak ahlinya dan tak mustahil tak lama lagi hal yang berkaitan agama diberi pada kerajaan. Maka Tuanku kena fikir dari sekarang jangan rakyat saja yang kena *reformasi*... Raja pun perlu di *reformasi* kalau tidak kena ikut *berkonspirasi*.



The four brothers who are all Royal Datuk of Selangor together with their sister Zaleha Mohd. Ali.
L-R: Dato' Hj Zainal Abidin Mohd Ali, Dato' Jaffar Mohd Ali, Zaleha, Dato' Ahmad Razali Mohd Ali and Tan Sri Hashim Mohd Ali.

1

KONSPIRASI REFORMASI KOPIKASI WANGKASI TAK ADA SAKSI

Biar 10 lagi buku yang menyatakan 100 sebab mengapa Anwar tak boleh jadi PM diedarkan kepada perwakilan atau semua ahli UMNO, kepada setiap rakyat Malaysia atau yang seperti disebarkan dengan percuma di jabatan-jabatan kerajaan termasuk di Jabatan Perdana Menteri sendiri. Biar semua media massa dan elektronik sebarikan semua keburukan Anwar sehinggakan habis semua penyokong Anwar lari memihak kepada Mahathir namun kalau Allah sudah tentukan yang dia akan jadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima, siapa pun tidak dapat menghalangnya. Manusia merancang, Allah juga merancang. Tetapi rancangan Allah juga yang tetap berjaya.

Dr. Mahathir selalu mengingatkan kita bahawa yang menang tak dapat semua dan yang kalah pun tidak akan kehilangan semuanya, jadi yang kita hendak haru biru, kelim kabut, pasal apa? Dunia hendak kiamat ke?

Relakslah brother. Bukan Anwar saja kena buang, Ketua Hakim Negara pun boleh kena buang, Raja imunitinya Mahathir tarik balik. Tahun 1987, sembilan orang menteri dilucutkan jawatan termasuk Datuk Abdullah Badawi dan Kadir Sheikh Fadhil. Jadi cerita Anwar kena pecat ini '*no big deal*'.

Lazimnya bagi manusia, untuk tujuh hari yang pertama, apabila orang yang terdekat dengannya mati, dia menangis macam hendak gila. Hari ke empat puluh, ada kenduri masih

sedih lagi. Masuk ke 100 hari, perlahan-lahan dia mula lupa akan kesedihannya itu. Tetapi apa yang berlaku pada Anwar tak sama seperti orang mati. Sebaliknya lebih lama peristiwa Anwar dihukum tanpa perbicaraan itu berlalu, lebih ramai rakyat yang akan bersimpati dengan beliau. Anwar menghadapi ujian. Pemimpin bersama mereka di kelilingnya cuba mematikan kerjaya politiknya. Sayang seribu kali sayang, *ular yang dipukul tak mati, tongkat patah, tanah berkembor*. Anwar kini ibarat seekor harimau yang tercedera. Di hutan belantara, binatang yang paling merbahaya adalah binatang yang sudah tercedera.

Memecat Anwar dari semua jawatan tanpa terlebih dahulu memberi sebarang penjelasan yang boleh diterima akal, lebih-lebih lagi Anwar dituduh dengan berbagai-bagai dan bermacam-macam tuduhan, yang akhirnya melibatkan mahkamah, namun sebelum para hakim dan juri membuat sebarang keputusan, Anwar dijadikan mangsa pihak atasan yang seolah-olah tidak takut dengan Tuhan.

Pak Habib dan hampir seluruh rakyat Malaysia yang ada hati perut, yang tahu perkataan belas ikhsan, merasa kasihan pada Anwar. Ini kerana belum ada satu pemimpin pun di dalam kerajaan yang pernah diaibkan sebegitu rupa, dengan dosa-dosa di mana manusia yang waras dan dewasa tak akan percaya bahawa tokoh agama yang begitu disayangi disimbah dan disalutkan dengan dosa-dosa meliwat, mengadakan skandal seks, menjadi pengkhianat negara padahal Anwar selama 16 tahun menjadi orang pilihan yang mempunyai kedudukan nombor dua telah diberikan kepercayaan oleh rakyat jelata dan beberapa hari sebelum peristiwa duka itu, terkeluar dari mulut pemimpin tertinggi negara bahawa Anwarlah sebagai penggantinya. Mesti ada sesuatu yang tidak kena. Bolehkah rakyat yang sudah 41 tahun merdeka percaya

bulat-bulat tanpa usul periksa keputusan muktamad terhadap bakal pemimpin negara yang belum lagi didakwa.

Dengar cerita kini orang sekeliling dia dah mula menjauhkan diri, sedangkan golongan ini yang menikmati 'faedah' daripada Anwar semenjak menjadi Timbalan Presiden UMNO. Golongan 'fast food' atau golongan 'mee segera' ini nampaknya perangai tak ubah macam burung merpati. Burung merpati bila sudah tahu tuannya nak mati, burung-burung ini akan melarikan diri, sedangkan sebelum ini burung-burung itulah yang mematok makanan di tangan tuannya. Mungkin salah Anwar hanya pandai mengajar pengikutnya untuk jadi kaya raya tapi gagal mengasuh mereka untuk jadi pengikut yang setia. Anwar kena belajar dari Dr. Mahathir bagaimana memperdayakan pengikut-pengikutnya. Tapi Pak Habib tak fikir Anwar sanggup bersandiwara sedemikian rupa.

Semasa menulis buku '*Challenger - Siapa Lawan Siapa*' Pak Habib bawa kisah Nabi Yusof, semasa menggambarkan kisah Anwar pertama kali bertanding kerusi Naib Presiden 1987, Anwar menang. Alhamdulillah.

Tahun 1982, pertama kali Anwar lawan Datuk Haji Suhaimi merebut Ketua Pemuda, tidak sampai 20 peratus yang mahukan Anwar. Dia tetap juga menang. Cuba baca buku '*Pemuda Di Zaman Mahathir*'.

Ramai menganggap Pak Habib manusia penentang arus. Hari ini waktu Anwar sedang dipukul, dibantai dan Mahathir kelihatan begitu gagah perkasa, Pak Habib tetap membela Anwar, kenapa? Apakah Pak Habib telah bertukar dari orang Mahathir menjadi orang Anwar? Kalau macam itu Pak Habib adalah seorang 'oportunist' kerana Pak Habib tahu bahayanya

matahari petang, jemuran sapu tangan pun tak boleh kering. Apakah peminat-peminat Pak Habib mahukan Pak Habib menjadi yesman, pengampu, penjilat kepada orang yang berkuasa sedangkan *conscience* kita memberitahu tindakan dan keputusan Mahathir memecat dan mengaibkan Anwar adalah satu kesalahan. Pak Habib bukan dari jenis penulis yang berpegang kepada konsep "*nak hidup*", sanggup gadai maruah, buang prinsip, hilang harga diri semata-mata kerana nak jaga periuk nasi.

Rezeki Allah di mana-manapun ada. Allah yang memberi rezeki. Apalah gunanya tembolok dan perut diisi dengan makanan yang sedap-sedap sedangkan hati kita gundah-gulana. Kalau sekadar "*nak hidup*", maka kita telah menjualkan maruah bangsa kita dan perjuangan kita pula semata-mata untuk mengabdikan diri kepada hawa nafsu.

Senjakala memang banyak setan dan siapa yang tak berhati-hati pasti tenggelam bersama kegelapan, kerana itu Allah suruh kita berlindung dari kejahatan kegelapan malam.

Jangan kita menaruh buruk sangka terhadap orang yang baik, itu adalah zalim. Kita tak boleh berburuk sangka dan bersubahat dengan manusia yang memusuhi Tuhan. Tunggu sahajalah bila kita akan ditipu.

Mereka yang tidak yakin dengan apa yang dipandang oleh mata tapi tetap yakin dengan hati bahawa Allah Maha Berkuasa, Allah yang menentukan segala-galanya. Hidup, mati, rezeki manusia Allah yang menentukannya.

Dari segi logiknya, dari segi rasionalnya, dari segi Perlembagaan dan undang-undang siapa saja yang sedang menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri menjawat

jawatan Timbalan Presiden UMNO, secara automatik menjadi pengganti Perdana Menteri sama seperti siapa bakal pengganti sultan atau raja jika bukan Tengku Mahkota atau Raja Muda. Begitulah kebiasaannya. Tapi tak semestinya begitu.

Mandela merengkok di dalam penjara selama 22 tahun. Mahatma Ghandi keluar masuk penjara. Jadi kalau Anwar yang dulu pernah dipenjara, keluar dari penjara, begitu cepat menduduki kerusi nombor dua kemudian dipecat, dihina begitu rupa, maka apakah tidak mustahil, esok atau lusa atau pada bila-bila masa sahaja, kerusi Perdana Menteri kepunyaannya. Beliau pun sudah bersedia untuk kembali ke penjara. Beliau pun sedikit tak gusar atau tak bersedih hati. Sebaliknya beliau lebih tenang dan lebih yakin kepada dirinya. Dia berulang-ulang kali menyatakan dia tidak bersalah. Ada kospirasi politik yang mahu menghancurkan kerjaya politiknya.

Dan sejauh yang kita tahu, orang Melayu ini kepercayaan kepada UMNO sahaja. Bangsa Melayu telah dididik melalui budaya, sebusuk-busuk daging, dikincah, dibasuh, dimakan juga. Pak Habib tidak menafikan Anwar juga mempunyai kunci-kunci dan suku sakat seperti Mahathir kerana sistem itu telah dipersetujui bersama sebagai cara hidup dan budaya dalam UMNO. Dan orang UMNO bukan ada banyak pilihan pun, sama ada Mahathir atau Anwar. Dan dalam perkampungan politik, pasti terdapat jenis manusia yang berpura-pura, bermuka dua, berlidah bercabang dan perkara *masuk dalam selimut, gunting dalam lipatan* adalah satu sandiwara dan "*drama minggu ini*".

Maka Mahathir jangan terlalu *over-confidence* bahawa yang bertepuk tangan, mengiyakan sahaja apa cakap beliau tidak semestinya pengikut yang setia. Lebih ramai yang

berperangai *gergaji dua mata*. Nak buat macam mana. Semuanya nak hidup. Tak sokong Mahathir, periuk nasi masuk pasir. Silap-silap telungkup. Mahu tak mahu, suka tak suka, disuruh angkat tangan. Angkat sahajalah. Bukannya susah angkat tangan. Di suruh menjerit, "*Hidup Mahathir*". Jeritlah sekuat hati. Mereka bukannya peduli Mahathir hidup ke, Mahathir mati. Mereka semuanya dah tahu tabiat orang tua ini. Siapa yang berani membantah akan menerima nasib yang sama seperti nasib Anwar Ibrahim. Maka turunlah dari seluruh pelusuk negara, dari tujuh penjuru alam, dengan membawa sepanduk-sepanduk dan membuat kenyataan, "*kami sebulat suara, unanimous berada di belakang Presiden*". **Tak cakap macam itu, nak mampus**. Nanti kena jerit dengan hulu balang di sekeliling Mahathir "*Pi!!!*".

Tapi Mahathir lupa mereka yang bersama-sama Brother Anwar adalah mereka yang ada perjuangan dan mereka yang tidak memikirkan periuk nasi. Biar pun tak ramai, tapi solid. Mereka ini terdiri daripada para cendikawan dan mereka yang mempunyai strategi, mereka yang sanggup ikat kaki dengan Anwar. Ditakdirkan tumbang ke kanan, sama-sama tumbang. Seandainya tersurat, mereka akan rebah di gelanggang, maka bersama-samalah kita rebah. Mereka ini adalah terdiri daripada orang-orang perjuangan yang tidak samar-samar lagi mengenai matlamat perjuangan untuk mengembalikan maruah bangsa dan negara demi untuk menegakkan keadilan, menentang penindasan, kezaliman dan kekejaman pemimpin yang tidak ada perikemanusiaan.

Tahun lalu ialah tahun lembu bagi orang Cina. Mereka percaya bahawa haiwan yang bernama lembu kuat bekerja walaupun ada kepercayaan yang menganggap lembu macam tuhan tapi lembu boleh dicucuk hidungnya.

Lembu binatang yang taat tapi tak pandai gunakan otaknya sendiri. 1997 telah menjanjikan banyak harapan pada awalnya tapi tabiat lembu yang tak pandai berfikir panjang, tak ada misi dan visi sama seperti kebanyakan ahli-ahli politik yang macam burung kakak tua, bila boss ketawa, semua ha, ha, ha, ketawa. Dan bila boss menangis semua burung kakak tua ketawa juga sebab mereka tak diajar menangis.

Ini budaya siapa?

Bila ekonomi meredum, bila pasaran saham mula bermasalah menjelang Julai, lembu yang dicucuk hidung tak tahu hendak buat apa-apa. Kebetulan pula lembu terkena sakit kuku dan sakit mulut, dijangkiti pula oleh penyakit lembu gila yang datangnya dari England, lembu jadi tak berguna dan jatuh harga. Macam juga orang politik yang sudah hilang duit akibat ekonomi meredum, maka mereka terpaksa menggadaikan maruah, menggadaikan diri untuk mengabdikan diri kepada tuan yang hidupnya tak memikirkan soal mati, tak mengingatkan sedikit pun hak-hak yang berkaitan dengan Illahi.

Selepas tahun lembu dikuti pula oleh tahun harimau. Harimau memang gagah dan ditakuti. Ada falsafah yang mengajar dan mendidik kita orang Melayu supaya jadi macam harimau kerana kita datangnya dari negara harimau. Kita jangan lupa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama dan jasa. ***Dari hidup seribu tahun jadi kambing lebih baik sehari jadi harimau.*** Beribu-ribu ekor kambing disembelih siapa pun tak peduli tapi seekor harimau sedikit saja cedera, heboh menjadi berita di media massa. Inilah yang dilakukan oleh Anwar. Beliau berani menentang pendapat boss, walaupun terpaksa jadi mangsa.

Harimau adalah binatang yang ada jati diri, yang tahu harga diri, yang tahu mempamerkan belang di badannya, lambang keberanian dan keyakinan yang ada pada haiwan tersebut. Harimau tak mahu hidup dalam kandang macam lembu dan kambing. Harimau berjalan tak bawa bekal. Tapi tetap makan daging.

Harimau binatang oportunist. Harimau malas dan lebih rela lapar dari diberi makanan ubi kayu, keledak dan sisa nasi. Harimau menunjukkan taring hanya apabila dia cedera atau kelaparan teruk. Ingat bagaimana Saidina Ali karamallah hu wajha dikatakan sebagai harimau Allah.

Hari ini ahli UMNO telah menyaksikan Anwar mengeluarkan taringnya. Menerusi CNN, ABC, dan pelbagai lagi agensi berita antarabangsa. Suara Anwar sudah mengaum ke seluruh dunia. Rakyat Indonesia yang bersimpati dengannya telah membuat bantahan dengan mengadakan demonstrasi di hadapan kedutaan Malaysia meminta Mahathir meletakkan jawatan. Apakah tidak mustahil peristiwa yang sama berlaku di seluruh negara seperti apa yang pernah berlaku di Indonesia, menuntut supaya Pak Harto jatuh dan akhirnya Presiden pun meredum.

Ramai yang percaya bahawa Anwar saja yang dapat mengalahkan Mahathir. Kali ini Mahathir telah *bertemu buku dengan ruas*. Maka Mahathir jangan salahkan Anwar kerana Mahathir sudah lebih. Peribahasa Inggeris ada mengatakan "*don't push a dog too far*". Anjing yang dikejar sehingga ke hujung dinding, akan berpatah balik menerjah kita.

Mentang-mentanglah kita berkuasa, janganlah kita gunakan kuasa kita sehingga di luar batas kemanusiaan.

Kepercayaan orang Cina bahawa tidak boleh ada dua ekor harimau di atas sebuah bukit. Sebab itu Mahathir terpaksa dan akan berbuat apa saja untuk mencedera dan menghalau harimau muda untuk hidup bersama-sama harimau tua yang sudah cedera dan kesakitan kerana banyak sangat berlawan. Tapi sekarang harimau muda yang dcederakan itu tak mati, maka mereka terpaksa bertarung dalam gelanggang. Rakyat ingin melihat pertarungan yang adil. Jangan kita suruh pemburu bawa senapang gajah untuk menembak harimau muda. Itu pendapat orang. Mereka yang oportunistik dan yang menjadikan politik sebagai *big bisnis* tak peduli. Dalam peperangan tanpa sempadan semuanya boleh. Mahathir jangan lupa bahawa orang Melayu sudah berkata *biar putih tulang, jangan putih mata*. Maka *alang-alang mandi biar basah, alang-alang berdakwat biar hitam, alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan*. Awak dah jual murah sangat, bergadai bergolok, orang beli. Jangan awak ingat awak sahaja jantan.

Mahathir sudah keterlaluan. Beliau telah berkali-kali mencabar dan memperkecilkan Anwar dengan kata-kata bahawa jika Anwar bersedia untuk melawannya, dia tak gentar. Dia sudah berada di kemuncak. Kalau kalahpun, sudah 16 tahun jadi Perdana Menteri. Tapi Anwar kena fikir, kalau dia yang kalah, dia rugi segala-galanya. Kalau betul Mahathir nak jadi pahlawan, kenapa ikat kaki tangan Anwar dan campak dia ke dalam perigi buta. Lepas itu mendabik dada, "*Akulah juara*". "Ah... persetanlah kau, harimau tua, tua kutuk, pukul curi". Bila orang ajak lawan, lari, bersembunyi, panggil orang satu negeri. *Jika tangan sanggup mencincang bahu mesti sanggup memikul*. Awak yang mengheret rakyat satu negeri untuk terlibat dalam masalah peribadi sendiri, awak yang takut kehilangan kerusi, melemparkan fitnah dan tuduhan bahawa kononnya Anwar terlibat dengan konspirasi sebagai

pengkhianat kepada negeri dan parti sedangkan semuanya cakap-cakap kosong yang tidak ada bukti. Sekiranya ada, buktikan segala tuduhan barulah rakyat mahu mempercayai. Tapi setakat ini semua itu adalah dusta dan pembohongan yang kuncu-kuncu politik ada-adakan sendiri.

Politik Malaysia bercelaru kerana ramai sangat yang memperjudikan dua harimau supaya bertarung sedangkan satu waktu harimau adalah lambang duit Malaysia ketika matawang itu masih gagah. Ia menjadikan duit itu bersemangat. Tetapi apabila harimau-harimau bergaduh, hilanglah semangat yang ada pada duit itu? Yang tinggal hanya kertas sahaja.

Berbunuhan sesama teman seperjuangan, satu perkara biasa di dalam politik Malaysia. Kabil membunuh saudaranya sendiri. Adik beradik Nabi Yusof membuang Yusof ke dalam perigi tapi kehendak Illahi akhirnya Yusof jadi menteri.

Bagi Pak Habib Mahathir tak sepatutnya mengaibkan Anwar. Apa orang tua ini tak ada hati perut ke, buat kerja-kerja gila macam ini. Tak fikirkah anak isteri dan kaum keluarga orang. Macam mana kalau kena batang hidung sendiri? Malah Mahathir tak payah bergaduh terus dengan Anwar. Bukankah dia tahu, Anwar bukannya ada kuasa. Keris Taming Sari berada di tangan Mahathir. Mahathir mesti tunjukkan sifat kesabaran. Allah berserta dengan orang-orang yang sabar. Sabar itu separuh dari iman. Oleh itu, Mahathir kena tunjukkan kesabaran sebab dia bapa. Umur pun dah tinggal subsidi. Kalau zaman dahulu kala, tentu dah kena perli. Rumah kata pergi, kubur kata mari. Yang tak nak bangun daripada kerusi itu pasal apa. Cukuplah 17 tahun. Semua anak pinak dan kaum keluarga serta suku sakat sudah kaya raya. Semua orang yang mahu jadi pemimpin mesti menerima

berbagai macam dugaan. Anggaplah ini sebagai satu kifarat dari Allah.

Tapi nasihat Pak Habib agar Dr. Mahathir dapat kenal anak buahnya. Salah nasihat dari anak buahlah yang jadi macam ini. Adanya *batu api*, adanya geng-geng yang dengki dan iri hati tengok kejayaan Anwar, maka cara yang paling baik ialah bubuh api ke dalam telinga orang tua ini. Che Det pula pantang mendengar ada orang yang nak melawan atau menjatuhkannya, tanpa dibicara Anwar jadi mangsa. Kita semua tahu Mahathir menyesal, sedih, malu, tersalah percaturan, silap buat keputusan. Tergesa-gesa akhirnya, *ikutkan nafsu lesu, ikutkan resa binasa, ikutkan hati, mati*.

Pak Habib nasihatkan agar Mahathir jangan terpengaruh sangat dengan penasihat-penasihat sekelilingnya yang akan membuat diri sendiri merana. Anwar tak perlu takut dengan segala fitnah yang disebarikan terhadapnya kini kerana majoriti rakyat tak percaya berita yang mereka baca di media massa. Dan mereka juga tidak percaya dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh para pemimpin politik di keliling Mahathir. Masyarakat kenal benar mereka yang membuat kenyataan menyokong Presiden. Apa yang disampaikan itu tidak lebih daripada merupakan cakap-cakap politik. Yang mengutuk Anwar itupun bukannya baik sangat. Silap-silap, *kata dulang paku serpih, kata orang dia yang lebih*. Sendiri punya kaki tengoklah brother, bukan tengok orang punya kaki.

Cuba kita lihat apa jadi pada tahun 1988. Ekoran dari pertelingkahan tahun 1987, UMNO diharamkan dan Datuk Sri Ling Leong Sik selaku Timbalan Pengerusi Barisan Nasional menjadi Perdana Menteri secara automatik. Seandainya ketika itu beliau menyerahkan kuasa kepada Tengku Razaleigh Hamzah, maka sudah tentu sampai hari

ini pun Mahathir belum tentu dapat jadi Perdana Menteri. Tapi Ku Li tidak ditakdirkan begitu. Mudah-mudahan ahli UMNO belajar dari sejarah.

Kita juga harus ingat bahawa orang Cina pernah menjadi Perdana Menteri walaupun untuk tempoh masa yang singkat. UMNO dan orang Melayu terhutang budi kepada Ling Leong Sik. Tapi ketika itu Sultan masih ada imuniti. Hari ini imuniti yang ada pada raja-raja Melayu sudah hilang, sudah menjadi sejarah. Kalau Mahathir terus menggugat dan mencabar Anwar bergaduh, apa akan jadi pada orang Melayu? Ini yang patut kita merasa susah hati sekarang ini. Inilah krisis yang sebenarnya. Ia lebih teruk dari krisis ekonomi. Inilah masanya kita perlukan para pemikir dan cendekiawan untuk mencari jalan bagaimana caranya hendak *menarik rambut dalam tepung*. Jangan sampai, *ular yang di pukul tak mati, tongkat yang patah dan tanah jadi rosak*. Kedua-dua penasihat Anwar dan Mahathir perlu menggunakan kebijaksanaan supaya kekusutan dan masalah peribadi antara kedua-dua pemimpin ini dapat diselesaikan secara yang terbaik sekali dan tidak melibatkan pihak ketiga yang bersedia untuk menjadi "*hakim buruk*".

Anwar kena ingat bahawa bukan setiap masa Allah membantu orang yang benar jika dia tidak menggunakan akal fikiran dan ikhtiar. Musuh mungkin berada di tempat yang batil penuh dengan kemungkaran tapi musuh cekap bijaksana; yang batil boleh mengalahkan yang benar. Bukan kerana yang batil itu lebih benar tapi kerana perancangan dan usaha mereka lebih sedangkan golongan yang membawa kebenaran hanya berpeluk tubuh saja.

Pak Habib tak tahu siapakah penasihat yang telah menasihatkan Anwar supaya mengambil *injunction* terhadap buku terbaru yang telah merosakkan imejnya.

"Ada kalanya nasihat yang baik datang dari orang yang bukan penasihat, sedangkan yang diminta nasihat adakalanya menipu dengan nasihat yang diberikan".

Mengambil tindakan mahkamah terhadap Khalid Jefri bukan cara terbaik membersihkan dirinya. Bukankah Anwar telah memberitahu PM, MT UMNO dan malah Peguam Negara dan pihak polis agar menyiasat isi kandungan buku tersebut. Tetapi sebaliknya, beliau yang kena siasat dan akhirnya membawa padah kepada dirinya sendiri.

Baru-baru ini Mahathir telah menghadihkan sebahagian bukunya daripada koleksi peribadinya supaya dibaca oleh orang ramai. Mahathir mahu rakyat membaca kerana setahu beliau, rakyat cuma baca dua buku sahaja dalam satu tahun. Ini mengikut kajian yang dibuat oleh Perpustakaan Negara. Kalau betul dua buku, buku yang mana menjadi pilihan anda? Buku S.H. Alattas atau buku Khalid Jeffri?

Saidina Ali r.a. pernah berkata sebagaimana yang dipetik dari bukunya Nahjul Balagha:

"Wahai anakku, jangan sekali-kali memilih seorang bodoh sebagai kawan karibmu, sebab ia hanya akan mendatangkan kesakitan bagimu sementara ia justeru ingin menolongmu. Jangan kau jadikan seorang bakhil sebagai temanmu, sebab ia akan menjauhkan diri darimu justeru pada saat kau sangat memerlukannya. Jangan berkawan dengan orang yang berbudi rendah sebab ia akan menjualmu dengan semurah harga. Jangan berkawan dengan seorang pendusta sebab ia sama saja dengan fatamorgana, mendekatkan bagimu yang jauh dan menjauhkan yang dekat".

Anwar juga sepatutnya mengambil iktibar dari pengharaman buku Pak Habib *Challenger - Siapa Lawan Siapa* yang diperolehi oleh Musa Hitam. Dan beliau juga harus ingat keadaan dan situasi yang dihadapi oleh beliau dan Musa tak sama. Malah dari semua aspek pun buku '*Challenger*' tak sama dengan buku yang Pak Habib katakan itu.

Isi dari kandungan buku itu telah diketahui oleh umum melalui surat layang yang telah diumumkan oleh Presiden tapi tak diambil perhatian. Tapi bila dikumpul dalam bentuk buku biarpun penulisnya bukan penganalisa politik. '*Half truth is a danger, it can be a big lie*'.

Buku tersebut yang menyusup masuk ke dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini dan diberi kepada perwakilan dengan percuma, yang sekali gus menimbulkan teka-teki siapa dalang di sebalik pendedaran bahan berkenaan sedangkan buku Pak Habib tidak diedarkan kepada perwakilan secara percuma dan semua orang tahu buku *Challenger* itu Pak Habib yang tulis.

Dalam kes Datuk Musa Hitam lawan Syed Hussein Alattas, tahun 1991, setelah diputuskan Hakim Lim Beng Choon mendapati tujuan utama penulis adalah untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin apabila buku tersebut laris dijual.

Buku 50 Dalil dianggap sebagai buku yang cuba memfitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan juga Timbalan Presiden UMNO..

Menurut Salleh Buang dari Persatuan Peguam-Peguam Malaysia:

Tujuan utama buku ini adalah untuk menggulingkan tokoh politik yang menjadi sasaran penulisan itu. Atau paling tidak menghakis pengaruhnya terhadap ahli parti. Dalam buku ini, apa yang nyata matlamat penulis adalah untuk menjatuhkan imej dan menjejaskan reputasi tokoh itu. Dengan itu ia mempengaruhi sentimen perwakilan supaya tidak lagi begitu yakin tentang kemampuan Anwar menjadi PM pada satu hari kelak. Tambahnya, berbeza dengan buku yang menghentam Datuk Musa itu, dalam kes mengenai Anwar ini, nampaknya keuntungan dari segi kewangan bukan motif utama penerbitan kerana buku itu telah diedarkan secara percuma kepada perwakilan.

"Jelas buku mengenai Anwar itu diterbitkan bukan untuk dijual dan diniagakan. Ia ditulis dan dicetak untuk maksud tertentu - menyampaikan mesej kepada perwakilan atau sesiapa sahaja yang menerima edaran buku itu secara percuma, bahawa Datuk Seri Anwar, dari sudut pandangan penulis dan penerbit, tak layak jadi PM.

Betulkah kejatuhan ekonomi kita disebabkan permainan media Barat atau ada dalang luar yang main duit. Pak Habib takut, dalang yang dimaksudkan ini ialah dalang yang duduk di dalam negara ini dan yang hari-hari kita tengok muka dia? Dan tentunya dalang ini takut dengan Anwar kerana Anwar tahu banyak rahsia. Anwar dianggap berbahaya, bukan lagi satu aset tapi satu 'threat' dan liabiliti. Anwar tahu cerita tentang Perwaja, Bakun, pembelian syarikat kapal, apa yang berlaku pada Sime Bank dan sebagainya.

Jika kita tak percaya adanya hari kiamat, buat apa jadi

Islam? Kalau percaya adanya kiamat, mereka yang dah buat banyak dosa, cepat-cepatlah bertaubat kerana banyak sangat dosa inilah maka banyak sangat bala bencana yang ada dalam negeri ini dan yang akhirnya menimbulkan krisis dalaman serta muncul sebagai fenomena yang sangat bahaya. Untuk mengatasinya, ia memerlukan tindakan yang drastik dan radikal. Tindakan yang pertama ialah berhenti meletakkan kesalahan kepada orang lain, lihat dalam diri, cari kesalahan diri, hapuskan rasa ego, dan sedarilah bahawa siapapun kita, kita adalah tidak lebih daripada merupakan pelakon-pelakon di pentas dunia. Dan watak yang kita pegang itu adalah satu perkara yang bersifat sementara. Hanya dengan cara ini, barulah kita sedari krisis kita yang sebenarnya. Krisis kita adalah krisis identiti. Sama ada kita terlupa atau kita tidak tahu, siapakah kita sebenarnya tidak akan mengubah hakikat tersebut. Maka janganlah ada manusia yang nak berlagak macam Tuhan menghukum sesiapa sahaja, sedangkan dia sendiri pun sedang menunggu hukuman.

Kita dengar apa yang dibacakan di awal surah Al-Baqarah, ***wajib percaya pada Allah SWT, para rasul, pada kitab, pada yang ghaib dan akhirat*** tapi kita tak percaya. Islam apa kita ini? *Kita percaya Nabi Muhammad SAW itu pesuruh Allah. Dia kekasih Allah. Macam mana tingkah laku dan perangai Muhammad SAW? Kita ikut sunnah siapa? Lepas itu bila semua kelam kabut, semua jadi haru biru, kita salahkan Islam, padahal yang salah diri sendiri yang hipokrat dan yang cuma bertopengkan Islam. Inilah perangai orang-orang Islam kulit.*

Muhammad SAW yang tak pandai menulis dan membaca boleh mengubah umat Arab yang hidup dalam jahiliah, kerana Baginda berani berkata benar dan menyampaikan apa yang benar dari Allah. Bangsa Arab yang hidup dalam kegelapan jahiliah yang berpecah belah, berbunuhan sesama sendiri,

menyembah berhala, tanam anak perempuan hidup-hidup, berkahwin dengan muhrim, menyimpan hamba abdi, minum arak, berjudi, seks bebas boleh bertukar menjadi sebaik-baik dan semulia-mulia bangsa. Ini disebabkan *messenger*nya yang dilantik sebagai pemimpin mempunyai sebaik-baik akhlak, tidak ego dan tidak materialistik, tidak memberi keutamaan kepada kronies dan suku sakat. Dan yang terpenting tidak membiarkan ada **Cleopatra** campur tangan dalam urusan keagamaan, pemerintahan dan kenegaraan.

'*Messenger*' mana boleh angkuh. Inilah *role model* manusia yang membawa Al-Quran. Baginda tahu kalau baginda eksyen, angkuh, sombong siapa nak ikut masuk Islam.

Pak Habib ingin sekali lagi mengingatkan anda pembaca sekalian bahawa buku yang anda sedang baca ini adalah sambungan daripada buku '*Sunnah Nabi Muhammad SAW vs Sunnah Mahathir Mohamad D.K.*' daripada siri trilogi politik yang Pak Habib janjikan. Kalau anda tak membaca buku yang pertama itu, anda mungkin tak dapat memahami sepenuhnya apa yang Pak Habib cuba sampaikan dalam buku ini.

Ramai umat Islam hari ini baru jadi Al-Hafiz sudah pandang orang sebelah mata, ada pula jawatan menteri atau pegawai sudah hendak lawan taukeh. Mana boleh budak messenger di pejabat nak pakai motor 'Harley Davison'. Kaum bijak pandai yang mewarisi Nabi mesti jadi *role model*, mesti berbudi perkerti mulia, mesti baik hati, tolerance, jangan jadi *thieves of the people*. Bercakap pasal '*thieves of the people*', Pak Habib teringat buku Pak Habib "***Johor Corporation - Thieves Of The People***" yang diambil injunksi oleh CEO Perbadanan Johor, Dato' Ali Hashim. Entah bila agaknya nak selesai.

Hari ini ramai di antara kita ada kuasa dalam tangan menjadi billionaire dengan merompak, menyamun dan menyalahgunakankuasa. Macam mana ekonomi dan share kita tidak meredum?

Kerana ramai daripada peminat Pak Habib bertanyakan mengenai pendapat Pak Habib, apakah peluang untuk Anwar menjadi Perdana Menteri sesudah dua tahun berturut-turut diserang oleh pukulan peribadi yang akhirnya menyaksikan Anwar tersungkur akibat pukulan TKO Dr. Mahathir dan kunci-kuncunya, maka Pak Habib terpaksa juga menjelaskannya.

Sebenarnya reaksi Pak Habib sekadar tersenyum. Memang musuh-musuh Islam tidak akan memberikan siapa saja yang cuba memperbaiki imej Islam terutama tokoh yang telah dianggap sebagai satu **institusi**. Kita telah lihat satu persatu institusi Islam dihancurkan bermula dengan Datuk Onn Jaffar sebagai Presiden UMNO yang pertama. Islam adalah musuh utamanya, baca buku **'The Ultra Malay'** oleh Dr. Firdaus. Hari ini Islam sudah masuk dalam UMNO dibawa oleh Anwar Ibrahim, tentulah lebih mudah untuk membunuhnya.

Di manakah tokoh-tokoh pemikir yang sama-sama buat *grand design* untuk Anwar menganggotai UMNO? Apakah kini mereka bersekongkol dalam membuat satu lagi *grand design* menjatuhkan Anwar? Siapakah mereka ini?

Tidak mustahil dalam politik semua boleh berlaku! Kesetiaan memang tidak boleh dijual beli, sukar untuk cari orang yang setia macam Sanusi Junid. Sanusi bila Dr. Mahathir ada masalah dia orang pertama tampil membela menerusi pelbagai program melalui kementerian dan portfolio

yang beliau pegang. Dalam konteks ini apakah Sanusi masih setia dengan Mahathir sedangkan ramai tahu siapa menteri-menteri yang terlibat dan para pemimpin UMNO yang lainnya.

Apakah kita mahu menunggu sejarah untuk menjadi hakim atau kita biarkan hukum karma yang menentukannya. Kita tidak perlu menunggu lama. Segala-gala yang berlaku hari ini adalah *instant*. Pembalasan kepada tukang fitnah, tukang membuat perangkap pasti akan menerima pembalasannya.

Sejak 1982 hingga sekarang, Anwar tak pernah menolong Pak Habib untuk menjadi kaya atau apa jua usaha yang Pak Habib lakukan dan tak pernah mengundang Pak Habib ke apa-apa juga majlis di rumah atau apa yang dia buatnya. Di sebaliknya dia buat musuh dengan penulis yang jadi anak buah Pak Habib. Tapi selaku seorang Islam, kita tidak boleh berdendam. Ini bukannya ajaran Rasulullah SAW. Malah kita dianjurkan agar tolong menolong di antara kita kerana Allah membantu terutama orang yang teraniaya dan di zalimi. Pak Habib menulis buku kerana Allah. Penulisan adalah satu perjuangan dan perjuangan yang murni tidak mengharapkan sebarang balasan.

"Sebodoh-bodoh manusia ialah yang tidak mampu beroleh kawan untuk dirinya namun yang lebih bodoh lagi ialah yang menyebabkan perginya mereka yang telah diperolehinya."

Kita selaku pejuang agama dan bangsa, kita tak boleh lihat Anwar dari segi batang tubuhnya tapi dari segi perjuangannya. Ditakdirkan kita membiarkan Mahathir memusuhi Anwar, siapakah yang kita nak harapkan untuk memperjuangkan agama dan bangsa. Bukan mudah saya memperjuangkan Anwar selama 16 tahun.

Kalau pun ditakdirkan politik Anwar akan hancur apakah kita akan bertepuk tangan atau jadi lembu melihat lembu lain jatuh dalam lubang?

Atau apakah kita mahu jadi burung botak vultures yang merayau-rayau dan menunggu kawan kita bertukar menjadi bangkai dan kita makan dia beramai-ramai.

Budaya vultures makan bangkai kawan sendiri tak patut dibiarkan wujud dalam perkampungan politik di mana pengikutnya mengaku beragama Islam. Yang amat sedih lagi, mereka yang sembahyangnya tak tinggal, dosa-dosa besar tak buat, di masa Anwar difitnah merekalah yang paling banyak menjadi lidah penyambung fitnah tanpa merasakan bersalah dan berdosa melakukan dosa yang paling besar, lebih besar dari dosa membunuh orang. Nak jawab apa bila mati kelak.

Janganlah kita gunakan kesempatan, bila orang jatuh kita jadikan orang itu jambatan, mentang-mentanglah kita orang politik dan kita boleh mendapat keuntungan apabila dia jatuh.

Apakah budaya politik kita, "*menangguk di air yang keruh*", mengumpat sana, mengumpat sini, mengada-adakan perkara yang tiada, lebih-lebih lagi mereka yang dulunya kecewa kerana tidak dapat sesuatu dari Anwar atau sakit hati disebabkan Anwar, mereka kehilangan kerusi atau kemungkaran mereka didedahkan oleh Anwar atau takut kehilangan bisnes, maka bila Anwar sudah jatuh, pakat pijak ramai-ramai, keroyok, tanam hidup-hidup dan akhirnya talkinkan politik Anwar seperti apa yang telah mereka lakukan kepada Ustaz Ashaari dan kumpulan Arqam.

Mengucaplah. Banyak-banyaklah berastaghfar. Kita ini orang Islam. Buat apa pun, janganlah berlebihan. Sebaik-baik

sikap adalah sederhana. Macam mana kalau orang yang kita lanyak dan kita pijak itu tak mati, muka kita nak letak dimana. Ingat-ingat sikitlah pesan orang tua-tua, "*tanduk lembu itu menghala ke depan*".

Tidak adakah cara yang lebih Islamik untuk mendapatkan kuasa dan kepercayaan daripada orang ramai? Ini kerana satu jari yang menuding ke arah seseorang maka tiga lagi menuding ke arah diri sendiri. Ingatlah pepatah itu. Apakah kita tidak menyesal melihat hancurnya Arqam disebabkan tidak ada rasa tanggungjawab umat Islam terhadap umat Islam yang lain. Kita sibuk dengan nak tolong orang Islam di Bosnia dan negara-negara lain sedangkan orang Islam di dalam negeri kita juga dizalimi dan teraniaya oleh musuh-musuh dalam selimut yang bertopengkan Islam.

Macam mana mata kita boleh dibutakan, disebabkan cintakan dunia terlupa bahawa akhirat adalah sesuatu yang kekal. Imam Jaafar Shadiq a.s berkata, "*cinta dunia adalah sumber dari segala macam pelanggaran*".

Yang terang dan jelas keluarga terlibat dengan kronis dan nepotisme terlepas begitu sahaja kerana ada kuasa dalam tangan. Apakah manusia boleh terlepas dari hukum karma? Nasib tak berubah selagi kita tak dedahkan petualang. Hukum Allah mesti dihidupkan, Al-Quran mesti dijadikan *imam penunjuk jalan, nur yang memberikan cahaya di dalam kegelapan hidup kita dan bukan pemimpin jadi imam, Al-Quran di letakkan di belakang*.

Bila bintang masih terang, nasib tengah baik, buat dosa satu trailer pun lepas. Media massa, media cetak, media elektronik, jentera parti kerajaan apa lagi dalam perkampungan manusia yang kebendaan semua memberi dan

menyatakan sokongan. Manusia sedikit pun tidak takut dengan dosa dan pahala.

Saidina Ali r.a. pernah berkata:

"Semua kesilapan diri sendiri tetap tertutup dan tersembunyi selagi nasib baik masih bersama kita."

Kalau undang-undang Tuhan dan Al-Quran boleh dipermainkan apa hendak hairan pada manusia macam ini yang jadi saksi. Mudah-mudahan Anwar Ibrahim boleh membawa mereka yang menuduhnya telah melakukan kecurangan ke khalayak ramai, seperti Nabi Musa a.s. mendedahkan komplot Qarun yang menggunakan seorang perempuan sundal, yang mengaku Nabi Musa a.s. ada skandal seks dengannya, padahal ianya adalah satu konspirasi, satu agenda yang digunakan oleh Qarun untuk mencemarkan kewibawaan Nabi Musa a.s. Nampaknya Anwar tidak takut kerana dia tidak berdosa. Dan beliau telah menjelaskan semua ini di khalayak umum. ***Tepuk dada tanya selera.*** Nak percaya, percayalah.

Dalam perkampungan politik banyak sangat manusia munafik, cakap pembohong, cakap tak serupa bikin. Di depan manis bukan main mesra tapi pusing belakang lain bicara. Terlalu banyak kawan yang membunuh kawan dalam senyuman sambil berjanji dan bersumpah. Orang munafik yang tak takut Tuhan, Al-Quran dan surah yassin dijunjung atas kepala tak punya erti apa-apa. Yang kita hendak percaya cakap mereka pasal apa?

Kerja junjung Al-Quran untuk menipu dan mempermainkan menantu, sahabat iaitu amirul mukminin Saidina Ali bin Abi Talib telah dilakukan oleh Muawiyah

tapi kerana dia telah dilabelkan sebagai sahabat ibarat bintang di langit maka perbuatan tersebut tidak dilihat sebagai satu kesalahan. Malah orang Islam dilarang pula meletakkan kesalahan itu ditangan Muawiyah.

Dalam perhimpunan politik, keikhlasan kerja-kerja perjuangan untuk Allah Taala sudah lama dihumban dalam peri gi buta. Hari ini politik menjadi satu perniagaan '*politic is big business*'. Begitu juga dengan agama yang sudah jadi '*big business*', seperti kata Mahathir, jadi sahaja ahli persatuan ulama, terus boleh buat fatwa, bantai dan lanyak siapa sahaja yang tak sealiran dengan pemikiran mereka. Sabar ajelah. Sehingga nak sembahyang hajat untuk Anwar pun tak dibenarkan di seluruh negara, takut Tuhan keliru. Begitulah menurut pendapat ulama UMNO. Tapi dalam perhimpunan bersama-sama Mahathir baru-baru ini, suruh semua ahli UMNO bacakan fatimah untuk Mahathir meminta diadakan sembahyang hajat supaya Mahathir berada didalam keadaan sihat walafiat dan Tuhan panjangkan umur Mahathir. Untuk apa, tidak disebut pula. Untuk membuat amal soleh atau terus menzalimi dan menindas mereka yang lemah dan tak berdaya.

Tanda-tanda dunia akan kiamat sudah jelas. Kalau dunia tak kiamat pun, ramai ahli-ahli politik yang sudah tua-tua yang perkhidmatan mereka, sudah patut ditamatkan. Kirim salam banyak-banyak. Pemimpin macam inilah yang menyebabkan ramai orang jadi gamat dan gawat.

Bila lagi nak cari rezeki dengan cara yang halal. Allah tak suruh berniaga barang dagangan yang dinamakan **fitnah** dan **umpatan**. Kita dah tengok dengan mata dan kepala kita sendiri bahawa tidak ada seorang pun yang berniaga perkara yang diharamkan oleh Tuhan, yang boleh menyusahkan manusia yang boleh selamat hidup di dunia dan akhirat.

Kebanyakannya tidak dapat keberkatan. Tuhan kenakan penalti secara *instant*. Apakah kita tak nampak berapa banyak ahli politik yang belum mati dah kena bankrapsi? Wang yang didapati dari jalan haram, dengan cara berniaga atas angin hilang atas angin juga. Kalau nak tahu cerita-cerita begini bacalah buku '**Mayat**' yang diterbitkan oleh Utusan. Mudah-mudahan mereka akan insaf. Mereka yang tahu agama dan yang beriman tidak akan menjadikan politik sebagai satu bisnes. Nabi Muhammad SAW menjadi pemimpin agung dunia, mempunyai lebih satu bilion pengikut, tak pernah memenangnya melalui pilihanraya. Janganlah jual Islam untuk nak jadi Perdana Menteri atau untuk mendapatkan kerusi.

Kalau pun ditakdirkan Anwar jadi Perdana Menteri sekalipun tetapi penyakit dilema umat Islam yang didedahkan dalam buku ini, jika masih tidak diubahi sebelum perhimpunan, UMNO akan hancur. Penyakit hasad dengki, khianat mengkhianati sesama sendiri mesti diperangi terlebih dahulu barulah Allah akan menolong kita.

Pergi ke masjid dan sembahyang lima waktu dah jadi macam satu budaya kepada masyarakat Islam sekarang. Dah macam rutin harian yang biasa dilakukan seperti makan, minum, mandi dan gosok gigi. Berapa ramai yang tahu siapa sebenarnya yang disembah dan siapakah yang menerima sembah? Begitu juga naik haji dan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berapa ramai yang mengerjakannya dengan ilmu dan keikhlasan?

Marilah kita bersama-sama melihat ke dalam diri kita. Apakah hati kita itu Islam? Apakah syahadat kita itu hanya di bibir sahaja sedangkan dalam perbuatan kita, orang buta pun tahu yang kita puja, kita agung-agungkan, kita taat

bukannya perintah Allah. Kita tunduk kepada perintah hawa nafsu kita. Kita lebih mengutamakan perintah manusia, lebih takut kepada perintah bini. Perjuangan agama dan bangsa sudah menjadi agenda nombor dua. Cleopatra menjadi raja. Tanyalah diri sejauh mananya Islam aku ini? Dengan orang ramai kita boleh berbohong, tapi bolehkah kita membohongi diri kita sendiri? Dunia hanya boleh selamat bila manusia tidak lagi membohongi dirinya sendiri. Ini kerana manusia apabila kata-katanya sudah tidak boleh dipercayai lagi, maka dia adalah seorang yang munafik.

Kita berada dalam dunia di mana manusia hanya memikirkan soal agama yang berkaitan dengan ritual bukan kerohanian. Sebab itu umat Islam di seluruh dunia lemah macam *buih di atas air*. Iman tak boleh main ikut-ikutan. Bukan ikut Anwar, bukan ikut Mahathir sebagai '*role model*'. Se jauh ini PAS beruntung kerana Nik Aziz boleh dijadikan '*role model*' kepada orang PAS. Mudah-mudahan Tok Guru tak dijadikan idola kepada mereka yang taksab dan fanatik kepadanya, seperti yang dilakukan oleh pengikut Arqam terhadap Ustaz Ashaari sehingga akhirnya Sheikul Arqam terpaksa mengaku di hadapan kaca TV yang beliau telah menyelewengkan akidah para pengikutnya. Hari ini ada ahli-ahli PAS yang telah dituduh sebagai pengikut Syiah dan Ustaz Hadi dituduh dalang yang membawa penuntut ke Iran.

Hari ini ramai yang dihormati oleh masyarakat sebagai orang kenamaan, sedangkan anak isteri, kaum keluarga dan kawan yang terdekat tidak sedikit pun menaruh hormat terhadap mereka yang bergelar Yang Berhormat.

Manusia beragama disebabkan gambaran luar yang mempamerkan keIslaman namun sebaliknya perangai mereka jauh lebih buruk dari khinzir. Mereka sanggup makan harta anak yatim, harta fakir miskin, makan daging saudara sendiri

dan menerima segala bentuk rasuah. Apa nak hairan bila mati mayat bertukar menjadi khinzir. *'No big deal'*.

Yang dimaksudkan *'the brotherhood'*, persaudaraan sesama ummah itu ialah apakah patut kita membiarkan umat Islam makan daging umat Islam sendiri sedangkan khinzir tidak makan anaknya sendiri? Tak hairanlah jika tersebar mengenai mayat bertukar jadi babi. Yang hidup pun perangai lebih kurang khinzir juga. Kalau tidak macam mana orang Melayu bila menyumpah orang, mereka gunakan perkataan **Babilu**... Memang ramai manusia yang perangai macam babi.

Berapa ramai orang yang nama saja Islam, perangai macam babi? Di depan orang pura-pura hormat tapi di belakang orang maki seranah, kutuk, hina, pada hal mereka ini berkedudukan dalam masyarakat. Perlakuan dan pertuturan tidak mencerminkan seorang pemimpin yang Islamik. Perkara inilah yang harus diberi pendedahan kepada umum bukannya mereka yang mendapat keuntungan. Kebanyakan orang politik ini bersikap *'double-standard'*. Mereka yang boleh memberikan faedah kepada mereka akan diampui dan dikipas. Sebaliknya yang tidak dapat memberi apa-apa keuntungan, disingkir dan dikata sesama mereka. Kuasa dan kekayaan diberi keutamaan. Soal persaudaraan tak penting. ***Inikah yang diperjuangkan selama ini oleh orang-orang politik kita? Menyertai parti dan berpolitik hanya untuk mengumpul kekayaan dan memperolehi kuasa. Mana pergi perjuangan yang dibawa semasa penubuhan UMNO dulu?***

Tapi yang peliknya manusia yang perangai macam babi ini disembah macam berhala moden. Perkara ini terjadi kerana *'kebendaan'* dijadikan sebagai matlamat hidup, manusia bertuhankan kepada manusia. Mereka lebih taat pada perintah tuan. Apa saja kata tuan, yang penting tuan senang. Di

Indonesia pula, "ya pak, ya pak". Dah kena sepak atau kena kapet, tetap "ya pak". Yang penting bapak senang. Semuanya bisa di atur, Pak. Tapi bila bapak dah meredum, budak-budak lepak ketawa terbahak-bahak. Sabar ajelah.

Kata-kata Tuhan disebut dalam sembahyang tapi tak disimpan dalam ingatan dan hati. Hendak hidup mesti dengar kata tuan. Maka hari ini tuanlah yang disembah kerana takut tuan murka.

"Dosa yang paling merbahaya adalah dosa yang diremehkan oleh pelakunya".

Mereka ini sanggup membohong, menipu, menfitnah dan bermusuh dengan siapa saja biarpun orang itu tak berdosa, tak buat apa-apa kesalahan. Yang penting tuan kerana tuan yang beri makan, walaupun bertentangan dengan syara', bertentangan dengan fahaman dan undang-undang ciptaan manusia.

Kebanyakan umat Islam telah **disesatkan** dengan berbagai ideologi yang merupakan penyembahan berbentuk baru dengan bertuhankan kepada berhala moden yang bernama tuan, boss. *'Boss is always right because he is the boss'*.

Sebenarnya kita bukan sahaja dilanda kegawatan ekonomi tetapi banyak lagi perkara yang berada dalam keadaan gawat. Contohnya soal aqidah, gejala sosial, nepotisme dan kronisme dikhuatiri berada dalam keadaan genting. Penyakit syirik dah semakin merebak di kalangan masyarakat Islam. Bertuhankan tuan bukankah syirik namanya itu? Tuan maha mulia, maha besar, tuan adalah segala-galanya. Ayat-ayat Al-Quran hanya di dengar, tidak diamati pengertiannya. Mereka yang berfikiran kritikal saja yang bertanya perintah siapa, tuan atau Tuhan?

Manusia perlu kembali kepada jalan Allah dan meninggalkan perkara syirik, menyembah kebendaan. Inilah reformasi yang diperlukan oleh umat Islam di seluruh dunia. Kejadian dalam perkampungan UMNO antara Anwar dan Mahathir ini sekadar '*case study*' sebagai satu cermin untuk anda. Kita sudah keterlaluan dalam mengejar kebendaan hingga terlupa tujuan hidup kita yang sebenarnya. Ramai diantara kita yang sudah sanggup tinggalkan anak isteri, tinggalkan kawan, tinggalkan perjuangan, tinggalkan agama semata-mata kerana tuan.

Bila lagi kita ingin jadi manusia yang merdeka minda dan jiwa. Mahathir tak penting. Anwar tak penting. Parti tak penting. Pengikut-pengikut mereka tak penting. Yang penting ialah menjadikan **kebenaran** sebagai pegangan hidup supaya kita tidak tersesat hingga kesesatan kita itu boleh menyebabkan hancurnya satu perjuangan, satu kerajaan, satu bangsa yang telah sama-sama kita bina.

Mudah-mudahan kalau kita marahkan pada beberapa ekor nyamuk, janganlah sampai kita membakar rumah sendiri. Kalau kita benci terhadap beberapa orang pemimpin, apakah kita perlu menghancurkan suatu institusi yang telah kita bina bersama? Bukan cara kita rakyat Malaysia untuk buat revolusi, tetapi sebagaimana kita menerima kemerdekaan dengan dulang emas dan bukan dengan mengangkat senjata. Kita tak mahu lihat negara porak peranda dan kacau bilau seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969. Cukuplah itu sebagai sempadan tindakan kita. Kalau pemimpin sudah merasa bersalah jangan duduk di kerusi lama-lama, berundurlah secara terhormat, macam Tunku dan Hussien Onn. Jangan hendak menjaga ego yang rampuh kerana akibatnya agama, negara dan bangsa akan hancur dan binasa.

Nepotisme: Siswa UKM sokong Zahid

KUALA LUMPUR 11 Jun — Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) menyokong tindakan Ketua Pergerakan Pemuda UM-NO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi untuk mendedahkan semua unsur nepotisme dalam pemberian projek-projek gergasi pada persidangan agung pergerakan itu pada 18 Jun ini.

Presiden PMUKM, Muhyiddin Jaffar berkata, langkah itu perlu kerana nepotisme merupakan jenayah dalam ekonomi yang boleh mengakibatkan jurang yang lebih ketara antara mereka yang kaya dengan yang miskin.

"Oleh itu Pemuda UM-NO mesti mendedahkan kedudukan sebenar (hal itu) kerana Pemuda ditubuhkan memang bertujuan menyuarakan apa sahaja perkara yang difikirkan tidak betul," tegasnya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau juga berkata langkah tegas perlu diambil oleh semua pihak termasuk Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menanganinya bagi mengelak-

kan pembentukan kuasa ekonomi kepada satu golongan sahaja.


Muhyiddin menambah, kerajaan juga perlu membenarkan penyiasatan dibuat bagi membongkar amalan nepotisme kerana jika amalan itu tidak disekat ia akan membentuk kapitalisme baru di negara ini.

"Jika dibiarkan, akan wujud satu kelompok yang mudah membuat keputusan secara tidak menyeluruh dan mementingkan golongan tertentu.

"Akhir-akhir ini sudah ada kecenderungan pihak tertentu membina empayar masing-masing dan kemudiannya membela mereka yang menghadapi masalah," katanya.

Tambah beliau, tindakan membongkar nepotisme juga akan menjadi amaran kepada individu atau kumpulan yang sedang mengamalkan budaya tidak sihat itu.

"Ia satu pendedahan yang perlu diambil perhatian," ujarinya.



Siapa dia kartun yang berkepala besar ini kalau bukan ipar Datuk Sri Dr. Mahathir, adik kepada Datin Sri Siti Asmah. Bila dikritik oleh Datuk Sabaruddin Chik dan Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa Perdana Menteri bercuti di luar negara, askar pencen ini menangis terisak-isak dikhalayak ramai minta berhenti. Lepas itu terima balik jawatan. Ah malunya... sudah ludah dijilat semula.

They said it



CHANGE OF COMMAND

"Sukom will now report to me on all matters pertaining to the Games. Under the new format, I will have direct access to all information about Sukom and their plans for organising the games."

Youth and Sports Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin commenting on his new role after the resignation and later retraction of executive chairman of Sukom Ninety Eight Berhad Tan Sri Jen (Rtd) Hashim Mohamed Ali.



TERMETERAI... Dr Mahathir menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman antara Pengerusi Bersama Majlis Perniagaan Malaysia-British, Mirzan Mahathir dan Gillam sempena penubuhan majlis itu, semalam. - Gambar oleh Hasan Ismail



Kerjasama... Mokhzani (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Taylor sambil disaksikan Zaharah.



Muhkriz Exco Pemuda UMNO Malaysia, seorang tokoh korporat yang mempunyai puluhan '*public listed company*', tak mungkinkah Muhkriz juga jadi macam Hishamuddin Hussien atau Najib Tun Razak? Mereka pewaris politik dari Almarhum ayahanda-ayahanda mereka.

Mokhzani explains his corporate strategies

MOKHZANI Mahathir, the executive chairman of Tongkah Holdings Bhd, has refuted the view of certain parties that he was in a hurry to build up his business empire.

"I have been in business for about seven years and we only go out for new businesses when we feel there is synergy. We look at companies that bring added value to us in the three core business areas - manufacturing, healthcare and finance," he said. "Unless we are so strong that we can look at a particular project, outside of the three areas, that is so enticingly interesting and feasible, then we will support it."

Mokhzani described Tongkah as "a very conservative group."

"We are not a big spender. Our newly acquired headquarters building THB Satu is the only luxury that we have ever indulged in," Mokhzani said.

The RM43mil complex at Jalan Semantan in Damansara, Kuala Lumpur, will house the offices of Tongkah subsidiaries, which are now scattered over the Klang Valley and Penang.

Mokhzani, who has been with Tongkah as a managing director since 1990 and shareholder since 1992, said that as far as listing exercises were concerned, it was just a corporate exercise to lessen the burden of Tongkah.

"It is merely for our subsidiaries to raise money for their own expansion. I did not do it so that I can say that I control X amount of money in X public-listed company," he said.

Mokhzani stressed that the flotation of companies allowed investors to clearly identify where they wanted to put their money into.

Mokhzani's success story in the corporate scene has come a long way. A petroleum engineer by training, he had worked for two years as a well site engineer on Sarawak Shell Sdn Bhd's oil rig in Miri and Bintulu.

Sometime in 1989, when his employ-

er decided to put him on a desk job, Mokhzani quit along with two other colleagues. They then formed Teknosif Sdn Bhd, which is now 70% owned by Tongkah Holdings.

"When I was asked to take up a desk job, there were opportunities in Kuala Lumpur. That was how I left, along with two other Shell boys. They were then my housemates and today, they are still with me and they have done very well," Mokhzani said.

Teknosif, a company providing seismic data processing services for the oil and gas industry, was set up as a subsidiary of Tongkah, which was then trying to diversify from its mainstay in the plantation sector.

Mokhzani was then a consultant in Teknosif.

Does he miss practising as an engineer, especially after all the efforts he put in at Tulsa University in Oklahoma in the US to obtain his petroleum engineering degree?

"I miss the profession in a way. But I have practised it for two years. After all, we still have Teknosif although we are not heavily involved in the petroleum industry. There are already too many players there," Mokhzani said. "If you are not a pioneering batch in this field, it will be very difficult to play a big role. It is also very capital intensive. We missed the boat, I suppose."

Some people have wondered why Tongkah has developed its strength on three business pillars - manufacturing, healthcare and finance - and not other areas, for instance, property.

"Property is something that I know nothing about and the name of the game is availability of a land bank and low gearing. I've got neither of them," Mokhzani explained. "We started off as a manufacturing company. I used to be very active in the manufacturing division in the early 90s when we were trying to turn Tongkah around."

Mokhzani led Tongkah, formerly a

plantation-based company, into manufacturing when the group came under his helm in 1992.

"After acquiring new outfits and expanding our operations, we managed to turn the company around. It really took a lot of effort before we came to the size and strength of what we are now," he said.

As for its involvement in stockbroking, Mokhzani said this was something offered by the MBF group.

"It has paid us handsome dividends. Some analysts have questioned our move. We paid RM110mil for Kestrel Securities but our results showed that it was worth the money," Mokhzani said.

Once Tongkah was put on firmer ground, Mokhzani carved the way towards bigger projects. Its first move was into the healthcare sector.

Last year, Tongkah started providing support services like cleaning and wastewater disposal to government hospitals under a privatisation contract. This was done by 51% owned subsidiary Tongkah Medivest Sdn Bhd.

It then extended its presence in the healthcare industry by acquiring Hospital Pantai Bhd, a private hospital operator which recently celebrated its 23rd anniversary.

"We initially took 5% in Hospital Pantai and later increased it until we have a majority control. I saw the potential of expanding the Hospital Pantai group while Berjaya Group Bhd, the previous major shareholder, decided that it did not want to pursue the business," Mokhzani said.

In March, Berjaya Group sold its entire interest of 35.52% in Hospital Pantai to Mokhzani, who already held a 21% stake.

Today, Tongkah owns 56.53% in the private hospital group, which has five hospitals under its stable and plans to set up eight diagnostic centres before the year ends.

There are about 4,000 employees in the Tongkah group.



Dr. Mahathir : Tun Daim, you tahu Rahim Tamby Chik ni punya cerita, macam ini punya panjang.

Tun Daim : Macam bateri *energizer* tok?

Dr. Mahathir : Mungkin panjang lagi, macam ini punya panjang cerita yang dilapurkan oleh akhbar dan ditulis oleh penulis-penulis politik masakan tak ada yang betul, Rahim sendiri mengaku ada yang betul.

Tun Daim : Yang mana satu yang betul? Rasuah atau was.. wasan 1515?

Dr. Mahathir : Apa pulak was..wasan 1515 ni? Saya punya wawasan 2020.

Tun Daim : Rahim suka yang 15 tahun sebab itu kita kata was..wasan 1515. Datuk tak pernah buat kerja macam ini, macam mana Datuk nak tahu.

Dr. Mahathir : Bukan dia saja, ramai lagi orang kita yang mungkin lebih teruk darinya. Habis you macam mana? Mana panjang cerita you dengan Rahim? Mengikut *firasat* Pak Habib, orang yang ketinggiannya sederhana berbanding dengan majoriti, *akal* dan ceritanya lebih panjang lagi, tapi mungkin bintang you sedang terang, selamatlah you.

"BUKAN SETANLAH .. SYAITAN... SULTAN"

Satu pagi di Restoran ATIRAH, Kota Kinabalu, Sabah sewaktu Pak Habib sedang minum bersama-sama beberapa orang anak angkat Pak Habib, di antaranya Junaidi, anak Allahyarham Tun Hamdan bekas Yang DiPertua Negeri, yang menjadi Setiausaha Politik kepada Datuk Mungoh Uru, Setiausaha Agung Parti Bersekutu, Ramly, penulis politik yang berbakat yang kini menulis untuk Bersekutu, hadir sama, Tuan Haji Jabbar Khan alias Yasser Arafat, tuan punya restoran kawan lama Pak Habib dan Awang Asrul dari suku Iranum. Pak Habib telah bertemu dengan seorang hamba Allah yang agak unik.

Di pagi bertuah ini Pak Habib telah di perkenalkan kepada seorang manusia istimewa yang bernama Sultan Ismail Putra Al Haj Ibnu Sultan Haji Abdul Kahar. Mereka memanggil dia **Sultan** dan tuan punya restoran menggunakan bahasa istana bila bercakap dengannya.

"Tuanku, ini Pak Habib penulis kontroversi dari Malaysia", Yasser Arafat memperkenalkan Pak Habib kepada Sultan Ismail Putra.

Pak Habib bangun dari tempat duduk untuk memberikan penghormatan kepada sultan yang karasmatik. Kuasa magnetik Pak Habib lihat terpancar dalam diri Sultan yang telah menceburi bidang tarikat, hakikat dan makrifat dari sejak dia kecil lagi.

"Beta berbesar hati dapat berkenalan dengan tuan Habib.

Sila duduk." Gaya dan cara dia bercakap menunjukkan kebesaran dan sifat-sifat kemuliaan yang terdapat di dalam dirinya. Dari seorang insan yang bersih, manusia yang telah mensucikan hatinya sejak dia kecil hingga umurnya lebih setengah abad. Dia tidak pernah melakukan dosa-dosa besar, berzina, minum arak, berjudi, memfitnah dan berbohong, begitulah cerita yang Pak Habib dapat sesudah kami berbual mesra.

Saya kembali duduk. Sultan bersalaman dengan semua orang sambil mengorak senyuman dan berseloka. Bukankah memberikan satu senyuman itu adalah satu sedekah. Sifatnya yang periang dan ramah akan membuat siapa saja cepat mesra dengannya. Berapa ramai dari pembesar kita yang mahu tersenyum dengan orang ramai?

Watak Tuanku Sultan yang baru diperkenalkan ini menarik dan ada sesuatu keistimewaan yang tersembunyi di dalam dirinya. Orang ini mempunyai kekuatan rohani yang luar biasa. Ketrampilannya sungguh hebat. Sultan memiliki budi pekerti yang mulia dan berhemah tinggi. Sebagai seorang ahli firasat, Pak Habib memerhatikan tingkahlakunya sambil cuba menganalisa wataknya. Dadanya yang bidang, badannya tegap dan tinggi sasa, menampakkan dirinya seperti seorang pendekar. Dahinya luas, keningnya lebat, matanya jernih berkaca, wajahnya menarik dan senyumnya manis sekali. Air mukanya cukup bersih. Dari pandangan pertama siapa saja yang pernah bercampur gaul dengan raja-raja tidak akan menolak bahawa darah bangsawan mengalir di dalam dirinya. Baginda tidak riak, angkuh, sombong dan berperangai mengada-ada.

Selalunya begitulah watak seorang raja. Sebagai seorang khalifah di atas muka bumi, kita sepatutnya mempunyai sifat-

sifat kemuliaan, pemurah, penyayang, lemah lembut yang hidup di dalam diri kita. Roh yang baik memampirkan kebaikan menerusi hati yang sudah dibersihkan dan hati yang sudah disemaikan dengan kecintaan dan hubungan dengan Tuhan.

Maka saya fikir memang kena pada tempatnya dia diberi gelaran Sultan. Bukankah Menteri, Ketua Menteri dan Perdana Menteri juga adalah raja dan sultan? Mereka adalah raja dan sultan yang tidak memiliki mahkota. Tapi hari ini mahkota bukannya penting. Raja dan sultan yang mempunyai mahkota hanyalah sebagai "*alat istiadat*". Di zaman moden ini raja-raja yang tidak memiliki mahkota mempunyai kuasa yang lebih besar, lebih luas dan lebih segala-galanya jika dibandingkan dengan raja yang mewarisi mahkota. Raja-raja Melayu pun sudah hilang kuasanya sejak British memerintah. Hari ini kuasa yang tinggal pada raja-raja Melayu telah diambil semuanya oleh Tuanku Mahathir, seorang raja Melayu yang tidak bermahkota di atas kepala.

Bukankah gelaran-gelaran 'Yang Mulia Tuanku Sultan', 'Duli Yang Maha Mulia' tidak layak untuk dipakai oleh manusia? Allah sajalah yang berhak menggunakan perkataan yang **maha** dikaitkan dengan-Nya kerana Allah raja sekelian alam. Bukankah Tuhan jadikan jin dan manusia semata-mata untuk menyembah-Nya. Kenapa pula kita mendewa-dewakan dan menyembah manusia? Cuba kita periksa semula, betulkah syahadat kita? Tanya Hamid Othman di Pusat Islam, apakah menyembah selain daripada Allah tidak terkeluar daripada akidah dan dianggap sesat?

Apalah salahnya orang mengelarkan beliau Sultan Sabah kerana dia pun berketurunan sultan, asalnya berbangsa raja dari Brunei dan Sabah. Tapi nak buat macam mana sudah

suratan takdir, dia jadi rakyat biasa kerana permainan penjajah yang menukarkan siapa saja yang tidak tunduk pada perintah mereka digantikan dengan penyamun, pencuri atau siapa saja manusia munafik yang dipilih oleh penjajah untuk dijadikan alatnya.

Bercakap pasal penjajah Inggeris, Pak Habib teringat beberapa cerita mengenai Raja dan Gabenor yang patut diketahui oleh pembaca. Seandainya pembaca mahu ilmu yang mendalam mengenai apa itu Raja dan Gabenor, cuba tonton filem '*Merlin The Wizard*', '*Man With The Iron Mask*' dan '*The Mask Of Zorro*'. Tahukah anda perbezaan manusia dengan Raja dan Gabenor?

Memang tidak banyak yang tahu mengenai sejarah raja-raja Sabah. Tak ramai yang tahu bagaimana mahkota raja di rampas dari datuknya. Ramai yang memikirkan yang dianya itu ialah seorang yang tak siuman. Bukan dia seorang saja di Malaysia ini yang kena main macam itu, malah di Semenanjung pun ramai. Kerusi yang sepatutnya milik bapanya, dan dia berhak jadi raja tapi politik punya pasal, kuasa punya pasal, manusia yang bergelar raja pun sanggup menipu dan memakan daging keluarganya sendiri.

Selalunya orang gila juga yang kenal orang gila dan pencuri kenal pencuri, dan tentulah ada perbezaan di antara raja yang menjadikan Islam sebagai cara hidup dengan raja yang menjadikan Islam dan politik sebagai satu bisnes.

Namun biar bagaimanapun, kata-kata yang terbit dari mulutnya jika diteliti dan direnung banyak kebenaran. Kalau pun dia berlakun, apa salahnya dia berangan-angan jadi raja, tak kan hendak syok sendiri pun tak boleh?

Mereka yang mengenalinya tahu Sultan ini seorang seniman. Sebagai manusia seni dia pandai berpantun, bersyair dan bila membaca doa ayat Al-Quran yang disebutnya jelas dan lahir dari hatinya dengan mukhrij dengan tajwid yang betul. Lafaznya terang dan fasih pula lidahnya. Dia seorang al-hafiz. Sesudah lama duduk berbual dengannya, tahulah kita yang dianya seorang yang mempunyai keahlian dalam ilmu kerohanian. Sultan jelas bukan orang sebarangan.

Hina besi kerana karat, hina manusia kerana miskin. Cuba dia kaya, ada pangkat dan pengaruh tentu orang ramai tak pandang beliau macam itu.

Sambil Pak Habib berfikir Pak Habib tengok Junaidi, bapanya dulu juga seorang gabenor, disebabkan tidak ada peninggalan harta pusaka yang berjuta, dia tak ada beza dengan anak petani atau nelayan biasa. Inilah putaran roda hidup namanya. Kekuasaan, kekayaan dan kemuliaan tidak kekal di tangan satu-satu saja. Inilah keadilan dan kebesaran serta maha bijaksana Allah yang mencipta kita semua.

Mari kita tinjau manusia politik yang berkeliaran di hampir setiap kedai kopi, warung atau coffee house di hotel lima bintang, sasarannya sama saja.

Pak Habib ke Sabah kali ini untuk meninjau pendapat ahli UMNO dan rakyat Sabah yang mengikuti perkembangan politik tanahair. Dan politik rata-rata amat diminati oleh rakyat Sabah. Disebabkan ramainya pemimpin yang tak berprinsip, yang tak ada kredibiliti, tak berkualiti tetapi tetap mahu menjadi pemimpin politik saja tanpa memikirkan soal perjuangan dan membela nasib rakyat, maka rakyat Sabah seolah-olah hilang pedoman politik. Dan disebabkan agenda utama pemimpin ialah kuasa serta ***menjadikan kepimpinan***

politik sebagai satu perniagaan, 'politics is a big business', maka siapa sahaja yang bersekongkol dengan mereka akan mendapat ganjaran. Bagi kebanyakan ketua dan mereka yang bergelar Yang Berhormat serta segelintir rakyat, berpolitik semata-mata untuk cari makan. Maka parti politik yang baru pun hidup macam cendawan lepas hujan. Inilah masalah politik Sabah terutama menjelang pilihanraya. Susah nak cari pemimpin yang ikhlas, susah nak cari pemimpin politik yang baik. Apabila *keruh air di hulu maka keruhlah air di hilir*.

Untuk tujuan ini tentunya tidak ada tempat yang lebih baik dari Restoran Atirah II kerana hampir setiap hari mereka yang menjadikan politik itu bisnes, berkumpul. Di sinilah Pak Habib dapat bertemu dengan ramai mereka yang berminat dengan politik kerana hampir 80 peratus penduduk Sabah di sana sini suka *bermain politik*. Ini disahkan sendiri oleh Datuk Osu Sukam, Menteri Kewangan yang baru yang menggantikan Gaffur Salleh dan sekali gus Osu dilantik menjadi Timbalan Ketua Menteri.

Kedudukan restoran ini di penjuru dan di persimpangan jalan. Makanannya sedap terutama roti canai. Kedainya bersih dan harganya pula sederhana. Di samping soal makanan yang Pak Habib katakan itu, restoran ini juga merupakan tempat berkumpulnya kebanyakan ahli-ahli *Parti Bersekutu* yang dipimpin oleh Harris Salleh, di mana ibu pejabat Bersekutu terletak disebelah Atirah II.

Dan apa yang paling menarik sekali ialah tuan punya Restoran itu sendiri, Haji Jabbar Khan Bin Haji Nafi adalah bekas tahanan ISA.

Haji Jabbar Khan pernah di tahan di Kemunting selama 28 bulan. Haji Jabbar Khan yang datangnya dari suku kaum

Iranum, pernah jadi orang kuat UMNO. Tanya siapa saja pemimpin politik di Sabah, tak ada yang tak kenal Jabbar Khan. Dulu dia memegang jawatan Naib Ketua Bahagian Tanjung Aru dan Pegawai Petugas Khas UMNO Sabah. *Dulu lain... sekarang lain...* Sekarang ini dia orang kuat Harris Salleh. Bagaimana beliau boleh bertukar taukeh?

Jabbar Khan bercerita dengan wajah sedih. Dia masih teringat kata-kata Mahathir kepadanya dulu, *'kita mesti menang dengan apa cara sekali pun'*. Berpegang pada cakap inilah Jabbar alias Yasser Arafat bermati-matian memperjuangkan UMNO Sabah sampai menang. Bagaimana dia telah melakukannya adalah satu rahsia. ***Pandai makan pandai simpan*** tapi bila hati dah panas, dia cerita juga "***of the record***". Sudah menang Jabbar jadi mangsa. Sudahlah tak dibalas jasa di sebaliknya Jabbar kena tahan dibawah ISA kerana terlibat dengan sindiket membuat kad pengenalan palsu.

Dulu Harris pun kawan baik Mahathir. Sudah dapat Pulau Labuan, janji tinggal janji. *'We sink and swim together'* menjadi slogan rakyat Sabah tentang Mahathir. Bila Harris meredum, lu siapa, gua siapa. Bayangkan jenis manusia apa Dr. Mahathir ini? Dan siapakah Mahathir sebenarnya? Maka jangan marah bila Pak Habib istihar perang terhadapnya. Bukan Pak Habib seorang saja, mungkin ramai lagi musuhnya di seluruh negara.

Ramai kenal siapa Harris yang sebenarnya tapi disebabkan ***'a known devil is better than an unknown angel'***, maka Jabbar lebih suka ikut Harris Salleh. Dan siapa lagi yang diharapkan oleh bumiputra Sabah yang beragama Islam kalau bukan Harris? Bagi orang Kristian mereka mempunyai Datuk Pairin Kitingan dengan parti PBS. Pairin dan ramai dalam PBS memusuhi Mahathir.

Kemasukan Jabbar Khan dalam mana-mana saja parti politik adalah satu aset. Dia ini memang pakar dalam menambah *undi hantu*. Dia seorang yang pakar dalam permainan politik atau '*political master mind*'. Kerana bijak sangat menjalankan kerja-kerja yang berkaitan *undi hantu*, akhirnya banyak sangat yang dia tahu. Dia terpaksa disimpan di dalam tahanan ISA. Kalau tidak orang macam ini boleh membuatkan Mahathir tidur tak lena.

Cerita dia kena tahan di ISA tanpa bicara itu memang sedih tapi lebih sedih lagi sekolah agama yang diasasnya terpaksa ditutup bila dia berada dalam tahanan. Patut ke? Tak ada orang yang tolong bantu menguruskan sekolah yang mengajar anak-anak menghafal Al-Quran. Guru-guru dia terbilang, dibawa khas oleh Jabbar dari Indonesia. Hendak buat macam mana ramai saja orang Islam yang kaya terutama pemimpin politik tapi tidak seorang pun yang tampil ke hadapan untuk menyambung usaha murni yang telah diusahakannya. Mungkin mereka terlupa bahawa tolong menolong dalam memperluaskan ilmu itu tanggungjawab bersama, "fardu kifayah". Kalau tak ada yang membuatnya semua kena tanggung dosa.

Sepatutnya bila tahan Jabbar, tempat budak belajar menghafal Al-Quran tidak dibiarkan mati begitu sahaja. Inilah yang menyebabkan orang marah pada Mahathir yang pandainya menghukum tapi tak memikirkan masalah yang ditimbulkan sesudah hukuman dikenakan. Mahathir Boleh.... Semua Mahathir boleh buat.

Maka bila ada konspirasi, mesti ada reformasi, tapi mereka yang mahukan reformasi jangan hulur tangan minta kopikasi, wangkasi, kalau tidak putus komunikasi.

Mari kita berhenti cerita politik, kita cerita pasal makan. Mari kita fikir. Betul atau tidak yang kita semua memerlukan satu reformasi mental dan reformasi kerohanian. Minda dan reformasi kerohanian yang mengkaitkan diri dengan Tuhan sudah mati. Kita sedar setiap manusia yang hidup terpaksa menjadi hamba perutnya. Semua hidup nak makan, hendak minum tapi apakah itu matlamat hidup kita. Bagaimana dengan roh kita? Jika roh kita sakit, kita lebih teruk dari manusia yang sakit jasmani. Di samping itu cuba kita fikirkan bukankah manusia yang paling bahaya itu ialah manusia yang lapar? Kalau Tuhan pun mereka tak takut, inikan pula Mahathir. *Allah is big, Mahathir is small*. Nak takut dengan Mahathir pasal apa? Maka kita perlu mengadakan reformasi.

Para pemimpin politik mesti berjuang untuk bangsa, soal pelajaran dan tempat tinggal mesti disampaikan pada Mahathir bila Perdana Menteri datang melawat Sabah. Jangan semua Wakil Rakyat terutama dari Barisan Nasional nak mengampu saja, kena beri tahu bahawa harga makanan di Sabah ini terlalu mahal jika dibandingkan dengan keadaan hidup rakyat yang *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*. Hampir 13 peratus rakyat di paras kemiskinan dan yang menjadi masalah mereka ialah makanan dan tempat tinggal. Mahathir yang sudah jadi Perdana Menteri selama 17 tahun buat apa? Yang Mahathir tahu buat projek yang mega-mega untuk orang kaya dan suku sakatnya saja. Inilah di antara topik perbualan di mana-mana dan bagi komponen Barisan Nasional untuk mempertahankan kerusi memang sakit.

Sedang kami minum, Sultan bersuara, "Beta seorang sultan, patutkah istana beta dirobuhkan? Beta ada tujuh belas orang putera dan puteri, empat permaisuri, ke mana anak dan isteri beta mahu pergi? Orang yang buat kerja ini tak ada sifat

kemanusiaan ke, atau tak takut ke kepada pembalasan Allah? Beta keturunan raja dan sudah duduk di sini hampir empat keturunan. Janganlah berlaku zalim dan kejam macam ini terhadap hamba Allah yang tidak buat apa-apa kesalahan pun. Rakyat membuat rumah di tanahair sendiri, satu dosa ke? Menteri sapu bersih segala kayu balak, laut di tambak tak berdosa, tak salah ke?"

Sultan bercakap dengan nada suara seorang raja yang menyuarakan suara hatinya. Tiba-tiba seorang kawan mencelah, "Betul bah, ini perintah memang tidak senang sama rakyat bumiputra".

"Macam ini punya pemimpin sama seperti penjajah kulit putih Amerika terhadap Red Indian. Kalau orang kafir buat ini kerja, tidak apa bah. Itu orang kafir, mereka tak takut Tuhan. Mereka tak peduli dosa pahala dan bagi mereka tidak ada akhirat. Tengok apa jadi pada kaum aboroginies di Australia".

Seandainya anda berada di tempat Pak Habib, anda juga akan berasa pilu dan sedih menerima berbagai aduan terutama mereka yang betul-betul tak ada tempat tinggal. Buat rumah hasil titik peluh, rumah mereka dirobuhkan. Ada yang bertanya wakil-wakil Rakyat buat apa? Bayangkan sebagai analogi, jika satu orang yang terbunuh dijalan, ia dikatakan accident, 100 orang mati accident dikata tragedi. Satu orang membunuh orang di label pembunuh tapi bila 10,000 dibunuh dikata "conquer" penakluk negeri. Semua tunduk. Buat rumah satu, dirobok, dikata rumah haram, ambil 1000 ekar tanah buat padang golf, buat hotel lima bintang dikata projek pembangunan. Adilkah?

"Di mana lagi beta mahu mangadu, Habib sajalah", tambah

Sultan lagi. "Ini Yong susah nak cakap, belum pilihanraya dulu beta pergi bantu BN dalam pilihanraya, beta doakan dia supaya menang. Sudah menang, sudah jadi Ketua Menteri bukan boleh jumpa. Beta pergi mengadu pada Abang Sakaran, pun sama juga, TYT yang bukan boleh tolong bumiputra".

Biar pun ada yang menganggap sultan ini gila. Mereka yang berfikir begitu mungkin mereka pun gila juga. Ada ke manusia yang pernah hidup bertapa dalam gua satu ketika dulu dengan hanya makan *kalimah Allah* sahaja dikatakan gila. Inilah susah bila kail panjang sejengkal hendak menduga lautan yang dalam. Memang ramai manusia yang suka menuduh dan melabel seseorang dengan bermacam label padahal dia sendiri tak tahu apa yang dicakapnya, kalau kata burung kakak tua, marah.

"Beta ini seorang Al-Hafiz, Beta wali Allah", kata Sultan lagi. Pak Habib berfikir jauh. Bila dia bercakap pasal wali, Pak Habib teringat Muhiddin Sheikh Abdul Qadir Jailani juga bergelar Sultanul Aulia, raja segala wali tapi berapa ramai yang tahu apa makna wali? Berapa ramai yang tahu apa itu ilmu hakikat dan makrifat? Memang ada orang syariat yang tahu bercakap pasal Islam tapi tidak mahu mentauhidkan Allah, kerana tak mendalami alam kerohanian. Kita cakap perkara kerohanian yang berkaitan dengan *karamah* dan *kewalian*, orang demikian dianggapnya gila. Ada ke memuji, mencari dan mengesakan Tuhan mendekatkan diri dengan Tuhan, menyatukan diri dengan Allah supaya Allah menerima kita sebagai wali Allah, wakil Tuhan dimuka bumi ini kerja orang gila?

Berapa ramai yang tahu, mereka yang berjaya menyatukan dirinya dengan Tuhan melalui Irfan atau karamah Allah membuka hijab maka mereka dapat melihat dengan mata hati?

Mereka boleh mendengar dengan mata dan telinga Tuhan kerana mereka tergolong dalam kalangan manusia yang taat '*sami'na waata'na*', kami dengar dan kami taat. Dan mereka dikuasai oleh Allah. Tidak mustahil Allah telah mengangkat darjahnya sebagai wali dan tak mustahil dia mendapat ilmu laduni dari Allah. Mungkin bagi rakyat Kelantan yang sudah biasa dengan cerita Tok Kenali, dan sejarah Wali Songgoh yang ada kaitan dengan kesultanan Kelantan, Kedah dan Siam, mereka tidak menganggap ini sebagai sesuatu yang luar biasa. Begitu juga rakyat Terengganu yang tahu cerita Tok Ku Tuan Saggaf, Tok Ku Tuan Besar yang mempunyai hubungan rapat dengan sultan Terengganu. Apa lagi kepada mereka yang sudah mempelajari ilmu *mengenal diri*. Mereka yang sudah sampai ke peringkat bercinta dengan Allah tak peduli jika ada manusia biasa yang melabelkan mereka gila.

Agama suruh kita sampaikan penderitaan yang kita alami pada pemimpin tertinggi jika mereka tak ambil indah kita sampaikan pada Allah. Sultan juga sudah sampaikan pada T.Y.T yang disebutnya "Negara", dipanggil T.Y.T itu Abang Tun tapi Sakaran Dandai tak ambil kisah, bayangkan betapa tidak bertimbang rasanya pemimpin hari ini. Di mana lagi rakyat hendak mengadu kerana tak siapa pun yang ambil tahu nasib dan penderitaan mereka. Semua pemimpin hidup untuk suku sakat dan nepotisme sendiri. Maka bila disampaikan pada penulis ianya dibukukan untuk bacaan sejarah. *Manusia yang buta matanya di dunia, buta juga di akhirat.*

Makin lama kami duduk makin ramai yang ke meja kami, akhirnya sudah dua meja disatukan. Ada lima enam orang datang lagi ke meja kami, di meja yang penuh makanan dan minuman yang disajikan oleh Jabbar sebagai santapan kepada tetamu. Kawan lama saya ini tak pernah ambil duit bila Pak Habib makan di kedainya.

"Daripada memilih buruk, kera dan orang hutan, kan baik kita pilih wali Allah yang jadi Sultan, betul tak?", kata seorang kawan saya.

Sultan senyum, semua orang ketawa. Kalau iapun Tuanku dan Raja-raja sekarang bukan ada kekebalan dan kedaulatan, baik lagi Sultan tapi sebutannya kena betul, ingat baik-baik bukan *setan* atau *syaitan* tapi **Sultan**.

Entah macam mana ada diantara yang duduk itu menunjukkan papan tanda simpang tiga, Kampung Tanjung Pagar, Likas.

"Cuba tengok ada sesuatu yang tak kena pada papan tanda itu". Sultan menyuruh kami memperhatikan di papan iklan yang besar. Kami semua tengok.

"Itu gambar Yong Teck Lee patut kena turun, dia bukan lagi jadi Ketua Menteri. Walaupun kita rakyat Sabah tidak suka dengan isu giliran tapi kerana Mahathir sudah pilih Tan Sri Bernard Dompok sebagai Ketua Menteri, kita akur juga. Sepatutnya Mahathir menghormati suara dan undi rakyat yang telah memilih Datuk Salleh Said Keruak, Adun UMNO sebagai Ketua Menteri tetapi kerana Datuk Salleh semua orang kata baik dengan Anwar, Salleh selalu tidak ikut saja cakap Mahathir, selalu '*sembah derhaka*' Mahathir tak suka.

Jabbar Khan mempersoalkan kenapa gambar Yong Teck Lee masih di situ, tidak gambar Bernard Dompok? Inikan tak adil namanya. Dan semua setuju termasuk Sultan Sabah.

Pandangan kami semua tertumpu kepada gambar Mahathir bersama Siti Asmah dan Yong Teck Lee, bekas Ketua Menteri.

Gambar macam ini diletakkan hampir semua persimpangan di seluruh Kota Kinabalu.

"Nasib baik Yong Teck Lee dipilih oleh orang Melayu, orang UMNO di Likas, kalau letak Datuk Yong di kawasan Cina, jangan mimpi dia boleh menang", kata seorang kawan yang duduk di meja.

Dan seorang lagi menyampuk, "Biarpun dia sudah berhenti, tapi masih duduk di Jabatan Ketua Menteri, dia macam Lee Kuan Yew Menteri Kanan Singapura, masih sebagai menteri. Tapi Datuk Salleh selaku pemimpin UMNO tak diberi apa-apa jawatan pun. Inilah yang orang Melayu Sabah marah pada Mahathir. Mahathir tak adil, dia buat apa yang dia suka saja bukan yang rakyat suka".

Tambah Jabbar Khan, "Macam mana UMNO Sabah nak ada kepercayaan pada Mahathir, orang macam Kasitah Gadam yang dipilih ganti Osu Sukam. Sepatutnya kerusi Menteri Pusat diberi pada Datuk Salleh".

"Yong ingat taruk muka dia dan Mahathir di situ, orang akan ingat dan sayang dia sampai mati. Ini bukan caranya nak pancing undi". Wangkasi, kopikasi, tak ada saksi semua jadi okay! Okey cantik.

Ampun Tuanku sembah derhaka saya sembahkan. Inilah cerita Sultan untuk dimenangkan. Cerita Sultan Sabah. Jangan marah... Sabar ajela...



Mahathir : Saya pening kepala, betul pening, dalam Sabah hampir semua menjadi penyokong Anwar Ibrahim. Saya tak pecat sama dia. Anwar jadi banyak kuat. Saya pecat sama dia, saya jadi lemah. Kepala sakit. betul sakit hati, punah hari-hari mahu ingat dia.. ini macam lama-lama tentu sakit. Dia muda.. dia sudah biasa masuk tahanan. Saya sudah tua, apa yang dia sanggup, saya tak sanggup. Dia kena berhenti, dia senyum, dia ketawa.. senang hati.. ada ribu-ribu orang pergi dia punya rumah... Saya kalau kena berhenti apa macam..

Guan Eng files four notices of appeal

By ZULKIFLI ABD
RAHMAN and
CHELSEA L.Y. NG

KUALA LUMPUR: Kota Melaka MP Lim Guan Eng filed four notices of appeal yesterday against the Court of Appeal's decision to jail him a total of 36 months for publishing false news and sedition.

Lim's counsel Karpal Singh filed two notices of appeal against the court's decision to dismiss Lim's bid to quash earlier convictions on both charges.

The other two notices were appeals against the enhancement of the total RM15,000 in fines imposed by the Malacca High Court on April 28 last year to a total of 36 months' jail.

The enhancement had been sought by the prosecution in a cross-appeal after the High Court decision.

Lim was fined RM10,000 for publishing a pamphlet with malicious intent to convey false news in connection with former Chief Minister Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik's alleged affair with an underage girl.

He was fined RM5,000 for making seditious statements against the judiciary.

The fines were each converted to 18 months' jail by the Court of Appeal on Wednesday.

The jail terms were ordered to run concurrently.

A stay of execution was granted by the Bench,



OUT ON BAIL ... Guan Eng waving to supporters outside the Court Of Appeal yesterday while his mother, Kit Siang and Dr Chen (left) look on.

comprising Justices Gopal Sri Ram, Siti Norma Yaakob and Denis Ong, on Wednesday pending Lim's appeal to the Federal Court.

Karpal Singh said he might apply for a nine-man Bench to sit in the Federal Court to hear the appeal because the case involved "a sitting MP who has been jailed."

Lim arrived at the court escorted by wardens from the Kajang prison after DAP chairman Dr Chen Man Hin posted bail of RM20,000 in one surety at 11am.

Waiting for Lim at the registry for his release

were his father, DAP secretary-general Lim Kit Siang, his mother and sister, and DAP supporters wearing black armbands.

Guan Eng said he was sent to the Kajang prison on Wednesday night (as he had not posted bail then) because the Jalan Tun HS Lee police lock-up was crowded with Indonesians waiting to be deported.

Speaking to reporters at a press conference later, Guan Eng maintained he was innocent of the charges of publishing false news and sedition.

"I believe I am innocent, I have done nothing

wrong against the country, never stole a single sen, or harmed anyone," he said.

"The conviction by the Court of Appeal might mean that there is a great likelihood that I might be disqualified (as an MP), and that I may have to spend my time to rest against my will.

"This is the most severe punishment imposed on an MP," he said.

Under Article 48 of the Federal Constitution, an MP may be disqualified if he has been convicted and sentenced to a jail term of more than one year or to a fine of over RM2,000.

3

KIAI ZAHID MEREMPUH EMPIRE MAHA

Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz penuh sesak dengan penumpang yang baru sampai dan yang mahu keluar negeri. Cerita di media massa terutama di luar negara yang ekonomi sudah meredum seolah-olah sukar untuk dipercayai. Apa tidaknya, hendak mendapatkan satu tempat duduk dari Melbourne ke KL begitu susah sekali. Kalau tidak membuat tempahan awal, jawabnya terpaksa menunggu beberapa hari lagi.

Life must go on. Manusia mesti terus hidup. Yang hendak mati, matilah, yang rugi, rugilah, yang susah, susahlah. Dalam hal ekonomi meredum yang kahwin, kahwin juga, yang beranak terus beranak, yang untung, untung juga.

Sudah menjadi kebiasaan Pak Habib kalau mahu ke luar negeri tak ada anak isteri yang hantar ke lapangan terbang. Begitu juga semasa berangkat pulang. Penulis tidak boleh hendak manjakan diri sangat. Penulis kena belajar mencari kebahagiaan semasa menyendiri. Mati pun besok bukan ada yang tunggu dalam kubur. Kalau ada yang hendak hantar ke tanah perkuburan pun sudah baik.

Mana tahu sibuk-sibuk menunggu anak isteri datang menyambut, rupa-rupanya pihak berkuasa yang tunggu dengan *black maria* bawa entah ke lokap mana di tahan dan di siasat. Silap-silap lekat dalam reman terus di simpan di bawah tahanan ISA.

Hari ini para penulis macam Pak Habib dan beberapa orang

lagi memang hidup dalam bahaya. Kebencian dan kemarahan terhadap pemimpin yang menjadi musuh rakyat, dipindahkan ke arah penulis politik macam kami yang berani memberi informasi yang betul. Kami di label sebagai penabur fitnah, padahal yang untung orang politik juga. Seandainya betul penulis telah menfitnah, hukumlah kami, kalau tidak masa dan sejarah yang akan menghukum pemimpin kelak.

Maka sebaik saja sampai di LTAB Sultan Abdul Aziz, Subang, Pak Habib membeli kupon untuk menaiki teksi balik ke rumah. Sampai, Alhamdulillah, tak sampai itu kuasa Allah.

Hidup ini kena fikir positif, kena yakin, kena percaya dan cintakan Allah. Kita ini hamba Allah, mana Dia hendak letak kita terserah. Kita mana ada kuasa yang menentukan yang kita dari Melbourne boleh sampai ke KL, kapalterbang tak kena hijack, tak meletup sudah seribu syukur. Susahnya manusia hari ini bukan kerana ekonomi meredum tetapi kerana manusia tak pandai bersyukur, kebanyakannya kufur nikmat.

Nasib Pak Habib baik, dapat teksi yang kebetulan pemandunya adalah peminat Pak Habib. Sebaik sahaja masuk, dia bertanya Pak Habib dari mana. Belum sempat Pak Habib bercakap panjang, dia pun mula bercerita mengenai nasib pemandu teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang akan dipindahkan dari Subang ke KLIA ketika itu.

Semua yang diceritakan tak ada satu pun yang memberi gambaran baik pada Mahathir. Sanjungan dan pujian media masa bahawa Perdana Menteri akan memerangi *penjajahan* bentuk baru yang akan menghilangkan kemerdekaan di bumi Malaysia gagal mempengaruhi pemikirannya.

Dia memang benar-benar marah. Dia dan kawan-kawannya

menjadi mangsa ekonomi yang tambah hari tambah buruk, disebabkan *penjajahan kuasa* ke atas tuan punya teksi secara perseorangan, juga mereka yang tidak ada hubungankait dengan mereka yang mempunyai kuasa ke atas KLIA. Hari ini dalam bahasa Inggerisnya '*is not what you know, is whom you know and who know you*'. Itulah makna kronies dan nepotisme, '*you scratch my back, I scratch your back*'.

Kemarahan Mahathir yang dihalakan pada George Soros tak mahu diterimanya. Kemarahan dan kebencian yang dialihkan pada IMF juga tidak dipedulikan. Itu bukan dia punya masalah, dia punya masalah mahu meneruskan hidup dengan membawa teksi. Itu saja yang dia pandai. Dia dan kawan-kawannya bergantung hidup mencari rezeki cara ini. Kalau ini dapat diselesaikan oleh Mahathir, Pak Habib fikir dialah manusia yang pertama akan cerita pada setiap penumpang. Mahathir adalah sebaik pemimpin dalam dunia.

Pada siapa lagi pemandu teksi ini hendak lepaskan geram dan dendamnya pada manusia yang sudah menjajah koloni cari rezeki atas jalan raya, kalau bukan penulis. Menceritakan nasib mereka yang tertindas kepada penumpang-penumpang yang lain sekadar melepas geram, menghilangkan *frust* dan *stress* serta sekadar meluahkan perasaan yang tertekan dan tertindas. Nak marah Mahathir, cuma nampak beliau di TV sahaja. Kalau dia lepaskan marah, nampaklah bodoh dia. Tapi ada juga yang buat macam itu. Yang paling teruk kena santak Mat Rahmatlah kerana dia yang mewakili RTM dan menjadi Menteri Penerangan. Penyampaian cara macam ini tak sampai ke telinga Mahathir. Mahathir tak tahu pun adanya kebocoran yang begini bahaya yang boleh menambahkan kebencian padanya.

"Tengok teksi ini, boss, saya baru beli atas arahan pihak atasan juga. Semua teksi airport mesti tukar yang baru. Sudahlah kena

beli teksi baru untuk dapatkan lesen, tapi bila pindah ke Sepang yang dapat projek suku sakat dan kaum kerabat mereka juga. Adil ke macam ini? Yang kaya bertambah kaya. Teksi airport suruh jadi teksi bandar, bersaing dengan ratusan teksi yang memang susah nak cari makan, akibat ekonomi meredum. Mahathir dalam Perhimpunan cerita tentang kepala orang Melayu disepak oleh penjajah. Mahathir tak mahu tengok anak bangsanya susah, tak mahu menderita, dihina. Kejadian yang dilihatnya dulu satu sejarah.

"Datuk Sri Presiden yang bercakap, ahli UMNO dalam dewan senyap, keadaanya macam dengar orang mengaji Al-Quran. Nasib baik Mahathir tak menangis. Semua orang dalam dewan senyap, takut dengan peristiwa yang berlaku akan berulang. Kenapa ahli-ahli UMNO tak tengok periuk nasi pemandu teksi ini diterbalikkan, dibubuh pasir? Mahathir bertanya siapa lagi kalau bukan ahli UMNO yang mesti mempertahankan kemerdekaan. Merdeka ke ini? Hendak cari makan bawa teksi pun susah? Bukan hendak bisnes yang besar, bukan nak minta kontrak pasang jubin, pasang carpet, langsir di bangunan menara kembar, "**Mahathir-Ananda Krishnan**" dan berebut tender yang million-million, cuma hendak teruskan hidup, nak beri anak isteri makan pun susah".

Sesekali dengar dia bercakap macam orang politik. "Matlamat utama pembangunan di negara-negara membangun ialah untuk menghapuskan kemiskinan, mengatasi masalah ketidakseimbangan dan ketidakadilan sosial yang berlaku khususnya di kalangan kaum. Pengagihan kekayaan negara yang tidak seimbang merupakan faktor utama menyebabkan masalah keadilan sosial semakin meruncing. Mana adil kekayaan negara yang hanya dimonopoli oleh satu puak sahaja, suku sakat dan kaum-kaum puak orang lain tidak dapat menikmati peluang yang sama. Inilah punca huru-hara, pemimpin agihkan kekayaan negeri ikut naluri sendiri".

Walaupun dia kelihatan sedikit marah dan emosional, tapi dia

pandu teksi dengan cermat ikut jalan *highway* menuju ke tol. Sambil dia bercakap Pak Habib perhatikan ada naskah *Harakah* di dalam teksinya. "Tengok ni masuk Kuala Lumpur kena tol, keluar Kuala Lumpur kena tol. Siapa yang dapat projek lebuh raya di mana-mana? Puak-puak depa juga, geng-geng dia juga. Mana rakyat boleh tahan bila pemimpin punya tugas semata-mata pungut cukai, 'tax collector'"

Sambil dia bayar duit tol, dia bercakap. Dia ni betul punya 'chatter box'. Kalau PAS atau DAP dapat dia sebagai penceramah, sakit kepala Che Det.

Tiba-tiba tercetus dari mulut Pak Habib, "Sabar ajelah..."

Dia tersentak dan bertanya, "Apa dia?"

"Sabar ajelah".

Dia tersenyum.

"Pak Habib, Che Det tak fikirkan bahaya mengagihkan kekayaan negara yang tidak seimbang? Dia selaku pemimpin tak nampak ke jurang perbezaan yang wujud dalam masyarakat? Golongan kaya yang mempunyai modal, ada kedudukan pasti dapat peluang menguasai kekayaan negara. Kekayaan dalam tangan suku sakat mereka, politik pun geng-geng dapat sama, rakyat makan apa? Duduk kat mana sekiranya dasar-dasar keadilan sosial ke arah pengagihan kekayaan negara yang lebih adil tidak dapat diwujudkan dengan berkesan? Kita tak lama lagi jadi macam Indonesia", katanya lagi.

Seterusnya dia menyambung, "Hidup pun tak seimbang, pendapatan dan pengagihan kekayaan negara adalah isu yang amat penting. Tapi yang pelik masalah pokok yang macam ini tak dibincang di Perhimpunan Agung UMNO".

Kemudian, topik perbualannya berpindah kepada Perhimpunan Agung UMNO. Katanya, "Pak Habib tahu, walaupun Perhimpunan Agung UMNO sudah selesai dan Mahathir berjaya tutup isu **kronisme** dan **nepotisme** yang dibangkitkan dengan begitu panas, tapi kenapa?".

Dia tanya, kemudian dia sendiri jawab. "Mahathir Mohamad Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri, ada kuasa sepenuhnya dalam tangan. Jadi bila Mahathir sudah keluar kuku, tunjukkan yang dia begitu berkuasa, Pak Sheikh Anwar Ibrahim dan Kiai Zahid Hamidi dah kena '*checkmate*'.

"Pak Habib ingat ada orang UMNO lain yang berani bercakap? Kebanyakan bukan ada tulang belakang, bila tengok member kena pukul, kena belasah, semua peluk tubuh, masing-masing hendak selamatkan diri sendiri. Macam ini yang dikatakan perjuangan? Kalau macam itu, baik lagi Persatuan Pemandu Teksi, mahu juga dia tolong dan bela kawan dia yang susah.

"Betul ke Dr. Mahathir semua orang puji? Puji pasal kebaikan dia? Pandai dan adilkah Mahathir memerintah dan mentadbir negara? Atau puji kerana Memanda Menteri selaku Mamak Bendahara memang cerdik dan licik bermain politik. Memanglah Zahid dan Anwar bukannya saingan dia. Mahathir kaki pukul antarabangsa. Basher.

"Mahathir memang ada '**kelas**'. Kalau tidak macam mana hendak jadi jurucakap kepada negara Blok Ketiga. Tapi hebat setakat bercakap aje". Lawan orang yang tidak ada kuasa. Media massa, polis semua dalam tangan dia. Pengagihan rezeki pun dia yang mengagihkannya. Takkan Pak Habib tak tahu. Orang masuk politik hari ini untuk nak hidup. Siapa tak setuju keluar parti. Pegawai kerajaan yang tak setuju dengan Dr. Mahathir berhenti.

Rakyat yang tak suka duduk dalam negeri ini, pergi cari negeri lain. Ulama kerajaan yang cuba hendak berkata benar, hendak ikut perintah Allah dan Rasul, diarah letak jawatan, pergi masuk PAS, duduk berimamkan Nik Aziz.

Tiba-tiba dia corner

"Tengok saja yang puji, yang kata dia betul, dia baik, hanya pengampu dan penjilat di sekelilingnya saja. Itu pun tak ikhlas, ampu, puji kerana hendak selamatkan periuk nasi sendiri. Orang yang takutkan Tuhan, orang yang hidup dan matinya kerana Allah tak takutkan Mahathir, tak akan puji kata Mahathir benar. Apa yang Mahathir buat semua betul. Mahathir tak adil, Mahathir sombong dan angkuh. Mahathir degil tak dengar cakap dan nasihat orang. Dan Mahathir pemboros. Macam ini ke pemimpin yang kita hendak sayang dan puji?"

"Pemimpin yang baik, dia tak buat aniaya dan zalim pada rakyatnya. Untuk nak puaskan egonya, dia buat semua projek yang mega-mega. Yang kaya raya, yang dok buat duit suku-sakat dan geng dia. Semua rakyat tanggung hutang, harga barang makin hari makin mahal.

"Sebab itu saya tak masuk UMNO. Saya tak mahu bersubahat. Saya tak mahu kata perkara yang salah kata benar tapi hendak buat macam mana? Para perwakilan terpaksa nafi tak wujud gejala suku sakat dalam pentadbiran UMNO dan kerajaan. Bolehkah manusia membohongi dirinya sendiri? Apakah dia lupa Allah itu Maha Mengetahui? Dekatnya Tuhan dengan dirinya lebih dekat dari urat merih. Dengan Tuhan pun sanggup berdusta untuk selamatkan Mahathir? Astarfirullah hal azim. Nauzubillah hi min zalik. Hendak jawab dengan Tuhan macam mana bila mati nanti? Allah is great, Mahathir is nothing".

Sambil tersenyum dia berkata, "Sabar ajelah". Sebelum menyambung, "Ramai marah Zahid keluarkan isu suku sakat. Kata mereka pendedahan Zahid samalah seperti *menepuk air di dulang*. Dan kerana itu Dr. Mahathir terpaksa dedahkan semua. *Tak percaya tengok list. Berapa ramai murid tua MCKK? Ini semua orang siapa? Orang Anwar seorang saja ke? Untuk apa list ini disebarikan kepada umum?* Kalau bukan hendak gertak, takutkan dan malukan orang UMNO sendiri. Apakah perbuatan ini tidak menyalahi Akta Rahsia Rasmi (OSA)? Apakah Mahathir tak boleh didakwa? Bapak yang baik, dia tidak dedahkan keaiban anak-anak dia di depan masyarakat. Dia tutup, kerana orang tidak marahkan anak-anak, orang akan kata *bapak borek anak rintik. Ketamlah yang mengajar anaknya jalan bengkok*. Ramai yang pucat, ramai yang kelam kabut terutama yang ada nama, boleh tak terkejut, boleh tak terpukau macam nampak hantu. Kain yang dipakai dilondehkan di khalayak ramai". Kemudian dia mengeluh Mahathir Oh Mahathir.

"Maka sementara waktu kemarahan pun berpindah pada Anwar, pada Zahid, pada tokoh-tokoh korporat dan pada ahli UMNO yang bersubahat termasuk yang hadir tapi tak siapa yang bertanya hotel mereka siapa bayar? Makan minum dan segalanya yang mereka dapat ke perhimpunan ini kerana siapa? Pandai Mahathir tutup dan sumbat mulut orang UMNO yang sudah hilang semangat terkejut, terpukau kena sihir".

Pak Habib senyum. Pak Habib tahu walaupun ramai yang tahu apa yang Zahid cakap itu benar, tapi Mahathir ada *trump card*. Keputusan terakhir terletak di tangan Mahathir tapi Mahathir sendiri terlupa siapa sebenarnya yang berkuasa? Cubalah sesekali pandang pada yang ramai, tengok baik-baik setiap ahli UMNO dan manusia yang ada dalam dewan dan ingat baik-baik siapa mereka dan siapa Mahathir? Semuanya hamba, datang dari Tuhan yang satu, Allah saja yang Maha Berkuasa.

Kerana tak tahu mereka kata *mentimun dengan durian*. Tapi bagi mereka yang ada prinsip, yang ada 'conscience', yang rasional, mereka boleh berfikir sendiri. Tunggalah durian menjadi *tempoyak*. Inilah yang Mahathir takutkan sangat, bila hilang kuasa jadi macam *tempoyak* kena lenyek, kena lecek. Waktu ada duri dulu angkuh sangat, sombong sangat, bila hilang duri, hilang kuasa orang jadikan tempoyak. Jadilah macam Pak Harto di Indonesia.

Belum sempat Pak Habib berfikir, dia cakap lagi, "Kenapa tiba-tiba saja ribut taufan politik yang dirancang untuk menyerang Datuk Seri Presiden dan kuncu-kuncunya boleh bertukar ke arah Anwar dan Zahid. Saidina Ali ada berkata bahawa '*Seandainya yang batil bijak mengatur strategi dengan sendirinya yang batil boleh mengalahkan yang haq*'. "

Pak Habib diam. Dia terus bercerita dengan rancak.

"Inilah susahny bila pemimpin hendak tunjuk kuat, nak tunjuk ganas. Dengan anak sendiri pun nak ajak bergaduh. *I am big, you are small, I am right, you are wrong. Shut up, there is nothing you can do about it.* Dan sudah menjadi kebiasaan orang Melayu. Rakyat tak boleh menderhaka dengan Raja maka walaupun sudah merdeka jiwa mereka masih jadi jiwa hamba, takut dengan orang berkuasa dan hidup mereka boleh ditakut-takutkan. Yang mereka tak takut pada Allah. Kalau takut pada Allah dunia ini aman".

Dia diam sekejap. Mungkin sudah penat bercakap agaknya. Sambil itu Pak Habib berfikir sendirian.

"Pemimpin yang bijaksana mesti selesaikan masalah dengan kasih sayang, dengan akhlak, dengan kesabaran dan kebijaksanaan seperti *tarik rambut dalam tepong*. Masyarakat tak mahu tengok awak hebat *pukul anak sindir menantu*. Apakah yang

berlaku dalam UMNO tidak menunjukkan kelakuan Presiden yang tak dapat kawal partinya sendiri, tak dapat kawal perasaan dan dirinya. Marah menunjukkan kelemahan Presiden. Presiden mahu semua pengikutnya jadi 'yesmen'. Inilah dia antara sebab yang orang UMNO dulu keluar parti, buat Semangat 46. *Pergi merompak bersama, harta rompakan tak bagi sama rata.* Yang mewah, yang kaya raya suku sakat sendiri saja. Hari ini sudah masuk balik UMNO tubuh Persatuan Veteran, Mahathir juga yang disembah, sistem dan cara pemerintah tak berubah. Orang yang tua-tua pun kena sergah, kena main untuk lepaskan diri.

"Saya orang bawa teksi pun tahu politik macam ini. Yang naik teksi airport ini macam-macam orang. Semua cerita pada kami Mahathir angkuh, sombong. Dia mahu semua rakyat ikut cakap dan titah perintah dia. Mentang-mentang dia ada kuasa, dia buat apa saja dia suka tanpa timbang rasa. Jangan asyik main politik teka teki.

"Dia menentang semua pendapat orang. Dulu bolehlah, orang belum ada internet cuma harap surat khabar. Sekarang ini orang kampung pun ada **internet**. Dan ramai sangat mangsa dia terutama orang yang berniaga warong makan seluruh Kuala Lumpur. Dia hendak tunjuk pada dunia terutama yang datang ke Kuala Lumpur selama 10 hari untuk sukan SUKOM, KL bersih. Semua orang kaya, tak ada orang miskin. Dia lupa yang ahli Komanwel itu kebanyakan dari negara miskin, yang datang bukan bodoh sangat. Berita luar negeri tengok bahawa Malaysia kotor, rakyatnya miskin, yang kaya suku sakat Mahathir saja.

"Perwakilan boleh berdiri teguh bertepuk tangan bersorak bila Mahathir berucap. Hampir semua yang hadir membela UMNO dan kerajaan dengan alasan amalan **kronisme** dan **nepotisme** dalam konteks Malaysia berjaya mengagihkan projek, saham dan

permit import kepada ramai Bumiputera. Mahathir ingat semua rakyat ini bodoh ke? Tak boleh berfikir ke? Orang UMNO yang ke Perhimpunan itu bolehlah dibodoh-bodohkannya. Itu pun bukan semua, ramai yang buat-buat bodoh. Mereka tahu benar tradisi UMNO, siapa yang berani, bijak dan tunjuk pandai pasti kena cantas.

"Apakah dengan mengalihkan kemarahan orang ramai pada Zahid dan mendedahkan bahawa kononnya Anwar terlibat dengan skandal seks, peniaga-peniaga yang jadi mangsa kekejaman Dewan Badaraya, yang sikit pun tak ada belas kasihan terhadap mata pencarian peniaga yang bergantung hidup dengan warong, mereka boleh lupakan ketidak-adilan yang berlaku pada mereka macam itu saja, terutama mereka yang marah, kerana tidak diberi peluang sama sekali untuk dapat balik warong mereka selepas SUKUM. Orang ini sudah berniaga berbelas tahun, bukan ada simpanan pun. Hidup ini buat apa pun biar sederhana.

"Mahathir sayang nak hilang kerusi kerana dia sudah biasa senang. Anaknyanya biasa mewah. Dia tak fikir perbuatannya pada pemandu teksi, pemandu bas mini, menyusahkan. Peniaga warong ini tak ada anak, tak ada isteri ke? Mereka pun ada keluarga yang bergantung hidup pada tempat yang dijahanamkan. Mentang-mentang ada kuasa dalam tangan, tak perlulah nak tunjuk-tunjuk sangat.

"Mahathir semata-mata mengikut egonya. Dia buat semua projek-projek yang mega-mega, yang sudah pasti menguntungkan kaum kerabat dan keluarganya atas penderitaan rakyat".



Datuk Ling : "Itu Anwar, boss sudah pecat. Sana-sini dia makin hari dia jadi makin kuat. Apa dia cerita orang percaya dan sekarang dia sudah baik sama DAP, itu Lim Kit Siang tentu jadi lebih kuat. Semua rahsia dalam kabinet dia boleh buka, boleh cerita sama rakyat".

"Boss bikin itu bilik menunggu Bunga Raya VVIP di KLIA yang menelan belanja RM80 juta, patut rakyat rasa bangga kerana ia akan digunakan buat pertama kalinya oleh ratu Elizabeth dan Duke Of Edinburgh. Tapi mereka cakap boss membazir. Betulkah itu kerja kasi habis wang rakyat? Saya main-main saja, cakap menteri pun tak boleh pakai itu tempat boss satu orang saja".

Kita teringat kepada King Bokassa, Raja Afrika Tengah yang membina jalanraya sepanjang 10km di negaranya di tengah-tengah kemiskinan dan ketiadaan jalanraya yang baik di negaranya. Jalanraya 10km itu hanyalah di bina untuk beliau memandu Rolls Roycenyanya di waktu pagi. King Bokassa dikatakan memakan paru-paru musuhnya yang telah mati. Di negara kita siapa yang memakan paru-paru rakyat hidup-hidup?

Pernahkah ada sesiapa cuba untuk mengira kos sebenar bilik menunggu ini yang penuh dengan kemewahan, apabila dibuat perbandingan dengan kadar kemiskinan di negara ini, terutamanya mereka yang tidak berumah di kota-kota? Dengan kos purata sebanyak RM40,000 seunit, ini bermakna ia sama nilainya dengan 2,000 buah flat atau rumah kos rendah untuk 2,000 buah keluarga atau untuk 10,000 rakyat Malaysia di semua peringkat usia dan jantina.



BACK HOME... Anwar being given a rousing welcome on his arrival at Cherok Tok Kun yesterday.

Anwar: Focus is on social justice

By K. SUTHAKAR
and NG SU-ANN

BUKIT MERTAJAM: Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday made his first visit to his family home in Cherok Tok Kun near here, 10 days after his sacking as Deputy Prime Minister.

Reading from a statement called the "Sept 12 Permatang Pauh Declaration," he said his reform movement would focus on social justice and fair distribution of wealth.

"The movement is aimed at weeding out corruption to ensure the rich do not become richer and the poor becoming poorer," he said.

He also vowed to fight the allegations against him.

However, when commenting on statements that he should let the allegations made against him be decided by the courts, Anwar said he was sceptical.

If he were charged, he said, he would not defend himself if the judge hearing the case was "handpicked" and court procedures were not followed.

"I will leave the matter to my lawyers as it is their work and I will embark on reformation."

Anwar said he now realised who his friends were.

"It is the common people — farmers, fishermen and workers who are now supporting me

in large numbers — as they are not intimidated by the culture of fear," he said.

Earlier, about 2,000 supporters welcomed Anwar and his convoy when they arrived from Kuala Lumpur at 4.05pm.

Among them were state Umno Youth chief Dr Abdul Rahim Ghouse and Permatang Pauh Umno division acting chairman Datuk Ahmad Saad.

State executive councillor Dr Toh Kin Woon also met him for about 20 minutes.

"I am here as a friend to wish him well. I will do the same for other friends if they are in difficulties," said Dr Toh.

ANWAR, MAHATHIR DAN RENAISSANCE

*Buah cempedak di luar pagar
Buah Berangan di dalam kualiti
Kata sudah banyak belajar
Kenapa itu pun tak faham lagi.*

Waktu Pak Habib mula-mula melibatkan diri dalam penulisan buku politik dulu, golongan intelek yang mahu bercakap atau berdiskusi tentang buku politik boleh dibilang dengan jari. Waktu itu mereka yang terlibat secara serius dalam penulisan buku politik, tak kiralah sama ada dari golongan intelek atau wartawan juga tidak ramai. Setelah Pak Samad Ismail, barulah ada wartawan lain yang membuat analisa dalam akhbar mengenai isu-isu semasa yang melibatkan dunia politik, UMNO dan orang Melayu.

Pak Habib menuruti jejak Pak Samad yang banyak belajar daripada Allahyarham Rahim Kajai. Selepas itu barulah orang mula mendengar nama Subky Latiff. Sayangnya hari ini Subky menjadi orang PAS dan hanya berminat menulis untuk parti itu sahaja.

Waktu itu juga Pak Habib masih ingat tak banyak isu-isu yang hendak ditulis. Kalau adapun sesekali tentang pertandingan Ketua Pemuda atau krisis di antara pucuk pimpinan dengan satu atau dua pemimpin bawahan saja.

Hari ini zaman telah berubah. Tak ada isu pun ahli-ahli politik akan mencari sesuatu idea atau wawasan untuk diketengahkan. Tapi isu terpenting dalam UMNO kini ialah isu di antara Anwar dan Mahathir.

Memang banyak sekali persoalan yang perlu diteliti dan untuk menjawab segala permasalahan dan kemusykilan yang timbul antara Anwar dan Mahathir maka terpaksa Pak Habib mencantumkan cerita Anwar dengan Dr. Mahathir serta *The Asian Renaissance* yang dicetuskan oleh Anwar agar kita dapat melihatnya dalam satu perspektif yang lebih luas dan jelas. Demi untuk menyelamatkan agama, bangsa dan negara dari satu-satu musibah atau bala bencana yang lebih besar maka kita mesti berhijrah dan keluar dari ilusi, disamping mengikuti satu diskusi orang-orang intelek. Dan kalau perlu kita libatkan diri kita sama.

Buku *The Asian Renaissance* karya Pak Sheikh dianggap suatu *potret keintelektualan* yang *mencerna* beberapa aspek menarik, termasuk harapan penulisnya untuk melihat masa depan lebih cerah di rantau ini. Maka Pak Habib membawa pembaca menyeleweng sebentar ke dalam satu forum oleh Persatuan Linguistik Malaysia yang dipengerusikan oleh Prof. Datuk Dr. Osman Bakar di Universiti Malaya. Ahli panel pertama, Prof. Dr. Firdaus Abdullah, berkata *The Asian Renaissance* turut memperlihatkan kepelbagaian Asia yang seharusnya diberi perhatian oleh masyarakat Asia.

Dr. Firdaus juga merasakan *The Asian Renaissance* meninggalkan lima kesan penting. Pak Habib cuma pilih dua saja:

1. *Memperlihatkan kepelbagaian Asia.*
2. *Menonjolkan Asia dalam pelbagai kontradiksi*

Dr. Firdaus berkata, selain menimbulkan ilham, keinsafan, buku ini juga menjadikan kepalanya sakit kerana segala idealisme yang dipaparkan Anwar, apabila mahu diserapkan kepada *realiti* sekarang, berkemungkinan menimbulkan pelbagai *kontradiksi*.

Namun, biar bagaimanapun, Firdaus bersetuju yang buku ini

jelas menampilkan Anwar sebagai seorang yang *bervisi jauh* dan amat prihatin terhadap apa yang berlaku di rantau ini. Profesor yang pernah menulis buku "**The Malay Ultra**" ini berkata:

"Sewaktu kebanyakan daripada kita lupa kepada masa lalu, Anwar bukan saja masih mengingatnya tetapi dia juga tahu dan bersedia mengambil tahu serta memahami persoalan itu... Menerusi buku ini, kita dapat melihat bagaimana Anwar memiliki ciri-ciri kepekaan dan kritikal yang efektif terhadap masa kini. Inilah antara sifat yang kebanyakan kita tinggalkan".

Membaca buku ini, kata Firdaus, mengingatkannya kepada tiga sumber ilmu yang seharusnya diwarisi oleh masyarakat di Alam Melayu, iaitu:

1. *Petua proses mendapatkan ilmu yang terkandung di dalam Al-Quran. Potongan ayat Al-Quran yang berkali-kali menyuruh manusia membaca, menggunakan fikiran, mengkaji, merenung dan berfikir.*

2. *Melihat ilmu dengan pemerhatian kritikal.*

3. *Warisan budaya Melayu sendiri seperti disarankan dalam maksud pantun, "yang setitik jadikan laut, sekepal jadikan gunung..."*

The Asian Renaissance bagi Dr. Firdaus, mengungkapkan segala potensi Asia pada masa silam dan akan datang. Ia menggambarkan kepelbagaian dan keragaman tanpa batas, termasuk etnik, agama, bahasa dan penduduk. Ini sekaligus, menunjukkan kebesaran Asia.

Menurut Dr. Firdaus, Asia itu besar. Jika beberapa dekad lalu

ia pernah dicengkam penjajahan tetapi kini Asia mula bangun dengan kemandirian ekonomi dan kecanggihan teknologi. Kata Firdaus lagi:

*"Bagi saya, Asia menerusi **The Asian Renaissance** karya Anwar Ibrahim ini bukan saja menonjolkan masalah tetapi juga perspektif masa kini dan masa depan".*

Pak Habib mempunyai anggapan yang hampir sama dengan Dr. Firdaus, kawan lama Pak Habib. Memang tepat sekali apabila Brother Anwar yang lebih dikenali dengan panggilan Pak Sheikh mengingatkan kita mengenai tiga sumber ilmu yang seharusnya diwarisi oleh masyarakat di bumi Melayu.

Hari ini antara perkara penting yang telah ditinggalkan oleh umat Islam ialah '*berfikir secara kritikal*'. Pak Habib percaya tanpa keberanian, tanpa keimanan dan tanpa adanya *critical thinking* yang mula timbul dalam masyarakat kita iaitu *critical masses* yang dicetuskan oleh '*The Ultra Malays*' seperti dalam buku Dr. Firdaus perlu menimbulkan diri di saat-saat begini. Mereka seharusnya timbul seperti cendawan selepas hujan. Dr. Mahathir sendiri mesti sedar bahawa ada di antara pengikutnya yang sudah merasakan tekanan *critical consciousness* akibat penyelewengan dari perjuangan yang asal untuk menjadi pemimpin Dunia Ketiga.

Oleh itu Mahathir harus bersyukur kerana Anwar telah membuat persiapan untuk mengambil baton dari pelarian relay di mana beliau telah berlari tercuang-cungup dan dalam keadaan yang terlalu letih. Tapi apa telah jadi sekarang. Orang yang telah membuat segala persediaan untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang telah dicantas dan mahu dikuburkan hidup-hidup. Belum mati lagi sudah nak dibacakan talqin.

Sebelum negara kita berada di dalam keadaan *critical* dan huru-hara, maka inilah masanya semua para cendekiawan di sebuah Asia bersatu bukan saja membincangkan kegawatan ekonomi tetapi kegawatan politik yang telah menimbulkan kegawatan moral dan agama. Itulah yang Dr. Firdaus sampaikan kepada Pak Habib masa kami bertemu di Hotel Lagend baru-baru ini. Beliau berharap benar supaya Pak Habib menulis sebuah buku, dengan kata-kata, "*orang yang gila bahasa macam Pak Habib sahaja yang berani dan boleh berkata benar*".

Inilah yang sebenarnya yang cuba dilakukan oleh Anwar. Dan Pak Habib percaya, kalau Dr. Mahathir boleh mengubah Malaysia dengan bukunya "*Delima Melayu*", tidak mustahil jika ada kesempatan Anwar juga boleh mengubah Asia seperti yang telah disampaikan olehnya di dalam "*The Asian Renaissance*".

Anwar berusaha untuk membendung negara dan rakyat dari semua gejala-gejala ini. Maka sebab itulah Anwar cuba menganjurkan memerangi rasuah dengan mencadangkan penangkapan ikan-ikan yang besar. Namun jerung-jerung besar masih bebas. Anwar tak dapat berbuat apa-apa kerana BPR, Mahkamah dan Polis berada di bawah kuasa Dr. Mahathir selaku Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri.

Begitu juga dengan usaha beliau memastikan pembinaan rumah-rumah murah untuk rakyat yang bertaraf ikan kecil. Inilah yang menyebabkan Mahathir tidak senang dengan Anwar. Sebagai amaran awal, Mahathir terpaksa meletakkan dua kapten untuk menerajui ekonomi Malaysia padahal seorang Menteri Kewangan sahaja sudah lebih dari memadai. Lepas itu gagal juga jawabnya. Pecat sajalah Anwar. habis cerita. Dan kalau rakyat tanya, Anwar lawan taukeh dan tidak bermoral. '*The boss is always right because he is the boss*'. Mana ada orang hendak memihak

kepada orang bawahan yang sudah kena buang. Melainkan geng-geng gila bahasa, kerana geng yang gila bahasa ini, dia memang tidak soronok dengan puak-puak gila kuasa.

Critical Thinking yang dianjurkan oleh Anwar inilah yang ditakuti oleh Mahathir dan orang disekelilingnya. Apakah tidak mustahil seorang penulis yang juga yang mempunyai *critical thinking* tumpang bertanya dengan 50 persoalan mengikut pendapat dan presepsinya yang kononnya menimbulkan kesangsian kenapa Anwar tak boleh jadi PM?

Menjadi *kritikal* bukanlah bererti menjadi pembangkang pada setiap pembaharuan dan perubahan yang cuba dilakukan demi pembangunan negara. Setiap yang baru akan membawa bersama-sama kesan positif dan negatif kerana setiap yang baru tidak lari daripada kelemahan. Dan selaku manusia biasa setiap manusia pasti mempunyai kelemahan dan kesilapan yang sengaja atau tidak di sengajakan seperti kata peribahasa '*bumi mana tak ditimpa dek hujan, lautan mana yang tidak bergelombang*'.

Kelemahan boleh dikurangkan ke tahap minimam kerana kelemahan mungkin ada kebaikan dari pandangan berbeza. Cara penafsiran dan pemahaman yang berbeza memungkinkan setiap sesuatu itu boleh digambarkan berbeza-beza. Asasnya, perbahasan boleh menjuruskan ke satu cara pendekatan yang lebih baik, kalau pun tidak sempurna.

Sebenarnya *critical thinking* memang dianjurkan oleh Al-Quran kerana kitab suci ini hanyalah untuk orang-orang yang berfikir menggunakan akaliahnya. Tapi *critical thinking* tak boleh dicampur adukkan dengan Fatihah, ayat Al-Quran.

Bila menyebut *critical thinking*, mari kita fikirkan mengenai Albert Einstein, perintis *critical thinking* dalam dunia sains yang

Pak Habib bawa dalam buku *Sunnah Nabi Muhammad SAW vs Sunnah Mahathir Mohamad*. Ini kerana sains dan Al-Quran itu tidak dapat dipisahkan disebabkan Islam tanpa sains pincang dan sains tanpa Islam buta. Sains adalah undang-undang Allah yang tetap dan tidak boleh diubah-ubah. Sebagai contoh hukum graviti yang ditemukan penjelasannya oleh Isaac Newton. Manusia tak boleh hidup tanpa oksigen. Islam terkenal di seluruh Eropah ketika Barat masih meraba-raba dalam kegelapan. Ilmu dari Al-Quranlah yang memberikan mereka kejayaan di bidang sains. Apabila umat Islam meninggalkan sains, maka pincanglah mereka. Dan apabila Al-Quran tidak difahami mengikut ilmu hakikat yang menjadi nur yang datangnya dari Tuhan, maka umat Islam menjadi buta dan hidup dalam kegelapan dalam dunia yang terang benderang hasil daripada ciptaan sains.

Karl Marx dengan ideologi Komunisme berjaya memisahkan pentadbiran sebuah negara dari ketuhanan dan menganggap bahawa agama itu madat, 'drug' ataupun dadah bagi manusia. Namun Karl Marx gagal mengekalkan pengaruh Komunis di Eropah. Negara dibangunkan oleh manusia. Manusia itu datangnya dari Tuhan menerusi agama. Kehancuran kebanyakan sistem dan ideologi dan isme ciptaan manusia adalah akibat memisahkan agama dan manusia. Manusia yang sempurna adalah manusia yang berjaya menjadikan dirinya Al-Quran yang bergerak, penyampai yang haq.

Al-Quran yang menganjurkan pemikiran kritikal kerana ia merupakan satu buku rujukan sains terpenting dan merupakan '*the mother of all scientific references*' atau ibu kepada segala rujukan sains. Tapi disebabkan ramainya umat Islam hanya tahu mengaji macam burung kakak tua tapi tidak mahu berfikir dan mengkaji, maka mereka pisahkan Al-Quran dan sains. Akhirnya jadilah mereka itu seperti ulama-ulama yang sanggup menyelewengkan akidah dan menyerahkan diri di bawah cengkaman, telunjuk para diktator, kemudian mereka salahkan

Tuhan. Marahkan Tuhan. Kata Tuhan tidak adil tetapi sebenarnya merekalah yang patut dipersalahkan kerana tidak pernah melihat ke dalam diri, tidak mencari kekuatan dan kebesaran dalam diri untuk dicantumkan dengan Tuhan Yang Maha Besar, Maha Bijaksana.

Hari ini semua fatwa yang hendak dikeluarkan mesti terlebih dahulu diluluskan oleh Kabinet atau Dewan Undangan Negeri. Ini bermakna kebesaran Al-Quran dan hukum-hukum Tuhan menjadi kecil bila kuasa para pemimpin di Asia dan negara-negara Arab sudah begitu membesar. Semua Majlis agama Islam di seluruh negara duduk di bawah kuasa pemimpin-pemimpin dan sultan selaku Ketua Agama dah tak dapat berbuat apa-apa lagi. Salah siapa bila kuasa dan manusia kita letakkan lebih besar dari Tuhan?

Setiap yang baru ciptaan manusia, walau apa pun jua, dari kapal terbang ke kenderaan lain di darat dan laut, sudah banyak mengubah wajah persekitaran. Ia juga turut meragut nyawa jutaan manusia saban tahun. Begitu juga ciptaan yang lain, yang mungkin telah banyak membantu peradaban manusia ke hari ini. Penggunaan petrol misalnya, selain menggerakkan jutaan kenderaan, turut membawa kesan kepada pencemaran alam.

Nilai ilmu daripada maklumat juga bukanlah sesuatu yang boleh dikembangkan melalui penggunaan komputer. Tahap penerimaan yang terbuka boleh menjejaskan banyak nilai budaya tempatan dan ilmu yang dikembangkan mungkin bercanggah daripada apa yang menjadi warisan. Ia menimbulkan konflik dalam diri dan seterusnya masyarakat melainkan ilmu ke Tuhanan, yang telah di labelkan oleh Hamid Othman, jurucakap Mahathir sebagai sesat. Ada lebih dari 120 tempat pengajian yang telah dilabelkan sesat. Kalau macam itu apakah harapan Pak Sheikh untuk mengembangkan minda penduduk Asean?

Reformasi ekonomi perlu penyertaan semua

Berita Harian
10 Jun 98

JOHOR BAHRU, Rabu - Reformasi memulihkan ekonomi memerlukan penyertaan semua pihak dan bukannya menyela-matkan kelompok tertentu, sekali gus memastikan pendekatannya lebih adil dan seimbang.

Pendapat itu disuarakan oleh bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Shahrir Abdul Samad, yang menegaskan konsep keadilan tidak boleh diketepikan dalam memperkukuhkan semula ekonomi negara.

Beliau berkata, dalam keadaan sumber yang semakin terhad, pengagihan peluang ekonomi tidak sepatutnya ditumpukan kepada kumpulan korporat sedangkan rakyat jelata termasuk peniaga kecil turut memerlukan pembelaan.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Johor Bahru menyambut baik kenyataan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengenai wujudnya kelemahan dalaman yang memerlukan perubahan mengatasi kegawatan ekonomi.

"Kita tak boleh menumpu kepada satu kumpulan saja iaitu kelompok korporat. Kalau hanya bagi duit kepada



SHAHIRIR
...lebih seimbang

orang korporat, pasti rakyat nampak ini tidak adil.

"Lagipun sumber kita sekarang ini sudah terhad, jadi kenalah kita mengagihkannya dengan betul agar wujud keseimbangan dalam pemuliharaan," katanya hari ini.

Anwar ketika merasmikan Konvensyen Umno Johor di Mersing, Isnin lalu berkata, sambil Malaysia mendesak reformasi dalam sistem kewangan antarabangsa, sistem tempatan turut memerlukan perubahan bagi berlaku adil dan

seimbang terhadap rakyat.

Shahrir yang turut menyertai konvensyen itu berkata, kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu seharusnya diberi perhatian serius kerana ada usaha pemulihan lebih cenderung menyela-matkan syarikat daripada kepentingan orang ramai.

Beliau memberi contoh, pemberian pinjaman mudah RM300 juta kepada syarikat mengendalikan pembinaan monorel di Kuala Lumpur adalah antara yang sepatutnya dipertimbangkan, sama ada ia perlu dilakukan sekarang.

"Mungkin kita boleh timbangkan projek itu ditangguh sementara dan wang sebanyak itu boleh digunakan membantu lebih ramai peniaga dan usahawan kecil," katanya.

Bagaimanapun, Shahrir berkata, gesaan supaya pemulihan ekonomi dilakukan secara seimbang dan adil bukannya bertujuan menghentam pucuk kepimpinan, tetapi hendaklah difahami semua pihak agar masing-masing berganding bahu mengatasi kegawatan ekonomi sekarang.

Sun
4 Sept 98

Supporters gather to demand justice for Anwar

Kuala Lumpur, Thurs: Hundreds of supporters, demanding justice for dismissed Deputy Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, gathered at the entrance to the Umno headquarters tonight in a show of support.

Many carried banners, reading *Kami pohon padamu ya Allah, selamatkanlah Saudara Anwar* (We appeal to you God, save Anwar) and singing patriotic songs adapted with messages which reflect their conviction that Anwar is innocent.

Most supporters echoed their unhappiness over the way Anwar was treated by summary dismissal from his government posts, and said that the allegations thrown against him "are pure lies".

There was a heavy presence of police within and around the party headquarters, including plainclothes officers, Federal Reserve Unit members and Special Action Unit members.

The Umno members also held prayer sessions there and some were heard chanting, Anwar is clean and *semua fitnah* (they're all lies).

Apart from demanding justice for Anwar, whom they described as a "capable Malay leader of the future", the supporters said they want

reformation in government "which currently makes the rich richer and the poor, poorer".

Said an Umno Youth leader who did not want to be named: "Coming together here today was not orchestrated ... we came on our own to give support and we will stand behind Anwar all the way."

Negri Sembilan Umno Youth chief Ruslan Kassim said he regrets the decision to sack Anwar.

"It has come as a rude shock to us. We understand it is the prime minister's prerogative to appoint or sack anyone, but this dismissal is based on the political conspiracy of some leaders.

"The charges are extreme and have not been proven as yet, but Anwar has already been punished. We want justice for a man who has fought all these years for the party and the nation."

Ruslan said the way the matter was handled raised suspicion. Leaders of a democratic country, he said, should take a more fair and just approach.

"If the number two is not given a fair trial, imagine what can happen to ordinary members of the public?" he asked.



Berita Harian 30/9/98

Mengadu ditumbuk, tampar

Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa beliau dipukul dan dikasari ketika ditahan di lokap Bukit Aman disini pada malam 20 September lalu.

Saya kemudian ditampar kiri dan kanan dengan kuat hingga keluar darah dari hidung dan pecah hidung saya. Saya dalam keadaan separuh sedar dan lemah... anggota polis kemudian bantu kesat darah keluar dari hidung dan bibir saya. Sejurus lepas itu, saya terus tidak sedar diri hingga pagi esok. Mata saya bengkak dan tidak boleh ditutup kerana memberi kesan penglihatan pada mata saya.

Mata saya bengkak besar sekali... leher saya juga sakit akibatnya urat saraf tangan kiri saya menjadi lemah. Saya berjalan terhoyong-hoyang beberapa hari sehingga di bantu anggota polis.

MASALAH AYAM PUN TAK BOLEH SELESAI

Orang Melayu pandai buat peribahasa *kalau tak ada angin masakan pohon bergoyang*. Kalau tidak ada api masakan ada asap. Itu ilmu orang Melayu dulu biarpun ianya satu andaian tapi bagi manusia yang suka berfikir, yang pandai menggunakan mata kepala, mereka akan membaca apa yang tersirat, kebiasaannya kepada manusia yang hidupnya kalau tak lihat dengan mata tak percaya.

Maka apabila Zahid Hamidi timbulkan isu suku sakat, Pak Habib tak mahu kata bahawa ada arahan dari Pak Sheikh, walaupun ramai yang berkata kalau bukan mendapat sokongan dari Anwar Ibrahim tak mungkin Zahid Hamidi jadi berani dan lantang membawa isu kronis dan nepotisme di Perhimpunan Agung.

Semua orang tahu adanya kaitan antara Zahid dengan pemimpin nombor dua seperti adanya hubungan rapat antara Rahim Tamby Chik dengan Dr. Mahathir, Daim Zainuddin dan lain-lain menteri yang berpihak pada Mahathir tapi tak ada orang cakap mereka yang menyuarakan sesuatu bahawa yang bercakap itu Mahathir, mereka cuma sekadar juru cakap saja.

Di sebabkan itu maka ramai yang bertanya apakah Zahid Hamidi tidak mempunyai identitinya sendiri? Adakah Zahid Hamidi bekas setiausaha Politik Datuk Najib juga menggunakan semua bekas bossnya? Dan tak mustahil kekuatan dalaman dalam diri Zahid dan desakan dari masyarakat yang menyebabkan Zahid sanggup bertindak demikian. Isu yang ditimbulkan oleh Zahid sudah

mencetuskan api yang membakar semangat yang merasakan mereka di anak tirikan oleh Mahathir.

Secara kebetulan saja Pak Sheikh dan Zahid mempunyai visi dan misi yang sama iaitu selain dari terpaksa menjaga keselamatan politik peribadi, mesti memikirkan politik rakyat dan politik sejagat, tentunya rakyat tidak mahu Anwar dan Zahid wakil rakyat yang mewakili Mahathir.

Kenapa banyak sangat soalan yang Pak Habib timbulkan dalam tulisan-tulisan Pak Habib? Kenapa tak tulis saja dan biar pembaca telan bulat-bulat apa yang ditulis tanpa susah payah hendak berfikir? Apakah Pak Habib mahu pembaca terlibat sama dalam kancah politik yang melibatkan pemimpin UMNO? Mentang-mentanglah ramai rakyat hari ini sudah mempunyai pemikiran yang kritis dan suka menganalisa kejadian politik semasa.

Apakah anda tidak tahu bahawa ramainya manusia yang tertipu dan terpedaya oleh ahli politik hari ini kerana mereka tidak menggunakan akal fikiran mereka? Mereka jadi macam burung kakak tua.

Pak Habib timbulkan macam-macam soalan supaya anda dapat menikmati buku yang sedang anda baca. Buku yang anda baca ini bukan novel. Buku ini melibatkan anda. Apakah anda terlupa anda ada hak ke atas diri anda sendiri apa lagi sekiranya anda seorang Islam yang tahu erti syahadat bahawa apabila anda *naik saksi tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad SAW pesuruh Allah*. Anda sudah jadi manusia merdeka.

Sebagai seorang makhluk yang merdeka, cerita Pak Habib dengan seorang Ahli Parlimen yang bernama Wan Hanafiah

boleh membuka minda anda terhadap jenis-jenis ahli UMNO yang anda pilih jadi wakil anda ke Parlimen dan DUN untuk mengubah undang-undang negara yang boleh melibatkan masa deopan anda dan rakyat Malaysia.

Satu hari Pak Habib telah pergi ke Parlimen. Pada hari itu ramai yang mendengar bahawa Pak Sheikh ada berkata pada Pak Habib bahawa sesekali *bantai* juga Ahli Parlimen, jangan dok bantai Menteri dan Perdana Menteri saja. Kebetulan Wan Hanafiah cari pasal. Apa sangatlah ada pada Ahli Parlimen Pokok Sena ini tapi kerana ceritanya penting boleh dicelahkan dalam buku ini.

Wan hanya seorang Ketua Bahagian UMNO tetapi boleh menjadi sasaran Pak Habib. Ikut-ikutkan memang tak patut. Secara kebetulan di jolok sarang tebuhan, dia ingat dia terror sangat, mentang-mentanglah dia pernah kerja dengan Megat Joned, maka Pak Habib menulis bukan kerana Anwar buka mulut suruh bantai tapi Pak Habib ada *ground*. Orang sudah jual murah sangat, bergadai bergolok kita beli juga.

Ahli UMNO kena ingat dulu lain, kalau ada orang tulis buku kutuk Mahathir, penulis tersebut dituduh sebagai penulis upahan, dilabel sebagai penfitnah. Hari ini kalau ada penulis buku-buku yang puji Mahathir dianggap suku sakat dan geng Mahathir. Mereka yang dikecam pengampu dan penulis upahan. Tapi kalau Anwar yang kena bantai, Mahathir atau orang disekelilingnya yang jadi sasaran sebab itu ramai yang beranggapan bahawa Rahim Tamby Chik sebagai dalang. Dan orang tetap menyangka mesti ada perancangan yang panjang dan sangat rapi untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim.

Yang Pak Habib rasa terkilan, Wan Hanafiah belum lagi baca buku *Sunnah Nabi Muhammad vs Sunnah Mahathir*

Mohamad, tiba-tiba sudah membawa usul ke Dewan Rakyat haramkan buku dan kenakan ISA ke atas S.H. Alattas. Hello brother, bacalah dulu yang tersurat dan tersirat, apa salahnya tanya pendapat pucuk pimpinan sebelum mengusul ia diharamkan dan Pak Habib ditahan dibawah ISA. Kalau hendak ampu, bodek boss pun biar kena cara.

Ini ke kerja Wakil Rakyat Barisan Nasional? Betul ke buat kerja tanpa '*homework*'? Ini menunjukkan sikap **tak cekap**, **tak bersih** dan **tak amanah**. Tapi bila ahli parlimen atau pemimpin yang buat salah secara terang-terang, kita tak boleh labelkan mereka sebagai '*fitnah*'. Yang boleh di buat '*fitnah*' bila kata-kata itu datangnya dari penulis dan pembangkang. Ini yang membuat siapa saja yang mempunyai fikiran yang kritis mula bertanya dan mempersoalkan apakah demokrasi di negara kita ini masih hidup?

Kalau Dr. Mahathir yang mempermainkan kata '*cakap tak serupa bikin*' buat kerja-kerja karut, orang ramai masih boleh tutup mulut kerana Mahathir ada *immuniti*. Siapa boleh buktikan yang dia salah? Apa lagi media masa sentiasa memberi sanjungan, pujian dan menunjukkan pada rakyat yang Mahathir tak ada salah silap. Yang salah semua musuh-musuh politiknya, biarpun dia yang memulakan permusuhan dan dia yang mula cari gaduh maka adalah tidak patut bagi anak buahnya boleh buat kerja mengumpat, menfitnah dan terlepas macam itu saja. Ini tak adil. Ini tak betul. Kita hendak mengadu kat siapa? Timbalan Perdana Menteri pun kena belasah, kena bantai. **Sabar ajelah! Urut dada, sabar ajelah!**

Macam mana bossnya tak haru biru, macam mana Dr. Mahathir hendak hidup selamat kalau macam ini punya Wakil Rakyat yang mewakili Barisan Nasional di Parlimen? Itu baru satu, ramai lagi kalau hendak sebut satu persatu tak cukup 10 buku, **sabar ajelah**.

Bukan pemimpin saja tetapi setiap manusia tak boleh memarahi seseorang atau memusuhi seseorang semata-mata kerana majoriti memusuhi orang tersebut. Apakah kerana 10 ribu orang kata manusia itu berdosa maka orang tak bersalah itu pun jadi berdosa. Maka orang itu wajib dihukum tanpa kita memberi peluang kepada orang tersebut membela diri? Tapi membenci dan memusuhi seseorang yang menjadi musuh Barat sudah jadi budaya dalam UMNO terutama mereka yang duduk atas pagar, tak mustahil lepas pilihanraya nanti lahir pulak ahli politik *lompat si katak lompat* seperti di Sabah. Ini semua terjadi bila manusia sudah tidak ada 'value' iaitu nilai di dalam diri.

Masyarakat kita hari ini memusuhi seseorang manusia kerana media massa kata orang itu berdosa, orang itu bersalah dan sebagainya padahal cerita itu hanya rekaan sahaja atau satu agenda yang diada-adakan. Maka, masyarakat pun menghukum tanpa usul periksa. Media massa yang dikuasai oleh Perdana Menteri boleh menguasai fikiran rakyat yang buta hatinya. Rakyat yang tak beriman yang tak percaya pada Al-Quran akan menghukum '*sesat*' pada sesiapa saja yang dihukum *sesat* oleh JAKIM tanpa dibicarakan dengan adil mengikut undang-undang Allah berpandukan Al-Quran dan Sunnah.

Tahun dua ribu sudah tidak berapa lama lagi, apakah belum sampai masanya manusia diajak berfikir betul, berfikir dari segi nilai dan moral. Tak ada ke cara bagaimana kita boleh buka minda rakyat supaya tidak ikut pendapat umum tanpa menilainya dahulu? Sebelum menghukum tanpa 'ground', tanpa dia sendiri bertanya pada dirinya, *betul* ke aku membenci seseorang kerana orang itu telah terbukti kesalahannya atau surat khabar menerbitkan berita orang itu ditangkap kerana terbabit dengan kesalahan?

Bukan mudah untuk merevolusikan minda orang Melayu. Arwah Dato Senu Abdul Rahman pernah menghasilkan buku '*Revolusi Mental*' di zaman ahli UMNO ketika itu mahukan satu reformasi tapi nak buat macam mana budaya "*hangat-hangat tahi ayam*" masih menebal di jiwa orang Melayu.

Rakyat Amerika tidak menghukum Presidennya, Bill Clinton yang mengaku dia telah terlibat dengan skandal seks setelah beliau membuat pengakuan. Dan sesudah dia mengaku pun masih ramai yang bersimpati ke atasnya padahal mereka ini dianggap sebagai orang kafir. Namun, sifat kemanusiaan dan timbang rasa masih menebal dalam diri orang yang dituduh kafir oleh mereka yang mengaku diri sebagai Islam, sebaliknya sedangkan orang yang membangga diri mereka sebagai umat Islam secara terang-terang menunjukkan sikap lebih Yahudi dari Yahudi dengan menghukum orang yang belum terbukti pun kesalahannya. Di manakah letaknya hati perut mereka ini? Ke mana perginya roh Islam yang sepatut ada dalam diri yang telah mewajibkan setiap orang Islam itu adalah bersaudara.

Apakah hak rakyat Malaysia menghukum seseorang tanpa mempunyai cukup bukti yang diannya bersalah? Budaya menggalakkan seseorang supaya menanam perasaan syak wasangka dan buruk sangka terhadap orang yang baik yang telah di *frame*, di perangkap supaya ternampak jahatnya, kini sedang menular dalam masyarakat dan menjadi fenomena yang sukar di bendong lagi.

Apakah kita tak sedar bahawa perbuatan ini adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan prinsip dan ajaran Islam. UnIslamic. Kalau begitu macam mana orang ramai hendak menghormati manusia yang tak berprinsip, tak ada intelek,

tak beriman, yang boleh terpengaruh dengan bisikan syaitan. Penyakit macam inilah yang mesti diubati terlebih dahulu seandainya kita mahu kembali kepada Al-Quran untuk menjadi masyarakat madani seperti di zaman Nabi SAW.

Wakil Rakyat yang berwibawa mesti sentiasa menyimpan rasa baik sangka, tidak terburu-buru mengambil tindakan yang kejam dan zalim. Mentang-mentang mereka ada kuasa boleh bercakap, maka cakap apa saja dikatakan *fitnah*. Apa kata kalau Dewan bersetuju dengan sarannya, takanlah kerana satu perkataan *sunnah* saja seorang penulis mesti di tahan di bawah ISA? Bukunya diharamkan, ini tidak adil. Sampai bila rakyat mahu berkata, sabar ajelah?

Sana-sini orang sudah bercakap Pak Habib hendak ditahan di bawah ISA. Dituduh ada orang yang membiayai buku tersebut kerana Ahli Parlimen membawa usul ke dalam Dewan. Buktikanlah. Makan boleh sebarang makan. Tapi bila nak bercakap kena fikir. Bukankah orang tua-tua sudah berpesan, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata, buruk padahnya. Diakhirat nanti, macam mana nak jawab kerana siapa pun tak boleh bercakap. Takkan nak cakap pakai bahasa isyarat macam orang bisu. Jaga-jaga sikit brother.. Dalam diri ada malaikat tau...

Berita buku hendak diharamkan tersiar diakhbar baru baru-baru ini. Wan hendak beritahu Pak Habib yang dia cuma tengok kulit depan buku saja lantas terus dibawa usul dalam Parlimen. Kemudian minta pula satu buku percuma. Bayangkan jenis Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat yang memberi undi pada UMNO berdasarkan pada graf Dr. Mahathir.

"Brother, nak buku free o.k., tapi bukan cara macam ini". Inilah sikap kebanyakan pemimpin UMNO yang ramai penulis tak seronok. Nak beli buku tak mahu, pantang ada saja buku baru minta free. Bila agaknya ahli UMNO yang mengaku ahli politik nak belajar baca buku, terutama ramainya wanita UMNO, masuk politik sekadar penglipurlara dan perayu undi saja, hendak baca buku politik jauh sekali.

Selain dari seorang Ahli Parlimen, ada seorang lagi pemimpin UMNO yang bertaraf Menteri Besar yang perlu ditegur jika BN mahu menang pilihanraya yang mungkin diadakan selepas SUKOM nanti kerana mereka mengambil satu-satu tindakan tanpa had. Terlebih dahulu mari kita dengar ingatan yang hendak disampaikan oleh kawan Pak Habib Tan Sri Isa Samad.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan dan juga Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, *"kekuasaan politik yang dimiliki banyak bergantung kepada kesedaran ahli UMNO itu sendiri dalam menentukan hala tuju parti dan bangsa Melayu"*.

Ahli UMNO diingatkan bahawa kekuasaan politik yang dimiliki parti itu sekarang bukan seperti harta pusaka yang boleh diserahkan dari generasi ke generasi lain.

Sekiranya ahli UMNO tidak mempunyai *kekuatan*, kekuatan yang dimaksudkan disini jati diri yang merangkumi kebijaksanaan selaku seorang pemimpin yang telah mengambil amanah dari Allah untuk menjaga manusia yang telah memberikan amanah tersebut pada mereka, tidak mustahil kuasa yang dimiliki akan berubah tangan seperti mana yang berlaku di Kelantan dan Sabah pada satu ketika dahulu. Dan ingat juga bagaimana kubu kuat UMNO di Arau.

Perlis meredum akibat kelemahan peribadi Menteri Besarnya dan ahli UMNO sendiri yang membuat protes.

Kata Isa lagi,

"Bukan mudah bagi sesebuah parti politik untuk mendapatkan kembali kuasa yang hilang kerana kuasa sebenarnya bergantung kepada kepercayaan orang terhadap kita."

Tengok apa jadi pada Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis akhirnya terpaksa minta maaf mengaku antara sebab kesalahan di Perlis adalah dia sendiri. Siapa tak tahu Shahidan punya angkuh, punya berlagak. Dalam negeri sekecil Perlis pun hendak tunjuk kuasa. Kekuasaan yang teragung adalah dapat mengawal diri sendiri. Tapi membiarkan diri ditundukkan oleh ego dan nafsu amarah adalah selemah-lemah manusia.

Dan hari ini kita lihat Abu Hassan Omar, Menteri Besar Selangor pula membuat kesilapan yang jauh lebih dahsyat, iaitu bergaduh dengan ahli tarikat, hakikat dan marifat hingga Ahmad Awang terpaksa campur tangan. Tak serik lagi ke isu Mufti Besar Selangor yang telah membuatkan Mahathir tergugat.

Kata Ahmad Awang seperti yang Pak Habib petik dari akhbar Berita Harian, 19 Ogos, 1998:

"Tarikat adalah satu kaedah yang suci bagi mendekatkan diri kepada Allah, namun ia disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan diri mereka sendiri".

"Malah, lebih membimbangkan, kebanyakan yang mengikuti sesetengah tarikat itu tidak mempunyai ilmu agama yang kukuh sehingga mereka mudah terpengaruh apa sahaja kata ketua".

"Sebenarnya tarikat itu tidak salah, tetapi manusia sendiri yang memperalatkan ilmu itu untuk kepentingan diri sendiri".

Katanya, jika umat Islam di negara ini mendapat penerangan secukupnya mengenai agama, kegiatan penyebaran ajaran sesat dapat dibendung di peringkat awal".

Pak Habib bersetuju dengan pendapat Yang DiPertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Saudara Ahmad Awang bahawa sepatutnya sudah lama Jakim telah mengeluarkan senarai nama kumpulan tarikat yang dilabelkan sebagai sesat yang menyeleweng dari akidah.

Maka sebab itulah Pak Habib mencadangkan Jakim atau Pusat Islam menghantar para ulamanya ke Spiritual Universiti di Mount Abu, belajar cara-cara bagaimana hendak memberi penerangan yang secukupnya kepada ahli tarikat. Perkataan tarikat itu sendiri, terlebih dahulu mari kita cuba memahaminya. Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan perkataan "tarikat" itu sendiri?

Yang lebih Pak Habib kasihan lagi ialah nasib yang akan menimpa Datuk Abu Hassan Omar, Menteri Besar Selangor yang kebetulan menjadi Pengerusi Jakim Selangor yang telah cuba menunjukkan kuasa dengan angkuh dan sombong seperti Shahidan Kassim apabila bergaduh dengan imam masjid dan juga ulama. Akhirnya kubu kuat UMNO diambil oleh PAS dengan mudah.

Kita jadi manusia tak boleh bergaduh dengan manusia yang percaya pada Allah. Abu Hassan kena ingat masa dia jadi Menteri Perdagangan dulu masalah ayam pun dia tak boleh selesaikan. Ayam tu pun bukannya besar sangat. Kalau tak percaya cuba tengok telur ayam. Besar tak? Nasib baik boss mahu dia jadi MB kerana Dr. Mahathir ada simpan fail Abu Hassan jadi Abu Hassan tak boleh cakap banyak.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerima satu pertubuhan tarikat Brahma Kumaris. Yang dia hendak haramkan ratusan kumpulan tarikat tanpa membuat penyelidikan pasal apa? Apakah ini tidak bertentangan dengan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang memberikan hak kebebasan beragama kepada setiap manusia?

Dalam kegawatan ekonomi dan mood ini pemimpin tidak sepatutnya menimbulkan permusuhan dengan ahli-ahli agama. Masalah Abu Hassan membazirkan wang rakyat memperbaiki rumah kediaman dan bil hotel belum selesai. Bukankah kerja pembaziran juga adalah kerja yang menyalahi akidah. Kita duduk dalam rumah kaca jangan main baling-baling batu. Kalau orang lain baling batu ke rumah itu, macam mana. Marah... Telur ayam bukan besar sangat. Orang tarikat dan marifat ada talian terus menerus dengan Allah.

Kenapa tiba-tiba dari cerita Wan Hanafiah, Pak Habib pindahkan kepada cerita ke Shahidan Kassim dan kemudian kepada cerita Abu Hassan. Tanyalah boss. Yang suka pindah-pindah cerita ini Mahathir. Hari-hari tukar isu dalam siri 'Pemimpin Bersama Rakyat', kempen pilihanraya. Telur ayam bukan besar sangat. Kedah dan Perlis pun bukan jauh sangat, kemudian pergi ke Selangor. Sebab itu Tuhan tak jadi telur ayam itu bulat. Pasal ayam itu kecil. Cuba tengok betul-betul. Cuba fikirkan, mana dulu, telur dulu atau ayam dulu.

Kemudian fikirkan lagi yang mana dulu, tarikat dulu, hakikat dulu, makrifat dulu atau syarifat. Yang nak main tutup jalan dekat menuju Allah Ta'ala ini, pasal apa?

Jenis-jenis wakil rakyat yang sombong macam inilah yang buat ahli UMNO terpaksa kerja kuat nak cari pengundi. Ingatlah sikit, yang ramai adalah orang Melayu, ahli UMNO ramai mana sangat. Yang sikit itu pun sudah berpecah. Dalam Selangor sendiri, orang Mat Taib masih ramai dan ramai ahli politik Selangor yang tersinggung dan kecil hati bila Abu Hassan dibawa balik jadi Menteri Besar. Padahal masih ramai ahli Exco yang merasakan dirinya jauh lebih baik dari Abu Hassan, yang tak boleh selesaikan masalah ayam di Kementeriannya dulu.

Jangan anggap pilihanraya itu mudah kerana ia menentukan kerajaan yang memerintah, arah tuju negara dan bangsa Melayu. Cukuplah boss seorang saja tunjuk ego, tunjuk sombong dan tunjuk kuasa. Sekurang-kurangnya kalau kita tanyakan kepada ahli-ahli UMNO Selangor, majoriti masih kasihkan Mat Taib. Dan sekurang-kurangnya Mat Taib mengaku kesalahannya tapi Abu Hassan **berlagak suci**. Nak tahu hal ini, tanyalah kepada Senator Datuk Zakaria. Janganlah gurkha dan suku sakat pun nak berlagak semacam. Shahidan bergaduh dengan Imam masjid, dengan Harun Din. Wan Hanafiah ajak penulis politik bergaduh. Abu Hassan bawa ahli tarikat pula bergaduh. Kalau hebat pun jangan tunjuk-tunjuk sangat.

"Kesedaran itu perlu agar kita tidak alpa. Bila senang jarang kita ingat susah tapi bila mendapat, kesusahan baru kita ingat tentang kesilapan yang dibuat." *Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya.*

Sejarah yang berlaku pada UMNO apabila kalah dalam beberapa pilihan raya satu ketika dahulu yang bukan disebabkan oleh 'orang luar' tetapi orang UMNO sendiri yang sering menimbulkan masalah. *Pelanduk lupa jerat tapi jerat tak lupa pelanduk*. Hari ini awak berkuasa, esok bila sudah hilang kuasa, malu sendiri.

Kekuatan parti yang dibina selama ini tidak seharusnya terhad kepada keperkasaan politik dan ekonomi, tetapi perlu mencakupi mentamadunkan bangsa Melayu secara menyeluruh dan wakil-wakil rakyat mesti memulakan dengan diri sendiri. Orang-orang hakikat dan marifat adalah manusia yang dekat dengan Tuhan. Doa-doa mereka cepat dimakbulkan. Rasulullah SAW pernah bersabda:

"Barangsiapa memusuhiku wali-Ku, maka sesungguhnya Aku mempermaklumkan perang terhadapnya. Tiadalah hamba-Ku dekat kepada-Ku dengan mengerjakan sesuatu yang paling Aku kasihi dari yangKu-wajibkan kepadanya. Dan senantiasalah hamba-Ku itu dekat kepada-Ku dengan mengerjakan amal-amal sunnat, sampai dia Ku-kasihi. Apabila Aku telah mengasihinya, jadilah Aku pendengarannya yang dengan itu dia mendengar, jadilah Aku penglihatannya yang dengan itu dia melihat, jadilah Aku tangannya yang dengan itu dia mengamuk (memegang), jadilah Aku kakinya yang dengan itu dia berjalan. Jika dia meminta kepada-Ku, niscara Ku-beri, dan jika dia mohon perlindunganku, niscaya Ku-beri, dan jika dia mohon perlindungaku, niscaya akan Ku-lindungi".

(Bukhairi Muslim)

Selain daripada terus menjadi pelindung kepentingan umat,

UMNO seharusnya sentiasa memacu pencapaian matlamat mewujudkan keadilan pengagihan dan kesejahteraan kehidupan di kalangan rakyat. Wakil rakyat terutama ketua-ketua bahagian kena ubah sikap jika UMNO mahu terus di hormati. Bukan mengharamkan dan memusuhi kawan Tuhan di ketika kita berada dalam keadaan kegawatan. Mereka yang mengkaji dan mengikuti sesuatu tarikat mencari jalan menjadi wali. Tahukah ahli politik erti wali dan perkataan keramat yang dipunyai oleh Sheikh-Sheikh Tarikat.

Menurut buku Keramat Wali-Wali oleh H.A. Fuad Said:

"Keramat" berasal dari bahasa Arab, menurut bahasa ertinya "mulia". Menurut ajaran Islam ialah "kejadian luar biasa yang tidak masuk akal pada diri Wali.

"Wali" berasal dari bahasa Arab, "waliyun", ertinya orang saleh yang ketaatannya terus menerus kepada Allah, tanpa diselang-selingi oleh perbautan maksiat.

Wali menurut Yusuf bin Ismail An-Nabhani dalam kitabnya "Jaami'u Karaamatil Aulia", dari segi bahasa ertinya "dekat".

Apabila seseorang dekat kepada Allah, disebabkan ketaatan dan keikhlasannya, dan Allah pun dekat kepadanya dengan melimpahkan rahmat, kebajikan dan kurnia-Nya, maka pada saat itu terjadilah perwalian, ya'ni orang itu dinamakan "Wali".


Allah melindungi mereka, sehingga terhadap diri mereka tidak perlu terdapat kekuawatiran. Dan Allah mengurniai mereka berbagai kelebihan yang tidak diberikan kepada hamba-hamba-Nya yang lain, berupa kejadian atau peristiwa luar biasa yang tidak masuk akal, sebagaimana Allah mengurniai mu'jizat kepada Nabi dan rasul-Nya.

"Ingatlah, sesungguhnya Wali-wali Allah itu tiada kekuawatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati. Yaitu orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertaqwa". (QS. Yunus, 62-63).




Pak Habib : Dulu kalau Ustaz dengar nasihat dan ramalan saya, Ustaz masuk UMNO, tak mustahil Ustaz boleh jadi Perdana Menteri kerana Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri sudah kata bahawa ulama dalam UMNO adalah ulama murahan dan askar pencen di Pusat Islam serta Datuk Zainal Abidin ulama bersara dari Pusat Islam ada berkata; ***ulama tidak berhak menuduh ulama lain bersalah***, malah tuduhan mereka pada ustaz dulu sudah tak salah lagi. Dan hari ini apa yang Ustaz ramalkan sudah jadi kenyataan. Sembahyang hajat yang Ustaz lakukan supaya Tuhan tunjukkan siapa yang bersalah pasti menerima hukuman. Ulama sama ulama bergaduh, menteri sama menteri dalam UMNO pun bergaduh sama. Kini mereka dalam UMNO berperang sesama sendiri. Inilah hukum karma, ***doa orang yang teraniaya dimakbulkan Tuhan***.

Ustaz Ashaari masih dihormati dan dikasihi oleh orang ramai yang percaya masa Al-Arqam kena dulupun mungkin ada *konspirasi*, sama ada *kopikasi* atau *wangkasi* dan *tak ada saksi*.



Tok Guru Nik Aziz sentiasa senyum dan gembira bertemu dengan tetamu, tak kira dari dalam dan luar negara, sama ada dari golongan Syiah atau Ahlul Sunnah.



Sheikh Mustaffa Yucel of the German Muslim Community paying Anwar a visit at home.

Hari ini bukan saja para persatuan ulama, ulama-ulama bebas, guru-guru tarikat dalam dan luar negeri, tetapi mereka yang cintakan *kebenaran* yang mahukan *reformasi* sanggup mati bersama-sama Anwar. Bilangannya kecil di depan tetapi pengaruhnya banyak. (Gambar The Sun, Sept 18 1998)

6

NAK IKUT QURAN ATAU QARUN?

Hari ini ramai orang Melayu yang nak jadi kaya. Dan yang dah jadi kaya macam Qarun pun bukannya sedikit. Sejarah yang diceritakan oleh Quran menunjukkan orang yang terlampau kaya macam Qarun, akhirnya lupa diri dan lupa Tuhan. Maka sebab itulah Mahathir suruh kita kembali kepada Quran. Kalau nak jadi Qarun, jadilah. Tapi mesti jadi Qarun moden yang patuh dan taat pada ajaran Quran.

Mengajak umat Islam supaya kembali kepada Al-Quran bukan susah. Senang. Tapi soalnya Quran yang mana satu? Di zaman ini, jumlah (tafsiran) Quran sudah nampaknya sama banyak dengan jumlah Qarun. Kalau nak baca Quran dalam bahasa Arab, tak mungkin kerana ramai orang Melayu yang tidak fasih dan faham bahasa Arab. Jadi nak ikut tafsiran yang mana satu. Hamka? H.B. Jasin? Atau Osman Ali atau Pusat Islam atau Quran-quran yang diterjemahkan oleh sarjana-sarjana Barat. Atau Quran yang dimaksudkan oleh para Ahlul Bait? Atau Quran mengikut Rasulullah SAW, di mana Al-Quran itu mempunyai 10 lapisan makna dan setiap terjemahan mempunyai faedahnya yang berlipat ganda kerana di sana terdapat ilmu yang hak. Terdapat 12 asma Allah yang boleh diibaratkan seperti air pancutan yang memancut dari batu-batu seperti mukjizat Nabi Musa yang di gambarkan di dalam Al-Quran.

Hari ini Mahathir, Hamid Othman dan kebanyakan pemimpin UMNO cuma cakap tentang salah penafsiran Islam dan Al-Quran. Tak tahulah siapa agaknya di dalam Malaysia, hatta di dalam dunia sekalipun yang boleh mentafsirkan Islam dan Al-Quran dengan betul. Kalau nak ikut PAS, bukan tak boleh tapi lain pula ertinya.

Adanya sesuatu kaedah tidaklah bererti mudah pula dilakukan. Maka dalam mudah ini terdapat kesukaran dan itu bukan berpunca daripada umat Islam tetapi pemimpin negara Islam. Sanggupkah pemimpin Islam hidup macam Nabi? Yang jelas kebanyakan pemimpin Islam hidup macam Muawiyah, mahu bina istana hijau, mahu ada empayer dan dinasti.

Di negara yang kita lihat kemunduran umat Islam berterusan bukan kerana kehilangan **kaedah** atau umat Islam itu mengambil jalan salah dalam pengajaran Islam, terutama jika kemunduran dan perpecahan tersebut terjadi daripada kalangan rakyat. Jika kita hendak berpegang kepada **kaedah** yang menyebabkan kemunduran dan kejatuhan umat Islam, kaedah itu sebenarnya kembali pada cara dalaman, iaitu kepada persoalan pokok, **bukan kita, bukan umat, tetapi pemimpin.** *Air yang keruh di hulu takkan jernih di hilir.*

Dr. Mahathir Mohamad seorang Islam dan pandai bercakap pasal Islam. Pusat Islam dan Ikim serta Jakim pun hidup di bawah belas ihsannya. Apakah yang dilakukan oleh Mahathir selaku pemimpin negara yang Islam menjadi agama rasminya. Bolehkah dia menjadi contoh teladan kepada umat Islam dalam negeri ini? Cuba baca laporan akhbar Utusan Malaysia keluaran 28 Januari 1995.

Kuala Lumpur 27 Jan. - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam di negara ini jangan hanya pandai menyebut Islam itu sebagai ad-din tanpa mengamalkan nilai, cara dan ketertiban yang dituntut Islam dalam kehidupan seharian.

Perdana Menteri berkata, sering disebut bahawa Islam adalah ad-din atau cara hidup tetapi ia "tinggal di mulut sahaja" sedangkan ibadat yang diamalkan tidak sedikitpun mempengaruhi cara hidup umat Islam.

Bagi beliau, salah satu punca kegagalan orang Islam ialah kerana segala nilai mulia yang terdapat dalam ajaran Islam diketepikan sementara ibadat juga diasingkan daripada cara hidup.

Menurutnya, sejarah sudah pun membuktikan bagaimana empayar Islam yang penuh kegemilangan suatu masa dahulu hancur dengan mudah apabila para pemimpinnya mengetepikan nilai-nilai mulia yang terdapat dalam cara hidup umat Islam kerana gilakan kuasa dan kemewahan hidup.

"Saya menyebut perkara ini sebagai latar belakang kepada perlunya kita semua dalam pentadbiran awam dan swasta memahami akan pentingnya nilai dalam menjayakan atau mengagalkan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Penerapan ilai-Nilai Murni Dalam Perkhidmatan Awam di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Islam melarang penganutnya **membazir** kerana sikap ini akan menjadikan dirinya kawan syaitan. Islam melarang penganutnya **angkuh** dan **sombong** kerana kedua-dua sikap tersebut adalah sikap iblis yang akhirnya dinyah oleh Allah daripada rahmat-Nya. Islam mementingkan **keadilan**. Islam mahukan **kesederhanaan**. Orang Islam mesti dengar dan taat perintah Tuhan yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW menerusi Al-Quran.

Apakah tidak ada perilaku Mahathir selaku para pemimpin yang menjadi ketua negara yang tidak tergelincir dari Al-Quran dan sunnah Rasul serta keluar dari akidah? Tak mungkingah

Mahathir juga telah menyebabkan ramai pengikutnya sesat, sesat Barat.

Sesekali apalah salahnya para sultan yang menjadi Ketua Agama bila mengadakan mesyuarat Raja-Raja bertanya pada Dr. Mahathir "*Yang awak nak kata semua rakyat beta sesat, adakah awak berjalan diatas jalan yang benar?* Dalam Islam ini mudah sangat, sesiapa yang ikut Islam sepenuh-penuhnya dari Al-Quran, satu ayat pun tak boleh ditinggalkan, dibetul atau ditambah seperti yang telah ditunjukkan oleh Rasul Nabi Muhammad SAW. Kalau tidak, ertinya orang itu tidak ikut Islam".

Dan selaku pemimpin Islam, Islam tak memisahkan dunia dan akhirat. Apakah Mahathir mengimbangi antara material dan kerohanian? Apakah kenyataan Mahathir sebagaimana petikan akhbar itu mencerminkan keadaan kepemimpinan Mahathir itu sendiri atau sekadar bermain wayang kulit? Dr. Hamid Othman buat apa?

Begitu juga dengan seluruh pemimpin masyarakat serta organisasi yang mereka pimpin. Apakah mereka telah melaksanakan tanggungjawab yang diamanah kepada mereka sebaik mungkin? ***Tepuk dada tanya sama hati*** jangan tipu diri sendiri, buruk akibatnya di akhirat nanti. Dan begitu juga dengan para pemimpin negara-negara yang lain khususnya Arab Saudi dan negara-negara Teluk yang mana Allah SWT telah melimpahkan mereka dengan segala kekayaan. Sekurang-kurangnya Mahathir yang tidak tahu berbahasa Arab hendak juga bercakap pasal Islam.

Kita harus ingat pemimpin adalah penyelesaian masalah dan bukannya menimbulkan lagi masalah. Jika pemimpin menimbulkan masalah, siapa pula hendak menyelesaikan masalah? Mengikut perintah Allah kita disuruh memilih pemimpin yang terbaik di kalangan kita. Pemimpin yang boleh menjadi cahaya, pemimpin yang takut dan taat pada Allah, barulah semua rakyat akan ikut

dari belakang sekiranya ada pemimpin yang menyeleweng kita gantikan dengan pemimpin yang lebih berwibawa.

Kita tidak berani meletakkan kesalahan kaedah ini terhadap pemimpin apabila pemimpin Islam itu sendiri yang menjadi penguasa. Jadi yang salah bukan pemimpin, bukan raja tapi ulama yang tidak menyampaikan yang hak kepada yang berhak menerimanya dan juga rakyat yang diberi amanah untuk menasihati dan memperbaiki pemimpin mereka seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW, "Ad-din adalah nasihat".

Jangan sesekali kita salahkan Tuhan. Tuhan tidak pernah salah. Tuhan telah memilih sebaik-baik agama iaitu '**Islam**' untuk manusia. Allah telah memberikan Al-Quran sebagai rahmat dan penyelesaian masalah umat seluruh dunia hari ini. Inilah produk yang ditunggu oleh umat manusia di seluruh dunia. Malangnya tidak ada jurujual dari kalangan umat Islam, yang boleh mempromosikan produk Al-Quran ini ke seluruh dunia dengan membawa perilaku dan akhlak mulia sebagai landasan kepada produk itu sendiri.

Sudah 1400 tahun Nabi Muhammad SAW memperkenalkan Islam pada bangsa manusia. Yang bersalah adalah umat Islam yang telah menjadi *munafik*. Yang menyalahkan agama dan menyalahkan Tuhan kerana tidak membantu untuk mengubah nasib mereka. Kenapa? Mereka adalah umat yang membelakangkan Al-Quran terutamanya raja-raja yang sepatutnya mendokong dan menjadi *role model* kepada rakyatnya.

Penganut agama Islam perlukan pemimpin yang berani, yang tegas, yang ikhlas dan pemimpin yang tidak ada kepentingan. Pemimpin berkenaan mestilah juga yang tidak takut pada sesiapa melainkan Allah dan tidak takut kepada ke bawah Duli Tuanku. Tak perlu bimbang jika Tuanku murka, Datuk Sri Presiden marah, pengikut tak suka dan tersinggung bila kita berkata benar. Inilah

yang ditunjukkan oleh Allahyarham Tun Mustapha, pemimpin yang tidak memberi keutamaan pada kerusi politik.

Perdana Menteri Malaysia ketika itu, para menteri dan sultan di Malaysia dapat dinasihati oleh Tun. Sayangnya Tun gugur di tengah jalan kerana beliau sendiri tidak ikut sunnah Nabi Muhammad SAW. Dia bawa Islam ikut sunnahnya sendiri, dan akhirnya terpaksa mati menyendiri. Namun budinya yang baik dibawa mati.

Lahirnya Islam dan kuatnya Islam kerana Nabi Muhammad SAW tidak takut pada sesiapa. Nabi Muhammad SAW berani berkata benar, berani menerima apa saja risiko dan tindakan dari apa yang diperjuangkannya. Adakah pemimpin Islam yang berani dan bangga dengan agamanya? Yang jelas ulama yang sepatutnya menjadi pewaris Nabi lebih mengutamakan puak dan egonya sendiri. Merekalah yang menyebabkan perpecahan ummah tetapi disebabkan mereka dimuliakan dan mempunyai pengikut yang ramai, keamanan dan kesejahteraan yang sepatutnya menjadi agenda utama disembunyikan dan digantikan dengan fahaman yang fanatik terhadap kepercayaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap suku sakat dan dinasti masing-masing.

Kita terlupa semuanya dipinjamkan. Segala-galanya bukannya milik kita. Ilmu sama ada dunia atau akhirat ini adalah satu amanah bukan untuk cari untung sahaja. Tapi kerana kita leka, kita tak pandai jaga, kita tak adil, maka ilmu itu sudah disalahgunakan. Begitu juga dengan kuasa dan kekayaan yang telah dibahagi untuk kronies dan suku sakat serta kaum kerabat sahaja. Maka apabila Tuhan ambil balik, ada pemimpin yang ternganga, ada yang jadi macam orang hilang akal, pasal apa? Iman letak kat mana? Umat Islam dan rakyat hendak bersatu macam mana kalau pemimpin dok kelang kabut mencari musuh sana, musuh sini, cantas sana, cantas sini dan pilih orang duduk di sekelilingnya yang boleh jaga

kepentingan diri dan keluarga saja. Agama, bangsa dan politik sejagat yang sepatutnya menjadi agenda utama disia-siakan begitu saja.

Marilah kita renungkan apa yang dikatakan oleh Drs. Jalaluddin Rahmat seorang pemikir Islam di dalam kata pengantar buku *Islam Sebagai Kekuatan Internasional*:

"Wahai manusia, Aku telah menciptakan kamu dari laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu bersuku-suku dan berbangsa-bangsa, supaya kamu saling mengerti. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah adalah yang paling takwa" (Surat Al-Hujarat 13).

"Saya mengajak saudara-saudara menghenjinkan cipta pada saat ini, untuk mengenang rasul-rasul Allah yang telah menjadi guru-guru perintis umat manusia, pendidik dan pendukung nilai-nilai ilahi. Kita sampaikan hormat kita kepada mereka dan siapa saja yang pada masa lalu telah mengorbankan segala daya dan jiwanya untuk cita-cita kemanusiaan; mereka yang telah memegang teguh panji-panji kemerdekaan di tengah-tengah badai; mereka yang mengatakan 'tidak' setia pada penjajahan yang berakar kekuasaan, wang dan penipuan, supaya dapat mengatakan 'ya' kepada tuntutan sah dari manusia yang tertindas. Ya, merekalah yang memelihara cita-cita luhur umat manusia dalam menghadapi tekanan penindas dan kekejaman para tiran, lalu mewariskannya kepada kita".

Bagi orang yang benar-benar beriman dengan Allah dia tidak akan banyak berdolak-dalik sebaliknya mengambil sikap, *Sami'na*

Wa'ato' na. Hal inilah sebenarnya tidak ada pada kebanyakan pemimpin negara Islam untuk mengajak rakyat kembali kepada kaedah praktikal. Kebenaran Al-Quran diakui tetapi tidak ada rasa ketaqwaan sebagai khalifah Allah di muka bumi.

"Fahamilah berita (tentang Nabi SAW) yang kamu dengar dengan pemahaman penuh kesedaran dan pengertian, bukan dengan pendengaran dan riwayat semata-mata. Sebab orang yang meriwayatkan ilmu itu banyak, tetapi yang menjaga kebenarannya hanya sedikit saja."

Soalnya kebanyakan negara Islam tidak mahu kembali kepada Al-Quran. Semua baca ayat Al-Quran buat sedap telinga untuk dipertandingkan di Tilawah Al-Quran bagi mencari hadiah dan bermegah-megah, tanpa mahu ikut Nabi Muhammad SAW, yang merupakan Al-Quran yang hidup dan bukannya kembali kepada Al-Quran yang berbentuk buku. Buku yang kita dok hafal jadi Al-Hafiz dan menyanyi sana sini untuk tujuan komersial tak boleh ubah manusia selagi tak ada pemimpin yang bercakap pasal kembali kepada Al-Quran dan sunnah dan menjadikan dirinya sebagai manusia yang membawa kerahmatan dan berani berkata benar seperti yang dilakukan oleh Sheikh Abdul Kadir Jailani, Sultan kepada semua aulia yang telah berjaya menghidupkan Islam di zamannya. Apabila ia di tanya apakah rahsia kejayaannya yang boleh membawa kembali segala penyamun, perasuah, pencuri dan raja-raja zalim di zamannya ke jalan Allah, maka Sheikh Muhyiddin Abdul Kadir Jailani menjawab, "sentiasa berkata benar" seperti yang telah diamanahkan oleh ibunya.

Mereka hari ini dibuai dengan ketakutan kemuliaan Al-Quran sehingga kita tidak berani menjalankannya kerana takut tersilap. Yang sebenarnya itu hanya alasan. Kita telah lihat isme-isme yang tidak berlandaskan Al-Quran semua jatuh meredum, sosialisme,

komunisme dan terakhir sekali kapitalisme yang telah mengheret kita ke kancuh kegawatan ekonomi akibat sistem riba yang diamalkan oleh bank-bank. Kenapa kita takut kepada kesilapan pada hal kita mampu memperbaikinya dan pada hal kita terang-terang berani membuat kesilapan dan dari semasa ke semasa pertahankan pula kesilapan itu kerana kita lebih cinta dunia dan takut mati.

Apakah yang dimaksudkan dengan dunia di sini? Untuk menjelaskannya, Pak Habib petik tulisan Maulana Majlisi;

"Ketahuilah bahawa yang dapat disimpulkan dari ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis tentang hal ini, menurut pemahaman kami, adalah bahawa 'dunia yang terkutuk' ialah keseluruhan dari hal-hal yang menghalangi manusia dari mentaati Allah dan mencegahnya dari cinta kepada-Nya serta mencegahnya dari mencari akhirat. Jadi 'dunia' dan 'akhirat' bersifat berlawanan satu sama lain, apa saja yang menyebabkan keridhaan Allah dan kedekatan manusia kepada-Nya adalah 'akhirat', meskipun lahiriahnya seperti masalah duniawi - seperti perdagangan, pertanian, industri dan kerajinan yang tujuannya adalah untuk menjamin kehidupan keluarga demi ketaatan kepada perintah Allah, untuk membelanjakan pendapatan bagi tujuan-tujuan amal, kesejahteraan, fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Dan untuk mencegah kebergantungan kepada orang lain serta meminta pertolongan mereka. Semua kegiatan ditujukan untuk akhirat, meskipun orang dapat menganggapnya sebagai mencari dunia. Di sisi lain, kegiatan-kegiatan ibadah dalam latihan rohani, berlagak suci dan sejenisnya, meskipun kegiatan tersebut mungkin dilakukan dengan ketaatan

dan perhatian yang besar, sekiranya ditujukan untuk dunia. Selama hal tersebut menyebabkan keterasingan dari Tuhan dan tidak mendekatkan manusia kepadanya. Hal-hal seperti itu merupakan perbuatan dan amalan orang kafir dan mereka yang menentang jalan yang benar.

Kalaulah pemimpin Islam di seluruh dunia mengambil Islam sebagai **ad-din**, iaitu cara hidup seperti yang di ingatkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir, Pak Habib ingat seluruh dunia akan menjadi aman. Bukankah Allah sudah berkali-kali beri *warning* pada pemimpin-pemimpin, tapi kenapa degil lagi. Ingatlah firman-Nya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala)".

Dan apakah pemimpin-pemimpin kita sudah lupa maksud hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah akan bertanya kepada setiap penanggungjawab tentang tanggungjawabnya, apakah dia telah memelihara, mendidik atau mensiasikannya".

Dan bagi Pak Habib, teguran dan kritikan ini hanyalah sebagai melaksanakan tanggungjawab mendidik dan menegur sesuai dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesiapa di antara kamu yang melihat sesuatu kemungkaran, hendaklah dia mencegah dengan tangannya. Sekiranya dia tidak berupaya juga, hendaklah mencegah dengan hatinya iaitu membencinya dan itulah selemah-lemah iman".



Dalam masa Dr. Mahathir menjadi nakhoda kapal UMNO, kapal yang dulunya kapal layar sudah berubah menjadi seperti 'Taitanic'. UMNO yang kini dikuasai oleh tokoh koporat penumpang kelas satu nampaknya tidak memperdulikan nasib penumpang yang bukan kaya raya. Kapten kapal itu begitu angkuh dan sombong. Mereka beranggapan Tuhan sekalipun tidak boleh tenggelamkan kapal yang hebat dan istimewa, akhirnya 'Taitanic' terbelah dua dan tenggelam.

Semasa Mahathir jadi kapten, kapal ini pernah karam. Ribuan yang telah lemas. Yang diselamatkan hanya mereka yang terpenting dan ada hubungan dengan nakhoda.

Morgan Robertson, novelis Amerika dalam 'Futility' yang diterbitkan dalam tahun 1898 pernah menggambarkan apa yang bakal berlaku pada kapal terbesar hasil kerja terhebat manusia akibat keangkuhan, kesombongan, kejam, zalim dan memikirkan suku sakat. Mereka yang mahu selamat mesti menaiki bahtera Nabi Noh kerana apa juga bala bencana yang diturunkan oleh Allah untuk mengingatkan manusia jangan cuba menunjukkan kesombongan. Taat kepada perintah Allah dan Rasul-Nya. Jika pewaris Nabi yang jadi kapten dan penumpangnya taat perintah Allah dan Rasul, insya Allah UMNO akan selamat. Sejarah telah mencatatkan penyelewengan nakhoda kapal UMNO.

BUKIT MERTA JAM 12 Sept. — Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini melancarkan gerakan reformasinya dengan mengumumkan "Perisytiharan Permatang Pauh."

Perisytiharan itu yang mengambil sempena nama kawasan Parlimennya, diumumkan dalam ceramah di pekarangan rumah di kampungnya di Chekok Tok Kun, di sini petang ini.

Perisytiharan itu antara lain menyebut:

● Dan berilhamkan tradisi budaya-budaya Asia yang keseluruhannya menganjurkan pembaharuan diri dan masyarakat;

● Dan menginsafi bahawa Malaysia kini dicengkam kemelut yang dahsyat dan memerlukan kekuatan dalaman untuk bangun semula.

Dengan itu, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama bertekad untuk melancarkan gerakan reformasi yang menyeluruh.

Dalam nada suara yang semakin serak Anwar berkata, gerakan reformasi itu bertujuan mendaulatkan kuasa rakyat melalui proses reformasi, memperjuangkan keadilan, membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa, memperkukuhkan jati diri budaya yang dinamis dan untuk membawa bangsa Malaysia ke zaman maklumat dan dunia tanpa sempadan.

Beliau juga menyatakan bahawa gerakan reformasi ini akan diadakan secara aman, mengikut semangat perlembagaan dan bernaifaskan prinsip pemerintahan undang-undang.

Turut hadir ialah Ketua UM-

NO Bahagian Bagan Datuk Abdul Latif Mirasa, Ketua UMNO Bahagian Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail dan Pemangku Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh Datuk Ahmad Saad;

Ketua Pergerakan UMNO Pulau Pinang Dr. Abdul Rahim Ghouse dan Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan Ruslan Kassim turut hadir

Rayuan

Ahmad Saad yang turut berucap pada majlis itu berkata, UMNO Bahagian Permatang Pauh telah menghantar surat rayuan kepada Presiden UMNO pagi ini meminta agar Anwar diterima kembali dalam jawatan kerajaan dan parti.

Beliau berkata, UMNO bahagian tersebut yakin bekas ketua bahagiannya itu tidak melakukan perkara-perkara yang dituduh.

Ahmad Ismail dalam ucapan yang sama mendakwa Perhubungan UMNO Negeri tidak pernah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan pemecatan Anwar.

Sebaliknya dakwa beliau, mesyuarat yang didakwa itu hanyalah satu taklimat biasa.

"UMNO Bukit Bendera juga ingin menyatakan pendirian bahawa kami tidak pernah bersetuju dengan pemecatan ini dan yakin Anwar sebenarnya dianiaya dan disiftnah.

"Kita juga telah mengambil ketetapan untuk memberi kebebasan dan kebenaran kepada Anwar untuk memberi penjelasan kepada rakyat," tegasnya lagi.

AKUAN BERSUMPAH

1. Saya, AZIZAN BIN ABU BAKAR (NO. K/P. 600834-65-5118) adalah seorang warganegara Malaysia yang cukup umur yang beraham di No. 3982, Pangsapuri Dahlia A, Jalan 3/11, Bandar Baru Selayang, 48100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
2. Saya berikar dan beresumpah bahawa saya tidak pernah menggunakan pasport atau pasport baru yang bertajuk "90 Dulu Sebagai Anwar Tidak Dapat Menjadi PM" (seterusnya dirujuk sebagai "buku tersebut").
3. Saya berikar dan beresumpah bahawa saya tidak terlibat dalam apa jua cara pun dengan pembuatan, percetakan, penyediaan dan penggunaan buku tersebut.
4. Saya berikar dan beresumpah bahawa saya telah dihubungi oleh pihak polis baru-baru ini berhubung dengan alaman mengenai buku tersebut. Malah saya telah pergi ke Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman untuk menghadiri panggilan. Ketika itu pihak polis telah merujuk saya kepada balai-balai buku tersebut yang berkaitan dengan saya.
5. Saya berikar dan beresumpah bahawa kandungan buku tersebut seolah-olah mana saya merujuk kepada saya adalah tidak benar sama sekali, dan adalah sangat jahat.
6. Saya membuat Akuan Bersumpah ini atas alasan agar keyakinan-keyakinan saya mengenai perkara-perkara yang tersebut di atas adalah diberikan sebagai saksi peribadi saya. Saya telahpun membuat laporan mengenai perkara-perkara tersebut di atas kerana saya dihubungi oleh pihak polis dalam pengesanan polis mengenai buku tersebut. Seterusnya saya akan membuat laporan beresumpah mengenai perkara-perkara yang termaksud dalam Akuan Bersumpah ini pada sebarang prosiding mahkamah yang berkaitan dengan perkara buku tersebut kelak.
7. Saya membuat Akuan Bersumpah ini dengan penuh kepercayaan bahawa segala kandungan dalam akuan ini adalah benar mengikut pengetahuan saya dan saya membuat akuan ini dengan hati yang jujur tanpa paksaan dan ancaman dan menurut kebenaran yang terdengar dalam Akuan Bersumpah, 1988.

Diperbuat dan dengan sebenarnya-
banarnya di atas oleh yang tersebut di
atas ialah :

AZIZAN BIN ABU BAKAR


(NO. K/P. 600834-65-5118)

di Kuala Lumpur pada 10 AUG 1988

habibudin . 1988



Ruas 204, 2nd Floor,
Utama 2nd Pk.,
No. 61, Jalan Masjid India,
50400 Kuala Lumpur.



Terpandang pohon *kelapa* teringat Datuk Sanusi Junid dengan *ide kelapa mudanya*. Pergi ke pantai tengok laut, Sanusi dah turunkan **tukun** membiakkan ikan disana. Baru nak jamah nasi dipinggiran Sanusi lagi dengan segala macam **ulam** untuk menambah selera. *Ide-ide* Datuk Sanusi tak dapat dipisahkan dengan budaya dan alam Melayu disekeliling kita. Sebab itu Sanusi yakin dia boleh menang. Sanusi kata boleh... Malaysia kata boleh... maka bolehkah Datuk Sanusi Junid menang? Sanusi tak sealign pemikiran dengan Brother Anwar, itu saja. Dengan para Nabi pun ada umat tak setuju inikan pula bakal Perdana Menteri, inilah yang dikatakan demokrasi. Dari buku **Ku Yah Lawan Mike Tyson**. Apakah tak mustahil Sanusi Junid calon yang bakal bertanding merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO?



Bintang manusia tak selalu cerah, langit juga seperti lautan, ada masanya tenang, ada masanya bergelora. Di ketika ombak melanda perahu kecil yang sedang berlayar malam, manusia kerdil di dalam sampan yang sarat cuma dapat bermohon do'a supaya Allah memberikan ketenangan pada dirinya. Kerana sudah menjadi *fitrah* dan *sunnahtullah*, lautan yang bergelora dan bergelombang sukar untuk ditenangkan sama seperti keadaan politik dan nasib Anwar Ibrahim hari ini. Mudah-mudahan Brother Anwar, bekas pemimpin agung ABIM dengan sokongan insan-insan *camel*, terutama beberapa *Annas* dikelilinginya, tak dijadikan *surat khabar lama* oleh para penyokong yang telah mula menyelamatkan diri berenang ketepian mencari pantai untuk keselamatan. *Bulan bersinar kerana cahaya matahari. Rebah lalang kerana angin, rebah padi kerana berisi. Rebah manusia kerana penyokong.* Apa lagi apabila team wawasan telah bertukar menjadi team *was-was sil han nas*.

Gambar ini diambil dari buku Pak Habib "**Surat Khabar Lama**" di halaman 86 yang diterbitkan pada tahun 1995.



Johan Jaffar semasa jadi orang kuat Utusan dulu, cerita apa pada menteri, menteri dengar. Kalau tak pun ajak menteri 'lunch' atau 'dinner', pasti o.k. Begitulah berkuasa sekali mereka yang duduk di meja 'chief editor' di akhbar. Hari ini bila sudah kena buang dari institusi.. jumpa di mana-mana, lu siapa gua siapa..? Takut hendak buang masa. Mudah-mudahan siapa yang ganti Johan dan Nazri dari Berita Harian tak lupa daratan. Jangan perasan, kerusi itu hanya pinjam-pinjaman. Awak tak penting. Itu kerusi politik. Sanggup terima arahan dari boss, bererti selamatlah kerusi tersebut.

50 Dalil: Anwar turut disiasat — KPN

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Penyiasatan polis mengenai buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* turut melibatkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Beliau berkata, siasatan terhadap Anwar adalah perlu berdasarkan kepada beberapa aduan

terhadap buku itu yang mempunyai kaitan dengan Anwar.

"Kalau berdasarkan beberapa aduan polis terhadap buku itu, berbagai perkara telah disebut mengenai Anwar, jadi sudah tentulah penyiasatan ini turut meliputi bekas Timbalan Perdana Menteri itu sendiri selain daripada pengarang buku tersebut, Khalid Jafri," jelasnya.

Beliau berkata demikian semasa mengadakan sidang akhbar di ruang legar Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini, malam ini.

Belum selesai

Setakat ini, Abdul Rahim memberitahu, polis masih meneruskan siasatan terhadap buku tersebut.

"Sama ada Anwar akan dituntut, kita tengoklah

sebagaimana saya kata penyiasatan masih belum selesai," tegunya.

Berikutan perincian jawatan tersebut, beliau turut menafikan khbar-khbar angin yang mendakwa kononnya Anwar telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mahupun Akta Rahsia Rami (ORA).

"Setakat ini (pukul 11.45 malam), tidak ada tangkapan dibuat terha-

dap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Ketika ditanya lebih lanjut, kemungkinan Anwar akan dituntut selepas ini, Abdul Rahim menjawab, "Saya cukup itu untuk sekarang ini. Saya tidak boleh cakap lanjut nanti dikatakan turut menyebarkan khbar angin.

Katanya, polis sedang mengawani dua pejabat Anwar di Jabatan Perdana Menteri dan di Kementerian Kewangan.

Kronologi membawa kepada perlucutan semua jawatan

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Soal hubungan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mulai diperkatakan pada tahun 1995 lagi.

Ketika itu banyak anggapan menyatakan kononnya Anwar akan mencabar Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO pada pemilihan tahun berikutnya.

Kesediaan itu 'memaksa' Dr. Mahathir pada bulan September tahun yang sama membuat kenyataan bahawa tidak wujud persefahaman dalam sesama mereka.

Sambil menyatakan anggapan itu dibuat oleh orang yang bankrap idea, Dr. Mahathir menegaskan UMNO berpegang kepada tradisi iaitu Timbalan Perdana akan mengambil alih jawatan nombor satu parti apabila tiba masanya.

Ketika itu, Anwar menyatakan sokongan beliau kepada Presiden tidak perlu dipertahankan.

Perhimpunan Agung UMNO 1996 bagaimana pun berlaku dengan Anwar sekadar mempertahankan jawatan Timbalan Presiden.

Tetapi soal hubungannya dengan Dr. Mahathir terus diperkatakan khususnya oleh media Barat mengaitkannya dengan jawatan tertinggi UMNO.

Tidak kurang pula yang mengaitkan hubungan 'repa utama' pemimpin kerajaan dan UMNO itu dengan jawatan dan tugas Anwar sebagai Menteri Kewangan khususnya ketika negara mula dilanda krisis mata wang dan kegawatan ekonomi sejak Julai tahun lalu.

● 20 September 1995 - Dr. Mahathir mengisytiharkan tidak wujud persefahaman di antara beliau dengan Anwar selepas mesyuarat Media Tertinggi UMNO.

● 6 Ogos 1996 - Dr. Mahathir berkata akhbar terlahir banyak teori konspirasi mengenai hubungannya dengan Anwar, telah timbul berbagai keadaan yang tidak menyenangkan dalam UMNO.

● 20 November 1996 - Bekas Presiden Parti

Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang menganggotai semua UMNO menyatakan beliau tidak mempunyai rancangan untuk mencabar Anwar selaku Timbalan Presiden UMNO.

● 22 November 1996 - Dr. Mahathir menyatakan sokongan penuh kepada Anwar sebagai penggantinya.

● 24 November 1996 - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pertikaian mengenai siapa yang akan menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri tidak harus timbul, jika peninggalan dan ahli UMNO menghormati hierarki dalam parti.

● 25 November 1996 - Ketua Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata Pemuda memberi amaran kepada kendera termasuk media asing supaya tidak membuat spekulasi mengenai hubungan baik Dr. Mahathir dan Anwar.

Dakwaan

● 19 Mei 1997 - Anwar memangku jawatan Perdana Menteri selama dua bulan mulai hari ini kerana Dr. Mahathir berenti.

● 25 Ogos 1997 - Dr. Mahathir berkata, dakwaan kononnya Anwar terlibat dalam skandal seks merupakan fitnah yang bermotifkan politik.

● 26 Ogos 1997 - Anwar mendedahkan bahawa beberapa surat tohmahan terhadapnya diikhtisarkan di dalam sebuah majalah yang terancang, teratur dan teliti bagi tujuan memendekkan kerjaya politiknya.

● 7 September 1997 - Pada Perhimpunan Agung UMNO, Dr. Mahathir menaingsi segala tohmahan yang bertujuan merosakkan imej Anwar yang bakal menggantikannya.

● 17 Jun 1998 - Anwar memperoleh perintah injunksi interim terhadap penulis buku bertajuk *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*.

● 18 Jun 1998 - Ketua Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi pada perhimpun-

an pergerakan itu mendesak unsur nepotisme dan kronisme dalam kerajaan dihapuskan.

● 20 dan 21 Jun 1998 - Semasa nama syarikat dan individu yang mendapat saham dan projek kerajaan diikhtisarkan kepada para perawikan Perhimpunan Agung UMNO.

● 21 Jun 1998 - Dr. Mahathir dalam ucapan penghubungannya pada perhimpunan itu menegaskan, tiada amalan nepotisme wujud sebagaimana didakwa dan secara terbuka menyebarkan nama Ahmad Zahid antara mereka yang terdapat dalam senarai tersebut.

● 7 Ogos 1998 - Anwar menyifatkan spekulasi kononnya beliau melepaskan jawatan Menteri Kewangan sebagai 'tidak berkesan'. Katanya, beliau masih bertanggungjawab penuh di Kementerian Kewangan.

● 22 Ogos 1998 - Dr. Mahathir menyatakan di Kota Bharu bahawa terdapat usaha pihak asing untuk menubuhkan kerajaan dengan menggantikannya dengan Timbalannya, Anwar tetapi beliau bermaslah baik kerana cubaan itu gagal.

● 24 Ogos 1998 - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengaitkan ahli-ahli UMNO supaya mengekalkan perpaduan dengan berpegang teguh kepada prinsip sebuah parti hanya mempunyai seorang 'generasi'.

● 25 Ogos 1998 - Anwar mendedahkan beberapa surat tohmahan terhadapnya sebagai usaha yang terancang, teratur dan teliti bagi tujuan memendekkan kerjaya politiknya.

● 31 Ogos 1998 - Anwar menafikan khbar angin buat kali ketiga dalam tempoh sebulan kononnya beliau mengemukakan surat peletakan jawatan.

● 1 September 1998 - Dr. Mahathir berkata beliau akan meninjau petikan jawatan Anwar jika Anwar mengemukakan alasan yang kukuh.

● 2 September 1998 - Anwar dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.



Datuk, kaki apa pasal? Kita orang sudah tua, umur pun tinggal bonus, sudah tiga puluh tujuh tahun eh.. Sorry tujuh puluh lima tahun, tentu sakit sana dan sakit sini, tapi sakit kaki o.k punya, boleh tahan, yang tak boleh tahan, sakit hati.



tak peristiwa Bukit Serene. Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin
dirasa dikerumuni dan menjadi tumpuan wartawan dalam dan luar negeri.
Demikianlah nasib anak Arwah Cik Gu Mohd Yassin sejak duduk di kerusi yang
ditinggalkan oleh Ajib Ahmad. Hingga ke hari ini ada saja masalah. Lepas satu,
ada... kemudian datang satu lagi. Sekejap ada... sekejap tak ada... Walaupun
dia berani berhadapan dengan raja.

Perjuangan besar-besaran adalah berani berkata benar dihadapan raja yang zalim.
Apakah ini sebagai ujian untuk melatih Muhyiddin sebagai pelapis di peringkat
nasional atau dia akan tenggelam hanyut bersama-sama istana? Round pertama
di K. Johor yang menyokong raja sudah kena pukulan K.O. dengan Abang Din.

Dari buku

TuanKu Mahathir Lawan Sultan Mahmud Iskandar

Dibawah kepimpinan Muhyiddin, Sultan Johor yang begitu garang dapat
dibundukkan. Muhyiddin berani, tegas dan bila dia ambil alih Sukom dari abang
Din Mahathir, askar pencen yang pandai menangis, Sukom berjaya. Apakah dia
layak menjadi Timbalan Perdana Menteri?

"SATU SUMPAHAN"

*Mereka yang saudara kepadaku, marilah
Aku tak peduli siapa namamu
Kita harus mengangkat sumpah
Menentang segala musuh tanah ini.*

*Laksamana Cheng-Ho telah pulang
Dengan kebenarannya, kami tak peduli
Kalau tidak dengan kekuatannya.*

*Seri Rama selamat di samping Sita
Anak panah saktinya terpasang.*

*Kemudian biarlah Tuah bangun berbicara
Tak kira Tuhan atau jin
Tak kira warna atau darah
Tak kira bangsa
Kita dilahirkan berbangsa manusia.*

*Mereka yang saudara kepadaku, berbarislah
Aku tak peduli pada gaya dan parlimen
Kita menandatangani di sini dengan darah
Untuk memusuhi segala musuh manusia.*

*Bersama-sama, bersama-sama kita mara,
Wahai saudara-saudaraku!*

*Seperti Tuah dan Jebat zaman dahulu
Kita telah mengangkat tanah ini tanah tumpah darah kita
Sendiri kita akan mengawal di pantai-pantainya
Oleh itu, datanglah, wahai petualang-petualang yang sibuk!*

*Saudara Kassim Ahmad
Tahun 1985*

NERAKAKAH MATLAMAT HIDUP KITA?

Apakah menjadi Perdana Menteri matlamat hidup kita? Apa ada pada Perdana Menteri? Kita sudah saksikan bermula dan berakhirnya hidup tiga Perdana Menteri sebelum Mahathir. Di zaman Tunku, semua orang dapat menerima Tun Razak sebagai gantinya. Begitu juga di zaman Tun Razak. Siapa pun tidak mempertikaikan kewibawaan Tun Hussien. Semua Perdana Menteri sebelum Mahathir berundur tanpa berlawanan dengan Timbalannya. Tapi Mahathir berjaya menghapuskan pengaruh dua Timbalan dan yang ketiga pula sudah di meredumkannya.

Kenapa sesudah berkali-kali Presiden Parti menyatakan bahawa tidak ada orang lain yang bakal menggantinya melainkan Timbalan Presiden UMNO Datuk Sri Anwar Ibrahim sebagai pengganti masih ada lagi puak-puak yang mahu timbulkan keraguan?

Di mana silapnya? Bagaimana boleh terjadi, ahli UMNO tak percaya kata-kata seorang Perdana Menteri yang menjadi pemimpin negara. Takkan semua orang yang tak percaya salah? Mungkin ada persamaan dengan cerita budak penjaga biri-biri dengan serigala.

Orang ramai tak percaya Mahathir tak berselisih faham dan bertentangan pendapat dengan Anwar kerana dulu pun bila Mahathir kata dia tak bergaduh dengan Musa, akhirnya mereka berperang. Kalau Musa boleh terbuang begitu saja dengan menggunakan buku *Challenger Siapa Lawan Siapa*, apakah tidak mustahil Dr. Mahathir juga boleh dihapuskan?

Hari ini apa saja Mahathir buat dia boleh keluar sebagai hero. Isu keretapi yang kecil dengan Singapura jadi isu besar. Maka beralihlah pandangan rakyat. Yang timbul ialah keangkuhan dan kejahatan Singapura. Rakyat tiba-tiba lupa kisah kronisme dan nepotisme.

Sampai bila Mahathir hendak hidup jadi pahlawan perang. Semua orang tahu di perhimpunan yang lalu Mahathir gagal membunuh ular. Ular yang dipukul tak mati, tongkat sudah patah dan tanah juga sudah rosak.

Siapa pun tidak dapat menafikan pembangunan yang telah dilakukan oleh Mahathir. Di zaman Mahathir, ratusan jutawan dan entah berapa orang *billionaire* Melayu yang telah berjaya dilahirkan. Ini merupakan kejayaan yang tak pernah kita mimpikan selama ini. Melayu bukan saja boleh berjaya di bidang industri, pengangkutan, telekomunikasi di bidang IT dan malah terlibat sama dalam semua pembangunan dan projek yang mega-mega. Kerana Mahathir '**Melayu tak akan hilang di dunia**'. Tapi bagaimana pula dengan Islam?

Pergi ke seluruh Afrika, orang Melayu menjadi model di bidang hartanah, buka padang golf, terlibat secara besar-besaran di bidang perhotelan. Memanglah Dr. Mahathir tidak ada tolak bandingnya. Dari segi misi dan visi siapa dapat menandingi Mahathir? Mahathir memang hebat. Media masa, media elektronik, parti, duit, polis, tentera, BPR, raja, semua dalam gengamannya. Anwar hendak lawan dia macam mana?

Visinya terlalu jauh ke hadapan. Jangan katakan rakyat biasa, menteri dan ahli politik pun tak nampak. Mungkin kalau Anwar nampak pun kabur-kabur. Kalau ada pun orang yang nampak ialah Tun Daim kerana dia *sparring partner* untuk Mahathir. Mahathir pun tak pernah nampak orang di

kelilingnya. Yang dia nampak cuma dirinya sendiri saja. Dia lupa bila pandang pada manusia yang ramai bahawa dalam diri manusia itu ada kekuatan yang sama seperti dirinya sendiri. Mahathir kena pandang pada yang ramai dan ingat pada yang satu. Yang ramai ini asalnya dari yang satu, maka janganlah terlupa pada keesaan dan kekuasaan yang satu, yang Maha Berkuasa, yang amat pemurah lagi amat pengasih.

Inilah agaknya yang menjadikan pengikut Pak Sheikh marah dan kurang sabar. Kerana bagi Mahathir dia sudah sampai ke kemuncak. Dia tak boleh pergi lebih atas, hendak turun tentu sekali tak mahu. Mahathir mahu mati dalam jawatan. Baguslah tu. Tapi cuba beristiqfar, cuba mengucap, ingat sikit pada Tuhan. Mentang-mentanglah hari ini awak jadi tuan, janganlah pula terlupa diri. Cubalah tengok nasib pemimpin yang sudah terlalu lama di atas seperti Pak Harto, Sukarno, Marcos dan lain-lain.

Orang yang di bawah tak ada cara lain melainkan mengampu benda yang ada di atas kepala mereka. Makin lama makin berat dan perlu lebih ramai para pengampu. Para pengampu perlu menunjuk-nunjuk siapakah di antara mereka yang paling kuat mengampu. Akhirnya mereka bergaduh sesama sendiri, yang jatuh meredum orang di atas.

Bergaduh sesama sendiri tidak akan menyelesaikan masalah ekonomi negara. Kita perlu lihat ke dalam diri dan bersihkan hati perut yang sudah makan terlalu banyak. Berhentilah. Kalau sudah mula terasa keluarga hendak jadi macam Qarun, belajarlah berbagi-bagi sikit. Janganlah ingat harta dunia ini boleh dibawa mati. **Kembalilah ke pangkal jalan. Jangan lupa daratan, jangan jadi kacang lupa kulit. Jangan habis madu sepah dibuang. Awas jangan jadi kacang hantu!**

Ingatlah sikit pesan Mahatmma Ghandi bahawa kita tak patut bermusuhan dan berdendam dengan membalas, '*an eye for an eye*'. Ini kerana akhirnya nanti tak ada lagi mata yang celik. Kau butakan satu mata aku, aku akan butakan mata kau. Kau bunuh satu orang aku, aku pasti bunuh satu orang kau. Akhirnya bila kita toleh kiri kanan tak ada satu lagi orang Melayu yang bijak pandai yang masih hidup.

Mahathir kena ingat, Tuhan letakkan mata pemimpin ke depan dan jangan asyik sangat memikirkan visi maka terlupa giliran pengikut yang sudah ikut kita dari belakang. Akhirnya pemimpin dipijak oleh kemaraan pengikut yang bergerak mengikut sunatullah. Ingat petua air. Cuba fikirkan apakah bezanya di antara air di dalam balang dengan air yang mengalir?

Siapa lagi kalau bukan penulis yang menjadi mata rakyat dan pemimpin yang dapat melihat apa yang berlaku di belakang. Keadaan negara kita hari ini sama seperti di zaman *Singapura dilanggar todak*, batang pisang menahan serangan todak. Hari ini bukulah sebagai analoginya.

Tapi saya amat kecewa dengan pemimpin, ahli UMNO dan cendekiawan kita yang lebih suka membaca dan mempercayai surat layang yang tidak boleh dipertanggungjawabkan dari buku-buku yang lebih berwibawa. Dan saya lebih kesal lagi ahli UMNO yang telah menjadi kaya raya kerana politik tetapi tidak menunjukkan sikap prihatin dan ingin membantu memperbaiki keadaan rakyat yang miskin. Tapi sebaliknya mereka berebut kerusi Ketua Bahagian dan lain-lain kerusi dari memikirkan politik sejagat. Inilah yang terjadi bila minda hanya dipenuhi dengan kepentingan kebendaan. Ada dua lagi perjuangan UMNO yang perlu di

isi. Perjuangan untuk mengangkat maruah bangsa menjadi manusia dan kaum yang dihormati dan mengembalikan ajaran Islam sebagai cara hidup dengan cara memerangi gejala munafik yang lebih dahsyat dari gejala '*murtad*' atau ajaran '*sesat*'. Manusia munafik lebih dahsyat dari orang kafir kerana merekalah *musuh dalam selimut*.

Betul kata Tun Daim Zainuddin bahawa orang Melayu sudah hilang keberanian. Melayu sudah jadi bangsa yang pengecut, bangsa yang dayus. Dengan diri sendiri pun takut hendak berperang. Kalau manusia sudah takut dengan dirinya, habislah harga diri sendiri.

Kenapa bangsa kita hari ini rosak? Ekonomi kita rosak? Politik kita rosak? Jawabnya mudah. Ini semua disebabkan akhlak kita yang sudah rosak. Perkara yang bertentangan dengan agama Allah yang menjadi ikutan kita. Kita kata Allah Tuhan kita, Muhammad Nabi kita, semua perkara yang menjadi kemurkaan Tuhan menjadi amalan hidup kita. Kita hilang sifat pemurah dan penyayang yang ditunjukkan oleh Muhammad SAW yang menjadi sunnah. Kita jadi angkuh dan sombong, bakhil, berperangai dengan perangai yang dibenci oleh Allah yang sama sekali tak ada pada Muhammad Rasulullah SAW. Nabi suruh hidup sederhana, suruh buangkan perangai tamak, hasad dengki, iri hati, cemburu, khianat, bermusuhan-musuhan, berdendam sama sendiri, tapi apa yang kita buat?

Untuk memperolehi keselamatan di dunia dan akhirat, kita mesti taat pada ajaran Rasulullah yang sesuai untuk sepanjang zaman dan ajarannya juga merupakan petunjuk bagi manusia dan rahmat bagi mereka yang beriman. Berhukum dengan nafsu dan akal yang sempit, dengan tidak bersandarkan wahyu Allah menyebabkan Allah melaknatkan manusia serta

menyebabkan berlakunya berbagai gejala buruk pada dalaman manusia itu sendiri. Pemimpin perlu menyakini hanya Islam sahaja boleh menyelesaikan segala masalah. Islam ertinya 'peace' iaitu kedamaian.

Selepas hampir 41 tahun negara merdeka, suara perjuangan bangsa Melayu semakin sayup-sayup kedengaran kecuali, kalau lantang pun, ia lebih mirip kepada ekonomi sebagai agenda utama. Beberapa persoalan lain seperti patriotisme bagaikan bukan agenda penting lagi. Kenapa para ahli politik membisu seribu bahasa? Setelah diberikan rangsangan sewajarnya hinggalah secara tidak langsung pada pertengahan dekad 90-an ini, timbul semula perbicaraan mutakhir yang ada hubungkait dengan maruah Melayu.

Menerusi suara cerdik pandai, lahirlah perbagai dimensi pemikiran mengenai maruah bangsa yang selama ini bagaikan pelita kehabisan minyak. Satu daripadanya terbit dari tokoh wartawan, Tan Sri A Samad Ismail yang menulis kata pengantar buku '**Melayu Hilang Keberanian?**', satu polemik yang diselenggarakan oleh A. Karim Hj Abdullah. Satu daripada kenyataan A. Samad mengenai keberanian Melayu yang saya kira berkesan dan patut menjadi titik menunggan ialah;

"Golongan cerdik pandai sebagaimana kebanyakan kita sekarang dipengaruhi juga oleh latar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing. Adakah wujud pengkritik yang bebas?"

Persoalan ini saya lihat boleh menimbulkan suatu dimensi yang boleh diperdebatkan kerana berani itu menjadi satu faktor kepada perjuangan keadilan. Tetapi keberanian yang neutral itu mungkin mencakupi pelbagai maksud yang boleh

dihuraikan oleh cerdik pandai dengan lebih mendalam. Apakah perjuangan yang neutral itu dan benarkah ia wujud seperti yang dipersoalkan oleh Pak Samad?

Bangsa Melayu adalah satu-satunya bangsa yang mempunyai seni budaya yang luhur. Akal budi orang Melayu jauh lebih tinggi dari Menara Kuala Lumpur atau Menara Berkembar Petronas. Sayangnya adat dan budaya Melayu yang sepatutnya dihidupkan oleh Ketua Adat telah tidak berjaya dihidupkan. Sebaliknya Ketua Adat itu sendiri telah tertidur dengan lenanya. Para Raja dan Sultan telah melupakan tanggungjawab mereka. Maka terpisahlah Melayu dengan budayanya yang indah dan mulia seperti kata pantun :

Yang merah itu saga
Yang kuning itu kendi
Yang Indah itu bahasa
Yang mulia itu budi

Dalam menyelesaikan satu-satunya masalah yang besar kita tidak melakukan dengan tergopoh-gapah dan kasar. Kita diajar serta dididik dengan cuma *menarik rambut di dalam tepung. Jangan marahkan seekor nyamuk maka kelambu dibakar*. Budaya kita mendidik kita menjadi bangsa yang berbudi dan berbahasa. Adat sebagai sendi agama. Maka kenapa kita tidak mencari jalan penyelesaian dengan menoleh ke belakang mengimbas saat-saat kemewahan dulu. Kita diingatkan supaya bersifat sabar kerana sabar itu separuh dari iman. Allah akan sentiasa bersama orang-orang yang bersabar.

Bukan saja pemimpin tetapi rakyat juga perlu tolong-menolong dalam menghadapi masalah dari semua sudut akibat kelalaian kita. Perdana Menteri kita berjaya mendedahkan kita kepada kelemahan dan kesilapan bangsa Melayu dengan

dilema yang dihadapi oleh mereka. Sedikit sebanyak bangsa Melayu sudah terbuka mata dan minda. Tidak ada lagi kasta antara rakyat dengan bangsawan. Daulat dan kebesaran Raja-Raja tidak lagi didewa-dewakan serta disembah seperti Tuhan.

Anak penoreh getah, nelayan, petani dengan anak Tuan, Raja dan Sultan sudah tiada beza. Siapa bijak, siapa cekap dan kalau ada '*connection*' dengan mana-mana pihak tertentu sudah pasti boleh jadi jutawan. Kekayaan, kemewahan dan kebesaran bukan lagi milik Sultan seorang. Biarpun ada yang kurang senang dan ada juga yang menyesal tetapi kita mesti pandang ke hadapan, tak boleh lagi toleh ke belakang. Kita sudah ciptakan budaya pembangunan dan kebendaan. Apa yang kita perlukan adalah tokoh yang kuat melawan arus dan menentang gelombang untuk meneruskan perjuangan meninggikan taraf serta martabat bangsa Melayu setaraf dengan bangsa tuannya tanpa melupakan pembangunan kerohanian.



Boleh ke kita percaya seorang ahli akedemik, seorang cendekiawan yang membuat ucapan untuk Timbalan Perdana Menteri datang dari Pakistan sanggup jual maruah dan membiarkan dirinya dipersundalkan?

Bila mula-mula berita tersebar luas yang Brother Anwar adalah seorang **homoseks**, ada juga yang percaya kerana ramai beranggapan bahawa budak dari sekolah asrama penuh memang ada yang simpan '**jambu**', budak lelaki yang '**cun**'. Bukan mereka dari MCKK sahaja yang macam itu.

Orang ramai terkejut bila Dr. Munawir di hukum penjara 6 bulan dengan pembicaraan yang begitu singkat tanpa saksi. Ada yang bertanya, dia **punya belakang garmen punya ke?** Betul ke wangkasi, belakang kasi, mana saksi? Orang ramai mula sangsi.

Ini kes berat, tentu sekali Presiden Pakistan, Nawas Sharif akan tersinggung. Pakistan tidak mengeksport '**man hole**'. Berita ini sudah '**back fire**', ada orang ponggongnya panas terbakar dan berasap. Inikah bom nukliar yang dijanjikan oleh Mahathir untuk lawan bom nukliar India di Perhimpunan Agung? Cuba renung baik-baik kalau anda diberi peluang, mahukah sampai 15 kali, betul ke lu selera? Apakah tak mustahil Munawir juga jadi mangsa? Kalau betul, dialah yang akan menyebabkan kejatuhan Mahathir seperti Gomes penyebab kehilangan **imuniti** Raja-raja Melayu.



Inikah dia gadis sunti yang telah mencetuskan *kontroversi*, yang telah mengugat kerusi politik Perdana Menteri? Apakah Dr. Mahathir akan jatuh ditelan oleh anak katak yang telah merosakkan nama Rahim, nama Pemuda UMNO dan nama Kerajaan kerana pemimpin Pemuda terlibat dalam mengadakan hubungan sulit dengan gadis Islam berumur 15 tahun? Tanpa pembicaraan di Mahkamah, Rahim telah dibebaskan oleh AG. Kononnya tak ada kes dan rakyat tak tahu bagaimana rupa siasatan polis yang senyap hingga hari ini. Yang kena tahan cuma 16 lelaki yang kononnya ada hubungan dengan gadis tersebut. Biar bagaimanapun masih belum dibicarakan lagi, bila agaknya dan bilakah gadis yang bawah umur, yang teraniaya ini akan dilepaskan dari tahanan?

Diambil dari buku Pak Habib "**Melayu The Overseas American**" yang diterbitkan pada tahun 1995.



Dr. Mahathir penulis buku "**Dilema Melayu**" tahu kelemahan orang Melayu, cepat lupa '*short memory*' terutama ahli UMNO sudah lupa yang Rahim telah didakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah, tapi Rahim masih belum dibicarakan lagi. Rakyat sibuk memperkatakan berita yang tersiar di media massa bahawa kerajaan di bawah pimpinan Mahathir telah menghapuskan rasuah di padang bola. Pemain dan mereka yang terlibat dengan sukan tersebut telah dihadapkan di mahkamah, didakwa, didenda atau dibuang daerah. Kenapa Rahim tidak? Kenapa simpan kes Rahim lama-lama supaya rakyat boleh terima Rahim semula sebagai Ketua Menteri Melaka kerana tanpa Rahim pembangunan Melaka tidak secepat dan sepesat yang diharapkan oleh Perdana Menteri? Kesihan Lim Guan Eng yang cuba memperjuangkan nasib rakyat. Kenapa yang tertangkap manusia yang mendedahkan penyelewengan?

Diambil dari buku Pak Habib '**Melayu The Overseas American**' yang diterbitkan pada tahun 1995.



Rahim : Mat, engkau tengoklah, kecil punya hal, kesah budak perempuan lima belas tahun saja, bukan besar sangat halnya... Lubang ini, lebih kecil dari lubang dan cerita bola hoki yang telah menjadi sebab jatuh dan hilangnya *imuniti* raja-raja, tapi macam ini kecil punya *lubang* dia orang sudah besar-besarkan, maka *lubang* yang kecil ini sudah jadi macam *lubang* puaka. Malu aku Mat, padahal bukan aku saja yang ada *affiar* dengan **hareem** ramai lagi Mr. **Haggar**. Aku susah hati, aku malu Mat, aku sedih masa depan anak-anak aku, nak buat macam mana Mat, aku sudah terlanjur, patutnya mereka tolong aku dirikan masjid. Tapi engkau bijak Mat, aku dengar engkau diam-diam sudah *nikah* lagi satu. *Lubang* kau ini jaga baik-baik, jangan sampai pecah. Jangan jadi macam Engkau Yah.

Tan Sri Mohd Taib diam, dia pun banyak hal juga, **lubang** dia dulu pur orang sudah meletup sana sini. Mat Taib sudah mengalami ini semua. Kesah dia dengan Puteri Sultan Selangor, cerita Ku Yah siapa yang tak tahu. Badan Pencegah Rasuah pun dah tahu, mereka sudah baca buku **Ku Yah Lawar Mike Tyson** dan sudah ada orang yang baut lapuran, tunggu masa saja Kalau Badan Pecegah Rasuah berani, kesahnya jauh lebih hebat tapi BPF cuma berani tangkap ikan bilis, jerung mana berani. Jangan-jangan BPF nanti jadi Badan Pelindung Rasuah.

Diambil dari buku Pak Habib "**Pemimpin Politik dan Firasat**" yang diterbitkan pada tahun 1994.



Mahathir : "Selamat datang semula ke dalam UMNO. You tahu kami memerlukan you. Kehadiran you untuk mengumpul tenaga orang tua dan orang kampung penting. Budak-budak dalam team wawasan ini bukan boleh harap sangat. Maklum saja darah muda, semua nak cepat dan you pun tahu bahaya orang yang fanatik dengan Islam hari ini. Bukan saja dalam PAS, dalam Arqam, dalam UMNO lebih dahsyat lagi, cuma jenamanya saja lain sikit. Dan UMNO kita hari ini nampaknya benar-benar mahukan angin perubahan. Kalau you sayangkan UMNO, you tolonglah kami, bantu kami, lepas pilihanraya you boleh dapat Tun. Tentang jawatan dalam kerajaan pun boleh difikirkan dan saya harap you boleh berbaik semula dengan Rahim.

Diambil dari buku Pak Habib "**Melayu The Overseas American**" yang diterbitkan pada tahun 1995.



DR. Mahathir mencuba khidmat tukang urut, Jamaluddin Abd. Samad, di Kampung Air Hangat dekat Langkawi, semalam. — Gambar Bernama.

Gambar Berita Harian, 8hb. Ogos 1998.

Dr. Mahathir Mohamad: Apa macam saya punya kaki cantik?
Cantik Tok. Cantik.. Cantik.. Cantik...

MAHATHIR DOUBLE STANDARD

Semua orang boleh kata Mahathir tidak adil dan 'double standard'. Ramai yang berani berkata Mahathir terlibat dalam *konspirasi* untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim, tapi siapa yang boleh membuktikannya?

Cakap tanpa bukti boleh didakwa di mahkamah sebagai pembawa **fitnah**. Di mahkamah apa yang kita cakap mesti ada bukti, kalau sekadar '**hearsay**' anda boleh didakwa. Pak Habib berani kata Mahathir tidak adil, kerana buktinya terdapat dalam berita di Utusan Malaysia, 11hb. Oktober 1994.

Majlis Peguam kesal dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengkritik pihak polis dalam mengendalikan penyiasatan terhadap isu Tan Sri Rahim Tamby Chik yang didakwa mempunyai hubungan sulit dengan gadis bawah umur.

Pengerusinya, Zainur Zakaria dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, dalam isu yang boleh membabitkan satu kesalahan jenayah yang serius, pihak polis seharusnya dibenarkan menjalankan penyiasatannya.

Siasatan itu pula, tegasnya, harus dijalankan dengan bebas dan tanpa sebarang halangan. Katanya, proses siasatan itu juga tidak sepatutnya diganggu dan ia juga tidak harus mengambil kira status atau kedudukan orang yang disiasat.

"Kenyataan bahawa Rahim telah menyumbang kepada pembangunan Melaka juga bukanlah satu kelebihan untuk diberikan satu pertimbangan istimewa kerana undang-undang tidak mengenal semua itu, sama ada seseorang itu rakyat biasa ataupun seorang Ketua Menteri," kata Zainur.

Dr. Mahathir semasa mempertahankan kes Rahim Tamby Chik sanggup menuduh ada **komplot** hendak menjatuhkan Rahim tapi bila Anwar kata ada **komplot** hendak menjatuhkannya, Dr. Mahathir tidak percaya dan menjadi marah terhadap Anwar.

Mingguan Malaysia 9hb. Oktober 1994 ada melapurkan pendapat Ketua Pemuda, Datuk Nazri yang telah menggantikan Rahim.

Kata Nazri, sekiranya pucuk pimpinan parti mengganggu beliau menimbulkan masalah kepada parti, beliau rela melepaskan jawatan dalam Pemuda.

Beliau menegaskan, jika Perdana Menteri mahu mempertahankan keadilan ke atas Rahim, beliau perlu juga memikirkan keadilan kepada Pemuda UMNO yang kini imejnya telah jatuh dan teruk terjejas.

Nazri menegaskan, siapa yang menjadi masalah pada parti harus berundur.

"Kalau hari ini saya merupakan masalah kepada UMNO, saya pasti berundur. Saya tidak mahu menjadi Ketua Pemuda UMNO yang tidak berwibawa," katanya.

Mengenai kenyataan Dr. Mahathir bahawa Rahim tidak boleh dihukum sebelum didapati bersalah, Nazri berkata:

"Soal Rahim bukanlah soal undang-undang. Ia adalah satu isu politik. Rahim tidak dipercayai sebagai seorang ahli politik untuk menerajui UMNO.

"Saya tidak melihat kita memerlukan mahkamah membuat keputusan dan oleh itu Pemuda UMNO perlu bertindak. Di dalam politik kita tidak boleh menunggu".

Nazri berkata beliau bertanggungjawab penuh ke atas perkara itu dan berharap pucuk pimpinan UMNO tidak mengambil tindakan terhadap EXCO Pemuda UMNO dan Ketua Pemuda UMNO Melaka Asa'ari Ibrahim dalam perkara ini.

Dan dalam satu kenyataan Akhbar yang berikutnya Ketua Menteri Melaka merangkap Ketua Penerangan UMNO Negeri, Datuk Mohd Zin Abdul Ghani memberitahu;

Sesiapa sahaja boleh mengemukakan pandangan dan cadangan kerana negara mengamalkan sistem demokrasi.

Katanya, Asa'ari masih kekal sebagai Ketua Pergerakan Pemuda negeri dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Ayer Molek.

Beliau memberitahu, selagi siasatan mengenai dakwaan Rahim mempunyai hubungan sulit dengan gadis berumur 15 tahun itu tidak selesai, semua orang bebas memberikan pandangan mereka.

Semua orang tahu dulunya Mahathir seorang *ultra* Melayu. Dia mengaku yang dia seorang *fundamentalis*. Mahathir adalah pencetus **reformasi**. Bukankah idea **Delima Melayu** yang dibawa oleh Mahathir itu satu **reformasi**? Wawasan 2020 juga satu **reformasi** mengubah pemikiran Melayu supaya memandang keluar dan memandang jauh dengan misi dan visi. Disebabkan Tuanku Mahathir kini berada di atas undang-undang, Ketua Polis Negara, Ketua Hakim Negara, Yang DiPertuan Negara semua berada di bawah perintah Tuanku Mahathir. Apakah itu bererti dia boleh bertindak sekehendak hatinya? Bolehkah dia melanggar *precedent* yang telah ditentukannya? Bolehkah dia melakukan prilaku tidak adil dan pilih kasih?

Siapa tak tahu Mahathir seorang penderhaka? Bukankah **Delima Melayu** itu satu '*sembah derhaka*' terhadap Tunku Abdul Rahman. Reformasi anjuran dan idea siapa hingga menyebabkan Tunku Perdana Menteri Pertama meredum?

Idea dan cetusan minda siapa menyebabkan raja-raja Melayu hilang kedaulatan mereka?

Siapakah yang telah memulakan budaya perpecahan dalam UMNO kalau bukan Mahathir? Kalau Mahathir boleh, kenapa orang lain tak boleh bawa reformasi?

Kenapa Anwar tidak boleh tuduh ada pakatan, ada komplot untuk menjatuhkannya? Jika ada bukti yang Mahathir sudah hilang kredibiliti, hilang digniti, tidak bermoral, apakah rakyat tak boleh membicारा dan menghukumnya?

Dulu ramai yang bercakap pasal perpecahan. Kononnya perpecahan umat Islam dan perpecahan bangsa Melayu terlalu

serius. Ekoran dari itu maka kedengaranlah seruan yang mengajak agar semua orang Melayu bersatu. Mereka terlupa siapakah yang telah memecah-belahkan UMNO dan menjadikan dua puak kepada tiga, **Team A**, **Team B**, dan hari ini **Team Reformasi** dan **Team Lot 30 Geng Cantik**?

Rakyat Sabah terutama kaum bumiputra yang beragama Islam, berpecah belah disebabkan isu giliran kerusi Ketua Menteri. Di satu pihak menyokong dan di satu pihak lagi menentang cara giliran ini. Siapa yang menyebabkan perpecahan ini? Kalau bukan Dr. Mahathir siapa lagi?

Sebenarnya bentuk perpecahan umat Islam sememangnya telah wujud di hari wafatnya Nabi Muhammad SAW. Islam berpecah dua antara golongan majoriti dan minoriti antara anak cucu Rasulullah, Ali, Fatimah Al-Zaharah, Hassan dan Hussien serta mereka yang mencintai para ahlul bait dengan golongan Abu Bakar, Othman, Omar dan lain-lain sahabat yang menyokong perlantikan Abu Bakar sebagai khalifah yang pertama. Cuma orang Islam yang tidak membaca sejarah, yang buta sejarah saja yang tidak menyedarinya.

Maka salahkah sekiranya Anwar terpaksa memecahkan UMNO kerana dia telah dihalau keluar, dihina, dicaci, dimaki dan diaibkan di mata dunia? Kita lihat sahaja di media massa, setiap hari cuma menunjukkan keburukan dan kesalahan Anwar sahaja. Padahal apa yang dilakukan adalah semata-mata untuk membela diri beliau yang dizalimi. Cukuplah dari dulu sampai sekarang, sudah 17 tahun apa saja Mahathir buat semuanya betul, tak salah, semuanya kita mesti setuju. Apalah salahnya sesekali kita sembahkan *sembah derhaka* pada Tuanku Mahathir? Tentu sekali tidak menjadi satu kesalahan kalau kita semua mencintai Anwar, kerana itu adalah hukum imbang, '*the law of balance*'. Manusia mempunyai consience,

rasa kasihan, simpati yang lahir dari dalam hati. Apa lagi sekiranya kita ini seorang Islam. Islam menjadi agama rasmi negara ini. Kita mempunyai mahkamah syariah, kenapa dalam kes liwat dan zina Anwar tidak dibicarakan di mahkamah syariah? Kalau betul dia bersalah, kita rela dia dihukum rejam sampai mati kerana dia dianggap sebagai institusi Islam.

Apa salahnya kita menyimpan baik sangka dan percaya pada perjuangan Anwar, mengikuti reformasi dan kita menuntut keadilan? Apa ertinya **demokrasi** jika kita tidak boleh suarakan pandangan dan pendapat kita? Anwar juga semenjak berada didalam UMNO, dia sentiasa memperjuangkan reformasi Islam, sebab itu dia dilabel sebagai *races*. Apakah tidak mustahil konspirasi yang dilakukan terhadap beliau kerana ada manusia yang takut bila Anwar menggantikan Dr. Mahathir akan diteruskan reformasi islam sebagai agenda utama beliau?

Hari ini Anwar berada di luar, maka perjuangannya diteruskan. Dengan itu mudahlah musuh-musuhnya memburuk-burukkan beliau dengan berbagai-bagai label.

Mahathir bukan nabi, bukan bersifat maksum, dia hebat kerana boleh gunakan polis, gunakan ISA. Hari ini dia belum meredum o.k.lah. Satu jam lagi, satu hari lagi, siapa pun tak tahu. Kuasa pada manusia ibarat bangkai, hilang bangkai jangan nak cari langau lagi.

Apakah perpecahan pengikut hanya terdapat dalam masyarakat Melayu kampung dan masyarakat pinggiran bandar yang berfikiran fanatik pada parti dan **taksub** kepada pemimpin tanpa memahami politik itu apa? Semua bangsa berpecah bila terpaksa memisahkan '*the good, the bad and the ugly*'. Kenapa Mahathir yang telah mengubah cara hidup

rakyat menggunakan cara *reformasi* tiba-tiba takut kepada perkataan "*reformasi*"? Apakah dia takut kepada **ketulah** kerana dosa-dosanya kepada Allahyarham Tunku Abdul Rahman? Kenapa kita mesti turut sama takut dengan bayang-bayang yang ditakuti oleh Dr. Mahathir?

Reformasi bukan *revolusi*? Andainya ia satu penyakit yang sangat merbahaya, bahaya untuk siapa? Apakah *reformasi* yang dibawa oleh Anwar ini boleh melemahkan Melayu dan menghancurkan Islam? Atau menggugat takhta Tuanku Mahathir yang mahu mati di atas singgahsana kerajaan yang telah dirasakan sebagai miliknya?

Kalau orang Melayu dulu sebelum tertubuhnya **Malayan Union** takut dengan *reformasi* tentunya semangat kenegerian, suku sakat, kaum kerabat yang menebal dalam diri, orang Melayu tak mungkin dapat di hapuskan.

Dato' Onn membawa satu perkataan keramat "**Hidup Melayu**". *Reformasi* itulah yang menyatu-padukan bangsa Melayu kerana mereka mahukan *reformasi*. Maka hasil dari *reformasi* telah timbul lagilah semangat kedaerahan dan kenegerian. Tanpa *reformasi* yang dibawa oleh Anwar Ibrahim, orang Melayu akan kekal di bawah *konspirasi* mereka yang mahu mempertahankan kronies dan nepotisme yang telah didedahkan oleh Zahid Hamidi dalam Perhimpunan Agung yang lalu. Maka apalah salahnya kalau rakyat membawa slogan '**Hidup Anwar!**', mereka tak kata 'mati Mahathir' tapi kalau Mahathir nak cemburu nak buat macam mana. "**Hidup Rakyat**".

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut ditemubual menjelang Perhimpunan Agung ke 52 UMNO untuk mendapat pandangan beliau berhubung signifikan perhimpunan kali ini.

S: Sebagai Naib Presiden, bagaimana Datuk melihat UMNO dalam menghadapi alaf baru yang tinggal dua tahun lagi?

*J: Saya nampak sekarang ini terlalu banyak sangat **politiking**, boleh kata dah "**over politiking**" dalam UMNO terutama apabila tiba masa pemilihan parti sama ada pada peringkat bahagian atau peringkat Majlis Tertinggi. Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO menerima bertimbun-timbun surat rayuan, bantahan, komplén dan sebagainya. Ini membenarkan apa saya cakap "**politiking**" yang berlebih-lebihan. Kita terpaksa mengadakan bermacam-macam peraturan untuk menghalang ahli-ahli UMNO daripada berkempén. Banyak kegiatan yang tidak boleh dibuat pada masa itu. Ini boleh dikatakan satu perkara luar biasa jika ditinjau dari sejarah perkembangan UMNO itu sendiri. Ini adalah berupa fenomena UMNO zaman sekarang, zaman kebelakangan ini apabila tiba masa pemilihan dalam parti.*

Kenapa timbul terlalu banyak **politiking** ini? Mengapa masalah ini terus berlaku sedangkan parti telah mengambil langkah membendung gejala seperti politik wang? Jawabnya semua hendak jadi Perdana Menteri tapi Mahathir tak mahu **berhenti**.

Keghairahan untuk merebut jawatan-jawatan dalam parti, keghairahan merebut kekayaan, lupa diri adalah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya **politiking**. Pak Habib tidak menafikan ada ramai yang **genuine** mahu betul-betul berkhidmat kepada parti tetapi Pak Habib yakin tentu ramai

juga yang mencari kesempatan melalui jawatan-jawatan yang mereka pegang untuk keuntungan dan kemajuan diri sendiri.

Nampaknya pada kita bahawa dalam masyarakat Melayu hari ini, terdapat tafsiran yang amat menjolok sekali dalam kehidupan berpolitik. Dengan kata lain ada orang Melayu yang menganggap parti politik sebagai sesuatu yang '**keramat**' bagi kehidupan mereka hingga terlupa bahawa persaudaraan dalam Islam itu penting. Orang Islam dilarang berpecah belah tapi tidak menjadi kesalahan mereka hidup berkasih sayang dengan kaum dan puak mereka sendiri. Dan Islam memang menuntut kepada reformasi. *Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri.* Maka marilah kita reformasikan diri kita dan kita doakan '**Hidup Rakyat. Hidup Demokrasi. Hidup Islam**'.



Di waktu Anwar ditendang, diterajang keluar dari UMNO, ke mana pergi mereka yang dulunya memberikan undi padanya sehingga boleh memenangi kerusi Timbalan Presiden? Apakah begitu teruk sekali politik **sekular**, ibarat bangkai dengan langau, hilang bangkai hilanglah langau, macam mana boleh berpaling tadah dalam sekelip mata? Inilah akibat terlalu kebendaan, boleh hulur, boleh gugur, tunggu tak boleh beri tukar taukeh. Apakah ini satu budaya politik yang sehat? Inikah contoh teladan yang kita hendak tunjukkan pada anak cucu kita?

Betullah kata bijak pandai, dalam perkampungan politik **sekular** tak ada persaudaraan, tak ada silatulahim, tak ada setia kawan, tak ada kasih sayang antara satu sama lain, yang ada kepentingan bersama. Kawan karib nak mati dia punya pasal, yang penting kita hidup dan kekalkan kuasa. **Soal siapa salah, siapa benar jangan tanya, tak perlu dipersoalkan.** Jangan cakap pasal **maruah** bila masuk perkampungan politik, agama mesti dimatikan. Sebab itu bila Anwar kena, yang bersama-sama beliau adalah orang yang dulunya disisihkan, orang yang dia tak kenal, yang tak pernah dapat kepentingan tapi manusia yang ada hati perut, yang cinta pada keadilan dan kebenaran. Mereka yang sanggup mati bersama Anwar ikhlas kerana Allah taala. Mereka tahu Anwar tak boleh beri apa pun pada mereka tapi sanggup ditahan di ISA bersama.



Bila kita sudah berlebih-lebih sangat, bertindak mengikut amarah dan nafsu, seandainya orang yang cuba kita bunuh tak mati, kalau kita tak mati pasti sakit jiwa. Hukum imbang makin keras dan makin ganas. Mahathir bertindak terhadap Anwar, makin ramai rakyat yang bersimpati dan membenci Mahathir.

Siapa boleh sangka, seorang manusia yang berada di kemuncak, selangkah lagi jadi Perdana Menteri tanpa ribut, tanpa taufan tiba-tiba saja jatuh tersungkur? Tiba-tiba saja Anwar terpaksa berpisah dengan anak isteri. Pukul sepuluh malam, pintu rumah dipecah, Anwar ditangkap macam orang hendak tangkap musuh negara. Kalau perkara macam ini boleh berlaku pada orang yang 16 tahun bersama Mahathir, anda apa sangat? Dan kalau Anwar yang berada di tangga nombor dua jatuh dalam aib dan kehinaan, apakah hukuman yang menanti orang nombor satu bila sampai masanya nanti? Cukup-cukuplah buat zalim kat orang, tanda-tanda orang nak jatuh ialah bila terlalu angkuh dan zalim.



Apa juga yang dibisikkan oleh Tun Daim kepada Bossnya? Masalah nak jatuh atau naikkan *share market*? Nasib ekonomi dan politik negara boleh ditentukan oleh orang macam Daim dalam politik **sekular**, dalam ideologi politik kapitalis liberalisme. Peranan penasihat ekonomi tersangat penting. Kalau Tun Daim boleh turun naikkan *share market* ikut selernya, baru Daim batuk dan bergurau sambil berkata dia main-main saja, banyak manusia yang terjun tanpa tangga, turun dari bangunan tinggi tanpa lift. Apakah tak mungkin nasib menteri-menteri dan orang politik yang mahukan kerusi pun ada hubungkaitnya dengan Daim? Cuba teliti baik-baik, Mahathir yang dengar cakap Daim atau Daim yang sedang mendengar cakap Mahathir? Hebat Tun Daim.

Di ambil dari buku Pak Habib "**Melayu The Overseas American**" yang diterbitkan pad atahun 1995.

tertentu memutarbelit-kan kes pembabitian beliau dengan pelajar itu sehingga memperlihatkannya (Rahim) seolah-olah seorang penjenayah.

"Dia belum didapati bersalah tetapi akhbar dan parti (Umno Melaka) sudah hukum dia. Rahim perlu diberi keadilan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Rahim banyak memberi jasa kepada negara, khususnya kepada Melaka yang banyak membangun hasil usahanya.

"Sekurang-kurangnya bagilah keadilan pada dia ini belum apa-apa lagi, dah nak hukum dia," kata Dr Mahathir.

"Sepatutnya sebelum dia (didapati) bersalah (atau sebaliknya), kita tak boleh tuduh dia, tak boleh hukum. Ini belum kita dapat buktikan kesalahannya, awal-awal lagi orang dah buat macam-macam tohmahan," kata beliau, dan menambah bahawa perkara itu berlaku kepada Rahim kerana beliau seorang ahli politik.

Perdana Menteri berkata, Rahim perlu diberi peluang untuk membela dirinya kerana polis juga sedang menyiasat latar belakang pelajar yang dikatakan mempunyai hubungan sulit dengan Rahim.

"Kita kena periksa dan polis sedang menyiasat gadis itu untuk mengetahui cerita sebenar," kata beliau.

Beliau juga bertanya mengapa publisiti meluas hanya tertumpu kepada Rahim dan tidak kepada latar belakang gadis itu.

Dr Mahathir juga menegur cara polis menjalan-

kan siasatan sehingga mengganggu anak dan isteri Rahim dengan bertanya kepada mereka soalan yang keterlaluan.

"Penyiasatan tak usahlah sampai setakat itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tahu apa yang sedang berlaku dalam Umno Melaka.

"Saya tahu siapa yang terbabit... orang Umno mana yang terbabit. Saya tahu, sebab itu saya nak tunggu sehingga dapat hasil siasatan polis," kata beliau.

Perdana Menteri mengulangi bahawa beliau bercadang mengemukakan surat perletakan jawatan Rahim kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno sebelum mendedahkannya kepada umum (melalui media massa).

Bagaimanapun, oleh kerana Pemuda Umno Melaka membuat heboh, beliau terpaksa menceritakan hasrat Rahim kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya ke Turkmenistan.

Pemuda Umno Melaka meminta Badan Perhubungan Umno Negeri diambil alih sama ada oleh Dr Mahathir atau Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan Rahim tidak dicalonkan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata, beliau akan mengemukakan surat perletakan jawatan Rahim kepada MT yang dijadualkan bermesyuarat Rabu depan dan meminta akhbar supaya jangan membuat spekulasi mengenai apa yang akan diputuskan oleh MT.

— Bernama.

Berita Harian 8hb Oktober 1994

SAYA mahu Mohamed Sabu, Nakh Keras Pemuda PAS diibadikan jika dia cukup dan terbukti keberangkatannya. Dalam skema ditugaskan dari PAS, masih dirajaz dengan batu sampai mati pun tidak sanggup.

Jika dia salah, dan jika Keras Jangah Syariat / Kerasan dibuktikan bertentangan, biar dia ditukir & bawah selang selang dia.

Tempa Agung Perlembang yang benar diibadikan dia berfikir juga mendebatkan semuanya apabila benar pihak yang mendebatkan mahu atau tidak.

Orak ketika semua bualan & lain mahu atau dia sanggup berfikir politik maka PAS sebagai parti politik Islam perlu juga mengutamakan semua dengan kebendaan semua Islamnya seperti Mohamed Sabu, mendapat peribahasa yang sukanya dari segi politik.

Hal yang terbit dalam undang-undang, 1993 Allah kita dibenarkan untuk memuatlah pihak berkecuali, siapa semuanya mahu dan mahu politik PAS mahu dan mahu yang semuanya di luar mahu atau, maka peribahasa politik juga perlu diibadikan.

Orak karena PAS mengutamakan semua Islam, maka peribahasa Islam dan peribahasa politik Islam diibadikan.

Hal mana itu ada dalam undang-undang yang mana Mohamed Sabu ditugaskan dia sebagai pemimpin PAS dan semuanya yang sanggup yang beliau tidak, dan Islam di luar semua pihak yang sanggup yang dibuktikan bahwa dia sanggup ditugaskan seluruhnya mahu Islam yang peribahasa Islam di luar diibadikan.



Mohamed Sabu dituntut untuk berfikir ditugaskan seperti lebih sebagai Islam.

Keluaif politik.
Mohamed Sabu dia akan sebagai berfikir ditugaskan seperti lebih sebagai Islam. Semua mengutamakan Islam, maka peribahasa Islam diibadikan.

DEDDAH

Mahgu semua peribahasa Islam, maka peribahasa politik Islam diibadikan.

Keluaif politik, maka peribahasa Islam diibadikan.

Keluaif politik, maka peribahasa Islam diibadikan.

perjuangan-perjuangan Islam dari parti ini, ia hampir mempunyai semua memuatlah ahli PAS yang ditugaskan oleh Presidennya, Umar Fadzil Mohd Noor untuk mendampingi bimbingan spiritual, dan menyalang jabatan raya maha.

Mohamed Sabu bukan sebagai seorang maha Pemuda PAS. Mula ia mengutamakan semua dengan mahu Islam, yang lebih sebagai Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini. Beliau juga ceramah-ceramah dianjurkan dengan kerjanya Islam.

Walaupun dia membela Islam, tapi ahli Umar tidak sanggup.

Saya mengutamakan semua dengan ditugaskan Islam, yang lebih sebagai Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Tidak mahu politik Islam, yang lebih sebagai Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

SUDAH JELAS

Sudah ada mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Sudah ada mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.



perjuangan kebangkitan yang berpelembang. Semua semua mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Pemerangkas memang mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Pemerangkas memang mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Saya mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

di Kota Bharu. Berpikir politik yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Luar mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

PAS belum memperkecilkan pejabat yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Pemerangkas memang mahu Islam, yang ditugaskan dengan perjuangan parti ini.

Mahathir mahu pemimpin bersih

UH: 19/11/94

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pemimpin kerajaan bahawa mereka bukan sahaja dikehendaki 'bersih' tetapi juga hendaklah kelihatan bersih bagi mengelakkan sebarang sangkaan buruk.

Perdana Menteri menjelaskan, inilah di antara sebab mengapa UMNO terpaksa menjatuhkan hukuman awal-awal lagi ke atas seorang pemimpin kerajaan yang dituduh mencabul kehormatan seorang wanita Islam baru-baru ini.

"Tidaklah mencukupi jika kita sebenarnya bersih tetapi ternampak kotor," kata Presiden UMNO itu ketika berucap menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini pagi ini.

Walaupun Dr Mahathir tidak menyebut nama pemimpin berkenaan, adalah jelas beliau merujuk kepada bekas Ketua Men-

teri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau menegaskan, pemimpin kerajaan tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menyebabkan sangkaan buruk terhadap diri mereka.

Dr Mahathir menjelaskan, hukuman yang dikenakan ke atas pemimpin berkenaan bukanlah kerana kesalahan yang dijadikan isu.

"Sebaliknya parti menjatuhkan hukuman dengan harapan semua pihak berhenti di situ sahaja. Malangnya ia tidak berhenti di situ. Mereka yang jatuh dipjak-pjak. Demikianlah tabiat manusia," kata beliau.

Dalam ucapannya yang penuh dengan sindiran dan nasihat itu, Dr Mahathir berkata, sesungguhnya adalah amat malang apabila seorang yang sudah jatuh terus dipjak dan dipjak.

■ Lihat muka 2

Perdana Menteri mahukan pemimpin yang bersih, bolehkah Dr. Mahathir buktikan bahawa Rahim betul-betul bersih dan amanah menjalankan tugas sebagai pemimpin yang mendapat amanah dari rakyat? Pasal cekap memang cekap, mana tak cekap, Dr Mahathir cekap dan hebat dalam membawa pembangunan.

Diambil dari buku Pak Habib "Melayu The Overseas American" yang diterbitkan pada tahun 1995.

Diambil dari buku Pak Habib "Melayu The Overseas American" yang diterbitkan pada tahun 1995.



Mahathir and Ting (right): Partners in the PM's brand of can-do-ism

Dr. Mahathir baik dengan siapa pun tak apa, tak boleh dituduh apa-apa. Siapa pun tidak dibenarkan mensyaki apa-apa, menaruh buruk sangka. Mahathir pemimpin negara. Apa saja keputusan yang dibuat oleh Mahathir mesti diterima baik oleh rakyat. Semua menteri, pemimpin politik mesti bilang cantik boss, cantik. Tak ada apa yang Mahathir buat tak cantik. Mahathir meredum besok pun mereka akan cakap cantik.

Menteri dan ahli politik mesti memberi sokongan. Media massa mesti memberi liputan besar-besaran kerana Mahathir Perdana Menteri, Tuanku Mahathir raja dalam negeri. Kita tak boleh tegur apa lagi mengkritik tindak tanduk dan prilakunya, semuanya cantik-cantik. Walaupun boleh memusnahkan bangsa, menekan dan bertentangan dengan akidah agama. Cantik! Cantik!



Selamat tinggal UMNO, selamat tinggal Mahathir, dulu saya nak masuk PAS, mereka pinang saya. Selepas 16 tahun bersama, saya diceraikan, ditalak tiga, disepak, diterajang, dibuang dari tingkap, diaibkan, dihina. Apakah mereka fikir saya tak ada harga..? Rezeki, jodoh pertemuan, maut dan tanah kubur.. ditentukan oleh Allah SWT. **Allah is great, Mahathir is small.** Mahathir itu pun tunggu hari saja lagi... Sekarang ini pun tidur tak lena, hidup takut dengan bayang-bayang sendiri. Mereka boleh penjarakan tubuh badan saya tapi mereka tak boleh penjarakan hati dan fikiran saya. Mereka boleh gunakan semua media massa untuk membinasakan saya tanpa sedikitpun perasaan belas, apa punya manusia, tiba-tiba saja boleh memusuhi manusia yang belum terbukti dosa-dosanya? Mandela dipenjara 20 tahun, keluar jadi Presiden Afrika Selatan juga. Ingatlah kata-kata Victor Hugo "**No armies in the world can stop the idea whose time has come**". "**I will come back, I shall return**".

9

DO'A PAS DIMAKBULKAN

MEMORANDUM PARTI ISLAM SE MALAYSIA KEPADA YAB PERDANA MENTERI MENGENAI PERISTIWA KAMPUNG MEMALI

1. Peristiwa Kampung Memali telah disifatkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dalam kenyataannya di Parlimen sebagai sejarah hitam bagi negara ini. Peristiwa itu berpunca dari satu operasi, yang dinamakan Operasi Ankara, yang dilancarkan oleh polis ke atas penduduk-penduduk di Kampung Memali yang mengakibatkan 18 orang mati dan berpuluh-puluh orang cedera, serta penahanan beratus-ratus orang. Kesemua yang ditahan kini dibebaskan kecuali 36 orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).
2. Sepertimana yang diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, operasi itu dijalankan dengan bertujuan untuk menangkap atau menghapuskan penjenayah. Siapakah penjenayah yang hendak dihapuskan oleh polis itu? Adakah Al-Marhum al-syahid Ustaz Ibrahim Mahmood dianggap sebagai penjenayah? Apakah buktinya?
3. Memang benar Al-Marhum al-syahid dikehendaki di bawah ISA. Tetapi apakah ia dikehendaki kerana jenayah, apakah kerana beliau memiliki senjata haram di dalam kawasan keselamatan? Mengapa beliau dikehendaki di bawah ISA?
4. Beliau mungkin dikehendaki oleh kerajaan di bawah ISA kerana

alasan-alasan biasa yang selalu digunakan oleh kerajaan untuk menahan ahli-ahli dan pemimpin parti pembangkang atau orang-orang yang tidak sehaluan dengan kerajaan, iaitu tuduhan mengancam keselamatan negara dengan kegiatan memecah-belahkan masyarakat Islam dan sebagainya.

5. Tuduhan-tuduhan dijadikan alasan yang tidak pernah dibuktikan kebenarannya. Orang yang dituduh tidak mempunyai apa-apa hak untuk mempersoalkan tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Walau pun kerajaan berkata ia tidak mengambil tindakan itu dengan sewenang-wenangnya, tetapi apakah kerajaan dapat pastikan setiap orang yang menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan penahanan seseorang daripada former kepada Menteri Dalam Negeri benar-benar tidak menyalahgunakan kuasa mereka? Jika kerajaan yakin laporan mereka benar belaka dan keputusan Menteri Dalam Negeri juga benar, mengapa pula takut dibicarakan, mengapa pula hak yang tertuduh dinafikan? Mengapa tertuduh tidak dibenarkan berhujjah, mengapa ia ditahan dan atas kesalahan apa serta bertentangan dengan undang-undang mana?
6. Jika tertuduh dihukum tanpa bicara, ditahan tanpa mengetahui sebab-sebab ia ditahan, dipaksa berpisah dengan keluarga dan disekat kebebasannya tanpa mengetahui mengapa ia dikenakan tindakan demikian, tidakkah ini akan menimbulkan rasa tidak puashati kepadanya? Adalah biasa baginya harus merasai ia dizalimi, dianiyai dan ditindas tanpa bukti dan di dalam keadaan yang sangat tertekan.
7. Keadaan ini berlaku ke atas Al-Marhum al-syahid Ustaz Ibrahim Mahmood sedangkan ia tahu bahawa sejak pulang ke tanahair kegiatannya hanya menerangkan Islam dan menyebarkan perjuangan Islam. Adalah benar jika ia merasakan bahawa ia dikehendaki kerana beliau menyebarkan Islam dan perjuangan Islam. Kerana keyakinan ini, apakah wajar baginya menyerah diri?
8. Mengikut Islam, beliau boleh memilih dua jalan iaitu ROKHSAH dan AZIMAH. Ia boleh menyerah diri dan boleh bertahan dan sekiranya mati ia mati syahid. Pilihan inilah yang dibuatnya, dan pilihan ini dikira lebih afdhal di dalam Islam.
9. Langkah yang diambil oleh beliau tidak salah dari segi Islam. Ia

tidak salah untuk merasai seperti yang dirasakan, kerana kerajaan yang hendak menahan beliau tidak pernah memberi sebab mengapa beliau hendak ditahan, beliau berhak merasakan bahawa beliau hendak ditahan kerana menjalankan kegiatan Islam dan menyebarkan risalah perjuangan Islam. Kerana beliau tidak menjalankan kegiatan yang lain daripada kegiatan itu sejak pulang dari luar negeri.

10. Tetapi kerajaan tidak sanggup membuat tuduhan kepadanya dan membuktikan tuduhan-tuduhan ke atas beliau di hadapan mahkamah untuk diadili secara saksama sekiranya kegiatan beliau selama ini salah. Bukankah ini merupakan tanda kezaliman dan tanda kerajaan takut kepada kebenaran?
11. Kerajaan menuduh beliau penyebar agama sesat. Sesat dari segi mana dan sesat mengikut pandangan siapa? Sesat dari segi Islam atau sesat dari segi pandangan YAB Perdana Menteri atau Timbalannya atau dari sudut pandangan UMNO? Pun segala tuduhan ini tidak dibuktikan di mahkamah. Sedang negara menerusi Jabatan Agama mempunyai peraturan dan proses undang-undang untuk bertindak ke atas penganut dan penyebar agama sesat. Mengapa kerajaan tidak mematuhi peraturan ini? Jika kerajaan ada bukti bahawa Al-Marhum al-syahid penganut dan penyebar agama sesat, adakah mana-mana peraturan undang-undang yang membolehkan beliau dan murid-muridnya dihukum tembak hingga mati, tanpa memerlukan lagi proses kehakiman? Tidakkah dengan tindakan membunuh Ustaz Ibrahim Mahmood dan penduduk Kampung Memali, dengan tuduhan beliau penganut agama sesat dan tanpa menerusi proses kehakiman, menunjukkan bahawa negara ini sedang ditadbirkan mengikut hawa nafsu?
12. Seterusnya beliau dituduh sebagai orang yang melindungi penjenayah yang sangat dikehendaki oleh polis, iaitu Yusof Che Mit dan Ramli Che Mit. Menurut laporan daripada tahanan-tahanan yang dibebaskan bahawa sebelum serangan dilakukan mereka diminta menyerahkan orang-orang yang dikatakan penjenayah itu. Tetapi mereka tidak ada disitu dan tidak ada penjenayah yang sedang diberi perlindungan oleh Al-Marhum al-syahid Ustaz Ibrahim Mahmood. Mengapa beliau dan orang-orang kampung terus ditembak, sedangkan penjenayah yang dicari tidak

ada? Lebih menghairankan, Ramli Che Mit yang dikatakan penjenayah itu setelah ditangkap tidak pula dibicarakan sebagai penjenayah mengikut undang-undang jenayah. Sebaliknya ia ditahan di bawah ISA. Sudah gugurkah tuduhan jenayahnya itu, setelah al-syahid Ustaz Ibrahim dibunuh? Kalau tidak ada tuduhan jenayah ke atasnya, mengapa pula ditahan di bawah ISA? Sendiwara yang sedang dilakukan oleh kerajaan ini menunjukkan tanda-tanda kezaliman belaka.

13. Alasan-alasan di dalam tindakan kerajaan terhadap Al-Marhum al-syahid Ibrahim Mahmood dan murid-muridnya berpindah pindah dari alasan jenayah kepada alasan dharurat dan akhirnya kepada alasan mengancam keselamatan negara. Seramai 36 orang telah ditahan di bawah ISA. Alasan-alasan berpindah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai satu pun alasan yang kukuh dan menyakinkan untuk tindakan itu. Kerajaan seolah-olah bertindak dahulu dan kemudian meraba-raba mencari alasan untuk meyakinkan orang ramai mengenai tindakan kerajaan di dalam peristiwa Memali itu. Alasan-alasan kerajaan termasuk penayangan video bertukar menjadi propaganda murahan untuk menghalalkan satu tindakan yang paling kejam ke atas rakyat di dalam sejarah negara kita.
14. Ternyata bahawa tindakan polis dan Kementerian Dalam Negeri di dalam peristiwa Memali itu menimbulkan berbagai-bagai pertanyaan untuk dijawab oleh kerajaan. Alasan-alasan yang diberikan bukan sahaja tidak meyakinkan, tetapi juga berbentuk propaganda yang gagal sama sekali membawa keadilan kepada mereka yang terbunuh, mereka yang ditahan dan dipenjarakan di bawah ISA.
15. Demi keadilan, kami meminta YAB Perdana Menteri supaya menjalankan penyiasatan yang rapi mengenai perkara ini. Sekurang-kurangnya untuk membersihkan dhamir dan nurani YAB Perdana Menteri sebagai orang yang memikul tanggungjawab pentadbiran negara. Tidak memadai YAB bergantung kepada laporan polis setelah tindakan itu dilakukan.
16. Bagi kami, sudah tentu kami mengharapkan satu penjelasan yang lebih nyata, adil dan penyerlahan kebenaran secara sebenarnya untuk menjaga maruah masyarakat Malaysia dan kebersihan

nurani mereka yang menggambarkan kebencian kepada kezaliman, penindasan dan kekejaman.

17. Langkah-langkah dan tindakan tidak wajar yang diambil oleh kerajaan ke atas rakyat di dalam peristiwa Kampung Memali dan kezaliman yang nyata dengan menahan seseorang tanpa dibuktikan kesalahannya, sudah pasti akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada negara ini dan ianya sangat jelas merupakan perbuatan yang mengancam keselamatan dan kesejahteraan rakyat.
18. Berdasar kepada hakikat dan kenyataan di atas, maka dengan ini PAS menuntut:
 - 18.1 Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja yang berkecuali dan berwibawa dengan seberapa segera untuk menyerlah kebenaran di sebalik peristiwa Memali.
 - 18.2 YAB Datuk Musa Hitam yang bertanggungjawab hingga tercetusnya peristiwa berdarah di Memali itu meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.
 - 18.3 Mereka yang ditahan di bawah ISA akibat peristiwa Memali itu dibebaskan tanpa syarat dengan segera atau dibawa secepat mungkin ke mahkamah pengadilan.

Akhirnya sambutlah salam hormat dari kami, semoga Allah SWT memberi petunjuk kepada kita semua supaya kita sentiasa berada di jalan Nya yang lurus.



(HAJI YUSOF RAWA)
Yang Di Pertua Agung PAS
Bertarikh: 10hb Jamadil Akhir 1406
19hb Februari 1986



Datuk Samy Vellu : Tun you hingat you boleh jadi Peerdana Menteri ke?

Tun Daim : Apa pasal tak boleh? You ingat orang yang badan besar, tinggi macam you saja boleh. You tengok itu Jusuf Habibie, Presiden Indonesia, dia pun bukan besar macam mana sangat.

Datuk Samy : Itu macam ke? Takkan saya tanya pun Tun mahu marah. Kalau ini macam Datuk Najib sama Pak Lah apa jadi? Ku Li sama Rafidah Aziz apa macam?



DR ABDUL HAMID
...sedang awasi

ISA bagi pemimpin ajaran sesat

ALOR STAR, Khamis - Kerajaan akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi membanteras kegiatan 55 kumpulan ajaran sesat yang disifatkan boleh menjejaskan keselamatan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata penguatkuasaan mengikut ISA terhadap pihak yang menyelewengkan ajaran Islam bukan baru kerana pernah digunakan terhadap pemimpin Al-Arqam dan beberapa pengikut Syiah.

Menurutnya, polis sedang mengawasi secara teliti kegiatan pemim-

pin serta pengikut kumpulan terabit dan akan mengenakan tindakan mengikut ISA jika mencapai tahap serius dan tidak boleh dikawal.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Muzakarah Pegawai Pengurusan Masjid peringkat Kedah di Maktab Mahmud, di sini hari ini.

Dr Abdul Hamid berkata, ISA hanya digunakan sebagai 'senjata terakhir' dan keputusan menggunakannya terletak sepenuhnya kepada polis.

Sehubungan itu, katanya, sebuah jawatankuasa yang dianggotai polis,

ditubuhkan di Pusat Islam bagi menilai kegiatan kumpulan itu.

Beliau berkata, kegiatan kumpulan yang sebahagian besar aktif di kawasan terpencil seperti estet, men-cetak dan mengedar risalah mengandungi perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam hingga menimbulkan kesangsian dan mengganggu ketenteraman penduduk lain.

Mereka juga menggunakan pelbagai nama dan kaedah bagi menarik orang ramai serta mengamalkan beberapa ajaran pelik yang jelas bertentangan dengan pegangan Sunnah Wal Jamaah.



Almarhum Alsyahid Ibrahim Mahmud (Ibrahim Libya) dan para pengikutnya adalah ulama yang pertama di Malaysia yang menjadi mangsa ISA. Alsyahid dan kawan-kawannya telah dibunuh berani kononnya Almarhum adalah penyebar ajaran sesat. Sesat dari segi mana dan ikut ajaran siapa tidak dijawab oleh Dr. Mahathir. Dia dituduh sebagai orang yang melindungi penjenayah yang sangat dikehendaki oleh polis. Namun tuduhan-tuduhan itu tidak pernah dibuktikan kebenarannya. Ketika peristiwa memali berlaku Musa Hitam yang jadi Menteri Dalam Negeri. Dr. Mahathir yang jadi boss selamat. Bagaimana dengan kes Ustaz Ashaari dan Al-Arqam dan Anwar Ibrahim? Apakah yang Mahathir nak buktikan pada orang ramai? Apakah Anwar dan pengikutnya akan menerima nasib yang sama seperti Ibrahim Libya?



Apa engkau ingat kau boleh jadi PM ke? Cantik muka.

Cerminlah muka sendiri itu dulu? Hendak jadi Perdana Menteri hari ini **moral mesti bersih**.

Tun Daim dan Datuk Paduka Rafidah diramalkan sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri. Selain dari mereka Abdullah Badawi, Datuk Najib dan Tengku Razaleigh Hamzah adalah calon pilihan. Kononnya Mahathir mahukan Ku Li sebab itu Pak Lah dan Najib tak dilantik sebagai TPM. Mengikut tulisan Sarimah Othman dan Rosni Hassan kriteria calon Timbalan Perdana Menteri ada 41. Yang pertama mesti rapat dengan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir. Kalau Mahathir berkenan, rapat dengan rakyat, ada hubungan dengan komponen BN dan yang terakhir latar belakang agama.

Saya fikir yang pertama **hubungan dengan Allah SWT, taat pada perintah Allah dan Rasul, bersifat takwa, warak baru boleh jadi pemimpin yang baik**. Kalau tidak jangan mimpi negara dan bangsa boleh selamat kerana bila pemimpin takut pada Allah, dia tidak akan melakukan apa saja jenis kemungkarannya, dia akan sentiasa berlaku adil, tidak tamak, tidak angkuh dan sombong, tidak kejam, tidak bakhil dan zalim.



Apa engkau ingat kau boleh jadi PM ke? Cantik muka.
Cerminlah muka sendiri itu dulu? Hendak jadi Perdana Menteri hari ini **moral mesti bersih**.


Tun Daim dan Datuk Paduka Rafidah diramalkan sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri. Selain dari mereka Abdullah Badawi, Datuk Najib dan Tengku Razaleigh Hamzah adalah calon pilihan. Kononnya Mahathir mahukan Ku Li sebab itu Pak Lah dan Najib tak dilantik sebagai TPM. Mengikuti tulisan Sarimah Othman dan Rosni Hassan kriteria calon Timbalan Perdana Menteri ada 41. Yang pertama mesti rapat dengan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir. Kalau Mahathir berkenan, rapat dengan rakyat, ada hubungan dengan komponen BN dan yang terakhir latar belakang agama.

Saya fikir yang pertama **hubungan dengan Allah SWT, taat pada perintah Allah dan Rasul, bersifat takwa, warak baru boleh jadi pemimpin yang baik**. Kalau tidak jangan mimpi negara dan bangsa boleh selamat kerana bila pemimpin takut pada Allah, dia tidak akan melakukan apa saja jenis kemungkarannya, dia akan sentiasa berlaku adil, tidak tamak, tidak angkuh dan sombong, tidak kejam, tidak bakhil dan zalim.



Datuk Sri Anwar Ibrahim : Sungguh tak sangka you macam ini. Saya fikir you kawan baik saya.

Tok Mat : Cukuplah I dah tolong you kalahkan Pak Ghafar. Sekarang boss tak mahu you. I tak boleh buat apa-apa. takkan you nak suruh I lawan boss. You bukan tak kenal Dr. Mahathir.



Khalid Jefri, penulis sukan yang mencipta sejarah buku politiknya yang pertama boleh menimbulkan huru hara dalam perkampungan politik UMNO dan politik negara.



Dr. Mahathir Mohamad : Dalam politik kerusi penting. Apa you fikir kalau saya sudah bangun dari kerusi Presiden UMNO, Perdana Menteri, kerusi Menteri Dalam Negeri dan kerusi Menteri kewangan ada orang yang mahu dengar cakap saya lagi? Dalam dunia politik satu kerusi politik tak cukup. Mereka yang apa saya cakap, semua kata cantik itupun bukan hendak jaga kerusi saya, mereka nak selamatkan kerusi mereka sendiri. **Nak hidup** mesti pandai jaga kerusi. Tengok apa jadi pada Anwar Ibrahim bila sudah kena halau dari kerusi, hari ini duduk dalam jail.



Datuk Hishamuddin anak Tun Hussien Perdana Menteri yang ketiga akhirnya berjaya mewarisi kerusi yang pernah diduduki oleh bapanya dulu. Walaupun kemudian meninggalkan UMNO untuk menubuhkan parti baru. Kapten Hussien Onn adalah Ketua Pemuda UMNO yang pertama. Dato Onn Jaffar adalah pengasas dan Presiden UMNO yang pertama tetapi mempunyai sejarah hitam dalam UMNO. Bapanya Tun Hussien sesudah memberikan kerusi pada Mahathir, menyesal. Mati diluar UMNO. Apakah Hishamuddin juga nanti akan jadi Perdana Menteri seperti bapanya? Atau merajuk dan menubuhkan parti lain seperti datuknya? Mudah-mudahan sekiranya Datuk Hishamuddin hendak bercakap pasal moral, kajilah sejarah ayahanda dan datuknya. Apakah mereka perjuang bangsa dan agama atau alat yang takut pada agama? Bagaimana pula dengan Mukriz anak Dr. Mahathir? Apakah dia tak mempunyai cita-cita untuk mewarisi takhta kerajaan ciptaan ayahnya? Apakah dia fikir Hishamuddin lebih layak dari dia? Dia pun tahu bagaimana rumahtangga Hishamuddin. Dari segi moral, dua kali lima dengan Datuk Najib anak Tun Razak.

Tuan Musa Hassan.

13.10.98

Saya, Nurul Ilham ingin berjumpa dengan bapa saya hari ini. Saya demam dan bengkak dua-dua belah mata. Saya berharap Tuan membenarkan saya berjumpa dengan bapa saya. Terima kasih

Yang Berair,

Nurul Ilham

(Nurul Ilham)

Surat dari anak Saudara Anwar yang disiarkan oleh akhbar Harakah 16-11-98. Apa perasaan anda jika surat ini anak anda yang menulisnya dan anda berada di tempat Datuk Sri Anwar? Fikirkan. Menungkan perasaan anak-anak yang tak berdosa yang terpaksa menanggung aib dan malu. Fikirkan stress, kekecewaan dan kesedihan yang mesti ditanggung oleh anak dan isteri Anwar terhadap tuduhan yang dilemparkan kepada bapanya. Orang ramai cuma boleh berkata apalah punya manusia Dr. Mahathir ini, nama saja pemimpin negara. Apakah setiap anak didalam negara ini adalah anaknya juga? Tak ada hati perut ke Dr. Mahathir ini? Tak ada perasaan belas dan kasihan serta ikhsan ke terhadap anak-anak Anwar yang tak berdosa?



Gambar kenangan Saudara Anwar Ibrahim memimpin tangan ibunya, Che Yan Hussin (berkerusi roda) sambil diperhatikan oleh isterinya, Wan Azizah Wan Ismail masuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas.

Bayangkan apakah perasaan ibunya mendengar segala tuduhan yang dilemparkan kepada anakandanya yang satu ketika dulu adalah pemimpin yang dimuliakan oleh dunia Islam? Apakah perasaan Datuk Sri Siti Hasmah seandainya anak-anaknya dilakukan demikian apabila Dr. Mahathir bukan lagi Perdana Menteri? Tindakan Mahathir mengaibkan teman seperjuangan dengan cara yang amat menduka citakan seluruh umat Islam yang cintakan kebenaran dan keadilan sangat dikesali. Apakah Mahathir tidak takut pada **hukum karma**? Hari ini awak berkuasa awak menzalimi orang, apakah kuasa itu perkara yang hakiki, berpatut-patutlah buat pada manusia yang belum dibuktikan dosanya.

9

KENAPA DAN MENGAPA KITA JADI BEGINI?

Hari ini antara iklan TV yang paling menghiburkan ialah iklan yang menunjukkan Pak Uda yang berlakun sebagai Dato' bertanyakan isterinya, "Yang, pintu pagar dah kunci?" Secara sepotan isterinya yang sedang bersolek, menelefon dreber dan sepanas itu juga pemandu menggunakan telefon tangan menelefon jaga. Dalam masa tak sampai satu minit, Pak Uda pelakun komidi dalam siri *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* arahan Osman Hafsham sudah dapat tahu pintu pagar sudah dikunci hanya melalui telefon di tangannya.

Bayangkan dalam sebuah rumah, bukan saja Datuk dan Datin tapi hampir semua pekerja ada telepon bimbit. Perhubungan menjadi begitu cepat sekali. Apakah kita terlupa bahawa dunia hari ini juga boleh diibaratkan seperti sebuah rumah?

Mungkin ada di antara mereka yang duduk di Kuala Lumpur tidak tahu di mana letaknya Janda Baik, kerana kampung ini berada di dalam hutan belantara, di lereng Banjaran Titiwangsa yang menjadi rumah kepada hutan hujan tropika yang tertua di dunia. Itu tak penting.

Namun ramai yang terlupa bahawa apa yang berlaku di Kuala Lumpur beberapa minit saja sesudah kejadian itu beritanya sudah tersebar dengan cepat, bukan sahaja di Janda Baik malah di kampung-kampung yang lebih jauh dan di ulu-ulu, atau di pergunungan, dan di seluruh pelusuk negara hasil daripada kecanggihan teknologi komunikasi yang diwujudkan di zaman Mahathir.

Saya tidak tahu sama ada pemimpin politik yang cuba menutup apa yang berlaku pada hari Anwar Ibrahim berucap di Masjid Negara, diikuti dengan perarakan dari sana ke Dataran Merdeka, ke PWTC, Ibupejabat UMNO kemudian dari sana mereka berarak ke Seri Perdana bukan lagi merupakan satu rahsia. Semua orang kampung sudah tahulah. Tolong...lah...! Lu nak chong dengan siapa?

Kebetulan saya hadir sama semasa ribuan pelajar berarak di tengah-tengah jalan dari Jalan Raja Laut ke Ibupejabat UMNO dengan pekikkan "R E F O R M A S I". "REFORMASI!". Mereka begitu bersemangat tapi tidak **violence**.

Rumah orang Melayu di kampung hari ini ada ASTRO, ada Mega TV, ada internet, ada telefon, ada fax. Bagi penduduk di Johor mereka dapat menonton TV Singapura dan TV Indonesia. Di utara tanah air pula mereka mendapat siaran TV Thailand. Berita dari CNN menunjukkan bagaimana polis memecah masuk rumah Anwar untuk menangkap *pencetus reformasi zaman moden*. Anwar secara tiba-tiba jadi macam Zorro, hero rakyat. Tragedi mereka yang ditembak dengan air di Dataran Merdeka dan Sri Perdana, tindakan polis terhadap orang awam dapat ditonton umum. Dulu hal serupa ini kita lihat menjelang kejatuhan Suharto di Indonesia. Hari ini perkara yang sama berlaku di Malaysia. Ianya menjadi tanda tanya bagi mereka yang mempunyai fikiran kritis, apa lagi yang berminat di bidang **investigative**.

Orang kampung yang suka bersembang di kedai kopi melahirkan perasaan tanda tanya tentang berita-berita negatif yang tersiar di media massa tempatan mengenai Anwar. Orang kampung tak sebodoh dulu lagi. Mereka tahu erti **transparencies**. Akhirnya orang kampung pun naik meluat

dan bosan dengan akhbar-akhbar tempatan dan juga berita TV tempatan yang cuba menyogokkan mereka dengan sesuatu yang sukar ditelan bulat-bulat.

Akal orang kampung bukan serabut macam pemimpin politik. Peristiwa **Geng 11** yang menyebabkan matinya UMNO disebabkan pemimpin sama pemimpin berpecah masih segar dalam ingatan mereka. UMNO pecah dua, UMNO lama dan UMNO Baru, maka lahirlah **Semangat 46** lawan **UMNO. Mahathir**. Rintitan dari itu kini lahir **Lot 30 Geng Cantik** lawan Anwar-reformasi.

Dulu Tunku, Hussien Onn dan kumpulan veteran lawan Mahathir dan Anwar. Hari ini Mahathir dan **UMNO Mahathir** yang bergelar **Lot 30** lawan Anwar reformasi, sekali lagi orang Melayu berpecah. Sudahlah ekonomi meredum, kapal Titanic milik **Lot 30** patah dua, ramai yang sudah mati lemas.

Sukar untuk mengikuti, terlalu cepat sekali peristiwa bagaimana kapal **Lot 30** putus dua boleh berlaku, 2hb. Sept 1998 Anwar dipecat dari semua jawatan kerajaan, 20hb. Sept Anwar ditangkap di bawah ISA kemudian dituruti oleh Ketua Pemuda, tokoh-tokoh ABIM dan tak lama lagi tentu ramai lagi pelajar dan rakyat yang menyebelahi Anwar ditangkap.

Inilah perlawanan **Lot 30** atau **Geng CANTIK**. Kenapa **Lot 30** ini dinamakan **Geng CANTIK** kerana apa saja tindak tanduk boss semua orang mesti bilang **cantik**. Maka kalau dulu ada **Geng 11** kini ada **Lot 30 Cantik** yang terdiri daripada mereka yang terpaksa menyokong Mahathir untuk tersenarai dalam "**good book**" Mahathir. Semua orang tahu kerusi TPM kosong, kerusi Timbalan Presiden UMNO, Naib Presiden, dan mereka yang mahu jadi Wakil Rakyat, mahu jadi MB,

mahu kekalkan jawatan, mahu selamat dan **nak hidup** tak ada pilihan melainkan memihak pada boss dan melanyak dan memijak siapa yang menjadi **liabilities** pada boss.

Baru-baru ini, saya terjumpa dengan Rahim King bekas komando yang ada *connection* dengan BTN. Dia menceritakan pada Pak Habib, dia pun baru kena ISA, tetapi cuma lima hari sahaja, paling cepat. Dan dia pun akan menjadi salah seorang daripada saksi kes Anwar. Prinsip Rahim King, ialah beliau paling tak berkenan dengan *manusia tak cukup ukur* yang digelarnya "*short ass bastard*" atau juga "*short ass syndrom*". Jenis *manusia tak cukup ukur* ini, akalinya terlalu panjang. Bila adanya orang macam ini dalam satu-satu kelompok, mereka akan menjadikan keadaan kecoh, bercelaru dan haru biru. Bila Pak Habib tanya kenapa, tiba-tiba dia bawa cerita ini. Katanya "*sendiri punya diri, sendiri mahu fikirilah*". Kemudian Rahim menyambung lagi, "*Kita boleh tangkap dan penjarakan tubuh badan siapa yang kita suka, namun akal fikirannya, kita tak boleh buat apa-apa. Itu milik pribadi dia. Dan manusia yang ada mulut boleh cakap apa yang dia punya suka*".

Kalau mengikut gambaran yang di disampaikan oleh media massa tempatan, apa saja yang berkaitan dengan Anwar ini semuanya hodoh-hodoh belaka: Anwar kaki liwat, jantan sudah tua, umur lebih setengah abad pun Anwar sanggup melakukannya dan yang pelik keduanya barang import, tak ada ke jantan macam ini Made in Malaysia? Dan yang anih serta amat menggelikan hati, tiba-tiba saja Hanif, polis pencen keluarkan cerita lama. Dulu tangkap orang main judi. Hari ini jadi taukeh judi. Bolehkah taukeh judi jadi saksi? Atau pun perempuan dan jantan sundal jadi saksi? Untuk membuktikan kes zina dan liwat mesti orang-orang yang beriman.

Maka janganlah kita merasa pelik apabila ramai penyokong Anwar terdiri dari para akademik, pelajar universiti, para alim ulama dan rakyat jelata yang pandai berfikir kerana mereka tahu ada sesuatu yang tidak kena. Mereka yang tidak mempunyai kepentingan tidak mahu bersubahat.

Yang susah hari ini adalah rakyat yang tidak tahu **konspirasi** itu apa? Budaya **wangkasi, kopikasi**, tak ada saksi itu mereka tahu, terutama yang pernah **terlibat** semasa menjual undi untuk memilih ketua dalam UMNO.

Dengan cara macam ini Mahathir sudah pecahkan orang Melayu kepada dua. 47 tahun yang lalu, tahun 1951 Dewan Ulama UMNO telah keluar dari UMNO maka tertubuhlah PAS. Tahun 1962 Melayu dalam PAS dan UMNO berperang atas isu kafir mengkafir. Tahun 1988 UMNO berperang sesama sendiri, berpecah menjadi Team A dan Team B, di mana UMNO mati dan tertubuhnya UMNO Baru dan Semangat 46.

Tiba-tiba saja Pak Habib teringat pada Tan Sri Othman Saat semasa berbual-bual di rumahnya di Johor Bahru. Kata Othman Saat veteran UMNO;

"Perhimpunan Agung UMNO sebelum ini, sejak tahun 1946, apabila mahu memilih pemimpin, soalan yang pertama ditanya ialah sama adakah pemimpin itu boleh diharapkan untuk memperjuangkan kepentingan politik Melayu dan kepentingan negara Malaysia? Apakah perjuangan menjadi soalan yang sama ditanya pada hari ini? Yang ditanyakan oleh ahli parti hari ini apakah habuan yang boleh diterima apabila seseorang itu menyokong seseorang yang mahu jadi pemimpin".

Tak sanggup gugur, tak sanggup hulur, pi main jauh-jauh. Kemudian Pak Habib teringat keluhan ahli UMNO yang sudah tukar jadi mat gian kerana kecewa.

"Tolong..lah.. Beb. Gua dah tak sanggup lagi Beb, asyik nak kena kencing. Semua orang kata Mahathir baik, baguslah tu...baik untuk hidup suku sakat sendiri aje, gua apa macam?". Tak salah kan pinjam kata-kata Mat gian, mereka pun anggota masyarakat juga.

Pada tahun 1987, malangnya isu dalam pemilihan UMNO ialah isu ekonomi, sampai orang kampung pun mula bercerita mengenai harga bijih timah naik turun; orang kampung turut bercerita harga getah naik turun; orang kampung cerita mengenai harga minyak kelapa sawit naik turun; orang yang tidak pernah ada kereta, yang naik gerak ke sana sini pun mulai cerita fasal harga minyak petrol naik turun.

Lepas tahun 1969, Melayu sebagai Bumiputera sibuk dengan Dasar Ekonomi Baru. Rata-rata kita bercerita fasal ekonomi, kita berhenti cerita fasal politik. "No more political courses", dengan izin. Semua kursus-kursus politik sudah tidak ada lagi. Yang ada pada kita hanya kursus ekonomi. Di masjid, khutbah ekonomi. Akhbar cerita fasal ekonomi. Segalanya fasal ekonomi. Memang boleh kita bercerita fasal ekonomi, tetapi jikalau kita bercerita fasal ekonomi dengan cara yang terpisah daripada kesedaran politik, kita mewujudkan satu masyarakat yang materialistik dan materialismenya itu tidak disampangi oleh semangat perjuangan.

Pada waktu itu bangsa Melayu yang tadinya berjiwa politik lebih daripada berjiwa ekonomi dan sanggup berlumba-lumba untuk berkorban, sudah jadi satu bangsa yang berlumba-lumba hanya untuk jadi kaya. Daripada bangsa yang mahu berkorban, sudah jadi bangsa yang mahu kaya. Yang kita mahu ialah sambil kaya sambil berkorban.

Telitilah cara kita berpolitik. Apabila bangsa Melayu berpecah belah akhirnya Cina dan India jadi sasaran; apabila Cina berpecah belah akhirnya Melayu dan India jadi sasaran; apabila India berpecah belah, akhirnya Melayu dan Cina jadi sasaran, tetapi terlebih dahulu mereka sesama sendiri menjadi sasaran.

Kata-kata di atas di ambil daripada buku **Membela Rakyat Di Parlimen** yang mengandungi siri ucapan Datuk Sanusi Junid.

Datuk Sanusi Junid pun bawa reformasi pada rakyat dengan kelapa muda, makan ulam, tukun di laut dan macam-macam reformasi mengubah nasib rakyat yang miskin untuk memperniagakan hasil tanaman kampung kepunyaan Melayu. Oleh kerana reformasi yang dibawa oleh Pak Sanusi tak berbau politik, maka dia tidak menjadi mangsa konspirasi dan orang lupa jasa dan sumbangannya pada agama, bangsa dan negara.

Seterusnya Pak Habib bawa anda mengikuti satu lagi ucapan Dato' Sanusi Junid Di Parlimen. Sanusi ini kawan baik Pak Habib. Selalunya bila terjadi sesuatu hal Pak Habib akan mencari beliau. Tapi kalau nak minta projek, nak bisnes, pi main jauh-jauh. Sanusi jenis tak mahu terlibat tolong kawan jadi kaya sebab itu Sanusi tak popular bukan kerana dia tak

buat kerja atau berjasa pada parti tapi kerana dia tak menonjolkan diri untuk jadi Perdana Menteri. Beginiilah petikan ucapan '*Antara Akta dan UMNO di Parlimen*' pada 6 Disember 1988 di Parlimen.

Setelah saya katakan semua ini, soalan yang ketinggalan ialah;

"Bilakah masalah ini akan selesai?"

Saya rasa tidak lama lagi selesai, kerana minat Melayu dalam menghadapi masalah adalah bermusim-musim.

Pada satu masa dahulu orang Melayu sibuk dengan hal komunis. Apabila orang Melayu sibuk dengan hal komunis, maka pada waktu itu semua orang bercerita fasal komunis, sampailah dua orang Timbalan Menteri kena tangkap. Setelah itu orang Melayu tidak mahu cerita fasal komunis lagi kerana sudah ada Melayu yang terkorban.

Kita cerita pula fasal Freemason; semua 'hot' fasal Freemason. Bilakah tamat fasal Freemason? Bila Ibupejabat Freemason depan Muzium Negara ditolak oleh bulldozer, Melayu merasa puas. Walhal Ibu Pejabat itu pindah ke tempat lain. Yang penting bagi kita bukanlah perpindahan ibu pejabat tetapi ibu pejabat yang ada sudah kena tolak dan kita rasa puas seolah-olah ibu pejabat sudah terkubur atau Freemason sudah terkorban.

Lepas itu kita dengar cerita rasuah; rata-rata kita dengar fasal rasuah. Bila tamat kes rasuah? Bila seorang Menteri Besar masuk jel fasal rasuah, lepas itu, kita rasa cukup kerana sudah ada yang terkorban.

Satu lagi yang menjadi norma orang Melayu ialah suka menerima berita yang disampaikan dengan tidak membuat penelitian dan pengesahan terlebih dahulu, terutama yang menyampaikan berita itu datangnya dari orang-orang yang berpengaruh di dalam masyarakat. Kepala otak dijadikan tong sampah, terima sahaja apa yang disumbat, sudahlah begitu, dipanjangkan lagi berita yang tidak usul periksa kepada orang lain. Maka berpanjanganlah berita itu. Kalau yang betul tak apa juga, tapi kalau fitnah, apa akan jadi? Jawab sendirilah.

Satu lagi tabiat orang Melayu suka sangat menghukum orang yang lemah dan tidak berdosa dan tak berdaya hasil dari berita fitnah yang disampaikan. Akhirnya orang yang tidak bersalah jadi mangsa dan dipulaukan beramai-ramai. Apa lagi sekiranya keluarga tersebut adalah seorang pendatang baru dalam masyarakat tersebut. Mereka menganggap orang yang datang itu adalah **orang luar** dan **orang luar** tidak boleh diberi muka sama sekali. Mereka terlupa bahawa **orang luar** itu juga ada pertalian persaudaraan Islam. Apa hukumnya orang yang memutuskan silatulrahim di antara umat Islam?

Ini pun namanya konspirasi juga? Kalau sesebuah kampung hendak selamat dan aman damai yang ini juga perlu direformasikan.

Dalam proses menyiapkan buku ini Pak Habib bukan saja pergi dari warong ke warong, dari kampung ke kampung tapi Pak Habib juga pergi di kawasan pergunungan di Kundasang, di gunung Kinabalu. Maklum sahaja buku ini adalah satu trilogi. Banyak pula manusia yang Pak Habib temui untuk mendapatkan jawapan, apakah masalah mereka yang sebenarnya? Kenapa dan mengapa banyak sangat mala petaka, banyak sangat bala bencana? Betulkah ini semua terjadi

disebabkan kebendaan materialistik dan ekonomi menjadi matlamat hidup atau pemimpin politik banyak sangat **politiking**, tak buat kerja, hendak merebut kerusi dengan cara mengampu, nak naik ke atas dengan memijak kepala kawan dan bunuh kawan?

Untuk mendapatkan ilham, kita perlu bercakap dan berbual-bual dengan ratusan manusia dari semua peringkat dalam masyarakat. Jawapannya sama, pemimpin **lupa daratan**, pemimpin tak bermoral, isteri pemimpin yang jadi cleopatra berniaga gunakan kerusi suami, longgok kekayaan pada Pak Mertua, kaum keluarga tumpang naik kapal sekali, mana member tak sakit hati.

Pemimpin fikirkan diri sendiri dan suku sakat saja. Tapi yang diperbesar-besarkan di media seolah-olah pemimpin yang menjadi saingan sendiri semua nak jadi Perdana Menteri, semua hendak selamatkan bisnes yang sudah meredum, tumpang kapal Perdana Menteri. Ini masalah peribadi bukan **konspirasi lawan reformasi**. Bila ada konspirasi (pakatan rahsia) maka lahirlah manusia yang mahukan ketelusan 'truth'. Akhirnya bila timbul **kebenaran** maka rakyat pun tahu siapa yang salah dan siapa yang benar.

Masalah yang dihadapi oleh rakyat dan pemimpin Malaysia ini bukanlah satu masalah yang kecil. Ini bukanlah sekadar masalah Mahathir bergaduh dengan Anwar saja kerana lepas ini kedua-duanya akan mati. **Politik Anwar akan tinggal mimpi naik bot saja melainkan ada pertolongan dari Allah. Mahathir pun sampai bila?** Selepas Mahathir, Mahathir lagi yang jadi Perdana Menteri.

Kita kena beritahu diri kita, kerajaan yang ada hari ini bukan Mahathir yang punya, Mahathir sekadar pemegang

amanah. Kerajaan yang ada ini kita yang punya, anda dan saya. Kerajaan yang dipilih oleh kita bersama. Kita yang pilih kerajaan ini untuk kita. Kerajaan ini datangnya dari rakyat. Kalau tak ada rakyat, tak ada kerajaan dan kalau tak ada kerajaan tak ada Mahathir. Dan erti demokrasi ialah "*the government of the people, by the people, for the people*". Selagi Mahathir menghormati Perlembagaan Negara, selagi Mahathir menghormati undang-undang negara, selagi Mahathir tak lupa yang dia duduk di puncak kuasa itu adalah atas kehendak rakyat, selagi dia tak lupa perasaan rakyat, maka dia tetap akan di hormati oleh rakyat. Jika tidak, YAB itu, siapapun tidak akan menghormatinya.

Mahathir tak boleh tongkat langit, maka kita kena buat persiapan untuk mencari pengganti Mahathir. Tentu kita tak mahu yang tak bermoral, yang rasuah, yang ada Cleopatra sebagai '*first lady*' kerana hari ini Anwar dibinasakan disebabkan tak bermoral. Maka siapa yang dua kali lima, pi main jauh-jauh.. pi cermin muka dulu. Jangan perasan. Rakyat Malaysia mahukan pemimpin yang bermoral.

Mahathir jangan lupa, bila orang Melayu merasakan yang mereka sudah dipermainkan-mainkan oleh pemimpin, mereka akan bangun beramai-ramai seperti yang pernah terjadi sewaktu Malayan Union. Dan Mahathir tentu masih ingat bahawa kepantangan datuk nenek orang Melayu ialah menderhaka kepada raja. Tapi kepada raja yang adil. **Raja adil raja di sembah, raja zalim raja di sanggah**. Kalau orang Melayu sanggup mengambil **imuniti** raja-raja dan beri kepada Mahathir, apakah tak mustahil, kalau ada seorang sahaja menteri UMNO berani letak jawatan, maka mereka akan meninggalkan Mahathir? Sekiranya Mahathir mahu main pilih kasih, mahu pilih '*blue eye boy*', Mahathir mesti biarkan ahli-ahli UMNO memilih pemimpin mereka menurut **merit** yang

terdapat pada pemimpin itu. Mahathir tak boleh main tunjuk-tunjuk lagi.

Kita jangan lupa pada hukum imbang. Kita semua tahu ramai ahli UMNO yang marahkan Anwar, yang membenci Anwar pun ada. Anwar juga ada membuat kesilapan, cantas orang, tak memberikan projek kepada mereka yang meminta, dan Anwar pun biasa tinggalkan kawan, lawan, pilih kawan baru, tangkap orang politik yang rasuah. Dan apa yang berlaku ini adalah kifarfat dari Allah. Inilah yang dinamakan **hukum karma**.

Tapi kalau kita renungkan secara halus, jumlah orang yang benci dan marahkan Mahathir, jauh lebih ramai. Maka marilah kita terima dan redha ini semua adalah satu kifarrah dan jika kita bersyukur dan mahu bertaubat dengan mengaku akan kesalahan kita, Tuhan akan memberi rahmat dan menyelamatkan bangsa dan negara kita. Amin.....

Mahathir kena ingat, tak payah hendak tengok jauh-jauh sampai ke Iran bagaimana satu orang tua seperti Imam Khomeini boleh jatuhkan raja segala raja. Bolehkah kita bandingkan kekejaman dan kezaliman polis Savak yang digunakan oleh Shah Pahlavi dengan Polis DiRaja Mahathir? Akhirnya Shah *meredum*, macam itu sahaja, mati dalam buangan dan kehinaan. Mahathir masih belum terlambat untuk memperbaiki keadaan di dalam UMNO. Cukup-cukuplah bantai Anwar. Dulu pun berperang dengan Tengku Razaleigh macam tak ada esok, begitu juga dengan Musa, Rais Yatim, Ibrahim Ali, akhirnya bertaut kembali. Siapa yang malu? Tak ada erti sudah berperang bagai nak gila, bagi semua orang susah, keluarga berpecah kemudian berbaik semula. Mahathir sudah tua, kita orang Melayu masih sayangkan Dr. Mahathir, bertaubat dan bermaaf-maafilah. Tak ada sesiapa pun di dunia ini yang sempurna, '*Nobody is perfect*'.

Mari kita tengok Marcos, seorang lagi diktator. Marcos *raja tanpa mahkota*. Marcos juga adalah seorang Firaun yang bertukar gelaran sebagai Presiden. Tingkah laku, perangai dua kali lima Firaun juga, sama juga macam Shah Iran yang kejam, zalim, rakus, tamak, boros, tidak adil dan yang melakukan segala kemungkar. Mandiang Presiden Marcos sampai hari ini mayatnya tak diterima oleh buminya sendiri. Bayangkan.. Menungkan.. Fikirkan.. Kenapa kalau bukan adanya konspirasi dan banggunya satu reformasi bertukar menjadi revolusi?

Dan yang terbaru kawan baik Mahathir Pak Harto, '*political partners*' ada satu ribu bomoh, pak kiai, ulama dukun di sekeliling pinggan dengan macam-macam ilmu hitam dan ilmu ghaib akhirnya *meredum*. Masakan Mahathir mampu hendak pakai 100 bomoh, saya fikir 10 peratus dari Pak Harto pun Mahathir tak mampu, tapi Tuhan Maha Berkuasa, tak ada ilmu ghaib yang boleh kalahkan Tuhan.

Yang ini yang kita kena faham. Perkara macam ini yang Mahathir dan ahli politik kena faham bahawa mereka itu tidak lebih dari seorang **pemegang amanah**, tak kira Wakil Rakyat atau Perdana Menteri *selagi mereka jalankan tugas dengan baik, kita hormati mereka*. Tapi kalau mereka **lupa daratan, lupa tanggungjawab**, lupa Tuhan, ingat ekonomi saja, mereka fikir apa saja mereka suka, mereka buat rakyat juga boleh buat apa yang rakyat suka kerana kita berpegang kepada *kepimpinan melalui teladan*. Kalau pemimpin tidak **berprinsip**, kalau pemimpin tidak **bermoral**, kalau pemimpin boleh mengambil undang-undang di tangan sendiri kenapa rakyat tak boleh? Rakyat pun boleh juga. Mari kita tengok apa yang Pak Habib maksudkan pemimpin boleh, rakyat boleh.

Sewaktu berjalan-jalan di pantai Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang, Pak Habib berjumpa dengan beberapa orang peminat. Di bawah ini adalah intipati perbualan kami. Pak Habib kemukakan antara sebab Tuhan murka pada hamba-Nya adalah disebabkan terlalu ramai manusia yang mengaku **beragama** tapi berbuat sesuatu tanpa menggunakan akal fikiran tanpa menggunakan rasional kerana Al-Quran itu untuk mereka yang berfikir bukan yang mengikut emosi.

Sudah dua tiga kali buat umrah, pergi naik haji masih mahu terus pergi lagi sedangkan ada di antara anak buahnya sendiri yang tak mampu beli buku sekolah dan macam-macam lagi kesulitan yang sepatutnya menjadi tanggungjawab mereka (fardu kifayah). Tapi mereka tak peduli, yang penting mereka seronok dengan umrah dan haji, seronok semua orang nampak tiap-tiap tahun mereka menerima jemputan Tuhan. Belajar dari siapa, perangai tak peduli pada orang lain, ingat apa yang kita suka saja?

Ramai di antara mereka yang tak pernah tinggalkan sembahyang berjemaah di masjid, di tangan sentiasa ada tasbih, tiap-tiap malam Jumaat ada kumpulan baca yasin, semua hafal yasin, berpakaian macam orang Arab Saudi, hati perut dan perangai macam Yahudi dan sikitpun tak ada belas kasihan, tak ada silatul rahim sesama umat Islam selain daripada puak-puak mereka saja. Seolah-olah mereka saja ahli syurga, yang lain-lain ahli neraka. Cukupkah sekadar jadi orang Islam yang baik tapi dalam masa yang sama rasuah juga, telan harta yang diamanahkan, menelan harta anak yatim, makan daging saudara sendiri dan menabur fitnah serta mengumpat?

Selagi setiap umat Islam tidak mahu menegakkan

kebenaran, memperjuangkan yang haq, menyambung silaturahim; berkasih sayang dan tolong menolong sesama Islam, mereka tak ambil tahu bahawa **hubungan sesama manusia, bantu membantu, tolong menolong, berbaik sangka itu sama pentingnya dengan mengadakan solat atau menunaikan haji. Kita masih hidup dalam kerugian. Islam itu satu masyarakat, satu jemaah, satu umat yang terkandung berjuta manusia menjadi satu, bukan agama untuk seorang individu saja. Ini kerana hidupnya Islam, di atas kesatuan dan ukhwah dan bukannya hubungan individu antara manusia dengan Tuhan semata-mata. Pandang pada yang ramai, ingat pada yang satu.**

Orang Islam sepatutnya kuat seperti air yang boleh dijadikan sebagai satu **force**. Apabila Islam sudah berpecah belah, lebih mengutamakan kebendaan dan takut mati, maka umat Islam sudah mati sebelum mereka mati seperti orang Melayu sebelum tertubuhnya UMNO dulu. Tertubuhnya UMNO untuk hidupkan Melayu yang mati kerana berpecah belah dan apakah kita lupa UMNO hari ini mati semula bila pemimpin berpecah?

Di antara manusia ada yang menyatakan : "Kami beriman kepada Allah dan hari kemudian, pada hal mereka itu sesungguhnya bukan orang yang beriman".

Al-Baqarah : 8

Oleh itu hendak salahkan rakyat macam mana jika mereka tak menghormati undang-undang Tuhan? Hendak salahkan siapa kalau anak muda hari ini **kurang ajar**? Bolehkah salahkan pegawai kerajaan jika mereka rasuah, merompak dan menyamun? Hendak salahkan alim ulama macam mana jika ramai di antara mereka turut menyembah **kebendaan** dan

pangkat? Kerana itu menjadi budaya raja dan budaya UMNO hari ini. Dalam sistem politik, kebendaan, politik menjadi satu bisnes. Bolehkah satu bangsa dan negara diselamatkan?

Selama ini kita tak pernah letakkan kesalahan pada pemimpin, pada raja yang jadi Ketua Agama dan Ketua Adat. Kenapa? Apakah sultan-sultan yang dilantik sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing tidak akan masuk neraka apabila mereka mati kelak? Adakah nas dalam Quran yang menyebut tentang *imuniti*, pasal manusia istimewa yang setiap orang mesti menyembah dan mendewa-dewakan mereka semata-mata kerana mereka bergelar Duli Yang Mulia Tuanku? Atau mereka sudah jadi Yang Amat Berhormat? Di mana kita letakkan Tuhan kita Yang Maha Besar?

Boleh dan patutkah kita semua tutup mata, tutup telinga, tutup mulut bila kita tahu yang pemimpin kita telah hilang **intergretinya**, hilang arah pandu, lupa tanggungjawab terhadap rakyat? Kalau pun Anwar bersalah kerana meliwat takkanlah kita lupakan semua kebaikan dan jasa-jasanya pada bangsa, agama dan parti selama 16 tahun. ***Janganlah kerana hujan sehari kita lupakan panas yang setahun.***

Macam mana kalau satu hari misalnya terbongkar cerita Anwar di pecat kerana tak mahu ikut saja perintah boss? Kes liwat ini satu sebab saja. Ahli-ahli UMNO kena fikir, yang pilih Anwar jadi Ahli Parlimen rakyat. Mahathir lantik dia jadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Sebagai orang yang tahu bahawa kuasa itu amanah, dia tak patut jadikan dirinya alat. Khazanah negara menjadi tanggungjawabnya. Kalau dia tak menurunkan tandatangan, Mahathir tak boleh paksa. Apakah kita mesti benci dia hari ini kemudian kita menyesal seperti kesalnya seorang manusia yang melihat darah di bawah buaian anaknya, darah pada

mulut kucing yang telah membunuh ular yang cuba mematuk anaknya yang tidur dalam buaian. *Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya.*

Berlebihan dalam apa juga, bukan kerja orang yang beriman, belajarlah bersederhana. Kalau hendak benci atau marah pada sesiapa pun, siapa tahu orang yang kamu benci hari ini bertukar jadi orang yang paling kamu sayangi dan mereka yang disayangi bertukar menjadi orang yang dibenci.

Dulu para ulama, mufti, Menteri Besar dan Dato'-Dato' di sekeliling sedikitpun tidak menegur raja dan menyatakan apa yang Tuanku-tuanku buat itu tak betul. Hari ini dua kali lima juga. Masa itu kuasa ada di tangan raja. Tapi hari ini kita hidup di zaman IT yang mana rakyat menentukan segala-galanya. Maka rakyat kena bercakap. Tapi kalau tak nak cakap juga sayalah yang kena bercakap. Kalau saya tak cakap seluruh negara akan tanggung dosa. Ini fardhu kifayah. Inilah susahnyanya bila rakyat dalam sesuatu negara itu meletakkan kebahagiaan mereka pada mata atau persepsi orang lain. Mereka tak berani melanggar norma-norma yang sudah menjadi kelaziman masyarakat. Mereka tak berani melanggar adat dan budaya. Mereka tunduk dan buat sahaja kepada kebiasaan. Seandainya Nabi Muhammad SAW tidak berani membawa reformasi, maka Arab Jahiliyah akan kekal hidup dalam kegelapan. Dan seandainya Saidina Hussein r.a., cucu Nabi SAW tidak berani menjadi korban Karbala demi menentang kekejaman Muawiyah, maka Islam sudah tentu mati di tangan Muawiyah dan keluarganya.

Adanya manusia-manusia Islam yang cintakan mati, yang sanggup menjadi tentera fisabilillah, manusia-manusia yang mahu menjadi wali Allah, maka Islam hidup dan subur. Islam mati bila manusia cintakan dunia dan takut mati seperti yang

berlaku pada hari ini. Ada pun Quran tidak ada orang yang mengikutnya.

Nabi Muhammad SAW membawa reformasi mengubah Arab jahiliah yang hidup dalam segala bentuk kemaksiatan dengan menerangkan bahawa Tuhan tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan tunduk, serta taat pada perintah Allah saja, bukan manusia.

Pak Habib rasa kalau perkara semacam ini jika dibisikkan oleh ulama ke telinga raja-raja, Bapak Presiden, Bapak Perdana Menteri dan bapak-bapak serta *kepala bapak* tentu ada di antara mereka yang akan sedar dan insaf. Tapi tak ada siapa yang berani menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Semua hendak mengampu. Semua mahu jadi burung kakak tua, boss buat apa saja perkara yang boleh merosakkan bangsa dan negara, berlebihan boros, berlebihan dalam menganiayai dan menzalimi orang pun kakak tua kata **cantik, cantik boss**.

Saidina Ali bin Abi Talib pernah berkata sebagaimana yang tercatat dalam Nahjul Balagha:

"Barang siapa mengangkat dirinya sebagai pemimpin, hendaklah ia mulai mengajari dirinya sebelum mengajari orang lain. Dan hendaklah ia mendidik dirinya sendiri dengan cara memperbaiki tingkahlakunya sebelum mendidik orang lain dengan ucapan lidahnya. Orang yang menjadi pendidik bagi dirinya sendiri lebih patut dihormati daripada yang mengajar orang lain."

Mengapa timbulnya gejala sosial dan penyakit masyarakat seperti di zaman Jahiliah sedangkan Tuhan sudah

menurunkan Muhammad SAW dan Al-Quran sebagai penyelesaian kepada semua masalah. Jawapannya bukan saja para pemimpinnya ego, tak mahu mengaku bersalah bila melakukan kesalahan tapi para pengampu tak ada seorang pun yang bangun dan beritahu boss. Ingat-ingat sikit, di Jepun membuang Perdana Menteri ini macam buang **oilfilter** setiap kali kita servis kereta. Yang penting kereta, **oilfilter** boleh ditukar macam kita menukar plug. Di sini pelik sikit, kita lebih sayang **oilfilter** dari kereta, kerana kereta kita buat sendiri dan kereta pun sudah berlebih-lebihan, ada Kancil, ada Rusa dan ada Kembara.

Sudah jelas pemimpin menunjukkan yang mereka tak mempunyai *conscience*. Pemimpin telah melanggar *precedent* yang ditetapkan sendiri, tak mengikut *modus oprendi*. Pemimpin membuat kerja membazir, memperlaku dan mengaibkan pemimpin nombor dua negara lebih hina dari binatang haram. Binatang haram pun kita tak buat begitu. **Lot 30**, kata *unanimous*. **Cantik**. Sokong sebulat suara. Apa halnya ni?

Tuhan melarang kita memukul lembu atau kuda kita di khalayak ramai kerana binatang pun ada perasaan, Maha Suci Tuhan yang telah menjadikan anjing dan babi. Tuhan tidak izinkan kita menghina binatang yang diciptanya. Yang orang-orang UMNO kerana semata-mata nak hidup mengiyakan sahaja fitnah yang ditabur padahal Anwar belum lagi dibawa ke mahkamah, belum lagi dibicara, pasalnya apa? Ada yang berkata mereka dengar adanya tape yang mengatakan dalam tape tersebut Anwar meliwat Dr. Munawir dari belakang seperti anjing. Yang tak tengok tape itu pun mengaku percaya. Kerana apa? Kerana Presiden yang cakap. Surat khabar cakap, mahkamah sudah jatuhkan hukuman maka cerita ini mesti betul. Mahkamah mana boleh salah menghukum. Siapa yang

mempersoalkan mahkamah tanda menghina mahkamah dan boleh di hukum penjara macam Lim Guan Eng. Maka apa peluang untuk Anwar hendak terlepas dari tuduhan **liwat**, yang mengaku sudah kena hukum, tunggu menghukum yang meliwat saja.

Dan mereka sanggup bertegang leher mempertahankan sesuatu yang mereka tidak melihat dengan mata kepala. Perkara yang mereka tidak tahu cuma **hearsay** saja. IMAN LETAK DI MANA? Apakah tindak tanduk demikian tidak terkeluar daripada akidah? Bagaimana pula dengan menteri-menteri yang sudah sah membuat kemungkaran dan yang semua orang sudah tahu? Kenapa tidak mempersoalkan **moral** mereka ini? Apakah kita telah berlaku adil terhadap diri kita sendiri? Lupakah kita bahawa Tuhan itu Maha Mengetahui.

Astaghfirullah hu azim. Mengucaplah. Nak jawab apa dengan Allah SWT di dalam kubur nanti? Dekat dunia ini lepaslah, selagi Mahathir masih jadi Perdana Menteri.

Kuasa yang ada dalam tangan boleh menukar pemikiran rakyat, boleh menukar budaya rakyat. Apakah kita mahu setiap rakyat Malaysia berkelakuan seperti Mahathir? Kalau kita tak suka siapa saja kita buang dia seperti kata **habis madu sepah dibuang**.

Dalam bukunya *Stages Of Islamic Revolution*, Dr. Kalim Siddiq menulis;

Penyelewengan dalam Islam terbahagi pada dua bahagian. Yang pertama adalah bagi mereka yang tidak menerima Islam, memilih untuk menentang Islam dan membina untuk diri mereka tamadun dan budaya, kufur dan jahiliyyah. Pada hari ini tamadun dan budaya,

kufur dan jahiliyyah ini dimiliki oleh Barat. Tamadun ini berbentuk global dan ianya termasuk tamadun dan budaya Cina, Jepun, India sebagai contoh. Ia juga termasuk serpihan tradisi agama sebagai contoh, era 'Post Renaissance Christianity', Zionis-Judaism dan militant Hinduism, yang mana menolak dengan keras agama Islam. Akhir sekali tamadun Barat ini juga termasuk orang Islam yang telah terpengaruh, dipengaruhi dengan kehebatan kolonial dan menerima sekularisme sebagai landasan hidup. Penyelewengan yang kedua pula adalah di dalam Islam sendiri. Penyelewengan ini diketuai oleh para ulama dari semua mazhab di dalam Islam, mereka dengan hujah-hujah yang tiada siapa tahu telah menerima dan menerima pakai sistem politik, sosial, kebudayaan dan lain-lain. Sistem yang bertentangan dan tidak menepati kehendak Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Kerosakan sistem masyarakat boleh menjejaskan individu keseluruhannya manakala tanggungjawab dalam Islam bukan sahaja dilihat pada sudut nama baik seseorang di dunia tetapi juga penentu status kehidupan insan di akhirat, sama ada di syurga atau neraka.

Hanya orang yang bijaksana, orang yang gagah saja sanggup menerima dan mengakui kesilapan dan kelemahan diri. Mengambil Daim sebagai Menteri dengan tugas-tugas khas, menukarkan Johan Jaafar, Nazri Abdullah dan lain-lain pemimpin akhbar dan media massa serta memberhentikan Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara tidak boleh menutup mulut orang ramai dari berkata-kata semata-mata kerana **Lot 30** dan semua pemimpin mengatakan '**cantik**', maka apa yang Mahathir buat itu mesti **cantik**? Tolonglah...! Sabar ajelah.

Tahukah para pemimpin bahawa orang Melayu, tak berani berkata di depan, mereka tahu bahayanya, maka mereka senyap di depan dan lahirlah '*the silent majority*'. Mahukah kita semua disebabkan *marahkan nyamuk kelambu di bakar*? Apakah orang UMNO semua sekali setuju rakyat menolak UMNO kerana marahkan Mahathir? Apakah Mahathir itu satu institusi? Pemimpin datang dan pemimpin pergi dan itulah lumrah. Tak cukupkah 17 tahun yang diberi?

Manusia tidak akan dapat *menegakkan benang yang telah basah*. Kalau janji sudah hendak roboh, nak runtuh, siapa pun tak dapat selamatkan kita. Kita tak boleh menipu diri sendiri, apa lagi menipu orang lain. Kesabaran manusia ada batasnya. Mahathir sudah menolak Anwar sampai ke dinding, kalau pun hendak kaitkan Anwar sebagai seorang homösex, pilihlah seorang **bapok** atau **mak nyah** yang cun, bukanlah macam orang tua seperti Dr. Munawir, *kalau lu, lu selera ke*? Bukan kata dia tak handsome, dan bukan juga hendak nilai dia sebagai seorang bapok, seorang lelaki yang sanggup membiarkan lelaki lain boleh meliwatnya sebanyak 15 kali sesudah 5 tahun baru mahu mengaku di mahkamah. Cerita apa ni? Kalau kita accident pun dan kalau tak buat report dalam masa 24 jam, satu kesalahan.

Kes Dr. Munawir ini macam kes anak gadis bawah umur yang ada hubungan dengan Rahim Tamby Chik. Sesudah itu ramai yang mengaku merogol budak bawah umur. Budak itu lahirkan anak merengkok dalam penjara. Rahim lepas, bersih, tak ada kes sesudah bercuti kembali memegang jawatan.

Sebelum Perhimpunan Agung UMNO, masyarakat Malaysia terutama umat Islam telah dikejutkan dengan berita bahawa pesta seks anak-anak muda berlaku di Alor Setar, Kedah. Kemudian kita dikejutkan oleh *penangkapan 50 ratu cantik pondan pada 18 Mei 1998*.

Orang ramai telah menyalahkan remaja Kedah. Kata mereka, sepatutnya mereka yang terlibat, menjaga nama baik Perdana Menteri yang berasal dari Kedah dan juga Menteri Besar Kedah. Negeri Kedah adalah antara negeri di Malaysia yang masih kental pengaruh Islamnya dengan mengekalkan cuti minggunya pada Jumaat. Kedah negeri yang berbeza dengan Kuala Lumpur atau Singapura atau Jakarta. Di mana silangnya? Anak kampung yang aman dan damai dengan sawah padi, kerbau di bendang dan daun nyior melambai boleh terjebak dengan gejala sedemikian.

Tapi bila Dr. Munawir dan adik angkat Anwar mengaku dan dihukum, jadi bukanlah **mak nyah** dan **pondan** saja yang jadi kaum Nabi Luth tapi seorang Timbalan Perdana Menteri yang diiktiraf oleh dunia sebagai pembawa reformasi juga disahkan oleh mahkamah di bahu pentadbiran Mahathir, juga seorang homoseks. Maka lepas ini cerita homoseks ini akan ditutup dan kaum Luth akan hidup berleluasa di negara kita dan siapa pun tak peduli lagi, seperti kata Sanusi Junid, orang Melayu ini bermusim.

Tolonglah... kata seorang mak nyah, kalau hendak tangkap kes liwat, di kawasan Bukit Bintang, Chow Kit, belakang Kowloon dan banyak lagi. Hendak tahu lebih lanjut ada seorang penulis yang jadikan **kendaknya** bekerja sebagai GRO di karoake kelab Jepun boleh cerita pasal mak nyah dan pondan kerana dia hidup makan hasil stor kunyit.

Kasih Anwar yang dibawa masuk ke dalam UMNO dengan permaidani merah, di bawa naik dari seorang Ketua Pemuda UMNO hingga ke peringkat Timbalan Presiden, Timbalan Perdana Menteri kemudian di terajang keluar dari tingkat 38 ibupejabat UMNO dengan keadaan yang

bertelanjang bulat, apakah harapan Anwar untuk hidup kembali sama ada dalam politik atau hidup sebagai manusia biasa sesudah di tahan di bawah ISA? Kita sudah lihat apa yang terjadi pada Ustaz Ashaari bila keluar dari tahanan. Maka apa salahnya ramai yang berangan hendak jadi Perdana Menteri ikut teori **R.A.H.M.A.N.** Teori RAHMAN bukan ciptaan Pak Habib, takkanlah empat sudah betul maka yang dua lagi mesti betul juga... tapi... tak tahu lah... Siapa yang nak perasan tu, lantak pi.. lah...

"Jangan kita salahkan api yang membakar kayu, sebaliknya kaji secara terperinci apa yang menyebabkan kayu itu menjadi begitu kering dan mudah terbakar".

Kita ucapkan syabas kepada Perdana Menteri kerana berani mengambil tindakan yang tegas terhadap orang yang berpengaruh seperti Anwar. Kita harap keberanian ini diteruskan. Tangkap dan dedahkan semua yang lainnya termasuk dirinya sendiri. Kalau tidak cukup bahan, minta dengan Ketua Polis Negara, Ketua Pendakwa Raya, minta dengan para Hakim yang banyak menyimpan file rahsia lama dan baru. Anwar tentu tak keberatan untuk memberi kerjasama, dia tentu tahu banyak rahsia, sama ada rahsia kerajaan atau rahsia parti. Rahsia Dr. Mahathir pun dia tahu termasuk anak-anak Dr. Mahathir dan kronies mereka.

Kadang kala anak muda mencuri kerana pada mereka kalau mencuri pun tidak sebanyak orang tua yang terbabit dengan rasuah puluhan, malah jutaan ringgit. Bila hukuman dilakukan dengan tidak adil, bila pemimpin berat sebelah, cakap tak serupa bikin dan berlaku *double standard* maka rosak binasalah masyarakat kita.

Persoalan yang perlu ditangani masa kini ialah untuk


memperbetulkan para pemimpin terlebih dahulu, kemudian kita betulkan orang dewasa di dalam masyarakat supaya mengamalkan budaya hidup orang Melayu Islam yang berpegang teguh kepada budaya Melayu dan bertakwa kepada Allah SWT. Sepatutnya para ulama memainkan peranan yang proaktif. Bukankah Al-Quran itu penuh dengan contoh tauladan untuk di ikuti, bukan sekadar bacaan sahaja? Apakah kisah Nabi Musa a.s. dan Firaun yang dipaparkan di dalam Al-Quran itu hanya sebagai penglibur lara?

Kita harus ingat, hari ini dengan segala macam pembangunan yang dibawa oleh Mahathir termasuk pengwujudan institusi-institusi Islam, Malaysia telah menjadi tempat rujukan negara-negara Islam yang lain. Tapi soalnya bolehkah kita laksanakan peranan ini sedangkan kita ibarat pepatah Melayu, "*pepat di luar, rencung di dalam*", "*telunjuk lurus kelinking berkait*".

Namun, biar bagaimanapun, kalaulah Mahathir masih sanggup, masih mampu dan masih larat untuk menyusun semula struktur masyarakat Islam Malaysia, menurut perspektif yang sebenarnya dan mengadakan **reformasi Islam** seperti yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, maka marilah kita sama-sama menyokongnya. Tapi kalau sudah merasakan kapal Mahathir dah sarat, cepat-cepatlah cari pelampung dan tinggalkan kapal. Kalaupun Pak Habib sendiri yang meninggalkan kapal ini, Pak Habib tidak keseorangan untuk menentang badai dan ombak, malah ramai lagi yang akan bersama-sama Pak Habib. Bukankah Allah itu bersama-sama mereka yang benar serta mereka yang menegakkan kebenaran? Insyaa-Allah.

C A N T I K....

S.H. ALATTAS



ISBN 983-9438-05-0



9 789838 438055

AL

The Writer